KOLEKSI TUN ABDUL RAZAK

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA 1975

SABTU 4 JANUARI 1975

90% KEPERLUAN LATIHAN PEMANDU KAPALTERBANG

Kita tidak bergantung lagi kepada negara2 asing—Tun

MALAYSIA sekarang dapat menampung lebih kurang 90 peratus keperluan latihan pemandu-pemandu kapalterbang tentera udaranya melalui dua buah sekolah latihan penerbangan di negara ini.

KUALA LUMPUR 3 JAN.

Tun Razak berkata, dengan sekolah latihan penerbangan di Alor Setar dan sekolah latihan penerbangan helikopter di Pengkalan TUDM di sini, TUDM tidak lagi bergantung kepada negara-negara asing untuk mengeluarkan pemandu-pemandu kapalterbangnya.

Beliau telah berucap merasmikan sekolah latihan penerbangan helikopter di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, penubuhan sekolah penerbangan helikopter ini bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan besar negara tetapi membolehkan TUDM berdiri di atas kaki sendiri.

Projek

Tun Razak menarik perhatian tentang beberapa projek untuk menguat dan melengkapkan angkatan udara di negara ini.

Ini termasuk pembelian beberapa jenis pesawat yang telahpun ditandatangani perjanjiannya dalam masa setahun dua ini.

dan empat buah jen's Aloutte berharga $3.3 juta telah dibeli.

Lain-lain kapalterbang yang akan dipunyai oleh TUDM ialah jet pejuang F5E dan F5B yang akan diterima awal Mac depan, enam buah Hercules C1 30 yang dijangka diterima awal tahun depan dan dua buah kapalterbang pengangkut jenis F28 yang dijangka tiba pada bulan April tahun depan.

Sekolah latihan penerbangan helikopter yang dirasmikan hari ini akan dapat melatih 24 orang pemandu helikopter tiap-tiap tahun.

Selain dari menjalankan latihan penerbangan asas, se-

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 1)

DARI MUKA 1


kolah ini akan juga menjalankan kursus-kursus penerbangan lanjutan.

Kata Tun Razak, penubuhan sekolah tersebut adalah merupakan satu dari langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi keperluan kekuatan angkatan udara yang bukan sahaja memberi sokongan dan bantuan kepada tentera darat dan laut tetapi meliputi banyak bidang demi menjamin keamanan, ketenteraman dan kebahagian rakyat.

Beliau juga menarik perhatian tentang ketibaan tahun 75 yang disifatkan sebagai tahun cabaran yang berkehendakkan kerjasama semua lapisan masyarakat untuk mengatasi masaalah ekonomi negara.

Sokongan dari angkatan tentera adalah perlu dalam usaha kerajaan mengatasi masaalah ini, tegasnya.

PTR. KA : 90 90/78



TUN TEPUNG TAWAR ALOUTTE

TUN RAZAK sedang menepung tawar helikopter Aloutte yang digunakan untuk melatih bakal-bakal juruterbang helikopter TUDM di Sekolah Latihan Penerbangan Helikopter yang dirasmikan semalam. (Lagi gambar di muka 2).

NO. SIRI : 90
NO. PEN : 90/78

Utusan Malaysia 15 Januari 1975.

PTR. KA : 91 91/78.



KUAN YEW MULAKAN LAWATAN TAK RASMI DI SINI

KUALA LUMPUR 14 Jan. — Perdana Menteri Singapura Tuan Lee Kuan Yew tiba di sini petang ini untuk memulakan lawatan tidak rasmi selama tiga hari ke negara ini.

Beliau telah diiringi oleh isterinya dan Menteri Luar Tuan S. Rajaratnam.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Toh Puan Rahah berada di Lapanganterbang Antarabangsa Subang untuk menyambut ketibaan Tuan Lee dan rombongannya.

Turut berada di lapanganterbang ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dan isteri, Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas Bagi Hal Ehwal

Undangan

Luar Tengku Ahmad Rithauddeen dan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon.

Lawatan Tuan Lee ke negara ini adalah atas undangan Perdana Menteri Tun Abdul Razak.

Tuan Lee kemudiannya telah dibawa ke Istana Tetamu di mana beliau akan menginap semasa berada di negara ini.

Petang ini Tuan Lee bersama-sama Tun Razak bermain golf di Padang Golf Diraja Selangor.

Semasa berada di sini, Tuan Lee dan Tun Razak akan bertukar-tukar pendapat secara tidak rasmi mengenai kepentingan bersama.

Esok mereka akan bermain golf lagi di Kelab Golf Subang.


Gambar menunjukkan Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Toh Puan Rahah sedang menyambut Perdana Menteri Singapura Tuan Lee Kuan Yew dan isterinya, Puan Lee setibanya di Lapanganterbang Antarabangsa Subang untuk memulakan lawatan tidak rasmi selama tiga hari ke negara ini.

78

Utusan Malaysia 16 Januari 1975.

PTR. KA: 92 92/78.

Razak-Kuan Yew berunding lagi



KUALA LUMPUR 15 Jan. — Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew hari ini mengadakan lagi perbincangan dengan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di Sri Taman.

Tuan Lee tiba di sini kelmarin untuk lawatan tidak rasmi selama tiga hari dengan diiringi oleh Puan Lee dan Menteri Luar Singapura, Tuan S. Rajaratnam.

Lawat

Kedua pemimpin itu telah mengadakan perbincangan tidak rasmi ketika bermain golf di Padang Golf Diraja Selangor tidak lama selepas Tuan Lee tiba di sini kelmarin.

Adalah difahamkan mereka telah membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama.

Pagi esok Tuan Lee akan melawat kawasan perindustrian di Shah Alam dan Pelabuhan Kelang.

Beliau dijadualkan menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn di satu majlis jamuan makan tengahari di Lake Club.

Tuan Lee akan mengadakan satu sidang akhbar di Istana Tetamu petang esok sebelum berlepas pulang.

*** Gambar menunjukkan Tun Razak semasa meneruskan perbincangan dengan Tuan Lee semalam.**

NO. SIRI : 92
NO. PEN : 92/78

Mingguan Malaysia 19 Januari 1975.

PTR. KA 93 93/78 :

MINYAK: RAZAK KE ARAB HARI INI

KUALA LUMPUR 18 Jan. — Malaysia mungkin mengadakan kerjasama dengan negara-negara Teluk Arab dan Arab Saudi dalam perusahaan petrolium.

Untuk itu, Tun Abdul Razak akan mengambil peluang meninjau perusahaan tersebut dalam rangka lawatan rasmi dua minggunya ke negara-negara itu mulai esok.

Oleh ROSEMINAH AHMAD

Dalam satu sidang akhbar di sini hari ini, Perdana Menteri menyatakan tujuan lawatannya ke negara-negara tersebut ialah untuk mengeratkan lagi hubungan Malaysia dengan negara-negara itu "dalam semua bidang termasuk ekonomi dan kebudayaan.

Tun Razak yang akan diiringi oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Haji Abdul Rahman Yaakob dan Pengerusi PETRONAS, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah akan melawat Arab Saudi, Bahrain, Qatar, Arab Emiret Bersatu dan Oman.

Kata Tun, negara-negara Teluk Arab dan Arab Saudi memang sudah terkenal dengan perusahaan minyaknya dan mendapat banyak pendapatan darinya.

Malaysia yang baru hendak memulakan perusahaan ini tentu memerlukan bantuan dan banyak perkara yang mesti dipelajari, tambah beliau.



TUN RAZAK
..... gambar semalam

Dalam lawatan tersebut, Perdana Menteri akan juga berunding dengan pemimpin negara-negara berkenaan cara-cara membaiki hubungan perdagangan dan ekonomi.

Kerjasama di bidang budaya, ekonomi juga akan dibincang

Beliau berharap untuk menandatangani perjanjian-perjanjian ekonomi dan kebudayaan dengan Kuwait dan lain-lain negara yang akan dilawatinya itu.

Kata Tun, beliau akan mempelawa menteri-menteri dan pengusaha- pengusaha dari negara-negara Arab itu untuk melawat negara ini dan mempelawa mereka untuk menanam modal.

Tun memberitahu, beliau akan memberi penerangan mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia untuk menarik minat mereka menanam modal di negara ini.

LIHAT MUKA 16

Tun: Kita

DARI MUKA 1

Perdana Menteri menambah, "Kita mahu mereka menanam modal di sini kerana Malaysia mempunyai projek-projek besar di dalam Rancangan Kedua dan diikuti dengan Rancangan Ketiga nanti."

Beliau menyebut beberapa projek besar seperti Rancangan Tanah Johor Tenggara, Pahang

BT.

1 1.30 ptg KE

1 -4-1- a **Prapat** (4ch
2 0-012 a **Outrageous**
3 69-25 g **Energy** (4br
4 600-0 s **Balance** (5ba
5 -8--5 a **Prelude** (4g
6 --0 a **Delta** (4bnzg
7 0-5-7 g **C Carlo** (8b
8 50534 a **Avante Gard**
9 00--0 a **One 'N' Only**
10 40109 s **Vanitas II** (5
11 351-6 s **Atomic Powe**

NO. SIRI : 93
NO. PEN : 93/78

PTR.LA: 94 94/178

Tun akan tanda-tangani perjanjian kebudayaan, sains di Oman

KUWAIT 22 Jan. — Tun Abdul Razak berlepas ke Oman lewat hari ini selepas lawatan rasmi empat hari ke Kuwait.

Beliau akan berunding dengan Sultan dan Perdana Menteri Oman, Qabus bin Said di Muskat.

Ini akan diikuti dengan upacara menandatangani perjanjian kerjasama kebudayaan dan sains.

Semalam Tun Abdul Razak telah menandatangani dua perjanjian — Perjanjian Ekonomi dan Teknik dan Perjanjian Kebudayaan dan Saintifik — dengan Menteri Luar Kuwait, Sheikh Sabah Al Ahmad Al Sabah.

Kedua-dua pemimpin itu berkata, kedua-dua perjanjian tersebut akan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara Kuwait dengan Malaysia.

Upacara itu berlangsung di Istana Tetamu Salam petang kelmarin disaksikan oleh pegawai-pegawai Malaysia, dan Kuwait.

Tun Razak berkata, perjanjian itu merupakan langkah yang jelas ke arah mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama antara kerajaan dan rakyat kedua-dua buah negara.

Perjanjian-perjanjian ini akan membolehkan kerajaan dan rakyat kedua-dua negara melaksanakan berbagai bidang kerjasama untuk faedah bersama.

Beliau berharap kedua-dua buah negara juga akan bekerjasama demi kepentingan masyarakat Islam seluruh dunia.

Perdana Menteri ingin pemimpin - pemimpin Kuwait melawat Malaysia.

Sheikh Sabah pula mensifatkan perjanjian itu sebagai merapatkan lagi hubungan kerjasama rapat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara. Baginda yakin kerjasama itu akan ditingkatkan lagi di masa depan.

Malam tadi, Tun Razak telah diraikan dalam satu majlis jamuan oleh Sheikh Sabah.



● GAMBAR UPI menunjukkan, Menteri Luar Kuwait, Sheikh Sabah Al Ahmad Al Jaber As Sabah dan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak sedang menandatangani satu perjanjian mengenai kerjasama ekonomi dan teknik dan perjanjian kebudayaan kelmarin.

NO. SIRI : 94
NO. PEN : 94/78

Utusan Malaysia 1 Februari 1975.

PTR. KL: 95 95/78



NO. SIRI : 95
NO. PEN : 95/78

TUN BERBUAL MESRA

RAJA Arab Saudi, Al-Malik Faisal (kanan) dan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak sedang berbual-bual mesra dalam pertemuannya di Istana Diraja Riyad pada hari Selasa lalu.

Perdana Menteri Tun Razak dalam siri lawatanya ke Negara-Negara Arab telah melakukan Umrah di Mekah. Tun Razak akan pulang ke tanahair hari Ahad ini.

Utusan Malaysia 11 Februari 1975.

PTR. KL : 96 96/78.

Razak yakin 'Tahun Arnab' ke ambang masa depan cemerlang

KUALA LUMPUR, 10 Feb. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak yakin Tahun Arnab akan benar-benar membawa Malaysia dan rakyatnya ke ambang masa depan yang lebih cemerlang.

Tun Razak berkata, mengikut kepercayaan orang-orang China, Tahun Arnab ini akan merupakan kemewahan dengan bertambahnya pengeluaran dan hasil-hasil.

"Saya penuh yakin dengan perlaksanaan Rancangan Buku Hijau dan Gerakan Bumijaya yang saya lancarkan pada 20 Disember lalu, Tahun Arnab ini akan benar-benar membawa kita ke ambang masa depan yang lebih cemerlang," ujar Tun.

Perdana Menteri berkata dalam perutusannya kepada rakyat di seluruh negara sempena dengan perayaan Tahun Baru China esok.

Sambil mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada masyarakat China, Tun Razak berkata: "Saya percaya rakyat Malaysia dari semua golongan akan turut sama merayakan bersama saudara kita dari keturunan China dan mengalu-alukan Tahun Arnab ini."

Perdana Menteri menyeru seluruh rakyat supaya mengambil sempena Tahun Baru ini meneruskan usaha mengekal dan mempereratkan lagi perpaduan di samping berusaha membanyakkan pengeluaran pertanian dan mengadakan lebih banyak peluang pekerja yang menjadi faktor penting bagi menentukan kebahagiaan hidup di masa depan.

"Marilah kita sempena perayaan Tahun Baru China ini mengambil tekad dan membuat keazaman baru untuk mengeratkan lagi persefahaman antara kaum di negara ini supaya Malaysia akan terus kekal dalam aman, bahagia dan makmur selamanya", ujar Tun.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia keturunan China, sempena merayakan Tahun Baru esok.

NO. SIRI : 96
NO. PEN : 96/78

KHAMIS 13 FEBRUARI 1975

PTR.KA : 97 97/78.

Tun nak temui DO, penghulu di Kedah

ALOR SETAR 12 FEB.

TUN Abdul Razak akan menemui pegawai - pegawai daerah dan penghulu-penghulu dari semua daerah di negeri ini termasuk Baling dalam rangka lawatannya selama dua hari ke Kedah mulai Sabtu ini.

Pertemuan tersebut bertujuan untuk mengadakan dialog dan perbincangan terbuka "dari hati ke hati" bagi mengetahui dengan lebih dekat lagi segala masaalah yang dihadapi oleh rakyat

Daerah-daerah itu termasuk Baling, Yan, Sik, Kuala Muda, Kota Setar, Kubang Pasu, Langkawi, Padang Terap dan Pendang.

Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri, Encik Ghazali Ahmad berkata, lawatan Perdana Menteri selama dua hari itu bertujuan untuk meninjau sendiri kemajuan berbagai rancangan pembangunan dan perindustrian di negeri ini.

Terlibat

Tun Razak juga akan berbincang mengenai perlaksanaan Rancangan Buku Hijau dengan pegawai-pegawai daerah, penghulu dan ketua-ketua jabatan yang terlibat dengan gerakan pembangunan.

Beliau dijangka tiba di Lapanganterbang Kepala Batas dekat sini pukul 9.30 pagi Sabtu dengan disambut oleh Menteri Besar, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabuddin, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dan para pemimpin serta penyokong Barisan Nasional.

Pagi itu Tun Razak akan diberi taklimat mengenai rancangan-rancangan pembangunan dalam Gerakan Buku Hijau oleh ketua-ketua jabatan di Wisma Negeri.

Pada sebelah petang, Tun Razak akan melawat kawasan perindustrian Mergong dan kemudian menemui pegawai-pegawai daerah dan penghulu-penghulu dari Daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Langkawi, Padang Terap dan Pendang di Wiswa Negeri.

Baling

Pagi Ahad, Perdana Menteri akan menemui pegawai-pegawai daerah dan penghulu - penghulu dari Daerah Baling, Yan, Sik dan Kuala Muda di Sekolah Menengah Khir Johari, Sungai Petani.

Di sebelah petangnya, Tun Razak akan menemui pegawai-pegawai daerah dan penghulu - penghulu Daerah Kulim dan Bandar Bharu, di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Kulim.

Beliau akan balik ke Kuala Lumpur petang itu juga.

NO. SIRI : 97
NO. PEN : 97/78

Utusan Malaysia 17 Februari 1975.

PTR. KA: 98 98/78.

DO dan penghulu perlu tahu tugas masing2 — Razak

SUNGAI PETANI 16 FEB.

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak hari ini menegaskan bahawa ketua-ketua jabatan termasuk pegawai-pegawai daerah dan penghulu-penghulu hendaklah menguasai tanggungjawab masing-masing terutama mengenai Rancangan Buku Hijau.

Katanya , mereka perlulah mengetahui tentang keutamaan kerja masing-masing dan melaksanakannya mengikut jadual.

Tun Razak menambah, ini akan dapat menyegerakan tugas mereka dalam melaksanakan projek-projek pembangunan tanpa membuang masa lagi.

Tun Razak berkata demikian dalam perjumpaan dengan pegawai-pegawai daerah penghulu-penghulu dan ahli-ahli jawatankuasa kemajuan kampung dari daerah-daerah dalam kawasan Kedah Tengah, di Sekolah Menengah Khir Johari di sini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabuddin dan Timbalan Menteri Kesihatan, Haji Abu Bakar Umar.

Tun Razak berkata masanya telah tiba bagi pegawai-pegawai daerah dan penghulu - penghulu untuk mengubah sikap dan mensesuakan diri dengan semangat untuk bekerja.

Masaalah

Katanya, pegawai-pegawai daerah hendaklah mengemaskan pentadbiran di pejabat masing-masing supaya segala rancangan pembangunan

NO. SIRI : 98
NO. PEN : 98/78

Utusan Malaysia 25 Februari 1975.

PTR.KA: 99 99/78

Jika kerajaan2 negeri punya projek tertentu

PUSAT SEDIA BANTU -RAZAK

KOTA BHARU 24 Feb. — Kerajaan Pusat sedia memberi bantuan kepada kerajaan-kerajaan negeri jika mereka memerlukannya dengan syarat rancangan-rancangan tertentu mestilah disediakan, Tun Razak memberi jaminan hari ini.

Oleh AZEEM ARAS

Perdana Menteri menambah, Kerajaan Pusat punya wang dan bersedia untuk membantu Kerajaan Negeri sekiranya mereka mempunyai rancangan tertentu.

"Kita mahu Kerajaan Negeri supaya melaksanakan berbagai projek untuk faedah rakyat kerana rakyat tidak sabar lagi menunggu pelaksanaannya," tambahnya.

Tun Razak yang melakukan lawatan dua hari ke Kelantan menyatakan ini ketika menyampaikan amanatnya setelah diberi taklimat mengenai pembangunan negeri di bilik gerakan negeri.

Beliau mahu segala projek yang direncanakan terlaksana seberapa segera.

Tegasnya, ketua-ketua jabatan yang menghadapi masaalah pelaksanaan projek-projek hendaklah mengadakan mesyuarat dengan Pegawai Kemajuan Negeri sekali dalam seminggu bagi mengatasi masaalah yang timbul.

Puas-hati

Tun Razak juga mahu direntikan projek-projek percubaan.

Beliau puashati tentang projek pembangunan yang dilaksanakan di Negeri Kelantan sehingga ini.

Tun Razak memberi jaminan akan membantu kerajaan negeri dalam melaksanakan projek-projek pembangunannya yang mendatangkan faedah kepada rakyat.

Dalam ucapannya itu Tun Razak juga menyarankan tentang matlamat gerakan rancangan Buku Hijau.

Menteri Besar Datuk Haji Muhamad Nasir memberitahu tentang kegagalan projek menanam tebu yang dirancangkan di Pasir Mas.

Menurut beliau, FELDA yang diberi tawaran untuk melak-

BARISAN KENAMAAN SAMBUT RAZAK

GAMBAR menunjukkan Tun Perdana Menteri sedang bersalaman dengan wakil-wakil rakyat, ketua-ketua jabatan dan orangramai yang menyambut ketibaannya di Lapangan terbang Pengkalan Chepa setibanya untuk melakukan lawatan dua hari ke Kelantan pagi ini dengan diiringi dan diperkenalkan oleh Menteri Besar yang mengetuai sambutan itu.



NO. SIRI : 99
NO. PEN : 99/78

Sambongan, 25.5.1975

Pelabuhan perikanan di Geting

DARI MUKA 1

Ketika mengadakan lawatan singkat di Kampung Perikanan di Geting yang sekarang sedang dimajukan oleh pihak Majuikan, Tun Razak berkata:

"Kerajaan akan membina sebuah pelabuhan kecil kompleks perikanan di Geting, dalam Jajahan Tumpat."

Menurut beliau, projek tersebut sekarang sedang dikaji dan dijangka akan dilaksanakan tidak lama lagi untuk kemudahan rakyat di situ terutamanya nelayan-nelayan.

Perdana Menteri memberitahu bahawa beliau telah mengarahan supaya Jajahan Tumpat diberi keutamaan dalam melaksanakan projek-projek kecil bagi faedah rakyat di situ.

Katanya, sebuah jawatankuasa khas "task force" telah dibentuk untuk mengkaji rancangan-rancangan yang sesuai bagi dijayakan dalam daerah tersebut.

Arahan juga telah diberi kepada jawatankuasa itu supaya menjalankan rancangan-rancangan yang benar-benar dapat memberi faedah serta kemudahan kepada rakyat.

Tun Razak kemudiannya mengumumkan sebanyak $150,000 telah diperuntukkan untuk membina dewan orang-ramai bagi Jajahan Tumpat.

Utusan Malaysia 26 Februari 1975.

PTR.KA:100 100/78





PERDANA Menteri Tun Abdul Razak telah mengadakan lawatan dua hari di Kelantan. Dalam lawatan tersebut telah menemui pemimpin parti dan pegawai-pegawai kerajaan.

Gambar di atas menunjukkan Tun sedang menyaksikan kawasan sekitar Kuala Tumpat di mana nelayan-nelayan keluar masuk untuk menangkap ikan.

* *

Gambar di sebelah menunjukkan Tun Razak sedang diberi penerangan oleh Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd. Nasir dalam majlis perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan kerajaan di Tumpat kelmarin.

Sama seperti yang dilaksana di Pahang, Johor Tenggara

Kelantan akan dibangun cara besar - besaran —Tun Razak

MACHANG 25 FEB.

KERAJAAN sedang merancang untuk melaksanakan rancangan pembangunan secara kompleks besar-besaran di Kelantan seperti Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah, Tun Razak mengumumkan hari ini.

Beliau menerangkan bahawa satu pasukan dari Bank Dunia sedang menyiasat kawasan Kelantan Utara meliputi jajahan-jajahan Pasir Mas dan Tanah Merah mengenai rancangan-rancangan kemajuan yang boleh dijalankan di situ.

Di samping itu, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah juga menjalankan satu perancangan bagi Negeri Kelantan.

Perdana Menteri telah berucap dalam perjumpaan dengan para pegawai kerajaan, wakil-wakil rakyat, penggawa-penggawa dan penghulu-penghulu dari Jajahan Tanah Merah, Ulu Kelantan, Pasir Putih, Bachok dan Machang di sini.

kandung dalam manifesto Barisan Nasional.

Tun Razak sukacita kerana di Kelantan berbagai telah diatur semenjak pilihanraya lalu terutama yang berasaskan pertanian.

Mengenai Rancangan Buku Hijau, Tun Razak berkata kawasan penanaman padi di negeri-negeri di pantai timur akan diperluaskan sekurang-kurangnya cukup untuk keperluan sendiri.


Sementara itu ketika berucap merasmikan bangunan persatuan peladang di Pangkal Gong dekat sini, Tun Razak mengarah ditubuhkan seberapa banyak "ladang contoh koperasi di kawasan-kawasan kemajuan peladang dalam usaha menjayakan matlamat jangka panjang ke arah pembentukan refomasi tanah".

Katanya ahli-ahli koperasi peladang akan diminta supaya membenarkan tanah-tanah mereka disatu-

NO. SIRI : 100
NO. PEN : 100/78

Utusan Malaysia 28 Februari 1975.

PTR.KA : .101 101/78.



PSM untuk Rene Frank

KUALA LUMPUR 27 Feb. — Perdana Menteri Tun Abdul Razak hari ini telah mengurniakan Pingat Panglima Setia Mahkota (PSM) kepada Presiden Persekutuan Hoki Antarabangsa Tuan Rene Frank dengan membawa gelaran Tan Sri.

Upacara pengurniaan itu telah dilangsung di Pejabat Perdana Menteri hari ini. Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa Hitam menjadi menteri pengiring dalam upacara itu.

Tuan Frank di sini untuk menyaksikan sendiri Kejohanan Hoki Piala Dunia Ke 3 yang dianjurkan oleh Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) bermula dari 1 hingga 15 Mac ini.

Kemudian Tun Razak, yang juga menjadi Presiden PHM menyematkan Pingat PSM kepada Tan Sri Rene Frank semalam.

NO. SIRI : L0L
NO. PEN : 101/78

Utusan Malaysia 28 Februari 1975.

PTR.KA:102 102/78.

PERUTUSAN DARI Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK PERDANA MENTERI MALAYSIA.

Setapak kejayaan cemerlang N. Sembilan



Tun Razak

SAYA merasa sangat gembira dengan perkembangan perindustrian yang pesat dicapai di Negeri Sembilan selama dua tahun yang lalu. Pembukaan rasmi Syarikat Gula Negeri Sembilan hari ini menandakan setapak lagi kejayaan gemilang dicapai oleh negeri ini dalam pelaburan perindustrian dengan penyertaan pemodal-pemodal asing.

Adalah jelas menjadi kenyataan bahawa ahli-ahli perindustrian swasta, sama ada di dalam atau di luar negeri, hanya akan melabur modal dalam lapangan yang baru selepas mereka mendapat jaminan keuntungan yang memuaskan. Sungguhpun begitu, mereka hanya akan menyertai projek-projek yang memberi peluang untuk mendapat keuntungan jangka panjang.

Malaysia sentiasa mengamalkan dasar pintu terbuka dan sentiasa menawarkan kemudahan-kemudahan untuk tanaman modal asing. Dalam pada itu kita berharap pemodal-pemodal asing dapat memahami harapan dan kehendak negara dan menolong kita mencapai tujuan tersebut. Dengan semangat ini diharap tidak akan timbul sebarang pertelingkahan yang boleh mengganggu kepentingan semua pihak.

Syarikat Gula Negeri Sembilan ialah hasil pelaburan yang berjaya di antara Kerajaan Negeri Sembilan dan sebuah pertubuhan kerjasama Malaysia dengan penyertaan Phalton Sugar Works, Bombay. Inilah satu lagi projek Negeri Sembilan—India yang kebanyakannya bertempat di Kawasan Perindustrian Senawang, dekat Seremban.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Phalton Sugar Works dan Syarikat Insuran Kerjasama Malaysia atas kejayaan mereka menubuhkan perusahaan ini, semuga mereka terus mencapai kejayaan.

NO. SIRI : 102
NO. PEN : 102/78

Mingguan Malaysia 2 Mac 1975.

PTR.KA: 103 103/78.



PERDANA Menteri Tun Abdul Razak kelihatan sedang mendayung sampan yang ditumpangi oleh isterinya, Toh Puan Rahah, ketika merasmikan pembukaan Tasek Perdana di Taman Bunga, Kuala Lumpur pagi semalam.

Tasek Perdana dirasmi dalam upacara gilang gemilang

KUALA LUMPUR 1 Mac — Pukulan rebana ubi oleh 20 orang ahli dari seksi kebudayaan Dewan Bandaraya telah menggamatkan suasana sebaik sahaja Tun Razak dengan rasminya menamakan Tasek Taman Bunga Kuala Lumpur sebagai "Tasek Perdana".

Di upacara gilang-gemilang itu Tun Razak dalam ucapannya menyeru pihak Dewan Bandaraya dapat merancangkan sekurang-kurangnya sebuah lagi taman bunga di kawasan ini dalam masa lima tahun akan datang.

"Semua kemudahan bagi orang-orang dewasa dan kanak-kanak mestilah diadakan, kerana saya sering mendengar rungutan dari rakan-rakan tentang tidak cukupnya tempat rekreasi bagi anak-anak terutama bertaraf tinggi," jelas beliau.

Tun Razak mencadangkan para hartawan dan dermawan supaya memulakan satu projek baru "Malaysia-in-Miniature" atau pun Disneyland secara sederhana.

Beliau juga mengesyorkan supaya Bandaraya atau mana-mana badan sukarela mengan jurkan pertandingan "Miniature boat race" cara remote control.

Bagaimana pun, jelasnya, kegiatan ini tidak akan dapat berjalan lancar jika tidak ada kerjasama dari orangramai penghuni Kuala Lumpur sendiri.

Beliau menggalakkan supaya kegiatan-kegiatan berupa pertunjukan kebudayaan dan sebagainya yang diadakan di Taman Bunga sekarang dapat diteruskan.

Pelancung

Mengenai para pelancung dari dalam dan luar negeri, beliau menganjurkan supaya diadakan penyelarasan dan kerjasama antara semua pihak terutama Majlis Bandaraya dengan Perbadanan Kemajuan Pelancungan.

Upacara pembukaan Tasek Perdana ini diadakan sempena perayaan Hari Wilayah Persekutuan, tasek ini satu ketika dulu dikenali sebagai Tasek Sydney.

Tun Razak telah menaiki sebuah perahu bresama Toh Puan Rahah dan diikuti oleh para tetamu lain.

Majlis tersebut telah diadakan pertandingan berlumba sampan antara kumpulan 5 orang yang diketuai oleh Tun Razak dengan kumpulan 5 orang yang diketuai oleh Datuk Bandar Tan Sri Yaakob Latif.

Kumpulan Tun Razak terdiri dari Dato' Sri Hanif Omar, Tan Sri Dr. Majid Ismail, Haji Maarof, Tengku Arif Bendahara Pahang dan Datuk Mahmod sementara kumpulan Datuk Bandar terdiri dari Encik Hisham Al-Bakri, Encik Rosli Buyong, Encik Lee Heo Ling, Datuk Yaakob Hitam dan Encik Zainal Mahmod.

Pertandingan lumba perahu itu bagaimana pun telah dimenangi oleh kumpulan yang diketuai oleh Datuk Bandar Tan Sri Yaakob Latiff.

Toh Puan Hajah Rahah isteri Perdana Menteri telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada mereka yang menyertai kedua-dua kumpulan tersebut.

NO. SIRI : 103
NO. PEN : 103/78

UTUSAN MALAYSIA

7hb.Mac.1975

PTR.KA : 104 104/78.

TUN KHALIFAH GAYUNG



MAHAGURU Seni Silat Gayung Dato' Meor Abdul Rahman bin Uda Mohd. Hashim sedang mengucup dahi Tun Razak selepas beliau ditabalkan menjadi Paduka Imam Khalifah dan Penasihat Agung Majlis Tertinggi Adat Istiadat Gayung Malaysia dan Serantau malam kelmarin.

Dengan pertabalan tersebut, Tun Razak juga dengan rasminya menjadi anggota Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia dan Serantau. Istiadat pertabalan itu diadakan di kediaman Perdana Menteri, Sri Taman.

Lagi berita dan gambar di muka 2.

NO. SIRI : 104
NO. PEN : 104/78

Utusan Malaysia 7 Mac 1975.

PTR. ISA : 105 105/78.

Razak Paduka Imam Khalifah Gung

ISTIADAT PERTABALAN BERLANGSUNG DI SRIMAN



KUALA LUMPUR 6 Mac — Tun Abdul Razak ma'am semalam telah ditabalkan menjadi Paduka Imam Khalifah dan Penasihat Agung Majlis Tertinggi Adat Istiadat Gayung Malaysia dan Serantau.

Dengan ini, Perdana Menteri dengan rasminya telah menjadi anggota Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia dan Serantau dan menjadi murid kepada mahaguru, Dato' Meor Abdul Rahman bin Uda Mohd. Hashim.

Istiadat pertabalan itu telah diadakan di kediaman Tun Razak, Sri Taman dengan disaksikan oleh kerabat-kerabat gayung dari Perak, Kedah dan Selangor.

Tun Razak kemudian mengakui dan berikrar bahawa anggota-anggota gayung adalah 'Saudara Segayung.'

Beliau juga diterima menjadi 'Anak Angkat' kepada Dato' Meor Abdul Rahman dan menjadi 'Abang Angkat' kepada Sultan Perak, Sultan Idris Shah yang menjadi penaung agung pertubuhan itu.

Menurut Dato' Meor, Tun diterima menjadi anak angkatnya dan abang angkat kepada Sultan Perak kerana berlaku beberapa pertanda baik semasa istiadat pertabalan itu dilakukan.

Katanya, Tun mempunyai beberapa pertanda baik yang dapat dilihat semasa istiadat itu dijalankan dan adalah satu perkara yang luar biasa dan sukar diperolehi oleh orang lain.

Hadir sama di istiadat itu ialah Imam Khalifah Gayung Selangor, Dato' Harun Idris, Imam Khalifah Gayung Perak, Dato' Sri Haji Kamaruddin Mat Isa, Tan Sri Hamdan

ku sekolah supaya mereka mempunyai ak
moral yang tinggi.

LIHAT MUKA 12 (Ruanga

Razak: Ia adalah institusi 'suci' yang tidak boleh dipermudahkan

UNDANG2 NIKAH, CERAI DISEMAK

Oleh ROSEMINAH AHMAD

KUALA LUMPUR 7 Mac — Tun Razak berkata soal nikah-cerai adalah merupakan institusi 'suci dan mulia' yang tidak boleh dipermain-main dan dipermudahkan.

Beliau mengumumkan kerajaan sedang mengambil langkah untuk menyemak undang-undang nikah-cerai bagi mengurangkan perceraian di kalangan umat Islam.

Berucap merasmikan Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Wanita Islam Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka pagi ini, Perdana Menteri menyebut usaha yang diperjuangkan oleh kaum wanita untuk mengurangkan perceraian di kalangan umat Islam.

"Soal nikah-kahwin hendaklah disifatkan sebagai satu institusi yang 'sacred dan solemn' yang tidak boleh dipemain-main dan dipermudahkan," tegasnya.

Lebih 400 orang perwakilan menghadiri muktamar tiga hari itu. Tun Razak juga menyebut lain-lain perkara, di antaranya ialah:

* Kerajaan memandang berat masaalah akhlak di kalangan penuntut serta muda-mudi.
* Negara terhutang budi kepada kaum wanita kerana sumbangan mereka kepada kemakmuran negara.
* Dalam dunia politik wanita juga mendapat pengesahan. Kaum wanita bertambah ramai menjadi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan kerajaan.

Tun Razak telah menimbulkan gelak ketawa di kalangan perwakilan bila beliau menyebut: **Ini menunjukkan betapa liberalnya kaum lelaki di Malaysia, dengan kemasukan pelajar wanita dalam Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.**

"Pendikata di Malaysia ini banyak bidang yang dahulunya dikhaskan kepada kaum lelaki sahaja telah pun ditembusi oleh wanita," tambahnya.

Memang tidak dapat disangkal bahawa peranan kaum wanita terhadap kemajuan, agama, bangsa dan negara sama beratnya dengan peranan lelaki.

Katanya, warganegara yang baik memainkan peranan yang penting bagi keamanan dan kemakmuran. Oleh itu peranan wanita sangat dihargai dan amat diperlukan sesuai dengan kata: Tangan yang mengayun buaian itu boleh menggoncang dunia.

Perdana Menteri menarik perhatian tentang perlu ibu-ibu menggunakan sedikit masa untuk menjaga dan mendidik anak yang masih dibangku sekolah supaya mereka mempunyai akhlak dan moral yang tinggi.

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 7)



TUN Razak bersama-sama Toh Puan Rahah sedang berjalan masuk di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka sejurus setelah tiba di situ untuk merasmikan Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Malaysia yang bermula semalam.

Kelihatan juga dalam gambar ini ialah Tunku Besar Kursiah, Datin Puteh Mariah binti Ibrahim Rashid (belakang Tun) yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Muktamar dan sebahagian dari para perwakilan.

NO. SIRI : 106
NO. PEN : 106/78

DARI MUKA 1

Katanya, kerajaan memandang berat masaalah akhlak atau moral di kalangan pelajar dan muda mudi. Dengan membelanjakan beratus juta ringgit tiap tahun di lapangan pelajaran kerajaan bukan saja mahu anak-anak mempunyai pelajaran tinggi bahkan juga akhlak dan tingkah-laku yang baik bagi menghindar gejala tidak sihat.

Beliau mahukan kaum wanita mengambil peranan yang sewajarnya dalam lapangan rohaniah.

"Saya berharap Majlis-Majlis Agama Islam Negeri membuka peluang kepada kaum wanita menjadi anggotanya supaya majlis-majlis tersebut mendapat faedah dari pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh ahli wanitanya," tambahnya.

Di samping membincangkan masaalah yang menyentuh secara langsung kepentingan wanita Islam di negara ini, beliau juga berharap perwakilan di muktamar itu membincangkan juga perkara mengenai kemajuan wanita Islam dalam konteks pembangunan negara.

Tun Razak berkata di samping memberi kemudahan di bidang pelajaran, di sektor ekonomi dan lain-lain, kerajaan telah bertindak lebih jauh dengan memberikan gaji sama kepada wanita dengan gaji kaum lelaki jika mereka mempunyai kerja dan tanggungjawab yang sama.

Kerajaan bertindak demikian kerana penuh yakin jika sesuatu bangsa dan negara itu hendak maju dan berjaya, maka peranan kaum wanita hendaklah sama sejalan dan sejajar dengan peranan kaum lelaki.

Beliau menyebut tentang firman Allah yang bermaksud "Bersatu-padulah kamu semua dan jangan kamu berpecah-belah" dan berpandukan prinsip-prinsip ini kerajaan hari ini tidak teragak-agak memberikan apa saja yang boleh untuk kemajuan dan kejayaan kaum wanita.

Perdana Menteri menambah, jika kaum wanita tidak sama-sama mengambil bahagian dalam usaha-usaha pembangunan, bermakna telah diabaikan satu sumber tenaga yang penting.

Empat kertas kerja dibentangkan di muktamar tersebut.

Kertas-kertas kerja itu ialah Perkahwinan, Poligami dan Perceraian Dalam Islam oleh Puan Habibah Abdullah, Wanita dan Pemilikan Harta oleh Puan Fatimah Mohamad.

Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia oleh Encik Ahmad Bakar dan Taraf Wanita Dalam Islam, oleh Ustaz Hassan Haji Shukri.



MEREKA DENGAR UCAPAN RAZAK

SEBAHAGIAN dari 400 orang perwakilan dari 20 pertubuhan - pertubuhan wanita yang hadir di Muktamar Pertubuhan - Pertubuhan Perempuan Islam sedang asyik mendengar ucapan Tun Razak di upacara perasmian muktamar tersebut semalam.

Muktamar tersebut akan berjalan hingga 9 Mac ini di mana 4 kertas kerja akan dibentangkan dan dibincangkan.

Satu dari kertas kerjanya ialah perkahwinan, poligami dan perceraian dalam Islam oleh Puan Habibah Abdullah.

PTR. KA : 107 107/78.

Kemudahan untuk jaya Buku Hijau disediakan



BEGINILAH keadaannya bila hasil tanaman jagung telah mengeluarkan hasil. Masing-masing sibuk dengan tugas tersendiri. Gambar ini diambil di salah sebuah kampung di Sabak Bernam.

DARI MUKA 25

Benih boleh diperolehi percuma dari pejabat-pejabat pertanian di tempat masing-masing. Baja pula diberi secara subsidi. Nasihat juga diberi percuma.

Melihat kemudahan-kemudahan ini, rakyat juga perlu memainkan peranan yang sewajarnya. Mereka harus bersama-sama menyahut seruan dengan menyinsing lengan untuk menggunakan sepenuhnya tanah yang ada.

Terbiar

Menurut angka-angka yang dikeluarkan terdapat lebih dua juta tanah yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat terbiar begitu sahaja dan tidak diusahakan.

Melihat angka itu dan dibandingkan dengan negara kita yang kecil ini, jumlah tanah yang terbiar agak besar peratusnya.

Kita tentu boleh membayangkan, alangkah baik kalau tanah itu diusahakan sepenuhnya dan kita tentu sejak dulu lagi telah mengeluarkan

Pengerusi, Lembaga Pertubuhan Peladang
(YB Datuk Haji Mustafa bin Jabar).
Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang
(Encik Ahmad Sarji bin Abdul Hamid), dan
ahli-ahli Lembaga Pengarah, ahli-ahli majlis Penasihat,
serta kakitangan Lembaga Pertubuhan Peladang
mengucapkan:

Selamat Sejahtera dan Setinggi-tinggi Tahniah
kepada

NO. BERI : 107
NO. PEN : 107/78

PTR:KA:108 108/78

PTR:KA:109 109/78

GER


Jam buatan German yang tinggi mutunya di seluruh dunia. Dapatkan juga jam dinding dan loceng dari kami. Lawatilah kedai jam


WENG KWONG
(Penjual jam Rolex yang diakui)
49, Jalan Leech,
Ipoh. Tel: 2856.

Utusan Malaysia

MASTIKA
BULANAN PENDIDIKAN DAN PENGETAHUAN

BIL: 163 — TAHUN KELAPAN | SELASA 11 MAC 1975 – 28 SAFAR 1395 | KDN 8540 | 25 SEN





EMPAT pos Tun Razak dalam interview dengan Utusan Malaysia semalam.

'Kuasa memilih pemimpin akan datang di tangan anggota parti'

TUN YAKIN KEPADA UMNO

"ANGGOTA - anggota parti yang berhajat untuk menjadi pemimpin - pemimpin UMNO mestilah tahu menyesuaikan diri dengan parti, supaya mereka boleh diterima menjadi pemimpin".

KUALA LUMPUR 10 Mac — Tun Razak menyerahkan kepada UMNO untuk menunjukkan siapakah pemimpin-pemimpinnya di masa akan datang termasuk ganti beliau sendiri.

Oleh SUBKY LATIF

"UMNOlah yang bijak membuat penentuan ini. Dari pengalaman saya selama 24 tahun menyertai Perhimpunan Agung UMNO, saya tahu orang-orang UMNO bijak membuat keputusan", ujar Tun Razak dalam pertemuan khas dengan Utusan Malaysia di Seri Taman hari ini.

Utusan Malaysia mengadakan interview khas dengan Perdana Menteri menjelang ulangtahun hari jadinya yang ke 53 esok. Sempena hari jadinya yang ke 53 esok. Sempena hari ini Tun Razak sibuk melayan tetamu yang meraikannya kerana diterima

pemimpinnya, maka saya yakin UMNO yang sudah berusia 28 tahun itu tentulah matang membuat keputusan itu" kata Tun Razak.

Tun Razak tidak merasakan pemilihan Naib Presiden UMNO dan anggota Jawatankuasa Tertinggi dalam bulan Jun ini suatu yang mesti digamatkan.

Menurut Tun Razak, pemilihan kali ini sama seperti biasa. Tetapi yang menyebabkan ia lebih menarik ialah "kerana sekarang kita mengamalkan pemilihan itu tiga tahun sekali. Kalau ia diadakan setahun sekali. tentulah tidak menggamatkan".

Dalam pertemuan itu Tun Razak menyentuh perkara-perkara berikut:

NO. SIRI : 108
NO. PEN : 108/78

NO. SIRI : 105
NO. PEN : 105/78

mi:

aran

James Wong ditangkap semula

KUCHING 10 Mac. — Timbalan Presiden SNAP, Datuk James Wong, telah ditangkap semula oleh pegawai-pegawai cawangan khas petang ini seju

Utusan Malaysia 11 Mac 1975.

Ubah sikap-Razak

DARI MUKA 1

lembagaan UMNO tidak tersentuh dengan pembentukan Barisan Nasional itu."

Tun Razak gembira kerana pemimpin-pemimpin yang bergabung dalam Barisan menerimanya menjadi ketua dan beliau juga gembira dengan kerjasama yang diberi oleh parti-parti itu sehingga ini.

Beliau menyatakan tiap-tiap parti bergerak cergas dan dukacita sedikit kerana Parti Progresif Rakyat menerima kekalahan teruk dalam pilihanraya lalu walaupun Barisan mendapat kemenangan cemerlang.

Tun Razak gembira selama setahun yang lalu banyak kemajuan-kemajuan yang dicapai terutama dari segi politik, iaitu dengan adanya kemenangan besar Barisan Nasional.

Tun Razak tidak dapat menyatakan yang beliau Perdana Menteri yang paling gembira sekarang kerana soal inflasi dan keadaan ekonomi dunia yang buruk sekarang. "Keadaan ini tidak dapat menjadikan saya begitu gembira tetapi saya bersyukur dengan keadaan negara yang agak baik dibandingkan dengan lain-lain negara," beliau menambah.

Tun Razak juga berpuas hati dengan dasar luar Malaysia yang berkecuali sekarang. Adanya hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China menjadikan perkecualian Malaysia sempurna.

"Dulu orang kata Malaysia ini terlalu pro barat dan sebagainya, tetapi sekarang orang tidak boleh kata apa-apa lagi pada kita," tegas Tun Razak.

Menurutnya, perkecualian Asia Tenggara telah mendapat munafaat dengan hubungan itu dan Malaysia sendiri mendapat munafaat dari segi dagang dan ekonomi. Oleh kerana hubungan itu masih baru lagi adalah terlalu awal untuk menyatakan banyak mana munafaatnya.

Tetapi Tun Razak menerangkan, perkembangan dagang dengan negara-negara sosialis bertambah.

Satu perkara yang dibanggakan oleh Tun Razak ialah sikap orang-orang keturunan China Malaysia yang tidak pun menganggap mereka rakyat China.

Kedutaan China di Kuala Lumpur sendiri tidak melayan orang-orang keturunan China di sini sebagai rakyat China. Mereka dilayan sebagai mana orang-orang Malaysia yang lain.

Beliau juga menerangkan sebab-sebab Malaysia mengubah dasar luarnya.

Katanya: "Keadaan dunia banyak berubah dan banyak negara-negara sosialis berhajat untuk bersahabat dengan kita.

Mengenai pembangunan negara, Perdana Menteri menerangkan betapa perlunya setiap pihak kerajaan dan rakyat berjimat cermat dan mengelakkan dari berbelanja terhadap perkara-perkara yang membazir.

"Zaman sekarang kita mahu sebanyak-banyak perbelanjaan d gunakan untuk memesatkan pembangunan. Langkah berjimat itu dibuat untuk memastikan langkah dan Dasar Ekonomi Baru berjaya," katanya.

Tun Razak juga mengenangkan tentang pendapatan orang kampung yang menoreh getah. Pendapatan mereka tentu tidak mencukupi membeli semua barang-barang. Oleh itu mustahaklah mereka berjimat apa yang patut dibeli dan apa yang patut diusahakan sendiri supaya tidak payah dibeli.

Perdana Menteri juga menyarankan betapa perlunya orang Melayu mengubah sikap untuk kemajuan.

Beliau juga menyatakan: "Malaysia tidak mahu memilih sistem sosialis yang juga menghendaki setiap orang bekerja. Dalam sistem sosialis setiap orang dipaksa bekerja. Paksaan itu datang dari atas. Tetapi sistem kita lebih liberal, kita mahu rakyat memikirkan sendiri untuk bekerja dan berdisiplin."

Beliau menyeru orang-orang Melayu jangan mengikut sikap lama yang tidak banyak bekerja. Dulu orang lelaki banyak menyabung ayam dan yang banyak kerja ialah orang perempuan.

Sampai sekarang pun didapati lebih ramai orang perempuan lebih tekun dari orang lelaki. Sikap ini patut diubah, katanya.

Tun Razak juga tidak senang dengan sikap setengah orang yang tidak menjaga dan mengambil berat terhadap projek dan perbelanjaan kerajaan.

Orang-orang yang bekerja dengan ejensi-ejensi kerajaan hendaklah mengubah sikap bahawa "wang kerajaan itu adalah wang mereka sendiri". Kalau kerajaan rugi bererti mereka juga rugi.

PTR. KA: 110 110/78

Tahniah Se

Keluaran Khas sempena menyambut harijadi yang ke 53

Y. A. B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN S. M. N., D. U. K.
PERDANA MENTERI MALAYSIA

TUN RAZAK SENTIASA DI CELAH2 RAKYAT



INI ialah tanaman tembakau dan kalau diusahakan boleh mendatangkan pendapatan yang agak lumayan kepada para petani negara ini.

Oleh Mohammad Noor Shamsuddin

PEMILIHAN semula Tun Razak dalam perhimpunan agung UMNO bulan Jun akan datang sudah jelas walaupun dalam jarak masa yang masih jauh itu barangkali ada orang sanggup mengadu nasib menentangnya sebagai calun presiden.

Kemenangan Tun tanpa bertanding juga adalah merupakan kenyataan yang telah jelas.


Ini diukur bahawa sebagai parti yang menjadi teraju kerajaan — sejak Kerajaan Perikatan dan sekarang Barisan Nasional — UMNO terus memerlukan seorang tokoh yang boleh diterima oleh semua pihak dan kalangan seperti Tun Razak.

Sifat-sifat beliau, tegas, berterus terang, bertolak ansur dan sedia menerima teguran dan pandangan adalah merupakan faktor-faktor yang beliau dapat diterima oleh setiap pihak.

Kalau sifatnya sebagai ketua kerajaan beliau amat disegani dan ditakuti, tetapi di kalangan UMNO Tun juga sangat dihormati dan seluruh anggota parti menyanjung tinggi segala tindakannya.

Ini disebabkan beliau membuat sesuatu perkara atau memutuskan sesuatu tindakan itu didasarkan kepada semua aspek setelah memikirkan secara mendalam supaya tidak merugikan mana-mana pihak.

Beliau adalah seorang yang amat mengambil berat untuk mendampingi semua pihak. Ini ternyata bahawa baik



kalangan profesional, kesatuan sja dan lain-lain Perdana Menteri k pernah menolak sebarang jemn itu.

Kerana itu, beliau mahu parmimpin kerajaan dan tokoh-tokoh ti Barisan Nasional, terutama UD supaya jangan memencilkan diri rakyat banyak, malah hendaklah lu mendekatkan diri dengan me supaya dapat mengetahui segala n alah yang dihadapi.

Arahan beliau kepada semua v rakyat Barisan Nasional khusu UMNO supaya sentiasa berada d lah-celah rakyat terutama di kaw mereka sendiri membuktikan be beliau mahu setiap undi yang me tukan kemenangan mereka dinilaik bukan semata-mata untuk kepent an diri sendiri.

Kerana itulah, setiap ucapan kep perhimpunan UMNO khusus be menekankan tentang pentingnya mereka mengutamakan penyelesaian kepada masaalah rakyat terlebih dulu dengan mengenepikan sama sekali kepentingan diri sendiri.

Di sampung memberi perhatian berat kepada rakyat umumnya, terutama keperluan anggota parti, Tun juga sentiasa mengambil berat masaalah-masaalah yang dikemukakan oleh kaum pekerja yang dianggapnya satu tenaga penting da am pembangunan dan kemajuan negara.

Jaminan

Untuk faedah rakyat beliau mengarahkan seluruh jentera kerajaan mengawasi keadaan harga barang-barang keperluan yang tidak selaras dengan pendapatan pekerja.

Kepada para pekerja yang menuntut kenaikan gaji dan seumpamanya, beliau memberi jaminan kerajaan akan berbuat apa yang boleh untuk meringankan penderitaan mereka.

Kepada kalangan profesional seperti arkitek dan jurutera yang terlibat secara langsung dalam pembangunan beliau meminta mereka memikirkan bahawa pelaksanaan projek tidak menghilangkan kecantekan semula jadi alam sekeliling negara di samping menekankan pentingnya bentuk bangunan dan lain-lain mencerminkan keperibadian nasional.

Beliau juga mengambil berat atas kesulitan-kesulitan yang dialami oleh beribu-ribu pekerja dan orang di Bandaraya Kuala Lumpur khususnya dalam masaalah pengangkutan.

Ini bererti bahawa walaupun sentiasa sibuk dengan tugas-tugasnya, tetapi Tun tetap meneliti dan mengkaji tiap perkembangan dan masaalah orangramai. Beliau lalu menyarankan diadakan perkhidmatan mini-bas di Kuala Lumpur ini dengan keutamaan diberi kepada bekas perajurit mengendalikannya untuk mengangkut orangramai di Bandaraya ini.

Untuk keperluan ribuan petani dan peladang Tun Razak mengarahkan Lembaga Pertubuhan Peladang melancarkan seberapa banyak ladang contoh koperasi khususnya di kawasan-kawasan kemajuan peladang bagi menjayakan matlamat jangka panjang pembentukan reformasi tanah.

Tetapi reformasi tanah yang dimaksudkan oleh Tun di sini bukanlah seperti yang terdapat di negara-negara pertanian lain, tetapi refomasi penggunaan tanah itu.

Di negara-negara lain yang menja-

LIHAT MUKA 6

NO. SIRI : 110
NO. PEN : 110/78

Utusan Malaysia 11 Mac 1975

PTR. BA : III 111/78

Apa kata pemimpin2 kesatuan sekerja terhadap Tun

OLEH: RADZI ZAIN.

WALAUPUN kesatuan-kesatuan sekerja tidak habis-habis menggugat dengan tindakan perusahaan namun peranan mereka dalam pembangunan negara satu hakikat yang diakui oleh kerajaan.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak sendiri yang menyedari mustahaknya suasana harmoni dalam perkembangan perindustrian sentiasa memberi perhatian berat bagi memuaskan kalangan pekerja.

Tun Razak tahu bahawa kesatuan sekerja menjadi senjata penting bagi pekerja-pekerja tetapi ia tidak ingin melihat senjata tersebut menikam diri sendiri.

Kerana itu, bila timbul ancaman pekerja--pekerja Lembaga Letrik Negara (LLN) baru-baru ini, kerajaan segera bertindak supaya keadaan yang berbangkit kelak tidak akan merosakkan negara.

Perdana Menteri sendiri memberi jaminan bahawa kerajaan bertindaknya akan berbuat apa yang boleh untuk memuaskan pekerja-pekerja berpendapatan rendah khasnya dengan memenuhi keperluan menasabah mereka.

Peranan kesatuan--kesatuan sekerja sesungguhnya bukan semata-mata memperjuangkan masaalah gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi para kaum pekerja sahaja.

Tetapi tugas besarnya ialah untuk menentukan keharmonian perindustrian di samping mengekal serta meninggikan lagi mutu dan tingkatan pekerja-pekerja, pengeluaran dan sebagainya.

Yakin

Tun Razak sentiasa mahu melibatkan kemajuan negara terpelihara dan beliau seringkali menekankan tentang mustahaknya kesatuan sekerja berhati-hati di atas tindak-tanduk mereka supaya jangan sampai merosakkan keyakinan para pelabur asing yang meletakkan kepercayaan besar di negara ini.

Para pemimpin kesatuan sekerja mengakui peranan mereka dan sebab itu amanat Perdana Menteri sentiasa dipatuhi kerana mereka tahu dan yakin kemakmuran perusahaan adalah jaminan kepada kemakmuran negara ini.

Kebolehan serta kearifan Tun Razak dalam berbagai bidang kehidupan terutama dalam memimpin negara ke arah kemajuan telah memberi keyakinan penuh rakyat termasuk pergerakan buruh mematuhi amanat beliau.

Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang mengakui kebolehan serta kematangan pimpinan Tun Razak ini ialah Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Dr. P.P. Narayanan Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Encik Jamaluddin bin Mohd Isa dan Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan Pihak Pekerja, Encik T. Narendran.

Dr. P.P. Narayanan mensifatkan Tun Razak sebagai seorang pemimpin yang mempunyai banyak ilham serta pandangan-pandangan bernas yang luas.

Katanya, Tun adalah seorang tokoh politik yang mengikut perkembangan masa dan setiap rancangan pembangunannya juga mengikut peredaran masa seperti pelancaran Buku Hijau dan penubuhan Bank Pekerja.

Harapan

Beliau menyatakan MTUC sangat puas hati terhadap Tun yang senantiasa memberikan perhatian yang berat untuk menghapuskan masaalah rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah baik di bandar ataupun di luar bandar.

Dialog di antara kerajaan — MTUC yang diadakan dari masa ke masa telah menolong serta memberi harapan yang lebih baik kepada negara serta dasar sosio-ekonominya.


"Saya harap semangat yang ada pada Tun sekarang untuk memuaskan hati setiap lapisan hidup rakyat di negara ini terus berkekalan selagi ia memegang teraju pemerintahan Malaysia" demikian harapan Dr. Narayanan.

Encik Jamaluddin Mohd Isa yang mewakili 100,000 pekerja dari 65 buah kesatuan sekerja gabungannya di seluruh negara sambil mendoakan semoga Allah melanjutkan usia Tun juga telah mensifatkan beliau seorang pemimpin yang berkebolehan tinggi serta dihormati oleh seluruh dunia.

LIHAT MUKA 28



ENCIK JAMALUDDIN



DOKTOR P.P. NARAYANAN

"Sifat2 terpuji Tun naikkan nama baik negara kita"

MBAR BERWARNA
/I 126
" – 50¢
CAP
R BERWARNA
AI
$5
BARKAN
PERCUMA!
r 5"x5"
untuk mengecap
bahan.
by Photo Co. Sdn. Bhd.
ang Road, Penang. Tel: 65530
rquhar Street, Penang. Tel: 65015
olor photofinishing equipment.
an tulus ikhlas

Utusan Malaysia 18 Mac 1975

PTR:KA:112 112/78.

Pesatkan pembangunan negeri2 - Tun

KUALA LUMPUR 17 Mac — Tun Abdul Razak hari ini mengarahkan kerajaaan - kerajaan negeri supaya mengambil tindakan wajar bagi pesatkan lagi pelaksanaan rancangan - rancangan pembangunan.

PERLU

Beliau menegaskan langkah seperti itu adalah perlu bagi mempastikan setiap rancangan pembangunan berjalan lancar terutama rancangan - rancangan yang menggunakan tenaga buruh yang banyak bagi menambah pekerjaan yang menggunakan bahan tempatan dan juga rancangan-rancangan yang boleh menambah pengeluaran barang-barang makanan.

Perdana Menteri berucap demikian ketika mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Bilik Gerakan Perdana Menteri di sini petang ini.

Mengenai Rancangan Buku Hijau, Tun Razak menggesa kerajaan-kerajaan negeri supaya mengambil langkah-langkah segera untuk memperbanyakkan pengeluaran pertanian serta menggalakkan penyertaan rakyat untuk berdikari dalam pengeluaran bahan-bahan tersebut sebagai langkah penting bagi melegakan tekanan inflasi dan kemelesetan ekonomi.

Beliau juga telah menjelaskan dengan anjut tiga matlamat penting konsep Buku Hijau kerajaan.

Matlamat - matlamat tersebut ialah:

* Menggalakkan tiap-tiap keluarga, terutama dalam kawasan luarbandar supaya bercucuk tanam bahan-bahan makanan dan mengadakan ternakan untuk memenuhi keperluan sendiri,

* Menambahkan pendapatan rakyat dengan cara membanyakkan pengeluaran makanan manusia atau ternakan sebagai usaha menggantikan impot dan memenuhi keperluan negara secukupnya, dan

* Menggerakkan jentera kerajaan dengan cara yang lebih terselaras supaya rancangan -rancangan pembangunan yang berasaskan pertanian jenis jangka pendek dapat dilaksanakan dengan teratur dan lebih berkesan.

LICIN

Tun Razak juga menggesa supaya jentera pentadbiran kerajaan, terutama di peringkat daerah bergerak dengan lebih lincin dan teratur supaya matlamat Rancangan Buku Hijau dapat dijayakan dengan sempurna.

Terdahulu dari itu, Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri itu telah diberi taklimat mengenai keadaan kemerosotan ekonomi dan langkah-langkah bagi mengatasinya serta Rancangan Buku Hijau.

Turut hadir di mesyuarat tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Pemangku Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdullah Salleh, Setiausaha -Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pegawai kanan kerajaan.

NO. SIRI : 112
NO. PEN : 112/78

SELASA 25 MAC 1975 -

PTR. KA: 113 113/78.

'Laporkan segera supaya tindakan dapat diambil'

JANGAN NYELEWENG -AMARAN TUN

KUALA LUMPUR 24 MAC

TUN Razak memandang berat penyelewengan dalam perlaksanaan rancangan sehingga menguntungkan mereka yang tidak patut menerimanya.

Sambil menyatakan dukacita atas keadaan itu, Perdana Menteri mengarahkan para pegawai kemajuan negeri melaporkan segera sebarang penyelewengan seumpama itu, sekalipun belum ada bokti-bokti terang mengenainya.

Tegasnya, dengan jalan ini langkah segera dapat diambil supaya perkara itu tidak berlanjutan.

Berucap di mesyuarat pegawai-pegawai kemajuan negeri ke 10 di Bilik Gerakan Perdana Menteri pagi ini, Tun Razak berkata:

"Saya merasa amat dukacita kerana terdapat setengah bantuan kerajaan tidak sampai kepada rakyat yang berhak menerimanya."

Perdana Menteri mendedahkan, oleh kerana ada orang-orang yang tidak menjalankan tugas dan kewajipan dengan jujur maka pihak lain pula yang tidak patut menerimanya telah dapat menikmati kemudahan dan bantuan itu.

Beliau mengingatkan pegawai-pegawai itu supaya mengadakan pengawasan yang lebih rapi di semua peringkat dalam negeri masing-masing untuk mengelakkan sebarang penyelewengan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.

"Penyelewengan dalam pelaksanaan ini bukan sahaja menjejaskan kemajuan negeri bahkan mencemar nama baik kerajaan," katanya lagi.

Menurut Tun Razak, jika mereka mengetahui sebarang penyelewengan dalam melaksanakan rancangan untuk faedah rakyat hendaklah menyampaikan segera perkara itu kepengetahuan pihak berkuasa kerajaan pusat, sekalipun belum ada bokti-bokti terang mengenainya.

"Dengan melaporkan segera penyelewengan kita dapat menyelamatkan wang rakyat daripada disalahgunakan dan mengadakan kawalan-kawalan yang lebih ketat bagi mencegah perkara seperti itu berlaku di tempat-tempat lain." Tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, beliau memandang berat berlakunya perkara seperti itu.

Tun Razak memberitahu, sebagai pegawai kerajaan persekutuan yang bertanggungjawab atas pelaksanaan rancangan pembangunan di negeri-negeri, mereka hendaklah menjalankan tugas dan kewajiban dengan lebih dinamis dan berkesan tanpa sebarang kebimbangan.

"Sekiranya terdapat sebarang masaalah terutamanya dalam usaha memesatkan pelaksanaan rancangan-rancangan yang ditetapkan mereka haruslah melaporkan kepada pihak berkuasa Kerajaan Pusat.

"Jika mereka sendiri tidak dapat menyelesaikan di peringkat negeri, langkah segera dapat diambil oleh pusat untuk mencegah kelambatan da-

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 7)

NO. SIRI : 113
NO. PEN : 113/78

Sambongan, 25hb.Mac.1975

Razak puas hati

DARI MUKA 1

lam sebarang pelaksanaan projek itu," beliau memberi jaminan.

Bercakap tentang Buku Hijau, Tun Razak melahirkan rasa puas hati dengan sambutan rakyat setakat ini.

Beliau menyeru pegawai-pegawai kerajaan supaya memberikan segala galakan untuk menentukan kejayaan Gerakan Bumijaya ini.

Katanya, setiap rakyat terutamanya di kampung-kampung sebanyak sedikit mempunyai tanah dan mereka haruslah mengusahakan dengan menanam bahan-bahan pertanian khas untuk keperluan keluarga sendiri.

"Dengan jalan ini mereka dapat melegakan tekanan inflasi," tegasnya.

Ketua Pengarah Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran,, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Shariman Tengku Sulaiman telah mempengerusikan mesyuarat itu.

Utusan Malaysia 1 April 1975

PTR.KA:114 114/78

Razak-Hussein dicalun semula Presiden-Naib Presiden UMNO

KUALA LUMPUR, 31 Mac — Dua bahagian UMNO telah mencalunkan semula Tun Razak dan Datuk Hussein Onn sebagai presiden dan timbalan presiden UMNO di perhimpunan agung parti itu Jun depan.

Penyelarasan UMNO bahagian Seremban yang membuat keputusan itu juga mencalunkan Encik Ghafar Baba sebagai salah seorang naib-presiden UMNO.

UMNO bahagian Menglembu di Perak di samping mencalunkan semula Tun Razak sebagai presiden dan Datuk Hussein sebagai timbalan presiden, mencalunkan juga Menteri Besar Tan Sri Haji Ghazali Jawi menjadi naib-presiden.

Keputusan mencalunkan nama-nama tokoh itu dibuat dalam mesyuarat perwakilan kedua-dua bahagian itu yang diadakan di Dewan Bandaran Seremban dan Kompleks Pelbagaiguna Ipoh semalam.

Penyelarasan UMNO bahagian Seremban ini dulu dikenali dengan UMNO bahagian Seremban Timur tetapi mengikut kawasan baru Parlimen bahagian ini sekarang dikenali dengan nama bahagian Seremban sahaja.

UMNO bahagian ini sekarang dianggotai oleh sembilan cawangan dari Seremban dan tujuh dari kawasan Terentang (Rembau). Terentang dulu duduk dalam bahagian Negeri Sembilan Selatan sekarang ini dikenali dengan bahagian Tampin sahaja.

Mesyuarat agung perwakilan itu semalam mulanya berjalan dalam suasana yang nangat apabila beberapa orang perwakilan telah menimbulkan perkara sah tidaknya perwakilan yang ada dalam mesyuarat itu.

Satu keputusan yang memeranjatkan ialah penarikan diri di saat terakhir seorang tokoh baru muncul di arina politik Negeri Sembilan, Encik Yazid Baba dari jawatan ketua UMNO bahagian itu.

Bahagian Menglembu juga mencalunkan beberapa orang tokoh untuk menjadi jawatankuasa tertinggi UMNO Malaysia, iaitu Dato' Sri Haji Kamaruddin Isa, Dr. Mahathir Muhamad, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Musa Hitam; Tan Sri Ghazali Shafie, Senator Rafidah Aziz.

Haji Ahmad Azizuddin, Marina Yusoff, Puan Onn Zariah binti Abu Bakar, Tan Sri Abdul Aziz Yeop, Idris bin Abdul Rauf dan Hisan bin Ibrahim juga dinamakan sebagai calun jawatankuasa tertinggi.

Sementara itu, Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin, dipilih semula dengan kelebihan undi yang banyak menjadi ketua UMNO bahagian itu dalam sidang perwakilan tersebut.

UMNO bahagian tersebut adalah di antara bahagian yang terlibat dengan penyusunan baru mengikut kawasan Parlimen dan dengan itu pemilihan pegawai-pegawai baru dijalankan dalam tempoh setahun.

NO. SIRI : 114
NO. PEN : 114/78

Utusan Malaysia 1 April 1975

PTR. KA: 115 115/78.

Pinjaman $300 j dari negara2 Arab: Razak jelaskan di Dewan Rakyat

Digunakan untuk projek tanah, pelajaran, pelaburan dan letrik

KUALA LUMPUR 31 MAC

WANG pinjaman $300 juta dari Arab Saudi dan Kuwait akan digunakan untuk membiayai projek tanah, pelajaran, pembinaan pelabuhan dan rancangan kuasa letrik, Tun Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan **Encik Lee Lam Thye [DAP - Kuala Lumpur Bandar]**, Perdana Menteri berkata pinjaman $200 juta dari Arab Saudi ialah untuk membiayai dua projek tanah oleh Felda.

Wang itu juga akan digunakan untuk membiayai Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan, Institut Teknoloji Kebangsaan dan peringkat pertama Pelabuhan Kuantan.

Pinjaman dari Kerajaan Kuwait pula untuk membiayai rancangan tanah dan projek kuasa letrik di Sungai Trengganu.

Menurut Tun Razak, Emirate Arab Bersatu juga akan memberi pinjaman lebih kurang $100 juta untuk projek sektor awam dan projek usaha bersama.

Dalam jawapan bertulisnya kepada soalan **Encik Walter Loh [BN-Selayang]** Tun Razak berkata, pada peringkat permulaan ini beliau berpuas hati dengan pinjaman lebih kurang $400 juta yang dijanjikan oleh negara-negara Arab itu.

Kepada soalan lain dari Encik Lee Tun Razak menjelaskan, lawatannya ke negara-negara Timur Tengah baru-baru ini telah mencapai hasil yang memuaskan.

Politik

Melalui lawatan itu, menurut Tun, kita telah dapat menguatkan perhubungan persahabatan dengan negara-negara Teluk Arab di bidang kerjasama politik, ekonomi sains, teknikal dan kebudayaan.

"Dari segi politik kita berjaya menguatkan perpaduan dengan negara-negara Arab apabila kita mengutuk pendirian Kerajaan Israel yang menduduki tanah negara-negara Arab .

"Seruan kita supaya Israel bersikap adil dalam menyelesaikan pertikaian Timur Tengah dan mengembalikan hak mutlak rakyat Palestine juga membawa kesan yang sama," katanya.

"Dalam bidang ekonomi, lawatan saya telah mencapai kejayaan yang cemerlang dan agak luar biasa," katanya.

Kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara tersebut telah dapat dipereratkan lagi.

Arab Saudi, Kuwait dan Emirate Arab Bersatu bersetuju memberi bantuan kewangan kepada Malaysia untuk membiayai projek-projek pembangunan sektor awam.

Negara-negara tersebut telah menyatakan hasrat untuk mengadakan berbagai-bagai pelaburan secara 'joint-venture' terutama dalam projek perkilangan kayu, simen, kertas dan palpa.

Peluang

Qatar, Oman dan Bahrain pula menawarkan peluang-peluang perdagangan dengan Malaysia dan mereka berminat untuk mengimpot lebih banyak simen, getah, kayu, makanan dan barang-barang dalam tin dari Malaysia.

Hasil dari lawatan itu dua rombongan dari tabung Kuwait untuk pembangunan ekonomi



Encik Walter Loh



Encik Lee Lam Thye

Arab (KFAED) telah berada di Kuala Lumpur untuk merundingkan projek-projek tertentu.

Satu rombongan Malaysia akan melawat Riyadh untuk merundingkan bantuan pinjaman kewangan dengan Arab Saudi.

"Kita telah juga menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal dengan Arab Saudi, Kuwait, Emirate Arab Bersatu dan Qatar," tambahnya.

Dari segi kebudayaan dan saintifik , Malaysia juga menandatangani perjanjian saintifik dan kebudayaan dengan Kuwait, Bahrain. Oman, Qatar dan Emirate Arab Bersatu.

"Dengan itu dapatlah kita bertukar-tukar ahli-ahli sains, professor, penuntut, penerbitan , kumpulan sukan, wartawan dengan negara-negara tersebut", kata Tun.

Ketika menjawab **Encik Ting Ling Kiew [SNAP- Bintulu]**, Tun Razak telah menerangkan Rancangan Buku Hijau.

Katanya, rancangan Buku Hijau yang sedang berjalan sekarang adalah bertujuan supaya tiap-tiap keluarga dapat mengeluarkan barang-barang makanan untuk keperluan mereka sendiri.

Tun Razak sekali lagi menegaskan bahawa di bawah rancangan Buku Hijau rakyat digalakkan mengeluarkan barang-barang makanan dengan seberapa banyak yang boleh.

"Ini ialah supaya Malaysia bukan sahaja dapat mengeluar barang makanan cukup untuk keperluan bahkan Malaysia patut menjadi negara yang mengekspot dan bukan yang mengimpot barang-barang makanan," kata beliau.

"Rancangan-rancangan untuk mengatasi masaalah inflasi dan kemerosotan ekonomi sebagaimana yang dicadangkan dalam Buku Hijau ialah bercucuk tanam sayur-sayuran dan lain-lain tanaman yang boleh dimakan untuk keperluan keluarga, berternak ayam itik dan berternak ikan air tawar.

"Kesimpulannya rancangan-rancangan ini ialah bertujuan supaya tiap-tiap keluarga dapat mengeluarkan barang-barang makanan untuk keperluan mereka sendiri," tegas Tun.

NO. SIRI:: 115
NO. PEN : 115/78

PTR. KA : 116 116/78

ISNIN, 7 APRIL, 1975

Tun arah 'perang habis2an' menentang dadah



Tun Razak sedang menyampaikan cenderamata kepada Naib Ketua UMNO Cawangan Pekan Lama, Cik Shamsiah binti Haji Abdul Hamid kerana kejayaan beliau mendapatkan anggota baru yang paling ramai untuk cawangan tersebut.—Gambar Berita Harian.

Saham: Tun arahkan pekerja perusahaan diberi kesempatan

★ Dari Muka 1

Menyentuh tentang pembangunan perusahaan di Pahang, Tun Razak berkata sekurang-kurangnya tiga perusahaan baru bermodal berpuluh-puluh juta ringgit akan didirikan di Peramu di sini bagi menampung pekerjaan untuk 3,000 orang.

Perusahaan-perusahaan tersebut ialah kilang memasang kereta dan lori, kilang kertas dan palpa dan kilang memproses makanan.

Beliau juga mengumumkan rakan-rakan luar negeri yang berpengalaman akan diambil untuk mengendalikan bersama syarikat-syarikat perkayuan negeri ini supaya perjalanan mereka menguntungkan dan tidak seperti yang dialami oleh syarikat-syarikat seperti syarikat Ibam dan Jengka.

Tun Razak telah mengarahkan supaya peraturan dibuat bagi membolehkan para pekerja perusahaan-perusahaan Kerajaan memiliki saham-sahamnya supaya mereka dapat menentukan bersama kemajuan syarikat itu.

Tun Razak juga menyentuh tentang perkembangan terbaru peperangan di Vietnam dan Kemboja serta mengulangkan bahawa Malaysia akan mengakui mana-mana kerajaan yang dipilih oleh rakyat negara-negara itu.

Beliau berpendapat kuasa-kuasa patut memberi peluang kepada rakyat-rakyat negara tersebut menentukan bentuk kerajaan mereka dan ini akan mendekatkan lagi kejayaan konsep wilayah bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Kepada ahli-ahli UMNO, Tun Razak menasihatkan mereka supaya mengawasi orang-orang yang hanya mahu menjadi ahli bagi mengejar kepentingan sendiri dan merebut kuasa dalam parti tanpa membuat sebarang pengorbanan.

Mengesan

Beliau juga menyeru mereka supaya mengesan penyakit-penyakit yang menyebabkan ada golongan rakyat yang kurang menerima dasar-dasar Kerajaan kerana fikiran mereka dihasut oleh anasir-anasir petualang pembangunan.

Mereka juga mesti menjayakan Rancangan Buku Hijau supaya negara ini bukan sahaja mengurangkan impot barang-barang yang

PEKAN, Ahad

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak hari ini mengarahkan supaya 'perang habis-habisan' dilancarkan terhadap para pengedar dan penjual dadah di negara ini demi mengelakkan penyakit masyarakat yang burok padahnya.

Katanya, hukuman mati atau penjara seumur hidup serta sebat akan dikenakan ke atas mereka yang didapati terlibat dalam reket-reket tersebut.

Beri amaran

Beliau memberi amaran kepada golongan yang cuba mengambil kesempatan mencari kekayaan secara mengedar dadah, bahawa Kerajaan akan bersikap tegas menghapuskan mereka.

Berucap merasmikan sidang perwakilan UMNO bahagian Pekan di Sekolah Menengah Tinggi Ugama Sultan Abu Bakar di sini, Tun Razak menyeru semua lapisan rakyat supaya memberikan sebarang maklumat membantu kerajaan menghapuskan golongan tersebut.

Katanya, Kerajaan memandang berat terhadap masaalah dadah di negara ini dan terpaksa bertindak tegas untuk menyelamatkan negara dari satu 'barah' masyarakat yang bahaya.

Tun Razak juga menegur golongan pelajar luarbandar yang lupakan latar belakang mereka serta harapan ibu bapa bila mendapat peluang belajar di universiti-universiti atau di pusat pengajian tinggi yang lain.

Beliau kesal kerana mereka telah menukar nilai hidup bila sudah merasai duduk dalam bilek-bilek berhawa dingin dan mengecap hidup di bandar walaupun baru setahun meninggal-

/78

NO. SIRI : 117
NO. PEN : 117/78

Utusan Malaysia 8hb. April, 1975.

PTR.KA: 117 117/78

RAMAI RAKYAT BEREBUT2 MOHON UNTUK BUKA TANAH BARU

Jangan salah faham projek Buku Hijau — Tun

MARAN 7 APRIL.

TUN Abdul Razak hari ini mengingatkan rakyat supaya jangan salah faham terhadap rancangan Buku Hijau hingga mereka berebut-rebut memohon untuk membuka tanah baru.

Katanya, di bawah rancangan itu kerajaan mahukan mereka mengerjakan tanah mereka yang sedia ada atau tanah di sekeliling rumah mereka yang terbiar sahaja.

Bagaimanapun, tambah beliau kerajaan tidak menolak permohonan tanah secara besar-besaran untuk sesuatu tujuan pertanian bercorak perdagangan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan penubuhan UMNO Bahagian Maran di sekolah kebangsaan di sini.

Beliau berkata setakat ini sambutan rakyat bagi memenuhkan matlamat pertama rancangan Buku Hijau sangatlah baik.

ahli-ahli UMNO memilih ketua-ketua mereka telah pun disediakan supaya kertas undi dipangkahkan sendiri oleh ahli yang berkenaan dan tidak akan berlaku kejadian di mana kertas-kertas undi dipangkahkan oleh orang lain.

Beliau menegur ahli-ahli yang mengamalkan perbuatan melobi serta main kotor untuk mendapat sokongan dan merebut pucuk pemimpin dalam parti.

Beliau mengingatkan golongan tersebut bahawa dengan amalan serupa itu mereka mungkin cepat naik ke atas dan cepat pula turun ke bawah.

Beliau mengingatkan supaya perbuatan lobi-melobi ini tidak keterlaluan sehinggakan boleh memecah-belahkan ahli-ahli parti dan masyarakat.

Sikap

Menyentuh sambutan anak Pahang terhadap rancangan FELDA di negeri ini beliau gembira mereka telah berubah sikap dan berharap mereka akan tekun dan sabar selepas membuat keputusan menyertai rancangan itu sementara menunggu masa untuk mengecap hasilnya.

Tentang pembangunan bandar baru Maran Tun Razak membayangkan sebuah jalan mungkin dibina satu masa kelak bagi menghubungkan kawasan itu dengan Pelabuhan Tanjung Gelang dekat Kuantan.

Terdahulu dari itu Ketua Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Hamzah Abu Samah menerangkan, bahagian baru Maran akan mempunyai 45 cawangan iaitu gabungan 21 cawangan dari Temerloh Timur, 11 dari Kuantan, enam dari Pekan dan tujuh dari Pahang Selatan.

Ternak

Mengenai pengeluaran daging, Tun Razak berkata dua projek ternakan besar di Pahang Tenggara apabila berjalan sepenuhnya kelak akan dapat menolong mengeluarkan daging lembu yang cukup untuk keperluan negara.

Projek itu dijalankan oleh Pahang Bif dan Dara Bif dengan usaha bersama rakan dari Britain dan Australia. Kedua syarikat ini telah memulakan projeknya, masing-masing di kawasan 5,000 ekar.

Kepada ahli-ahli UMNO beliau mengingatkan mereka supaya menggunakan hak memilih ketua cawangan atau bahagian secara mengundi dengan berhati-hati supaya pemimpin mereka kelak akan berjuang untuk kepentingan bersama.

Tun Razak mengumumkan satu cara baru yang teratur untuk

NO. SIRI : 117
NO. PEN : 117/78

Utusan Malaysia 14 April 1975.

PTR. KA : 118 118/78

Tun Razak berunding dengan Wilson hari ini

LONDON 13 April — Tun Abdul Razak memulakan lawatan tidak rasmi selama tiga hari ke London dan akan berunding dengan Perdana Menteri British, Harold Wilson esok.

Tun Razak akan berbincang dengan Tuan Wilson semasa makan tengahari di Pejabat Perdana Menteri British itu di Nombor 10 Downing Street.

Bernama difahamkan tidak ada ajenda rasmi dalam rundingan kedua-dua orang pemimpin itu. Bagaimanapun mereka dijangka membincangkan secara umum soal hubungan antara kedua buah negara dan perkara-perkara kepentingan bersama.

Mereka juga dijangka membincangkan keadaan di Asia Tenggara khusus mengenai di Indo-China dan peraturan pertahanan lima negara melibatkan Malaysia, Britain, New Zealand, Singapura dan Australia.

Perkara-perkara lain termasuklah hubungan ASEAN—Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC), usaha menstabilkan harga barangan utama dan sidang ketua-ketua negara Commonwealth di Kingston pada penghujung bulan ini yang juga akan disertai oleh Tuan Wilson.

Tun Razak yang dijangkakan tiba di London pagi ini juga akan merasmikan seminar politik Kelab UMNO United Kingdom Selasa ini. Antara mereka yang membentangkan kertas kerja dalam seminar itu ialah Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa bin Hitam dan Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Senu bin Abdul Rahman.

Perdana Menteri akan bertolak dari London ke Stockholm Rabu ini dan kemudian ke Paris bagi lawatan rasmi ke Sweden dan Perancis dan selepas itu beliau ke Kingston bagi menghadiri sidang Perdana-Perdana Menteri Commonwealth. — Bernama.

NO. SIRI : 118
NO. PEN : 118/78

Utusan Malaysia 17 April 1975.

PTR. KA : 119. 119/78 :

AKTA PETROLIUM

PARA pelabur dan kalangan pengusaha minyak tidak perlu bimbang dengan Undang-Undang Petroleum yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini. Ia bukanlah bertujuan untuk mengambil alih perusahaan minyak yang ada di negeri ini.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak menjelaskan di London kelmarin bahawa kerajaan tidak berniat untuk memiliknegarakan perusahaan minyak di negeri ini.

Menurut Tun kerajaan tidak boleh, di sisi undang-undang mengambil mana-mana harta atau syarikat perusahaan tanpa memberikan imbuhan. Kerana itu sehingga ini pihak kerajaan belumlah berniat untuk mengambil alih segala perusahaan minyak di Malaysia ini.

Tujuan besar diadakan peraturan-peraturan baru itu ialah supaya rakyat dapat turut mengambil bahagian dalam perusahaan minyak di negeri ini. Dengan peraturan baru itu juga perkara-perkara yang tidak diingini dapat dielakkan. Misalnya masalah bekalan yang selalu terganggu dan selalu kekurangan.

Pengusaha-pengusaha minyak haruslah menyedari bahawa walaupun ada peraturan yang baru dibuat, namun belumlah ada apa-apa sekatan yang dikenakan ke atas mereka yang boleh dianggap merugikan perusahaan itu.

Walaupun di bawah peraturan baru dikehendaki mengambil lesen pembahagi dan sebagainya, itu hanyalah untuk menjamin bahawa bekalan yang tetap dapat disediakan kepada orangramai terutama terhadap bahan-bahan penting seperti minyak tanah dan kegunaan lain.

NO. SIRI : 119
NO. PEN : 119/78

Utusan Malaysia 17 April 1975.

PTK. RA: 120 120/78

Razak akan berunding dengan Perdana Menteri Sweden

STOCKHOLM, 16 April — Tun Abdul Razak tiba di sini hari ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari iaitu lawatannya yang pertama ke Sweden.

Perdana Menteri akan mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Sweden, Tuan Olof Palme mengenai perkara kepentingan bersama.

Perkara utama yang akan dibincangkan ialah mengenai keadaan di Asia Tengara khusus Indo-China dan soal mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara Sweden dengan Malaysia.

Mereka juga dijangka bertukar tukar pandangan mengenai perkecualian Asia Tenggara.

Kerjasama serantau juga mungkin menjadi perhatian khas kerana Sweden adalah sebuah negara anggota Majlis NORDI — sebuah pertubuhan serantau yang meliputi Sweden, Finland, Iceland, Norway dan Denmark.

Soal tenaga, bahan mentah dan masaalah antara negara-negara maju dengan yang sedang membangun mungkin juga disentuh.

Ekonomi

Dalam rundingannya dengan pemimpin-pemimpin Sweden, Tun Razak juga berharap dapat meningkatkan lagi hubungan pertukaran ekonomi dan pengetahuan teknikal antara kedua buah negara.

Perdana Menteri dijangka berucap di satu perjumpaan dengan ahli-ahli perniagaan dan pengusaha terkemuka di sini mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia.

Malaysia adalah salah sebuah negara-negara di luar Eropah Barat mempunyai projek usahasama dengan Sweden. Malaysia merasakan masih terdapat bidang menambahkan lagi pelaburan Sweden.

Semasa di sini Tun Razak akan mengunjungi Raja Carl XVI dan makan tengahari dengan Raja Sweden itu di istana diraja.

Beliau juga akan berunding dengan Menteri Pertahanan Sweden, Tuan Eric Holmqvist dan mendengar penerangan mengenai dasar pertahanan negara ini.

Tun Razak juga akan diberi penerangan mengenai rancangan tenaga nuklier Sweden khusus ditumpukan terhadap penggunaan praktikal tenaga tersebut. — Bernama.

NO. SIRI : 120
NO. PEN : 120/78

PTR.KA : 121 121/78

Utusan Malaysia 25 April 1975.

Razak meterai 2 perjanjian di Perancis

PARIS 24 April — Tun Abdul Razak hari ini menandatangani dua perjanjian dengan Perancis guna mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Beliau menyatakan harapan bahawa dengan menandatangani perjanjian jaminan pelaburan dan menghapuskan cukai dua kali itu, lebih ramai lagi para pelabur Perancis akan menanam modal di Malaysia.

Menteri Luar Perancis, Tuan M. Jean Sauvagnargues menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaannya.

Tun Razak berkata, sebanyak 30 buah negara telah melaburkan modal di Malaysia. Negara yang banyak sekali melaburkan modal ialah Amerika,, Jepun dan Jerman Barat. Pelaburan Perancis hanya $765,000.

Beliau mengalu-alukan sebarang pelaburan dari negara-negara sahabat. Sektor pengilang telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan ekonomi Malaysia seluruhnya.

NO. SIRI : 121
NO. PEN : 121/78

KHAMIS 24 APRIL 1975

PTR.KA : 122 122/78

Razak sifatkan lawatan ke Perancis satu kemajuan besar

PARIS 23 April — Tun Abdul Razak malam ini mensifatkan lawatannya ke sini sebagai satu "kemajuan besar" bagi mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dengan Perancis.

Bercakap dalam majlis jamuan meraikannya oleh Perdana Menteri Perancis, Tuan Jacques Chirac di sini, Tun Razak berkata, Peluang-peluang untuk meluaskan lagi kerjasama antara kedua-dua negara masih luas.

Lawatannya ke sini akan memberi kesempatan kepadanya untuk meninjau peluang-peluang memperbaiki lagi kerjasama antara kedua-dua negara.

Beliau yakin rundingannya dengan Presiden Perancis, Tuan Valery Giscard D'Estaing esok dan rundingannya dengan Tuan Chirac awal hari ini akan dapat memperbaharui lagi ikatan dan hubungan kerjasama yang telah sedia ujud.

Walaupun dari segi sejarah hubungan antara Malaysia dengan Perancis tidak banyak tetapi tidak pula menghalang kedua-dua buah negara memupuk hubungan yang lebih erat menurut semangat kerjasama antarabangsa.

Percaya

Ini ialah kerana kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan dalam perkara-perkara antarabangsa khasnya berhubung dengan hal ehwal Asia Tenggara.

Malaysia mempunyai penuh kepercayaan bahawa setiap negara bergantung kepada satu sama lain merupakan satu faktor penting dalam hubungan antarabangsa dan hubungan itu merupakan contoh semangat tersebut.

Perancis, kata Tun Razak, adalah terkenal kerana mempunyai semangat persefahaman dan simpati terhadap masaalah-masa a l a h yang dihadapi oleh negara-negara membangun dan contoh yang jelas sekali ialah hubungannya dengan Malaysia.

Tun Razak mensifatkan lawatannya itu dapat memupuk lagi hubungan yang lebih positif antara Malaysia dengan Perancis yang telah ujud sejak beberapa tahun lalu.

Ketibaan Tun Razak untuk lawatan tersebut disambut oleh Tuan Chirac.

Selepas itu kedua-dua pemimpin itu berunding mengenai perkara-perkara antarabangsa, politik dan ekonomi di samping hubungan dua pihak.

Di hari kedua lawatannya itu, Tun Razak akan meletak sekalungan bunga di tugu peringatan perajurit yang tidak diketahui di mana mereka telah terkorban di tapak "Arc De Triomphe" yang terkenal.

Kalungan bunga itu mempunyai empat warna bendera Malaysia yang dikirim khas dari Kuala Lumpur.

"Arc De Triomphe" ialah satu binaan gerbang di sebuah daerah yang sesak di kotaraya itu. Dua belas batang jalanraya bertemu di bawah gerbang itu.

Tun Razak juga akan melawat Pusat Penyelidikan Tenaga Atom di Sadley. Pusat itu ialah yang terbesar di Perancis.

Sebelah petangnya Tun Razak akan mengunjungi Menteri Luar, ,Tuan Jeean Sauvagnargues dan kemudian menandatangani perjanjian-perjanjian pengelakan cukai dua kali dan jaminan pelaburan.

Rombongan Perdana Menteri termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim Ahmad, Duta Malaysia di sini, Tan Sri Jamal Latiff, Ketua Setiausaha Sulit Khas kepada Perdana Menteri, Encik Zain Azrai dan Pengarah Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA), Encik Mohamed Zain Majis.

NO. SIRI : 122
NO. PEN : 122/78

Utusan Malaysia 25 April 1975.

PTB. RA: 123 123/78

Masaalah Vietnam

Malaysia, Perancis sama pendapat

DARI TAIB AHMAD

PARIS 24 April — Malaysia dan Perancis sependapat bahawa masaalah Vietnam hendaklah diselesaikan dengan jalan damai. Kata sepakat ini tercapai dalam pertemuan 90 minit Perdana Menteri Tun Razak dan Perdana Menteri Perancis, Jacques Chirac setibanya di sini sem-lam.

Kata Tun: ..ta telah mengadakan perbincangan yang berhasil.

Kedua Perdana Menteri memberitahu para wartawan bahawa Malaysia dan Perancis setuju hubungan di antara negara Asia Tenggara dengan Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) perlu dirapatkan.

Perbincangan mengenai hubungan kedua negara tertumpu kepada bidang politik kebudayaan dan perdagangan.

Terdahulu dari ini setiausaha akhbar Perdana Menteri Perancis memberitahu bahawa tidak ada apa-apa masaalah di antara kedua negara.

Perbincangan itu untuk mengeratkan lagi hubungan, katanya.

Bagaimanapun sebelum ini kesukaran yang dianggap oleh Perancis ialah sikap Malaysia terhadap ujian nuklear dan kawalan Selat Melaka.

Perancis mahukan kebebasan maksima mengenai pelayaran di Selat Melaka.

Sementara itu kalangan Perancis membayangkan bahawa Malaysia mendapat perhatian Perancis dari segi perdagangan.

Jawatan Tuan Giscard D' Estaing semasa menjadi Menteri Ekonomi dalam tahun 1973 dan lawatan Menteri Dagang Luar Tuan Norbeit Segard mengikat perhubungan rapat melalui perdagangan.

Beliau berkata, Perancis berminat untuk menyertai berbagai projek di Malaysia termasuk penubuhan kilang besi, perusahaan petrokimia, penerbangan awam dan kerjaraya.

Perwakilan Malaysia dirundingkan itu termasuk ketua setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim, Duta Besar Malaysia di sini Tan Sri Jamal Latiff, Ketua Setiausaha Sulit Khas Perdana Menteri, Encik Zain Azraai, dan Pengarah FIDA, Encik Mohamad Zain Majid.

Perwakilan Perancis termasuk Menteri Luar Tuan Jean Sauvagnargues: Menteri Perdagangan Luar, Tuan Nobeirt Segard dan wakil khas Perancis mengenai Hal Ehwal Ekonomi, Tuan Missoffe.

Pagi ini Tun Razak meletakkan kalungan bunga di makam pahlawan yang tidak dikenali dan kemudian menghadiri taklimat di Pusat Penyelidikan Atom Saclay di luar ibukota Perancis.

Beliau makan tengahari bersama Presiden Giscard D' Estaing diikuti dengan satu perbincangan peribadi dengan Presiden di Istana Elysee.

Malam ini Tan Sri Jamal Latiff mengadakan majlis jamuan meraikan Tun Razak.

Toh Puan Rahah melawat Muzium Lukisan Moden Kebangsaan hari ini dan Persatuan Pandu Puteri Perancis pada hari ketiga lawatan mereka.

NO. SIRI : 123
NO. PEN : 123/78

PTR.ICA 124 124/78

Utusan Malaysia 25 April 1975.

PERTEMUAN SINGKAT RAZAK - WILSON

Masaalah Brunei antara perkara2 yang dibincang

LONDON 24 April — Masaalah Brunei adalah di antara beberapa perkara yang telah timbul di dalam pertemuan singkat antara Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak, dengan Perdana Menteri British Harold Wilson baru-baru ini.

Tun telah mengambil kesempatan dari perjalanannya ke persidangan Commonwelth di Jamaica untuk mengadakan pertemuan itu yang, walaupun tidak secara rasmi tetapi telah memberikan erti yang sangat besar di dalam memahamkan Kerajaan British terhadap sikap Malaysia berhubung dengan perkembangan- perkembangan terakhir di Asia Tenggara.

DARI:
ZAINUDDIN MAIDIN

Miskipun Malaysia tidak memberitahu Britain secara terus-terang bahawa sebarang rupa perjanjian pertahanan atau kesalamatan antara negara-negara kecil dengan negara besar sudah tidak memberikan erti apa-apa lagi berikutan dengan kekeciwaan yang dirasakan oleh sebahagian dari rakyat Khmer dan Vietnam Selatan terhadap Amerika, tetapi pihak British sendiri telah merasakan betapa keyakinan telah runtuh terhadap Amerika.

Kerajaan Parti Buruh British telahpun menunjukkan sikap tidak berminat terhadap tanggungjawab pertahanannya di Asia malah menegaskan dasarnya yang rasmi untuk mengundurkan pertahanannya dari Barat Suez (Withdrawing from East of Suez).

Di dalam pertemuan tersebut mungkin Tun Razak telah menyatakan harapan Malaysia agar British akan mematuhi dasar rasminya itu.

Bantuan

Selain dari itu British masih mempunyai tanggungjawab-nya di dalam peraturan pertahanan lima negara yang tujuan pokoknya adalah untuk memberikan bantuan pertahanan kepada Australia dan New Zealand sekiranya diperlukan.

Minat Kerajaan British yang ada sekarang terhadap peraturan itu juga ternyata merosot malah ia akan menarik balik semua pasukannya termasuk sebahagian kecil yang masih ada di Brunei.

Saya difahamkan bahawa pihak British sendiri adalah merasa bimbang untuk terus mengekalkan pasukannya di Brunei berikutan dengan tindakan sendirian Sri Begawan menuntut Limbang Sarawak dari Malaysia.

Sebenarnya bagi Malaysia tuntutan itu tidaklah menimbulkan kebimbangan yang besar kerana latar belakang bagi Sri Begawan menimbulkannya adalah difahami benar.

Tetapi bagi kerajaan British perkara ini sekiranya menjadi besar akan menimbulkan persoalan terhadap kedudukan saki baki tentearnya di Negeri Brunei.

Kerajan British adalah memahami benar bahawa tujuan Sri Begawan menimbulkan masaalah tuntutan terhadap Limbang itu adalah untuk mengalih perhatian rakyatnya dari menjalankan kegiatan-kegiatan politik di dalam negeri.

Masaalah

Kerajaan British sendiri tidak dapat memberikan jaminan bahawa pengharaman kegiatan politik bagi rakyat Brunei akan dapat menjamin tidak akan berulangnya pemberontakan rakyat seperti yang berlaku pada tahun 1962.

Tun Razak ketika saya tanyakan tentang masaalah Brunei telah secara tegas memberitahu bahawa "ini adalah masaalah antara Kerajaan British dengan Brunei sendiri."

Beliau sendiri barang kali tidak menimbulkan persoalan ini kerana banyak lagi perkara-perkara besar yang harus beliau utamakan di dalam pertemuan singkatnya dengan Wilson tetapi Kerajaan British mungkin lebih berminat terhadap persoalan ini kerana ia kelak akan melibatkan moralnya di Asia.

Sekiranya berulang pemberontakan rakyat di Brunei maka apakah

LIHAT MUKA 12
(Ruangan 3)

Kerajaan perlu sesuai diri

DARI MUKA 1

Kerajaan British yang dipimpin oleh Parti Buruh yang telah menegaskan sikap pertahanannya akan sanggup untuk kembali aktif di sebuah tanah jajahannya?

Keadaan di Asia sekarang adalah jauh bezanya dari keadaan pada masa berlakunya pemberontakan Brunei dahulu (1962). Kerajaan British perlu menyesuaikan dirinya dengan keadaan baru ini sekiranya ia mahu dihormati dan terus diterima baik oleh rakyat di Asia Tenggara.

Limbang

Buat Malaysia sekiranya Sri Begawan ingin untuk berbaik-baik semula maka tuntutan yang telah dibuatnya terhadap Limbang bukanlah merupakan luka yang sangat besar untuk dilupakan.

Adalah dapat diyakinkan bahawa Kerajaan British akan menasihatkan Sri Begawan supaya tidak menjadikan Limbang sebagai suatu issue yang akan merosakkan kedamaian di Asia.

Sebaliknya Sri Begawan mungkin akan nei di dalam pertemuan dengan Tun, tetapi Tun telah berkesempatan juga menerangkan 'Konsep pengecualian Asia Tenggara" yang akan menjadi jawapan yang sebaik-baiknya terhadap masaalah pertahanan di Asia Tenggara.

Tun memberitahu Wilson bahawa jawatankuasa pegawai-pegawai kanan negara-negara Asia yang berkenaan ,telah' hampir selesai menjalankan kerja mereka bagi menyiapkan 'blueprint' bagi konsep tersebut.

Malaysia mempunyai keyakinan yang tidak berbelah bagi lagi terhadap konsep ini. Ianya akan merupakan benteng yang sebaik-baiknya bagi keselamatan negara-negara kecil.

Keyakinan ini menjadi semakin teguh berikutan dengan terkuburnya slogan Amerika untuk mempertahankan apa yang dikatakannya demokrasi di Khmer dan Vietnam Selatan.

NO. SIRI : 124
NO. PEN : 124/78

SABTU 26 APRIL 1975 -

PTR. KA : 125 125/78

Untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tertentu

PINJAMAN $75 J DARI PERANCIS

PERANCIS telah bersetuju untuk memberi pelbagai pinjaman berjumlah kira-kira 150 juta Franc ($75 juta) kepada Malaysia dengan syarat-syarat mudah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tertentu.

Tun Abdul Razak mengumumkan demikian dalam satu kenyataan hari ini selepas berunding dengan para pemimpin Perancis.

Tun Razak berkata, hasil rundingan dengan Menteri Perdagangan Luar Perancis, Tuan Segard, persetujuan telah juga dicapai untuk mengadakan kemudahan kredit bagi Malaysia.

Pihak Perancis telah mengumumkan tawaran geran berjumlah sejuta Francs untuk menjalankan kajian mengenai kemungkinan membesarkan Pelabuhan Kuantan.

Tuan Segard juga menyatakan minat untuk turut membekal kelengkapan-kelengkapan radar dan letronik di Lapanganterbang Kuantan, menyertai kajian rancangan mengeluarkan alat-alat jentera serta pembinaan jambatan Pulau Pinang dan perusahaan mengeluarkan barang-barang getah.

Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kerana pinjaman dan kemudahan kredit serta geran yang ditawarkan.

PARIS 25 APRIL

Beliau menyambut baik keinginan pihak Perancis untuk menyertai projek-projek ekonomi dan perindustrian di Malaysia berasaskan faedah bersama.

Kedua-dua pemimpin telah juga membincangkan soal mengadakan kerjasama teknik antara Malaysia dan Perancis di bidang petrolium, keretapi dan tenaga nukliar.

Mereka telah juga menyentuh kemungkinan mengadakan kerjasama tiga pihak antara Malaysia, Perancis dan mana-mana "negara dunia ketiga" dalam projek-projek pembangunan tertentu.

Tun Razak berkata beliau amat puas hati dengan rundingan-rundingan sejak dua hari lalu dengan Presiden Giscard d'Estaing, Perdana Menteri Jacques Chirac dan Menteri Luar, Tuan Jean Sauvagnaugues.

Rundingan tersebut telah dapat membuka satu lembaran baru dari segi perhubungan antara Malaysia dan Perancis yang akan menghasilkan satu perkembangan baru dan positif.

Mengenai rundingan dengan Presiden Giscard d'Estaing beliau berkata, mereka telah bertukar-tukar pendapat mengenai berbagai masaalah serantau dan antarabangsa khususnya keadaan di Indo-China terutama kedudukan di Vietnam.

"Kami sama berpendapat tentang perlunya dihentikan segera peperangan di Vietnam yang telah mengakibatkan banyak pertumpahan darah dan penderitaan ke atas rakyat di negara itu."

Tun Razak berkata, beliau menyedari "usaha-usaha jujur" yang

NO. SIRI : 125
NO. PEN : 125/78

26hb April.1975

PTR. KA 12C 126/78

Untuk faedah ahli perniagaan dan pengusaha Perancis — Tun

Malaysia akan tubuh pusat penggalak pelaburan di sini

MALAYSIA akan menubuhkan sebuah pusat penggalak pelaburan di sini untuk faedah ahli-ahli perniagaan dan pengusaha Perancis yang hendak melabur di Malaysia, demikian diumumkan oleh Tun Abdul Razak hari ini.

Berucap di majlis perjumpaan dengan para peniaga dan pengusaha terkemuka Perancis di sini, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Malaysia telah juga meluluskan empat projek usahasama Perancis-Malaysia.

PARIS 25 APRIL.

Katanya, dasar Malaysia ialah mempelbagaikan sumber pelaburan asingnya. Di samping tidak menghadkan pelaburan dari sumber-sumber biasa, Malaysia juga sedang mempergiatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan dari negara-negara lain.

Menarik minat

"Dalam hubungan ini, Eropah, terutamanya Perancis sangat-sangat menarik minat kami," katanya.

Tun Razak yakin bahawa banyak lagi usaha boleh dijalankan untuk menambah bilangan projek-projek usahasama antara kedua negara.

Dengan beransur baiknya keadaan ekonomi dunia sekarang, beliau berharap lawatannya akan memberikan gambaran yang lebih cerah bahawa Malaysia menawarkan peluang-peluang pelaburan bagi para pengusaha Perancis yang telah maju.

Perjanjian jaminan pelaburan dan perjanjian mengelakkan cukai berganda yang ditandatangani oleh kedua negara memberi jaminan yang lebih kuat tentang minat Malaysia supaya Perancis menyertai rancangan pembangunan perusahaannya.

Tun Razak menambah, Malaysia mementingkan perusahaan-perusahaan yang berasaskan hasil bumi, tenaga buruh yang banyak dan perusahaan-perusahaan untuk ekspot.

Insentif dari segi kewangan dan juga bukan kewangan terbuka kepada para pelabur yang mempunyai projek-projek yang secocok dengan keperluan Malaysia.

NO. SIRI : 126
NO. PEN : 126/78

PTR. KA 127 127/78

Utusan Malaysia 2 Mei 1975.

Kita akan iktiraf kerajaan baru Vietnam — Razak

MALAYSIA akan mengiktiraf kerajaan baru di Vietnam Selatan sebaik saja ia dibentuk, kata Perdana Menteri, Tun Abdul Razak hari ini.

KINGSTON 1 MEI

Beliau berharap kerajaan baru itu dapat bekerjasama dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain untuk faedah bersama dan demi keamanan serta kestabilan rantau ini.

Tun Razak telah mengalu-alukan langkah Kerajaan Saigon menyerah diri tanpa syarat kepada pihak Vietcong semalam yang menamatkan pertempuran berlarutan selama 30 tahun di Vietnam.

Katanya, kejadian-kejadian yang berlaku di Kemboja dan Vietnam Selatan telah memeranjatkan ramai orang kerana ia berlaku secara terkejut.

Bagaimanapun, Malaysia ingin melihat rakyat kedua-dua buah negara itu memuliskan sendiri bentuk kerajaan yang mereka kehendaki.

Mengenai keputusan Amerika Syarikat hendak mengurangkan pengibatan tenteranya di Asia Tenggara, Perdana Menteri berkata ini telah diduga akan berlaku.

DORONG

Tun Razak berkata "teori domino" sudah tidak ujud lagi sekarang.

Mengenai samada kejadian di Kemboja dan Vietnam Selatan akan menjejas keselamatan Malaysia, beliau berkata sebelum ini ia mungkin memberi dorongan kepada pengganas-pengganas yang bergerak di hutan.

Tetapi kejadian-kejadian itu tidak mem-

dap kestabilan harga getah yang juga penting kepada dunia.

Katanya syor Malaysia ialah menyeru supaya diadakan harga yang berpatutan untuk negara pengeluar dan pengguna.

Tun Razak berkata sidang tertutup ketua-ketua kerajaan membincangkan hal ehwal dunia secara am dengan menitik beratkan soal Afrika Selatan.

Lain-lain perkara yang dipandang berat juga akan dibangkitkan.

78

Utusan Malaysia 9 Mei 1975

PTR. KA : 128 128/78

Perutusan dari Tun Haji Abdul Razak bin Hussein



TUN ABDUL RAZAK

SAYA mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Syarikat Boey Brothers Sendirian Berhad yang telah berjaya menubuhkan Dara Boey Brothers Gemstone Mine Sendirian Berhad untuk memproses batu permata yang terdapat di Bukit Ibam ini. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada kedua-dua pihak ini kerana memberi penghormatan kepada saya merasmikan kilang perusahaan batu permata yang pertama di Malaysia ini.

Perusahaan batu permata ini merupakan satu langkah kemajuan yang menempa sejarah kerana inilah perusahaan yang ulung di negara kita. Saya berharap lebih banyak lagi perusahaan dan kilang seperti ini diwujudkan ditempat atau kawasan di mana batu permata yang bermutu seperti ini boleh didapati.

Pada hemat saya munculnya perusahaan ini adalah pertanda baik bagi masa depan negara kita dan saya percaya dengan adanya usaha-usaha mencari kawasan-kawasan di mana batu permata yang bernilai boleh didapati maka hasil negara kita akan bertambah. Dengan adanya hasil dari minyak dan gas dan sekarang ini batu permata, rakyat akan dapat menikmati kekayaan dan kemakmuran negara.

Saya berharap apabila perusahaan ini telah berjalan sepenuhnya dan berkembang maju, maka peluang-peluang hendaklah diberi kepada pekerja-pekerja untuk memiliki saham supaya mereka benar-benar dapat berkhidmat dengan sepenuh semangat dedikasi untuk memajukan perusahaan ini.

Saya ucapkan selamat maju jaya.

(Tun Haji Abdul Razak bin Hussein).
Kuala Lumpur.
6hb. Mei, 1975.

NO. SIRI : 128
NO. PEN : 128/78

Utusan Malaysia 12 Mei 1975

PTR. IA: 129 129/78.

Pantai Timur akan capai kemajuan - Tun

TUN Razak berkata negeri-negeri Pantai Timur akan mencapai kemajuan seimbang dengan lain negeri yang maju dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

PULAU TIOMAN 11 MEI

Perdana Menteri yakin kawasan-kawasan di Pantai Timur akan menjadi pusat kegiatan pembangunan dengan adanya para pengusaha, pelabur, pelancung meneroka ke kawasan baru yang disediakan itu tidak lama lagi.

Tun Razak yang berucap di pembukaan Hotel Merlin-Samudra di sini hari ini menerangkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua kerajaan telah menyiapkan rangka strateji bagi memesatkan usaha-usaha perindustrain kawasan Pantai Timur.

Mengikut strateji ini jelasnya pusat-pusat bandar baru dan kawasan-kawasan perindustrian akan diadakan.

Asas

Tun Razak berkata badan-badan kerajaan seperti Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan Lembaga Pelabuhan Kuantan telah pun menyiapkan berbagai rancangan masing-masing untuk dilaksanakan dalam tahun-tahun akhir 70an di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan letrik, lapanganterbang-lapanganterbang dan pelabuhan, apabila siap dibina kelak sudah tentu akan mengiatkan aktiviti pembangunan di kawasan Pantai Timur terutama di Negeri Pahang.

Selain dari ini usaha-usaha dalam mencari gali minyak dan gas di kawasan laut di negeri-negeri Pantai Timur akan menambahkan lagi pembangunan di kawasan ini.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan telah-pun memberikan segala sokongan dan galakan untuk menjayakan projek usaha bersama.

Berhubung dengan hotel ini yang diusahakan secara bersama antara Lembaga Kemajuan Negeri Pahang dan Faber Merlin Tun Razak yakin akan menjadikan negeri Pahang amnya dan Pulau Tioman khasnya sebagai daya penarik untuk menggalakkan pelancung-pelancung melawat ke Pantai Timur.

Katanya, kemudahan infrastraktur di Pulau Tioman ini telah pun diperbaiki dan ditambah untuk kesenangan penduduk-penduduk dan juga orangramai yang melawat pulau tersebut.

Tun Razak memberitahu pasukan badan petugas Kerajaan Pusat dan negeri yang mengkaji keperluan-keperluan projek pelancungan telah menyediakan rangka-rangka kemudahan secukupnya bagi projek industri pelancungan dinegeri ini.

pada tahun-tahun permulaannya projek hotel ini mungkin tidak mendatangkan keuntungan, tetapi saya yakin pada jangka pertengahannya projek ini adalah pelaburan yang akan menghasilkan keuntungan yang lumayan.

NO. SIRI : 129
NO. PEN : 129/78

Utusan Malaysia 12 Mei 1975

PTR.RA 130 130/78



PERMAIDANI MERAH UNTUK RAZAK

TUN RAZAK dan Toh Puan Rahah telah diberi sambutan meriah oleh penduduk-penduduk kampung, termasuk kanak-kanak, setibanya mereka di Bukit Ibam untuk merasmikan pembukaan kilang permata kelmarin.

Gambar menunjukkan Tun Razak dan Toh Puan Rahah yang disambut dengan permaidani merah kelihatan sedang berjalan sebaik turun dari helikopter yang membawa mereka kedua.

Berita lanjut di muka 1.

NO. SIRI : 130
NO. PEN : 130/78

Utusan Malaysia 17 Mei, 1975

PTR. KA : 131 131/78

Tugas wakil-wakil rakyat: Petua MB Johor tepat—Tun

JOHOR BHARU 16 Mei — Tun Abdul Razak mensifatkan sebagai "sangat tepat untuk diamalkan", petua Menteri Besar Johor Dato' Haji Osman Saat, bagi wakil-wakil rakyat menjalankan tugas dengan jujur.

Katanya, petua-petua itu adalah menjamin UMNO senantiasa mendapat kepercayaan rakyat, di samping menjamin juga kemenangan Barisan Nasional lebih besar di masa depan.

Perdana Menteri menyatakan ini ketika berucap di majlis kesyukuran atas kemenangan Barisan Nasional Johor dalam pilihanraya kebangsaan tahun lalu di sini malam tadi.

Lebih 3,000 orang hadir di majlis itu, yang telah berlangsung di perkarangan kediaman rasmi Menteri Besar, di Saujana.

Tun Abdul Razak berkata lagi, selagi pemimpin-pemimpin semua peringkat menjalankan tugas dengan jujur, mengenepikan kepentingan diri dengan mengutamakan kepentingan parti, bangsa dan negara, kedudukan parti akan bertambah kuat.

Terdahulu dari itu, Dato' Haji Osman Saat dalam ucapannya menerangkan, beberapa petua dan panduan telah diberikan kepada semua wakil-wakil rakyat negeri ini selepas pilihanraya lalu.



TUN ABDUL RAZAK

Antara lain ialah wakil-wakil rakyat itu menjalankan satu-satu tindakan, jangan cuba untuk membelakangkan parti.

Katanya lagi, mereka juga digesa agar rajin menemui rakyat serta mengadakan pejabat di kawasan masing-masing sebagaimana yang pernah diarahkan oleh Tun Abdul Razak sendiri.

Menurut beliau, sebelum berlangsungnya pilihanraya itu, semua calun-calun telah mengangkat sumpah untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan jujur dan ikhlas.

Dato' Haji Osman juga menerangkan, walaupun Parti DAP dapat merebut kembali satu kerusi Dewan Negeri di Kluang, tetapi pengaruhnya semakin merosot dibandingkan masa-masa lalu.

Beliau menjelaskan, undi pembangkang di negeri ini didapati dalam pilihanraya itu cuma 14 peratus saja, dibandingkan 38 peratus tahun 1969, 41 peratus tahun 1964, 30 peratus tahun 1959 dan 25 peratus tahun 1954.

Dato' Haji Osman kemudian di majlis itu telah mengumumkan sumbangan Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Johor sebanyak $100,000, kepada UMNO Malaysia dan kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia masing-masing $10,000.

Beliau selepas pengumuman itu telah menyerahkan cek-cek kepada Tun Abdul Razak untuk UMNO Malaysia dan Pemuda UMNO Malaysia itu, manakala untuk Wanita UMNO Malaysia telah diserahkan kepada Ketuanya Puan Aishah Ghani di Muar baru-baru ini.

NO. SIRI : 131
NO. PEN : 131/78

Utusan Malaysia 17 Mei, 1975

PTR. KS 132 132/78 .

Razak yakin masa depan negara cerah

MERSING 16 MEI

TUN Abdul Razak yakin masa depan negara adalah cerah bagi menjamin kemajuan dan kejayaan kiranya rakyat mempunyai penuh dedikasi dan bertanggungjawab.

Ketika itu nanti negara kita juga akan menjadi contoh kepada dunia amnya, tambah beliau.

Perdana Menteri berucap merasmikan Pusat Latihan Membina Semangat di sini hari ini.

Contoh

Beliau menekankan bahawa keagungan satu-satu negara dan bangsa itu tidak bergantung kepada hasil buminya semata-mata.

Sama juga pentingnya ialah bimbingan kerohanian dan semangat dedikasi rakyat yang bertanggungjawab dalam menunaikan peranan masing-masing dalam semua lapisan masyarakat, jelasnya.

Katanya penubuhan pusat tersebut kena dengan tujuan dan masanya kerana negara ini yang sedang membangun, sangat-sangat berkehendakkan tenaga rakyat yang bersikap demikian.

Bimbingan latihan yang seumpama itu patut diperluaskan dan meliputi segenap golongan masyarakat agar segala tindakan kerajaan bagi meninggikan kedudukan ekonomi dan taraf hidup rakyat mendapat sambutan dan penyertaan rakyat.

Beliau berharap langkah kerajaan Johor membina pusat membina semangat itu akan menjadi contoh kepada kerajaan-kerajaan negeri lain.

Adalah menjadi harapannya agaf pusat itu dapat memainkan peranan penting melahirkan lebih ramai pemimpin yang berkalibar, berani dan jujur untuk membimbing rakyat ke arah kemajuan dan kemakmuran bagi membina masyarakat baru di Malaysia.

Tun Razak mengingatkan bahawa segala kemudahan, sama ada bantuan atau latihan disediakan bagi melengkapkan jenerasi muda mengambil bahagian dalam kegiatan ekonomi dan pembangunan.

Kerajaan telah menubuhkan berbagai ajensi untuk merancang dan melaksanakan projek dan rancangan untuk seluruh rakyat.

Pembukaan kawasan-kawasan tanah secara besar-besaran, seperti yang diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Rancangan Jengka, Trengganu Tengah dan Johor Tenggara, akan dapat mewujudkan banyak lagi pusat pertumbuhan ekonomi dan pusat bandar baru.

Kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di bandar-bandar boleh dibawa ke kawasan-kawasan tersebut untuk dinikmati bersama penduduk kampung.

Kilang-kilang perusahaan perindustrian terutama yang berasaskan pertanian juga akan dapat diadakan di kawasan-kawasan itu bagi memberi peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan kepada mereka.

Tun Razak berkata, penduduk-penduduk Johor, khasnya yang tinggal berdekatan kawasan Pahang Tenggara, boleh menyertai rancangan raksaksa itu.

Mengenai bandar Mersing, beliau berkata, bandar tersebut memainkan perana penting untuk para pelawat dan pelancung yang hendak ke Pulau Tioman.

Pesat

Menyentuh Rancangan Johor Tenggara, Perdana Menteri berkata, rancangan itu pun berjalan pesat.

Apabila jalanraya Kota Tinggi-Penggarang dan lain-lain kemudahan yang disediakan siap dalam rancangan tersebut tentulah kegiatan ekonomi di Johor akan menjadi lebih sibuk.

Pelabuhan Pasir Gudang dan kilang-kilang perindustrian yang akan ditubuhkan di situ akan memberi nafas dan jiwa baru kepada Negeri Johor yang memang sudah jauh maju dari negeri-negeri lain di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Tun Razak yakin dengan siapnya rancangan-rancangan itu serta lain-lain projek di bawah Rancangan Malaysia, rakyat di negara ini akan dapat hidup lebih mewah, makmur dan bahagia.

Terdahulu dari itu, Menteri Besar Johor Dato' Haji Osman Saat menerangkan, projek $300,000/- itu buka sahaja untuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan tetapi juga untuk mereka dari pihak swasta.


Beliau berkata, dalam masa jangka panjang, kerajaan negeri memerlukan sebanyak $500,000/- lagi bagi memperluaskan lagi pusat itu.

NO. SIRI : 132
NO. PEN : 132/78

Sambongan

UTUSAN MALAYSIA
17hb Mei, 1975

RAZAK LAWAT PASIR GUDANG



PERDANA Menteri Tun Abdul Razak telah disambut dengan meriah setibanya di Johor Bharu kelmarin untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Negeri Johor.

Antara tempat-tempat yang dilawat oleh Tun Abdul Razak kelmarin termasuklah kawasan Pelabuhan Pasir Gudang.

Gambar kiri kelihatan Tun Razak sedang meneliti pelan kawasan Pelabuhan Pasir Gudang semasa melawat kawasan itu dengan menaiki sebuah bot.

Gambar bawah menunjukkan Tun Razak [bertongkat] sedang disambut dengan meriahnya setibanya beliau di kawasan Pelabuhan Pasir Gudang. Turut mengiringi dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Johor] Dato' Haji Osman Saat [kiri sekali].



Utusan Malaysia 24 Mei. 1975

PTR. ISA : 133 133/78.

Perhimpunan agung UMNO mungkin dilanjut 3 hari

KUALA LUMPUR, 23 Mei — Majlis Tertinggi UMNO akan menimbang kemungkinan "melanjutkan" perhimpunan agungnya Jun depan kepada tiga hari dalam mesyuarat bulanannya esok.

Mesyuarat yang diadakan secara tertutup di ibu pejabat parti itu juga akan membincangkan persiapan-persiapan terakhir menjelang perhimpunan yang dijadualkan akan berlangsung selama dua hari pada 22 dan 23 Jun.

Perdana Menteri Tun Razak selaku Presiden UMNO akan mempengerusikan mesyuarat itu. Ia merupakan mesyuarat kedua terakhir sebelum berlangsungnya perhimpunan yang akan memilih pucuk pimpinan baru parti.

Mesyuarat terakhir akan diadakan di kediaman Tun Razak — Sri Taman — selepas berakhirnya perhimpunan agung tahunan Pemuda dan Wanita UMNO pada 21 Jun.

Utusan Malaysia difahamkan bahawa mesyuarat esok akan membereskan tugas-tugas Majlis Tertinggi yang ada sekarang yang akan tamat tempoh perkhidmatannya.

Semua usul dari bahagian-bahagian telah pun diterima dan sekarang ini sedang ditapis oleh jawatan penapis yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar yang juga salah seorang naib presiden parti.

Ibupejabat UMNO juga telah menghantar surat-surat memberitahu kepada semua tokoh-tokoh UMNO yang dicalunkan bertanding dalam pelbagai jawatan tertinggi parti.

Mereka dikehendaki menghantar semula surat-surat itu sambil menyatakan persetujuan untuk bertanding atau sebaliknya.

Majlis Tertinggi juga akan menimbang kemungkinan melanjutkan perhimpunan kali ini kepada tiga hari seperti yang diminta oleh salah seorang tokoh veteran parti baru-baru ini.

Radin Supartan baru-baru ini telah menghantar sepucuk memorandum kepada Tun Razak melalui Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Kamaruddin Mat Isa mengenai perkara itu.

Beliau meminta persidangan itu dilanjutkan untuk membolehkan ahli-ahli parti membincangkan pergolakan lanjut yang berlaku di dalam dan luar negeri sekarang.

Bagaimanapun Utusan Malaysia diberitahu bahawa kemungkinan syor itu dilaksanakan adalah tipis sekali memandangkan ia melibatkan banyak wang dan tenaga.


Ramai kalangan majlis itu berpendapat bahawa masa dua hari untuk perhimpunan agung adalah mencukupi. Lain-lain masaalah yang timbul bolehlah disalorkan kepada pucuk pimpinan melalui bahagian masing-masing atau peringkat negeri.

NO. SIRI : 133
NO. PEN : 133/78

NO. PEN : 135/78

Utusan Malaysia 3 Jun 1975

PTR.KA : 134 134/78



Tun berkenalan dengan juruterbang F5

TENTERA Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang merayakan ulangtahun ke 17 kelmarin telah memasuki zaman teknoloji supersonic dengan pelancaran lapan buah pesawat jet-jet pejaung F5, Skuadron Ke 12.

Upacara pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak penuh dengan istiadat tradisonal termasuk acara menepung tawar jet-jet tersebut di Pangkalan TUDM Butterworth petang semalam.

Pesawat-pesawat tersebut yang diberi gelaran "Harimau" sebuah berharga $4.5 juta dibeli dari Syarikat Northrop, Amerika adalah digunakan oleh 22 buah negara dalam dunia.

Satu pertunjukan udara yang sungguh menarik dan berani oleh lima dari jet-jet itu yang diketuai oleh Leftenan Kolonel (Udara) Quek Seng Kiew telah diadakan untuk Perdana Menteri dan tetamu-tetamu jemputan.

Sebelum itu dalam ucapan ringkasnya, Ketua Turus TUDM, Naib Mashall (Udara) Datuk Sulaiman Sujak memberitahu lapan buah lagi jet F5 akan tiba dalam bulan Ogos depan untuk melengkapkan Skuadron Ke 12.

*** Perdana Menteri sedang diperkenalkan kepada salah seorang pilot jet F5 dengan disaksikan oleh Datuk Sulaiman Sujak.**

NO. SIRI : 134
NO. PEN : 134/78

Utusan Malaysia 7 Jun 1975.

PJR. KA: 135 135/78

Jika harga getah turun satu sen —Tun

Pendapatan luar kita akan kurang $25 juta setahun

KEMEROSOTAN harga getah sebanyak satu sen sahaja akan mengurangkan pendapatan luar negeri Malaysia sebanyak kira-kira $25 juta setahun, Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berkata hari ini.

Tambahnya, hampir separuh dari penduduk negara ini terlibat dengan usaha pengeluaran getah.

Beliau menekankan dalam keadaan ekonomi yang tidak tentu pada masa-masa akan datang, penting diadakan satu penyamaan dasar pengeluaran teratur dan tersusun untuk menentukan supaya penstabilan harga melalui setok penimbal getah antarabangsa mencapai kesannya.

SERDANG 6 JUN

"Harga getah yang tidak stabil ini memberi kesan yang besar kepada ekonomi negara dan juga penduduk yang terlibat dengan perusahaan getah," tegasnya.

Tun Razak berucap merasmikan seminar pembangunan pekebun-pekebun kecil di Universiti Pertanian Serdang di sini pagi ini.

Tujuan

Perdana Menteri mahu perancangan pengeluaran bagi masa depan di susun berasaskan kepada luasnya kawasan tanaman getah pada masa ini, rancangan tanam semula, kemudahan-kemudahan mendapatkan bahan tanaman yang bermutu tinggi, penggunaan teknologi moden dan juga berkenaan teknik dan ekonomi di antara getah asli dengan getah tiruan.

Beliau mengulangi bahawa sekim setok penimbal getah antarabangsa diadakan dengan tujuan untuk mendapatkan pembayaran saksama bagi negara pengeluar dan menentukan bekalan yang cukup bagi negara pengguna.

"Ini bertujuan mencegah berlakunya gangguan terhadap pengeluaran perusa-

Utusan Malaysia 11 Jun, 1975

PTR. PA : 136 136/78

Razak: Pemimpin rantau ini perlu erat perhubungan

KUALA LUMPUR 10 Jun — Tun Razak malam ini menyarankan pentingnya para pemimpin kerajaan di rantau ini mengeratkan persefahaman dan hubungan memandangkan perlunya "kita saling bergantung antara satu dengan lain, terutama dalam konteks Asia Tenggara sekarang."

Perdana Menteri mensifatkan hubungan seperti itu sebagai berguna dan mustahak.

Tun Razak telah berucap di majlis jamuan balas oleh Perdana Menteri Thai, Tun Kukrit Pramoj di sebuah hotel terkemuka di sini.

Beliau menarik perhatian tentang rundingan-rundingan kedua-dua mereka pagi ini yang telah membolehkan mereka memahami kedudukan, masaalah dan kesulitan masing-masing.

"Perkara-perkara mengenai berbagai bidang termasuk perkara-perkara kepentingan bersama serta masaalah berhubung dengan rantau ini telah mendatangkan hasil yang berfaedah," katanya.

Kata Tun Razak, dalam rundingan-rundingan yang diadakan secara panjang lebar dan berhasil itu, mereka telah bertukar-tukar fikiran secara luas mengenai masaalah-masaalah meliputi hubungan dua — pihak serta yang melibatkan rantau ini dan antarabangsa.

Beliau mengalu-alukan pertukaran pendapat seperti itu dan berharap dapat diluaskan di masa depan.

Tun Razak menambah, Malaysia percaya di atas jaminan Kerajaan Thai untuk meneruskan kerjasama dan hubungan antara kedua negara.

Rakan

Malaysia juga berharap Thailand akan sentiasa menganggap negara ini sebagai rakan, pasangan dan jiran yang dipercayai, katanya.

Sementara itu, sebelah pagi ini dalam rundingan mereka kira-kira 45 minit di pejabat Perdana Menteri, kedua-dua mereka menyentuh perkara-perkara hubungan kedua-dua negara, keadaan di rantau ini berikutan perkembangan di Indo-China serta kerjasama serantau.

Kedua mereka mulanya bertemu di pejabat Tun Razak yang dihadiri sama oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dan Menteri Luar Thai, Major Jeneral Chatichai Chonnhavan.

Dua orang Perdana Menteri itu bersama Datuk Hussein dan Jeneral Chatichai kemudian masuk ke bilik kabinet meneruskan perbincangan mereka kira-kira sejam bersama lain-lain anggota rombongan Thai dan Menteri-Menteri Kabinet Malaysia.

Di antara yang hadir ialah Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Abdul Ghafar Baba, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon, Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-Tugas Khas, Datuk Haji Mohamed Asri Haji Muda.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Abu Samah, Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas Bagi Hal Ehwal Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa Hitam dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim Ahmad.

Terdahulu, Tun Kukrit telah diberi taklimat mengenai pembangunan negara oleh Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Encik Sulaiman Abdullah di bilik gerakan negara.


Katanya, Malaysia sekarang telah mendapat sumber hasil baru, perusahaan minyak.

NO. SIRI : 136
NO. PEN : 136/78

UTUSAN MALAYSIA, 13hb, June. 1975

PTR. KD: 137 137 175

Ali sifatkan Sri Taman lebih baik dari Rumah Putih



TENTU ada sesuatu yang dibisikkan oleh Muhammad Ali kepada Tun Razak di majlis makan malam di Sri Taman, malam tadi. Perdana Menteri nampaknya begitu bersungguh-sungguh mendengar.

Oleh
ISMAIL AHMAD

KUALA LUMPUR 12 Jun — Juara Tinju Heavyweight Dunia Muhammad Ali malam ini mensifatkan Sri Taman lebih baik dari Rumah Putih di Washington D.C.

Ali telah bercakap menerusi talipon dari kediaman Tun Perdana Menteri terus ke New York kira-kira pukul 10.10 malam ini (waktu Malaysia) dan 10.35 pagi waktu New York kepada promoter Don King.

Dalam perbincangan tersebut Ali berkata beliau begitu kagum suasana di Sri Taman yang serba putih itu menyamai "White House" lebih-lebih lagi jamuan makan malam yang diberikan oleh Tun Perdana Menteri.

Suasana

"Jika saya masuk ke Rumah Putih di Washington saya hanya duduk tidak lebih dari 10 minit tetapi ini tidak di Sri Taman di mana saya bersama-sama dengan pembesar negara lebih dari 2 jam."

Ali seterusnya mempelawa promoter Don King serta rakyat Amerika datang ke negaranya (Malaysia) kerana suasana di Kuala Lumpur sungguh menarik, yang selama ini tidak diketahui oleh rakyat Amerika.

Sementara itu Joe Bugner juga telah bercakap dalam talipon dengan Promoter Don King juga dengan kepujian yang sama terhadap kebolehan Malaysia mengendalikan pertarungan gelaran heavyweight dunia ini.

Jaminan

Terdahulu dari itu Tun Perdana Menteri juga telah berbual-bual dengan Promoter Don King dengan memberi jaminan bahawa kedua-dua peninju tersebut berada dalam keadaan sihat dan tidak sabar lagi menunggu tarikh 1 Julai.

Tun sambil berseloroh antara lain berkata "Muhammad Ali di kiri saya, Joe Bugner di kanan dan saya seolah-olah sebagai seorang pengadil pertarungan gelaran di Sri Taman malam ini."

Tun kemudian berkata rakyat Malaysia kini sudah tidak tertahan lagi menunggu hari pertarungan 1 Julai dan sedang beliau bercakap

NO. PEN : 140/78

Utusan Malaysia 20 Jun, 1975

PTR. KA : 138 138/78.

"Mereka gunakan platform kita untuk menghancurkan Barisan dari dalam"

TUN: WASPADA GOLONGAN PECAH—BELAH

LAPORAN PENUH TUN
LIHAT MUKA 4, 5 dan 8

KUALA LUMPUR 19 Jun — Presiden UMNO, Tun Abdul Razak mengingatkan ahli-ahli parti supaya waspada terhadap golongan-golongan yang "menggunakan platform-platform kita" untuk menghancurkan Barisan Nasional dari dalam.

Keadaan seperti ini biasanya berlaku apabila sesebuah pertubuhan itu, seperti Barisan Nasional, berada di mercu keteguhan dan kekuatan.

Ingatan itu terkandung dalam laporan "Kajian Presiden 1975" untuk dibentangkan dalam perhimpunan UMNO yang ke-26 di sini.

Golongan-golongan anti-nasional itu menggunakan taktik supaya ahli-ahli parti menerima dan percaya kepada mereka.

Anasir-anasir itu juga menggunakan taktik yang berdasarkan kepada pergaduhan kelas melalui proses demokrasi untuk memecah-belah dan dengan demikian ahli-ahli parti tidak lagi mempunyai harapan kepada pucuk pimpinan yang ada sekarang.

Mereka akan 'mengkudakan' seorang pemimpin yang boleh diperalatkan untuk mengambil alih kuasa ini. "Selepas berjaya kuda itu akan menjadi korban dan mereka akan meguasai parti kita".

Strateji mereka akan lebih berjaya apabila sesebuah pertubuhan itu terlalu besar tetapi ahli-ahlinya berpecah-belah.

Kata Tun Razak: "Kedudukan kita akan terancam apabila kita lemah. Kita juga akan terancam apabila kita terlalu kuat.;;

UMNO yang menjadi ;akar tunjang kepada Barisan Nasional adalah sebuah parti yang kuat, teguh dan padu. Kerana itu ahli-ahli parti hendaklah waspada supaya tidak timbul gelombang-gelombang yang boleh mengançam kedudukan ini.

Ahli-ahli UMNO hendaklah menghindarkan penyerapan golongan-golongan anti nasional terutama mereka yang terlatih dalam tindak-tanduk seperti itu.

Falsafah mengujudkan Barisan Nasional semata-mata untuk mengurangkan proses berpolitik. Ini ialah kerana jika tenaga rakyat dibiarkan membazir melalui berpolitik, segala usaha pembangunan akan gagal dan keadaan "anarki" akan timbul.

Pada akhirnya kebebasan berpolitik juga turut luput dan negara akan menjadi tidak stabil dan kehancuran akan muncul.

Beliau tidak rela melihat sistem demokrasi akan merosakkan negara ini sendiri. "Kita tidak boleh membiarkan sistem demokrasi kita meruntuhkan kita sendiri".

Falsafah yang diamalkan itu dengan sendirinya mengurangkan masa dan tenaga yang dibazirkan untuk berpolitik.

NO. SIRI : 138
NO. PEN : 138/78

PTR-KA : 140 140/78

Utusan Malaysia 3 Julai 1975

Sambutan tradisi tentera laut untuk Razak di KD Malaya

JOHOR BHARU 2 Julai — Perdana Menteri Tun Abdul Razak akan hadir di upacara perbarisan menyambut Hari Tentera Laut Diraja Malaysia yang berlangsung di K.D. Malaya Woodlands, hari Jumaat ini.

Ketibaan Tun Razak yang diiringi oleh isterinya Toh Puan Hajah Rahah akan disambut dengan kehormatan menurut tradisi Tentera Laut Diraja Malaysia.

Perdana Menteri akan menerima tabik hormat dari kawalan kehormatan pegawai-pegawai TLDM dan selepas itu memeriksa kawalan dan perbarisan.

Hadir

Turut hadir di upacara itu ialah Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Osman Saat dan isteri, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Zulkifli Abdul Hamid, Ketua Turus Tentera Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail.

Perdana Menteri akan melawat ke kapal K.D. Rahmat dan menyaksikan pertunjukan menyelam oleh anggota-anggota TLDM.

Beliau juga akan dib[erikan] taklimat oleh P[egawai] lima Satu K.D. [Ra]mat di W[oodlands] dan sele[pas] wat ka[pal] lajua[n] tiba nyaksi[kan] jukan tangan ke[pada] ga dan lain-la[in]

Toh

Mohd Noor mer[asmikan] bual syor ini dala[m] kertas kerjanya [pada] seminar kebangsa[an]

PTR-KA : 139 139/78

Utusan Malaysia 28 Jun 1975

Razak syorkan tubuh akademi sains negara

TUN Razak malam ini menganjurkan ahli-ahli sains tempatan supaya menubuhkan akademi sains negara.

KUALA LUMPUR 27 JUN

Perdana Menteri berkata: "Sudah tiba masanya ditubuhkan akademi seperti ini sebagaimana yang telah ujud di alin-lain negara."

Tun Razak membuat anjuran ini ketika berucap di majlis makan malam Institut Kimia Malaysia disebuah hotel terkemuka di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, beliau ingin melihat kerjasama lebih rapat antara berbagai badan professional sains di negara ini.

"Kita sekarang berada dalam zaman di mana hasil-hasil berkenaan akan hanya dapat dicapai melalui usaha-usaha bersama.

"Para saintis negara boleh memberikan sumbangan yang lebih besar demi faedah masa depan rakyat dan negara."

Dasar

"Kita mesti mempunyai wajah baru dan di dalam masa yang sama kita tidak boleh membazirkan sumber-sumber yang ada dengan cara kegiatan yang bertindih," kata Tun Razak.

Menurutnya, kerana itu lah beliau telah mengambil keputusan supaya ditubuhkan majlis saintifik dan perusahaan negara untuk merangka dasar sains kebangsaan.

"Tujuannya ialah untuk menyelaraskan usaha-usaha dan sumber-sumber yang terhad serta menyalurkannya ke arah yang sepatutnya di samping memilih daerah-daerah yang memerlukan tindakan segera dan berkesan.

"Majlis itu juga akan memainkan peranan menyebar dan menterjemahkan pengetahuan-pengetahuan saintifik untuk kegunaan pembangunan negara," kata Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, ahli-ahli majlis akan terdiri dari para saintis yang terbaik, dan perlantikan ke majlis itu akan merupakan satu penghormatan yang tidak ternilai kepada mereka yang terpilih.

Tun Razak kemudian menyentuh tentang rungutan para saintis bahawa mereka mengalami diskriminasi untuk memasuki perkhidmatan awam.

"Saya bukan menentang pengambilan para saintis di dalam perkhidmatan awam, dan jika mereka tidak diambil, sebabnya ialah kerana mereka diperlukan di tempat-tempat lain.

"Bagaimanapun bila keadaan mengizinkan di masa akan datang, saya akan menyokong aspirasi para saintis supaya ditubuhkan perkhidmatan awam saintifik," jelas Tun Razak.

Beliau berkata, majlis penyelidikan saintifik dan perusahaan kebangsaan akan menimbangkan perkara tersebut dengan segera.

NO. SIRI : 139
NO. PEN : 139/78

NO. SIRI : 140
NO. PEN : 140/78

PTR.KA : 141) 141/78

Utusan Malaysia 5 Julai 1975

Tun: Sejajar dengan pembesaran dan tanggungjawab yang bertambah

TLDM AKAN DILENGKAP ALAT2 MODEN

TENTERA Laut Diraja Malaysia akan dilengkapkan dengan alat-alat serba moden dan baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga, menggantikan semua kelengkapan yang sudah lama, kata Tun Razak di sini hari ini.

Ini adalah sejajar dengan pembesaran dan tanggungjawab yang bertambah kepada pasukan ini, tegas Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan.

Berucap di perayaan ulangtahun ke 17 TLDM di pangkalannya di sini, beliau menekankan tanggungjawab besar pasukan ini memerlukan kelengkapan moden dan anggota-anggota yang dedikasi dan berdisiplin.

Katanya, pangkalan TLDM, di Lumut yang akan dapat digunakan pada tahun 1981 dan di Kuantan pada tahun 1978 akan mempunyai segala kemudahan yang lebih baik dari yang ada sekarang..

Buat sementara waktu gunakanlah pangkalan yang ada di sini dan terpaksalah kita bersabar dengan kekurangan yang terdapat — hanya untuk dua tiga tahun lagi, kata Tun Razak.

Perdana Menteri menyatakan, kemajuan TLDM dalam masa tempoh lima tahun terakhir ini sungguh membanggakan. TLDM telah masuk ke zaman peluru berpandu di awal tahun 70an dan sekarang memiliki dua skuadran Suface to surface missile boat dan sebuah frigate peluru berpandu.

"Pembinaan pangkalannya di Lumut dan di Kuantan sedang berjalan lancar dan apabila siap bersama-sama dengan pangkalan-pangkalan yang sedia ada di Tawau, Labuan dan Rajang akan membolehkan TLDM memberikan khidmat yang baik dan sempurna," kata Tun Razak.

WOODLANDS 4 JULAI

Tun Abdul Razak menarik perhatian tentang perlunya TLDM bekerjasama rapat dengan Polis Laut, Jabatan Kastam, Imigresyen, Perikanan dan lain-lain yang mempunyai tugas keselamatan dan kepentingan negara.

Katanya, kawasan pantai dan perairan Malaysia sangatlah luas dan tanggungjawab mengawalnya dengan cara yang berkesan memerlukan banyak tenaga serta alat-alat yang sempurna.

Beliau menambah, kerajaan sedar akan hal ini dan sentiasa menyesuaikan keperluan-keperluan itu dari masa ke masa.

Lojistik

"Saya puas hati dengan peranan TLDM memberikan bantuan lojistik dengan pengangkutan di perairan kita mahupun di laut dan di sungai terutama untuk pasukan keselamatan yang menjalankan gerakan di Sarawak," tambahnya.

Beliau menyebut tentang pembinaan sebuah kapalukur yang 'sophisticated' yang beratnya lebih kurang 1,000 tan dengan harga $33 juta, yang akan mempunyai alat-alat paling moden termasuk pandu arah satelit dan haidroplot.

Kapal ini untuk kegunaan Jabatan Jurukur dan Tentera Laut Diraja menjalankan tugas-tugas mengukur dengan lebih tepat dan mendalam.

Tambahnya, ahli-ahli kajiukur dasar laut akan berkehendakkan bantuan dan kerjasama yang lebih banyak dari TLDM kerana menghadapi tugas-tugas yang berat melengkapkan lagi carta, pelabuhan, sungai dan laut.

Tun Razak memuji TLDM kerana tindakan dan usaha cemerlang dalam menguruskan masaalah orang-orang pelarian dari Khmer dan Vietnam Selatan, membersihkan tumpahan minyak di Selat Melaka di samping tugas routine menghalang rompakan-rompakan di laut.

Tun Razak dan Toh Puan Rahah juga menghadiri majlis jamuan makan malam sempena perayaan ulangtahun TLDM di sini malam ini.

Ketika berucap beliau tahun akan datang adalah bagi menampung secukupnya kepentingan pertahanan laut di negara ini.

Ketua Turus TLDM, Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam dalam ucapannya berkata perkembangan tentera laut dalam masa 17 tahun lalu adalah agak luar biasa.

Katanya, kemajuan yang dicapai hingga menjadikan TLDM seperti sekarang adalah hasil minat, bimbingan dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Tun Razak.

Tun Razak telah menerima tabik hormat oleh 1,000 orang anggota dan pegawai di perbarisan itu.

Selepas perbarisan, Perdana Menteri diiringi oleh Datuk Thanabalasingam menaiki Frigate K. D. Rahmat bagi menyaksikan pertunjukan menyelam. Dalam pertunjukan itu para juruselam TLDM telah menenggelamkan sebuah kapal "musuh".

Tun Razak juga menaiki kapal penggempur laju dan kemudian melawat berbagai unit di pangkalan itu termasuk armada teknik, perhubungan dan bahagian ukurair.


Toh Puan Rahah dalam acara berasingan pula telah melawat bahagian tempat orang sakit dan sekolah latihan memasak. Beliau juga menyaksikan pertunjukan kerjatangan oleh anggota kelab keluarga tentera laut.

Turut hadir di upacara perbarisan itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dzulkifli Abdul Hamid dan Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Osman Saat.

NO. SIRI : 141
NO. PEN : 141/78

Utusan Malaysia 7 Julai 1975

PTR. KA: 142 172/78



NO. SIRI : 142
NO. PEN : 142/78

Utusan Malaysia 11 Julai, 1975

PMR.RA:143 143/78





DUA DUBES TEMUI RAZAK

DUTA Besar Korea Utara yang pertama, Tuan Jong Song Mun dan Duta Besar Syria, Tuan Mounir Moubasha tengahari semalam telah mengunjungi Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di pejabatnya.

Mereka masing-masing berada kira-kira ½ jam di pejabat Tun Razak dan bertukar-tukar fikiran.

Tuan Jong menemui Perdana Menteri pada pukul 12.00 tengahari sementara Tuan Mounir jam 12.30 tengahari.

Mereka telah membincangkan soal-soal kepentingan bersama termasuk merapatkan hubungan kebudayaan dan ekonomi di samping soal-soal antarabangsa.

Gambar menunjukkan [atas] Tun Razak bersama dengan Tuan Mounir sementara bawah bersama Tuan Jong.

NO. SIRI : 143
NO. PEN : 143/78

Utusan Malaysia 11 Julai, 1975

PTR. KA: 144 144/78

Bantuan anak-anak juga dinaikkan 50 peratus

SARAHIDUP BALU PERAJURIT DITAMBAH

KUALA LUMPUR 10 Julai — Kerajaan akan menaikkan sebanyak 50 peratus lagi bayaran sarahidup kepada balu-balu dan anak-anak anggota pasukan keselamatan, supaya jumlah pencen dan bantuan yang dibayar kepada mereka tidak kurang dari $140 sebulan.

Ini diputuskan oleh Lembaga Pengurus Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara dalam mesyuarat tahunannya di Bilik Gerakan Perdana Menteri pagi ini.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Dalam satu kenyataannya, Jabatan Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa mesyuarat itu juga mengambil keputusan:

* Bantuan tahunan persekolahan bagi anak-anak yang terlibat juga dinaikkan lagi kadarnya sebanyak 50% mulai awal tahun ini.

* Memberi bantuan kepada kakitangan awam kerajaan yang terlibat dalam kemalangan akibat ancaman komunis semasa menjalankan tugas.



PM TUN RAZAK

Pencen

Kenyataan itu berkata, seorang balu akan diberi bantuan tambahan kepada pencen yang diterimanya supaya jumlah pencen dan bantuan yang dibayar kepadanya tidak kurang dari $140 sebulan.

Menurutnya, bantuan tambahan sarahidup untuk anak-anak akan ditetapkan kadarnya oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pemegang Amanah Raya.

Bantuan tahunan persekolahan bagi anak-anak yang terlibat dinaikkan lagi kadarnya sebanyak 50 peratus mulai awal tahun ini dan kadar ini telahpun dinaikkan pada awal tahun ini sebanyak 20 peratus.

Dengan kenaikan baru ini yang bermula pada 1 Januari lalu, bantuan persekolahan bagi murid-murid darjah satu ialah $75 setahun, darjah dua $90 setahun, darjah tiga $150 setahun, darjah empat $127.50 sen setahun, darjah lima $150 setahun dan darjah enam $172.50 setahun.

Bagi tingkatan satu sebanyak $195 setahun, tingkatan dua $225 setahun, tingkatan tiga $255 setahun, tingkatan empat $285 setahun, tingkatan lima $315 setahun, tingkatan enam (bawah) $360 setahun dan enam (atas) $390 setahun.

Mesyuarat juga memutuskan supaya bantuan diberi kepada kakitangan awam kerajaan yang terlibat dalam kemalangan akibat ancaman komunis semasa menjalankan tugas selaras dengan bantuan yang diberi kepada balu dan anak-anak anggota pasukan keselamatan.

Bagi melaksanakan bantuan ini, perintah mahkamah perlu diperolehi untuk meminda surat-cara amanah yang ada sekarang ini.

Mesyuarat telah diberitahu oleh Pemegang Amanah Raya, Haji Wan Mohamed bin Haji Mustapha yang menjadi setiausaha dan bendahari kepada lembaga pengurus bahawa tabung akan mendapat keuntungan

NO. SIRI : 144
NO. PEN : 144/78

UTUSAN MALAYSIA

I6hb Julai.I975

PTR . KA : 145 145/78



PTR. KA : 146 190/78

Utusan Malaysia 15 Julai 1975

Razak disambut meriah

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak telah disambut oleh para pembesar, pemimpin-pemimpin Parti Barisan Nasional, kaum ibu dan orangramai semasa tiba di Lapanganterbang Pangkalan Chepa, semalam.

Tun Razak yang melawat selama tiga hari ke Kelantan telah merasmikan Pesta Kebudayaan dan Perdagangan Kelantan di Kota Baharu. Beliau juga akan melawat kebeberapa jajahan di negeri itu.

Gambar menunjukkan Tun Razak bersama sebahagian dari kaum ibu yang turut menyambut ketibaan beliau.

NO. SIRI : 145
NO. PEN : 145/78

Buku Hijau untuk semua rakyat — Razak

KUALA LUMPUR 14 Julai — Rancangan Buku Hijau adalah untuk semua rakyat, tidak kira siapa mereka, kata Perdana Menteri, Tun Abdul Razak hari ini.

Menjawab soalan Encik Farn Seong Than [DAP—Sungai Besi], Tun Razak berharap semua pihak, termasuk pekerja-pekerja ladang getah dan kelapa sawit menyahut seruan ini dengan tidak perlu mendapatkan galakan kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sudahpun mengadakan perundingan dengan wakil sektor estet tentang perkara ini dan persetujuan telah dibuat sekiranya pekerja-pekerja ingin melibatkan diri mereka dalam Rancangan Buku Hijau.

NO. SIRI : 146
NO. PEN : 146/78

Utusan Malaysia 16 Julai 1975

PTR. KA : 147. 147/78



GAMBAR atas Yang Dipertuan Agung menyampaikan surat tauliah kepada Gabnor Pulau Pinang yang baru, Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir di Istana Negara serta disaksikan oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak.

PENGANUGERAHAN GABNOR PULAU PINANG YANG BARU KEPADA TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR.


NO. SIRI : 147
NO. PEN : 147/78

NO. SIRI : 146
NO. PEN : 146/78

PTR. KP: 148 148/78

Utusan Malaysia 17 Julai 1975

JAM RICOH
Otomatik
Hari/Minggu
Menahan Air
WAKIL DI MALAYSIA BARAT DAN MEMBAIKI:-
Syarikat
WENG HUNG WATCH CO.
39, Jalan Petaling, Kuala Lumpur.
Talipon: 89024



PENYEBAR FIKIR
Utusa
BIL: 273 — TAHUN KELAPAN

Pesta Budaya Kelantan dirasmi penuh meriah dan tradisi

UTAMAKAN SELESA RAKYAT - RAZAK

KOTA BHARU 16 Julai — Tun Abdul Razak hari ini mengingatkan pihak-pihak berkenaan supaya mementingkan keselesaan hidup rakyat bagi menjamin kualiti hidup yang sewajarnya untuk mereka dalam memajukan bandar di negara ini dan bukan hanya memandang keuntungan pemaju-pemaju perumahan sahaja.

Oleh: MOHD. NUR SHAMSUDDIN

Perdana Menteri berkata, kebanyakan bandar di Malaysia masih belum dapat menandingi kebanyakan bandar di negara maju kerana pentadbiran bandar di negara ini belum kemas dan masih terdapat fahaman-fahaman lama dijadikan asas menyelenggarakannya.

Menurut Tun, kesesakan dan masalah yang dihadapi berhubung dengan perkembangan bandar di negara ini lazimnya timbul kerana tidak pantas menyediakan keperluan-keperluan masyarakat yang semakin ramai bagi menghadapi kehendak-kehendak zaman.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri mahukan pihak yang bertanggungjawab mengenai kesejahteraan dan kemajuan sesebuah bandar itu menyediakan "blue-print" supaya masaalah yang dihadapinya boleh diselesaikan sementara menghindarkan masaalah lain yang timbul.

Tun Razak berkata demikian ketika berucap merasmikan Pesta Kebudayaan dan Perdagangan Kelantan yang diadakan sempena sambutan ulangtahun ke 131 bandar Kota Bharu dalam suasana penuh meriah mengikut tradisi dan adat istiadat Melayu.

Diarak

Berpuluh ribu orang membanjiri Padang Datuk Perdana di sini, tempat berlangsungnya pesta dua minggu itu, sejak beberapa jam sebelum upacara itu berlangsung.

Tun Razak, Menteri Tanah, Galian dan Tugas Khas, Datuk Haji Mohd. Asri, Pengerusi Petronas, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah diarak dengan didahului oleh 18 orang wanita — 10 orang menjunjung tepak berisi pulut berwarna-warni dan bunga telur manakala 8 orang lagi menjunjung junjungan sirih.

Beberapa orang pendekar dan gadis-gadis jelita berdiri di kiri-kanan sambil menabur beras kunyit ketika Tun Razak menuju ke pentas khas untuk merasmikan pesta itu.

Pawang Diraja Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Dir telah menjampi "serapah-metera" selesai sahaja Perdana Menteri melepaskan 131 buah belon ke udara sebagai memperingati pesta itu diadakan sempena ulangtahun ke 131 bandar Kota Bharu.

Tun Razak kemudian melawat ke sekitar pameran itu dan tertarik dengan anika barang dipamerkan di pesta itu.

Tun Razak memuji usaha menganjurkan pesta itu kerana inilah julung-julung kalinya sebuah bandar dalam Malaysia ini yang telah mengambil inisiatif merayakan hari ulangtahunnya dengan mengadakan pesta besar-besaran.

Pesta ini, kata Tun, merangkumkan kedua-dua bidang, tradisional dan moden yang mempengaruhi kehidupan rakyat dan negara.

"Saya percaya penduduk bandar Kota Bharu tentu sekali megah dan gembira kerana bandar kesayangan mereka mendahului bandar lain mengadakan perayaan yang besar maknanya kepada negeri dan negara ini," kata Tun.

Tun Razak berkata, memang wajar bandar Kota Bharu mempelopori usaha ini kerana orang Melayu Kelantan sudah terkenal dalam dan luar negeri berusaha dan tekun dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

DARI MUKA 1

ngan jangka panjang dan pendek bagi menghadapi masaalah di bandar-bandar.

Terdahulu dari itu Tun Razak memberitahu rakyat Kelantan hari ini bahawa rancangan raksaksa Ulu Kelantan akan menempatkan sebahagian dari mereka yang tidak bertanah dan berpendapatan rendah untuk menikmati hidup yang lebih moden dan bahagia.

Perdana Menteri menyeru penduduk-penduduk negeri ini supaya sanggup berpindah menyertai rancangan-rancangan tanah "kerana kita tahu masih ada lagi mereka yang berpendapatan $50 sebulan dan terus hidup dengan konsep kais pagi makan pagi."

Berucap kepada para pegawai kerajaan setelah mendengar taklimat di Pejabat Penerangan Bachok mengenai kemajuan jajahan itu Tun Razak juga meluluskan bantuan segera berjumlah $154,000 untuk beberapa projek pembangunan jajahan ini.

Sebanyak $50,000 darinya untuk pembinaan asrama pelajar-pelajar $45,000 untuk masjid di Pantai Senok, $30,000 untuk membiayai balairaya (menjadikan bantuan Kerajaan Pusat $50,000 untuk projek itu) $11,000 taman selera dan $18,000 bagi Masjid Naim, semuanya dalam jajahan Bachok.

Pegawai Jajahan Bachok Tengku Elias bin Tengku Mahmood telah menyampaikan taklimat itu. Hadir sama ialah Menteri Besar Datuk Haji Mohamad bin Nasir, Menteri Kemajuan Tanah dan Galian Datuk Haji Asri, Pengerusi Petronas Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.

Tun Razak dan rombongannya tiba di sini pagi ini untuk lawatan rasmi 3 hari ke Kelantan.

Tun Razak menerangkan bahawa masaalah tanah sedang dihadapi oleh rakyat di negeri-negeri di utara dan Pantai Timur.

Katanya, walaupun di negeri-negeri Pantai Timur banyak kawasan tanah tetapi ada pula yang tidak sesuai untuk projek pertanian. 17.7.75

30

Mingguan Malaysia 20 Julai 1975

NO. SIRI : 149
NO. PEN : 149/78

NO. SIRI : 150
NO. PEN : 150/78


NO. SIRI : 151
NO. PEN : 151/78

Razak

Detik2 bersejarah dalam Pesta Budaya Kelantan



TUN Razak juga mengambil kesempatan melawat ke Masjid Bachok sejurus selepas merasmikan pembukaannya kelmarin.



PASIR PUTEH 17 JULAI

TUN Abdul Razak berkata hari ini kerajaan akan menekankan usaha-usaha untuk merapatkan jurang perbezaan di antara negeri-negeri yang kurang maju dengan yang telah maju di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Perdana Menteri berkata masih ada lagi tempat-tempat yang berkeadaan miskin dan mundur sungguhpun Rancangan Malaysia Kedua telah mencapai kejayaan yang memuaskan.

Tun Razak telah berucap merasmikan Masjid Ibrahim di sini berharga $232,000.

Beliau berkata Negeri Kelantan misalnya adalah jauh bezanya dengan negeri-negeri yang telah maju seperti Selangor dan Johor.

Masaalah yang besar menurut beliau ialah kerana insdustri-industri tidak dapat ditarik ke negeri-negeri seperti Kelantan, Trengganu dan Perlis kerana ketiadaan kemudahan-kemudahan asas.

Oleh itu tambah beliau, lapangan-lapangan lain haruslah diutamakan seperti perusahaan pertanian.

Tun Razak menyatakan pada masa ini Bank Dunia sedang menjalankan penyiasatan untuk mengadakan satu rancangan tanah di kawasan Ulu Kelantan.

Rancangan itu akan dilaksanakan secara raksaksa seperti yang dijalankan di Pahang, Johor dan Trengganu Tengah.

Tun Razak juga menekankan perlunya petani-petani mengusahakan pertanian negeri-negeri lain.

Tentang perkembangan agama Islam Tun Razak berkata, pada tahun ini Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan berjumlah $6 juta untuk pembinaan masjid, surau, sekolah-sekolah agama dan lain-lain.

Ini adalah menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa menjalankan usaha untuk memajukan agama Islam dan memberi kemudahan kepada rakyat untuk beribadat.

Tun Razak juga menegaskan pentingnya pelajaran agama untuk melahirkan jenerasi yang mempunyai asas keimanan yang kuat.

Dengan itu mereka akan dapat mengatasi segala cabaran dan dugaan yang terdapat seperti penyalahgunaan dadah.

Selepas itu Tun Razak telah mendengar taklimat mengenai pembangunan di Ja- tuk memproses hasil-hasil tanaman tersebut.


Pagi tadi Tun Razak telah melawat tapak yang dicadangkan bagi Yayasan Pengajian Tinggi Islam di Semerak dekat sini dan Lapanganterbang Gong Kedak yang sekarang tidak digunakan lagi.

Tun Razak berkata beliau akan berunding dengan pihak Tantera Udara Diraja atau MAS mengenai kemungkinan dimajukan lapangan tersebut untuk tujuan-tujuan yang sesuai.

Beliau berpendapat lapangan itu masih baik dan cukup besar untuk dimajukan.

Rancangan tanah raksaksa sedang dikaji di Kelantan

Tun: Negeri2 mundur akan diutamadalam RMK





TV & RADIO

TV MALAYSIA

RANGKAIAN PERTAMA

PETANG: 3.00 Pembukaan dan Susunan Rancangan 3.02 Rin Tin Tin 3.29 Potret Pekerti — Ulangan 4.13 Assalamualaikum 4.24 Bintang RTM 5.20 Susunan Rancangan 5.27 Pembaharuan 5.56 Ramalan Cuaca 6.00 Berita 6.10 Cahaya 6.44 Panduan Jalanraya.

MALAM: 7.00 Azan Maghrib 7.07 Susunan Rancangan 7.15 Tayangan Gambar Melayu — 'Wan Perkasa' 8.12 Azan Isyak 8.17 Sambungan Tayangan Gambar 9.00 Berita 9.20 Ulasan Berita 9.26 Ramalan Cuaca 9:28 Dunia Minggu Ini 9.48 Laporan Parlimen 10.09 Irama Dendang Rakyat 11.09 Arena Sukan 11.45 The Rookies 12.37 Berita Akhir 12.48 Ramalan Cuaca 12.50

Mingguan Malaysia 20 Julai 1975

NO. SIRI : 151
NO. PEN : 151/78


Razak rasmikan sidang dagang ASEAN

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak semalam merasmikan Persidangan Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Lebih kurang 100 orang wakil dari semua negara ASEAN — Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia — menghadiri persidangan dua hari itu.

Inilah persidangan seumpama itu yang kedua diadakan. Yang pertama telah berlangsung di Indonesia.

Gambar menunjukkan Tun Razak diiringi masuk untuk merasmikan persidangan itu. Kelihatan di belakang di sebelah kanannya ialah Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan yang lain-lain ialah ketua-ketua Dewan Perniagaan dan Perindusterian lain-lain negara anggota. — Gambar Mingguan Malaysia.



31

NO. PEN : 172/78

Mingguan Malaysia 20 Julai 1975

PR.Ms: 152) 152/78

Razak mahukan penyertaan Dewan dalam dagang ASEAN

KUALA LUMPUR 19 JULAI

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak hari ini mahu projek-projek perniagaan dan perindustrian di rantau ini juga dirangka dan dilaksanakan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN selain dari kerajaan masing-masing.

Katanya usaha Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN mengadakan projek-projek mereka dengan sendiri selain dari kerajaan merupakan satu usaha tambahan dalam menyelaraskan perkembangan ekonomi sesebuah negara berkenaan.

Kalangan swasta juga, menurutnya penting melibatkan diri dalam sebarang rancangan ASEAN bagi kerjasama ekonomi.

Penting

Beliau juga menyatakan pentingnya dewan tersebut bertindak sebagai sebuah badan swasta yang sentiasa memberi pandangan, fikiran dan reaksi kepada berbagai usaha yang dijalankan oleh ASEAN melalui kerajaan-kerajaan di rantau ini.

Berucap di upacara merasmikan persidangan kedua Dewan Perniagaan dan Perindustrian di Dewan Tunku Abdul Rahman di sini Tun Razak menyatakan keyakinannya di atas kebolehan dewan-dewan perniagaan memberi sumbangan positif ke arah kerjasama ekonomi ASEAN.

Mengenai perdagangan yang ujud di antara negara-negara ASEAN hingga hari ini, Perdana Menteri menyatakan kesalnya kerana ianya kurang daripada 20 peratus daripada perdagangan dunia.

Tun Razak lalu menggesa negara-negara di rantau ini supaya mengadakan lebih banyak lagi hubungan dagangan di antara mereka sekiranya ASEAN mahu mengurangkan pergantungannya ke atas dunia luar dalam hubungan perdagangan antarabangsanya.

Beliau menegaskan, pihak kerajaan telah melakukan berbagai usaha bagi membolehkan barang-barang negara ASEAN mudah dipasarkan di negara-negara yang maju.

Usaha-usaha tersebut termasuklah pendekatan bersama melalui ASEAN ke atas Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC), Jepun dan perundingan dagangan berbagai hala (MTN) yang diadakan di Geneva.

Perdana Menteri seterusnya meminta Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN mengambil bahagian secara efektif dalam seminar Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) mengenai sistem keutamaan menyeluruh yang akan diadakan pada 5 dan 6 September depan.

Tun Razak berharap persidangan dua hari itu supaya mencari jalan bagi meningkatkan lagi perdagangan di antatara negara-negara anggota sejajar dengan matlamat hendak menyelaraskan perkembangan ekonomi seperti yang dibuat di perisytiharaan Bangkok.

Beliau juga berharap pihak dewan sentiasa memberi penerangan mengenai perkembangan semasa Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dan lain-lain perkembangan ekonomi dunia bagi kepentingan pengekspot negara-negara di rantau ini khasnya.

NO. SIRI : 152
NO. PEN : 152/78

NO. SIRI : 146
NO. PEN : 146/78

Mingguan Malaysia 20 Julai 1975

PAR. KD : 153 153/78

30 ribu keluarga pekebun yang terjejas hantar memo

Kejatuhan harga kelapa: Razak beri jaminan

TUN Abdul Razak hari ini memberi jaminan akan mengambil tindakan yang sesuai tentang kejatuhan harga kelapa yang menjejaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa.

Perdana Menteri juga menggesa pekebun-pekebun kecil kelapa supaya menubuhkan syarikatnya bagi mengatasi masaalah orang tengah yang memainkan peranan dalam masaalah ini.

Beliau memberi jaminan ini kepada rombongan sembilan orang wakil pekebun kecil kelapa Hilir Perak yang menemui beliau di sini hari ini, perwakilan tersebut diketuai oleh seorang ahli Dewan Undangan Negeri, Bahagian Rungkup, Encik Mohd. Yaakob Aliah.

Rombongan tersebut telah menyampaikan kepada Tun Razak memorandum dari 30,000 keluarga penenam kelapa di Hilir Perak mengenai masaalah mereka.

KUALA LUMPUR
19 JULAI

Memorandum itu meminta kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kemerosotan harga kelapa yang sangat menekan petani-petani.

Rumusan

Perwakilan tersebut juga menyerahkan kertas kerja dan ketetapan serta rumusan Kongres Pekebun Kecil Kelapa Hilir Perak yang telah diadakan pada 14 Jun lalu.

Pengerusi kongres tersebut, Encik Ishak bin Abas memberitahu Mingguan Malaysia, Tun Razak telah mendengar dengan penuh minat masaalah yang dihadapi oleh penanam-penanam kelapa.

Di Hilir Perak terdapat 70,000 ekar tanah kelapa pekebun-pekebun kecil sahaja.

Pendapatan mereka sekarang ialah kalau kelapa dijual 6 sen sebiji dan kalau dijual pikul $26 sepikul kelapa kering. Ini sangat jauh berbeza dengan $90 sepikul seperti harga tahun lalu.

Menurut Encik Ishak, Perdana Menteri telah diberi penjelasan panjang lebar mengenai penderitaan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil kelapa sekarang.

Rombongan itu berpendapat bahawa jika tidak diujudkan perusahaan dari kelapa oleh kerajaan, maka nasib masa depan penanam-penanam kelapa di negara ini adalah gelap.

Antara permintaan-permintaan yang dikemukakan di dalam memorandum itu ialah:

* Meminta MARDI menjalankan penyelidikan mutu tanah dan mencadangkan langkah-langkah segera yang patut diambil termasuk membaiki zat yang diperlukan oleh tanah.

* Merayu supaya kerajaan mengadakan punca-punca penghidupan baru seperti perusahaan menternak ayam, lembu dan sebagainya dengan mendapat sokongan dari badan-badan institusi kredit.

* Merayu persatuan peladang memainkan peranan yang lebih berkesan terhadap usaha membimbing pekebun-pekebun kecil kelapa.

* Meminta badan-badan penyelidikan termasuk makmal-makmal pertanian supaya menggalakkan penggunaan kemudahan penyelidikan di kalangan pekebun-pekebun kelapa.

Encik Ishak memberitahu, di dalam pemasaran kelapa sekarang terlalu ramai 'orang tengah' menjadikan harga kelapa sebiji cuma 6 sen sedangkan harga di Kuala Lumpur ialah 25 sen sebiji.

Rombongan itu juga telah meminta supaya diujudkan perusahaan yang mempelbagaikan kegunaan hasil kelapa dan menstabilkan harga kelapa.

NO. SIRI : 153
NO. PEN : 153/78

Utusan Malaysia 25 Julai 1975

PTR. 4: 154 154/78

MEREKA YANG BANTU KOMUNIS TETAP DIHUKUM — TUN

IPOH 24 Julai — Tun Abdul Razak mengingatkan hari ini bahawa sesiapa juga yang membantu pengganas komunis atas apa sebab sekalipun akan turut dianggap sebagai pengganas dan mereka tetap akan dihukum sewajarnya.

Perdana Menteri menegaskan bahawa sesiapa juga yang membantu musuh negara tidak layak mengakui dirinya warganegara.

Beliau memberitahu bahawa sehingga ini didapati masih ada lagi orangramai yang membantu pihak musuh kerana tempat-tempat simpanan makanan sering dijumpai.

Bercakap dalam satu sidang akhbar di sini pagi ini, Tun Razak berkata, pengganas-pengganas komunis tidak dapat hidup dalam hutan tanpa makanan dan lain-lain bekalan.

Kerana itu, menurut Tun, mereka akan pergi ke kawasan di mana mereka akan memperolehinya". Oleh itu pengganas komunis tetap akan terusir jika rakyat enggan membantu mereka", tegas beliau.

Tun Razak mengingatkan bahawa sokongan bulat dari rakyat adalah amat penting bagi menumpaskan kegiatan pengganas komunis itu. "Tanpa sokongan dan perlindungan dari rakyat mereka tidak akan dapat menular ke dalam bandar dan kampung", kata beliau.

Beliau gembira kerana kebanyakan dari pengganas komunis di hutan Perak sekarang telah dipaksa mencari perlindungan di seberang sempadan hasil gerakan-gerakan yang dilancarkan oleh tentera dan polis dengan pertolongan orangramai.

"Bagaimanapun tempat-tempat simpanan makanan sering ditemui dan ini menunjukkan masih ada orangramai yang membantu pihak musuh", katanya.

Tun Razak juga mengumumkan, Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan ditukarkan namanya kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang akan bertanggungjawab bukan sahaja kepada masaalah pembangunan, tetapi juga meliputi masaalah keselamatan seluruhnya.

Beliau menambah: Kerajaan akan melantik dengan segera pegawai pembangunan kampung yang akan memberikan kerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung di seluruh negara.

Pembangunan

Katanya, "pegawai pembangunan kampung tersebut akan diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kampung-Kampung Baru dan akan menjadi pegawai perhubungan antara jawatankuasa kemajuan dan keselamatan mengenai semua aspek serta mempastikan jawatankuasa tersebut bergerak dengan lancarnya".

Buat permulaan seramai 50 orang pegawai pembangunan kampung tersebut akan dilantik dan seorang pegawai akan ditugaskan untuk beberapa buah kampung.

Tun Razak menyambung, kerajaan akan menjalankan segera Rukun Tetangga di kawasan bandar dan kemudiannya akan dijalankan ke kawasan kampung bagi mengawal keselamatan terutama anasir anti nasional, jenayah dan sebagainya.

Katanya, "Di bawah Rukun Tetangga ini, setiap rakyat berusia 18 tahun sehingga 55 tahun diwajibkan berkawal mengikut giliran dan sesiapapun tidak terkecuali dari peraturan itu, sama ada golongan jutawan atau buruh kasar".

Tun memberitahu, tugas menjaga keselamatan adalah tanggungjawab semua rakyat dan dengan itu semua rakyat tidak terkecuali dari menjaga keselamatan negara ini terutama menjaga dan mengawal tempat mereka sendiri.

Sebelum itu Tun Razak telah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Perak dan Kedah di Bilik Gerakan Negeri di sini pagi ini.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri bersama oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Perumahan dan Kampung-Kampung Baru, Encik Michael Chen, Menteri Besar Perak, Tan Sri Haji Ghazali Jawi, Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabuddin.

Ketua Polis Negara, Dato' Sri Mohd. Haniff Omar, Ketua Turus Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail, dan Jawatankuasa Keselamatan Perak dan Kedah.

NO. SIRI : 154
NO. PEN : 154/78

Utusan Malaysia 25 Julai 1975

PTR.UA: 155 155/78

RAZAK ULAS PARTI BERJAYA LAHIR DI SABAH

Kerajaan hadapi kemerosotan kewangan — Razak

SEMUA JAWATAN KOSONG DIBEKU

IPOH 24 Julai — Semua jawatan kosong dalam perkhidmatan kerajaan dibekukan sementara waktu kerana kerajaan menghadapi kemerosotan kewangan, Perdana Menteri Tun Abdul Razak mengumumkan di sini hari ini.

OLEH ARSHAD ABDULLAH

Katanya, dengan keadaan itu, Kerajaan Pusat tidak mampu membantu kerajaan-kerajaan negeri dan tidak berupaya membayar gaji kakitangan kerajaan yang besar jumlahnya.

"Kerana itu semua kekosongan bagi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kerajaan tidak akan dipenuhi buat sementara waktu ini", tegasnya.

Tun Razak berkata demikian selepas diberi taklimat mengenai pembangunan di Perak dari Perbadanan Kemajuan Negeri, Perbadanan Pertanian, Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan dan Projek Hydro-Letrik di Temenggor di bilik gerakan negeri di sini, petang ini.

Beliau mengarahkan para pegawai kerajaan supaya berjimat-cermat kerana kerajaan sedang menghadapi kemerosotan ekonomi.

Katanya, pegawai-pegawai kerajaan hendaklah mengkaji dengan, mengurangkan perbelanjaan yang terlampau banyak dan melambung.

Tun Razak puas hati dengan kemajuan yang telah tercapai di Perak semenjak Tan Sri Haji Ghazali dilantik menjadi Menteri Besar yang baru.



TUN RAZAK

Perdana Menteri mengarahkan: Supaya tapak kawasan perusahaan dapat dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri secara terus kepada pemodal-pemodal dan tidak lagi melalui pejabat tanah bagi mempercepatkan kelulusannya.

Beliau juga mengarahkan, rancangan perumahan murah dalam ertikata yang sebenarnya diperbanyakkan bagi memberikan tempat tinggal kepada mereka yang berpendapatan kecil.

Katanya: Nilai $10,000 bukanlah murah".

Tun menambah: Adalah amat wajar mereka yang berpendapatan kecil diberikan tapak rumah supaya rumah mereka dapat dibina dengan sendiri secara berperingkat-peringkat.

Beliau juga meng-

IPOH 24 Julai — Perdana Menteri Tun Abdul Razak berkata di sini bahawa sesiapa juga berhak menubuhkan parti politik selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di negara ini.

Tun Razak yang diminta mengulas penubuhan Berjaya di Sabah, berkata hari ini bahawa ini adalah satu perkara biasa.

"Kita yang mengamalkan pemerintahan demokrasi memberi hak kepada sesiapa untuk menubuhkan parti politik.

"Dalam Dewan Rakyat kita juga mempunyai pembangkang," katanya kepada para pemberita. Inilah pertama kali beliau mengulas tentang perkembangan di Sabah berikutan penubuhan parti baru itu.

Katanya, beliau tidak tahu kenapa orangramai begitu cemas mengenai Sabah.

Bagaimanapun, Tun Razak menjelaskan bahawa beliau sedang memerhati dengan teliti perkembangan di Sabah dan akan membuat kenyataan dalam masa yang sesuai.

Tenang

Menurutnya, timbul dari keadaan itu suasana di Sabah sekarang tenang walaupun adanya kempen-kempen yang timbul dari penubuhan parti itu disebarkan.

Tun Razak mengesahkan permohonan USNO dan Berjaya untuk menyertai Barisan Nasional akan ditimbangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan secepat mungkin.

Di **Kota Kinabalu:** Bernama melaporkan Berjaya kini mempunyai 10 bahagian di seluruh negeri dengan penubuhan dua lagi bahagian iaitu di kawasan Tanjung Aru dan Keningau, setiausaha agungnya, Haji Mohamed Noor Mansoor berkata hari ini.

Lain-lain bahagian ialah Sandakan, Beluran, Bukit Garam, Labuan, Sipitang, Elupora, Penampang dan Moyog.

Berjaya akan menubuhkan bahagian dan cawangan-cawangannya di Papar, Tambunan dan Beaufort minggu ini, katanya.

Haji Mohamed Noor berkata sambutan orangramai terhadap parti itu adalah menggalakkan dan beliau yakin ramai akan tampil menyokongnya.

Mengulas usul kerajaan negeri yang akan

NO. PEN : 172/78

Utusan Malaysia 26 Julai 1975

PTR-QD 56 150/78

TUN: MAKLUMAT LENGKAP BAHAN UTAMA RMK DISUSUN

IPOH 25 Julai — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak mengumumkan, bahawa kerajaan sedang mengumpul maklumat dan butir-butir lengkap yang akan menjadi bahan utama Rancangan Malaysia Ketiga yang akan bermula pada tahun depan.

Maklumat dan butir-butir itu, katanya, adalah perlu dikumpulkan dari sekarang supaya dapat dikesan, "Di manakah letaknya masaalah dan apakah bentuk masaalah tersebut?"

Ketika merasmikan seminar ekonomi Bumiputera Negeri Perak yang pertama di Dewan Santapan Bangunan Sri Perak Darulridzuan di sini pagi tadi, Tun Razak menekankan:

"Dahulu kita percaya, bahawa penyertaan Bumiputera secara aktif dalam kehidupan ekonomi negara kita dapat dilaksanakan, kerana kekurangan modal."

Berasaskan kepada pendapat itu, kata Tun Razak, kerajaan telah menubuhkan beberapa badan khas untuk memberi pinjaman kepada Bumiputera seperti MARA dan Bank-Bank Syarikat Kerjasama.

Tetapi, kata Perdana Menteri lagi, langkah itu didapati tidak dapat menggerakkan Bumiputera secara aktif, malah keadaan tidak berubah dan masaalah-masaalah semakin bertambah.

Perdana Menteri berkata, selepas kita sendiri mempunyai tenaga-tenaga mahir dalam bidang perancangan dan selepas kongres ekonomi Bumiputera yang pertama awal tahun enam puluhan, pendekatan dan sikap kita dalam hal ini terpaksa diubah.

Katanya, "masaalah yang kita hadapi tidak dapat diatasi secara 'piece meal' atau hanya dengan menumpu perhatian kepada satu sudut saja."

Inisiatif

Tun Razak menyatakan penghargaannya kepada UMNO Perak atas inisiatifnya menyelenggarakan seminar yang penting ini bersama-sama Kerajaan Perak.

Turut hadir dalam perasmian seminar itu ialah Menteri Besar Tan Sri Ghazali Jawi, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sri Haji Kamaruddin Isa, Speaker Dewan Negeri, Encik Shafie Mat Saman dan Setiausaha Kerajaan Perak, Encik Ishak Tadin.

Beliau mengingatkan Rancangan Malaysia Kedua akan berakhir tahun ini, dan sangatlah mustahak kita berbincang dan mengkaji setakat mana kita telah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, di samping membincangkan masaalah dan hasrat Bumiputera amnya.

Perdana Menteri gembira, kerana peserta-peserta seminar itu terdiri dari ahli-ahli perniagaan dan pengusaha Bumiputera yang mewakili bidang-bidang perkayuan, perlombongan, pembinaan dan lain-lain yang khususnya bercorak perniagaan dan perindustrian.

Saya harap pertemuan peserta-peserta seminar itu yang disertai oleh pegawai-pegawai kerajaan boleh memberi kebaikan dan menafaat kepada kita semua, tetapi janganlah jadikan seminar ini sebagai satu forum untuk mengkritik satu sama lain, kecuali kritik yang membina" ujar Tun Razak lagi.

Menurut beliau, masaalah tempat, kewangan, kemahiran, pengalaman dan lain-lainnya hendaklah dikaji sebagai persoalan yang kait mengait antara satu dengan lain.

Hari ini, katanya, berbagai kemudahan telah disediakan, tetapi tidaklah dapat dinafikan masih ada lagi kelemahan atau kekurangan yang harus diberi perhatian.

Bercakap mengenai kajian perniagaan Bumiputera, Tun Razak menyatakan, bahawa kerajaan telah mengarahkan FIDA supaya menilai mana-mana projek Bumiputera dengan tujuan menentukan projek-projek tersebut boleh dijalankan atau tidak.

Mengenai saham-saham yang dikhaskan kepada Bumiputera, Tun Razak memberitahu seminar tersebut, bahawa dalam tahun 1974. Dari jumlah $751.1 juta saham projek yang diluluskan, $250.71 juta, iaitu 33 peratus dikhaskan kepada Bumiputera dan bagi 4 bulan pertama tahun ini, dari jumlah $188.71 juta saham yang diluluskan, $60.9 atau 32.2 peratus adalah dikhaskan kepada Bumiputera.

Projek

Tun Razak mengakui, bahawa perkembangan-perkembangan ekonomi belum lagi menyeluruh kesemua negeri seperti hanya 51 projek atau 16.8 peratus yang diluluskan pada tahun 1971 terdapat di negeri-negeri kurang maju (Pahang, Melaka, Trengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah, Perlis dan Negeri Sembilan).

Tetapi, katanya, dalam tahun 1972, terdapat 73 projek atau 20.5 peratus, 1973, 118 projek atau 24.9 peratus dan dalam tahun 1974 sebanyak 123 projek atau 25.14 peratus, sementara tahun 1975 ini (hingga bulan Mei lalu ada 154 projek telah diluluskan di negeri-negeri kurang maju itu.

Dari perbandingan-perbandingan ini, Tun Razak yakin usaha membawa industri kekawasan luar bandar atau ke negeri-negeri kurang maju sedang bertambah dekat, untuk mengimbangkan keadaan ekonomi dalam negeri kita sendiri.

Tun Razak telah menyebut bidang ekspot dan impot sebagai bidang perniagaan yang mustahak bagi Bumiputera merebutnya, di mana kerajaan telah mengeluarkan lesen-lesen kepada Bumiputera dengan menentukan qotanya.

Sebelum itu, Menteri besar Tan Sri Ghazali Jawi menyatakan, bahawa kerajaan negeri sedang bersungguh-sungguh dan melipatgandakan usahanya, untuk membolehkan Bumiputera mengambil bahagian yang lebih ektif lagi dalam kegiatan-kegiatan ekonomi.

Untuk mencapai tujuan tersebut, kata beliau, melalui Perbadanan Kemajuan Negeri, kerajaan telah melaksanakan beberapa rancangan usaha bersama dibidang perlombongan, pembalakan pemborong dan sebagainya.

Katanya, kerajaan sedar usaha-usaha yang lalu itu merupakan pendapat dari kerajaan saja, tetapi ini tidaklah bererti pihak-pihak lain tidak boleh menyampaikan pendapat atau pandangan mereka.

NO. SIRI : 156
NO. PEN : 156/78

Utusan Malaysia 28 Julai 1975

PTR·KA : 157 157/78.

Tun seru pupuk bakat2 sukan untuk peringkat antarabangsa

PULAU PINANG 27 Julai — Perdana Menteri Tun Abdul Razak menyeru dipupuk bakat-bakat sukan yang ada di negara ini supaya ada anak-anak Malaysia mengambil bahagian dalam semua pertandingan peringkat antarabangsa.

Katanya: "Pada masa ini hanya permainan sepakbola dan hoki saja yang telah mencapai taraf antarabangsa di Malaysia, sementara yang lain-lain, termasuk badminton yang menjadi kebanggaan negara suatu masa dulu, jauh ketinggalan."

Tun Razak telah berucap merasmikan pesta sukan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di Stadium Bandaraya di sini petang ini.

Galakan

Menurutnya, bakat-bakat yang ada haruslah dipupuk serta diberi galakan dan kemudahan jika mutu sukan negara hendak mencapai taraf antarabangsa.

Kerjasama kalangan pihak-pihak yang terlibat hendaklah diselaraskan, terutama kepada jenerasi muda di bangku sekolah.

Tun Razak bangga melihatkan usaha Pemuda UMNO mengembangkan kegiatan sukannya hingga meliputi beberapa bidang yang sudah menjadi kegemaran di negara ini seperti sepakbola, hoki dan sepaktakraw.

Beliau juga memberi jaminan bahawa kerajaan akan berbuat apa yang boleh untuk membantu pergerakan itu melaksanakan rancangannya untuk mendirikan kompleks sukan tidak lama lagi.

Sementara itu, Ketua Pergerakan itu Dato' Harun Idris dalam ucapannya mengumumkan bahawa Pemuda UMNO akan membina sebuah kompleks sukan di Kuala Lumpur, tidak lama lagi.

Katanya, kawasan untuk projek tersebut telah diperolehi.

NO. SIRI : 157
NO. PEN : 157/78

Utusan Malaysia 29 Julai 1975

PTR·KA : 158 158/78.

Kita harap swasta buat banyak limbungan kapal di sini – Razak

BUTTERWORTH 28 Julai — Tun Abdul Razak berharap lebih banyak limbungan kapal akan didirikan bersama oleh sektor swasta dalam dan luar negeri di masa depan untuk memenuhi cita-cita negara mencapai kematangan dalam perusahaan penyelenggaraan dan pembinaan kapal.

Perdana Menteri berkata: "Saya percaya, selain daripada memberi pekerjaan dan mengurangkan perbelanjaan pertukaran asing dalam senggaraan dan pembinaan kapal, limbungan ini juga dapat mengujudkan kumpulan pekerja yang mahir dalam bidang itu."

Contoh

Menurut beliau, kerja-kerja senggaraan dan pembinaan kapal akan menghidupkan semula tradisi kita sebagai pelaut.

Berucap diupacara pelancaran kapal ronda TLDM "KD Jerong" di Limbungan Hong Leong Lurssen, Tun Razak berkata: "Limbungan ini adalah satu-satunya contoh kerjasama dan percantuman tenaga pihak swasta dalam dan luar negeri telah berjaya di dalam iklim ekonomi yang ujud di negara ini.

"Memandang ke masa depan maka peluang perkembangan perusahaan penyelenggaraan dan pembinaan kapal-kapal masih luas lagi di Malaysia.

"Saya harap banyak lagi limbungan serupa ini diusahakan untuk memenuhi keperluan maritime dan ketenteraan di masa akan datang," kata beliau.

Limbungan itu, antara lain akan membina sebuah kapal pengukur dasar laut yang sederhana besarnya untuk Tentera Laut Diraja Malaysia.

Bagi peringkat kedua, ia telah mendapat kontrek membina enam buah kapal ronda untuk TLDM. Kapal pertama ialah KD Jerong yang menjadi skuadron kapal-kapal ronda kelima TLDM.

Limbungan tersebut memulakan operasinya sejak ditubuhkan pada awal 1972 dan kini sudah mencapai kejayaan yang cemerlang.

Menurut Tun Razak, limbungan itu juga telah membuktikan kebolehannya dan telah diberikan kerja-kerja senggaraan seri membaiki lanci dan kapal jabatan-jabatan kerajaan di samping kapal swasta TLDM.

NO. SIRI : 158
NO. PEN : 158/78

PTR. KA : 159 159/78.

KUALA LUMPUR 30 JULAI

Walau sampai campurtangan cara langsung — PM

PERUMAHAN: KERAJAAN TAK TERAGAK2

KERAJAAN tidak teragak-agak lagi untuk memperhebatkan penggunaan segala jentera pembangunannya, walaupun hingga ke peringkat CAMPURTANGAN SECARA LANGSUNG, dalam pembangunan perumahan di negara ini, Tun Abdul Razak menegaskan malam ini.

Perdana Menteri berkata, ini adalah untuk mempastikan seberapa ramai yang boleh rakyat di negara ini, khususnya yang berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik, dapat memiliki rumah sendiri.

Tun Razak mengumumkan, untuk tujuan itu juga beliau sendiri telah mengarahkan UDA dan lain-lain ajensi kerajaan memperuntukkan sekurangnya 30 peratus dari projek perumahannya bagi memenuhi keperluan mereka yang berpendapatan rendah.

Dalam hubungan ini, Tun Razak menggesa seluruh pemaju perumahan swasta di negara ini supaya turut mencontohi kegiatan ajensi kerajaan itu dan menjadikan arahan tersebut sebagai panduan dalam melaksanakan projek-projek mereka.

Berucap di majlis jamuan makan malam ulangtahun Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia di sini malam ini, Perdana Menteri juga mengumumkan perkara-perkara berikut:

* Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengubah strateji-nya dalam perlaksanaan rancangan perumahan awamnya bagi membolehkan rakyat yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri;

Faktor utama dalam strateji baru itu nanti ialah ia akan berdasarkan kepada kemampuan rakyat untuk membayar harga rumah-rumah tersebut dan perlaksanaan serta mutunya nanti akan disesuaikan supaya ia sampai ke tangan rakyat yang berpendapatan rendah itu.

Serentak dengan itu, kerajaan-kerajaan negeri dan ajensi-ajensi kerajaan juga akan diarahkan supaya mengkaji semula strateji dan progrem mereka supaya rumah-rumah yang mereka dirikan dapat menampung keperluan kumpulan rakyat tersebut.

* Kementerian Perumahan dan Kampung-Kampung Baru akan mengkaji semula dasarnya dalam pemberian lesen-lesen bagi pemaju perumahan untuk mempastikan estet-estet perumahan di negara ini benar-benar mencerminkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum;

Keutamaan

Dalam hubungan ini, pembaharuan lesen-lesen yang ada sekarang akan diberi keutamaan kepada para pemaju perumahan yang telah menyediakan rumah-rumah murah dan telah memberi sumbangan positif terhadap usaha penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru itu.

* UDA telah diterima sebagai penjamin jika Bumiputera tidak dapat menyediakan modal yang cukup bagi memenuhi paras minima yang diperlukan bagi mendapat lesen pemaju perumahan.

Ini adalah sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan lebih ramai lagi Bumiputera menyertai perusahaan pemaju perumahan supaya ia menjadi salah satu kegiatan ekonomi yang benar-benar mencerminkan penyertaan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Tun Razak berkata, perumahan mempunyai arti yang mendalam terutama bagi masyarakat yang sedang membangun kerana ia boleh memberi identiti kepada rakyat dalam mengukur kemajuan.

"Kerana itulah kita telah mencadangkan supaya demokrasi memiliki rumah mesti dijadikan matlamat akhir dalam perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru ke arah melahirkan masyarakat adil di mana setiap rakyat mempunyai tempat berteduh," kata Tun.

Bagaimanapun, kata beliau, walaupun berbagai projek perumahan dilaksanakan ia masih belum mempastikan masaalah perumahan rakyat, terutamanya yang berpendapatan rendah, dapat diselesaikan selagi rancangan itu tidak dapat ditujukan kepada permintaan dan kemampuan mereka.

Dalam soal ini, kata Tun, tidak banyak projek perumahan swasta yang boleh menolong kerana hampir kesemuanya berteraskan kepada faktor viabbility dan kepentingan pelaburan.

Kerana itulah kerajaan telah memutuskan untuk mengubah stratejinya dalam perlaksanaan rancangan perumahan supaya membolehkan rakyat yang berpendapatan rendah mempunyai tempat untuk tinggal", kata Tun.

Di bawah strateji itu, rancangan perumahan akan dilaksanakan dengan mutu yang sesuai supaya ia sampai ke tangan mereka dan segala wang yang diperuntukkan akan dapat memberi faedah lebih ramai rakyat, khususnya yang tidak bernasib baik.

Selain dari itu, kerajaan-kerajaan negeri juga telah diminta bertindak menurut konsep "tapak kediaman teratur" dengan menyediakan tapak kediaman yang sempurna untuk perumahan dengan kemudahan tertentu bagi rakyat membina rumah sendiri atau dengan bantuan terhad dari ajensi-ajensi kerajaan.

"Peruntukan yang telah saya luluskan baru-baru ini di bawah Rancangan Tabung Pusingan boleh digunakan untuk rancangan seperti ini," kata beliau.

NO. SIRI : 159
NO. PEN : 159/78

35

Utusan Malaysia 1 Ogos 1975

PTR.US : 160 160/78.

UM. 1.8.75

Untuk mengukuhkan keadaan ekonomi dan kewangan negara

3 LANGKAH BERJIMAT CERMAT

KUALA LUMPUR 31 JULAI

TUN Abdul Razak hari ini mengumumkan tiga langkah jimat cermat kerajaan dalam usaha untuk meneguhkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara akibat tekanan inflasi dan kemerosotan yang melanda sekarang.

Ketiga-tiga langkah yang berkuatkuasa serta-merta itu ialah:

• Jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan perbadanan-perbadanan awam tidak boleh mewujudkan jawatan-jawatan baru atau mengisi kekosongan jawatan yang ada sekarang kecuali dengan kelulusan Perdana Menteri atau Jemaah Menteri.

• Mengarahkan sektor awam supaya mengurangkan perbelanjaan dalam semua bahagian termasuk bayaran gaji dan upahan yang merupakan sebahagian besar perbelanjaan sektor tersebut sekarang ini.

• Mengarahkan badan-badan berkanun dan perbadanan awam menghentikan amalan 'curi mencuri' pegawai-pegawai dari sektor kerajaan atau dikalangan mereka kerana "amalan ini tidak adil, tidak diingini dan bertentangan dengan kepentingan negara."

Arahan tegas

Tun Razak mengeluarkan arahan tegas ini dalam pertemuan dengan para pengerusi badan-badan berkanun dan perbadanan awam di Bilik Gerakan Perdana Menteri pagi ini. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn hadir sama.

Bagaimanapun beliau menegaskan bahawa tiga langkah itu hanya berupa sementara memandangkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara pada masa sekarang.

"Apabila kedudukan bertambah baik, langkah-langkah ini akan dikaji semula", beliau memberi jaminan.

Dalam perjumpaan itu, Tun Razak menekankan kepada para pengerusi itu betapa beratnya kebimbangan kerajaan mengenai kedudukan kewangan dan ekonomi negara sekarang.

Ini terutama terhadap kecenderungan perbelanjaan mengurus jabatan-jabatan kerajaan dan ajensi-ajensi kerajaan yang lain yang kian meningkat, tambah beliau.

Tun Razak menambah: "Oleh yang demikian adalah perlu bagi kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi keadaan ini yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh kemerosotan dan inflasi — satu gejala luar biasa yang dihadapi oleh negara-negara lain juga.

"Memandang kepada keadaan itu, adalah perlu untuk mengurangkan perbelanjaan dalam semua bahagian sektor awam, khususnya badan-badan berkanun dan perbadanan-perbadanan awam yang merupakan sebahagian besar dari perbelanjaan sektor itu," kata Tun Razak.

NO. SIRI : 160
NO. PEN : 160/78

PTR.KA: 161 161/78

Utusan Malaysia 1(s 1975

Bagi menentukan keperluan dan kebolehan – Razak

Dasar Sains Pertahanan negara akan diadakan

TUN Abdul Razak hari ini mengumumkan satu dasar Sains Pertahanan akan diadakan bagi menentukan keperluan dan kebolehan pertahanan di negara ini.

Perdana Menteri juga mengumumkan rancangan untuk melatih ahli-ahli sains dan teknoloji bagi Sains Pertahanan sebagai usaha melipatgandakan tenaga kerja sains menjelang tahun 1980.

Sambil itu beliau mengarahkan pemerintah-pemerintah tentera di semua peringkat supaya menggunakan cara-cara saintifik dalam masaalah-masaalah pertahanan.

Tun Razak yang juga Menteri Pertahanan mengumumkan demikian ketika berucap merasmikan Pusat Penyelidikan Pertahanan di sini hari ini.

Beliau juga memberitahu sebuah Majlis Penyelidikan Sains

KUALA LUMPUR
31 JULAI

dan Perusahaan Negara akan ditubuhkan di bawah Kementerian Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan yang akan mengarah, menyelaras dan mengawal kegiatan pertubuhan-pertubuhan penyelidikan di negara ini.

Dasar Sains Negara, katanya akan digubal untuk panduan bagi pembangunan negara.

Tun Razak menambah, sunghugpun dasar pertahanan negara ini adalah 'mempertahankan', ini berkehendakkan kecekapan dan ketahanan yang tinggi dengan menjalankan penyelidikan di semua bidang bagi menyesuaikan angkatan tentera dengan sains dan teknoloji.

Kata Perdana Menteri, selaku kerja khas, Sains Pertahanan akan menumpukan penyelidikannya bagi Tentera Laut Diraja Malaysia dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga supaya dapat memberikan bantuan sains kepada pangkalan TUDM di Lumut.

Bidang tugas ini akan diperluaskan kepada penyelidikan Aeronautik pada satu masa kelak.

Katanya, sungguhpun tugas pusat tersebut diutamakan untuk membantu pertahanan, hasil dari kajiannya akan juga memberi faedah kepada bidang perindustrian secara am setakat yang bersangkut ? dengan keperluan bahan-bahan dan peralatan tentera.

Perdana Menteri yakin angkatan tentera Malaysia akan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan melalui Sains Pertahanan.

Beliau menekankan perlunya penyelidikan dijalankan supaya angkatan tentera memperolehi pengetahuan teknoloji bagi mengenali selok-belok peralatan yang digunakan walaupun mereka telah dilengkapkan dengan senjata, kenderaan dan lain-lain peralatan moden.

Terpaksa

Tanpa pengetahuan tersebut, tentunya kita setiap masa terpaksa bergantung kepada negara asing dan matlamat untuk berdikari tidak akan tercapai, tegasnya.

Tun Razak menarik perhatian bahawa strateji dan tektik pertahanan telah bertukar dan pengurusan tentera sekarang menggunakan cara-cara sains yang moden.

Yang demikian penyelidikan gerakan adalah satu alat yang akan memberi sokongan yang lebih berkesan dalam pengurusan di masa akan datang.

Katanya kepakaran yang sedang ditubuhkan di Pusat Penyelidikan Pertahanan dari segi penyelidikan bahan dan gerakan akan mengeluarkan data yang boleh digunakan untuk mengatasi masaalah ketenteraan dalam berbilang jurusan yang terpilih.

NO. SIRI : 161
NO. PEN : 161/78

Utusan Malaysia 2 Ogos 1975

PTR-KA: 162 162/78

Untuk dapatkan hasil lebih dengan belanja kurang

PEGAWAI2 MESTI KERJA KUAT—TUN

TUN Abdul Razak mahu para pegawai kerajaan tambah kuat dan giat bekerja bagi mendapatkan hasil yang lebih banyak dengan belanja paling rendah tanpa menjejaskan kecekapan.

KUALA LUMPUR 1 OGOS

Perdana Menteri menjelaskan bahawa tindakan kerajaan membekukan jawatan-jawatan, tidak akan melibatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Beliau telah berucap di mesyuarat para pegawai kerajaan-kerajaan negeri dan ketua-ketua unit perancangan negeri di Bilik Gerakan Perdana Menteri pagi ini.

Tegasnya, pegawai-pegawai kerajaan hendaklah menjalankan tugas mereka dengan penuh tekun dan dedikasi demi kepentingan bangsa dan negara.

Usaha-usaha harus dipesatkan lagi bagi meninggikan taraf ekonomi dan keadaan hidup rakyat di kawasan luar bandar.

Rancangan-rancangan yang telah diluluskan untuk faedah rakyat hendaklah dilaksana dan disiapkan dengan segera.

Ini adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi yang masih terdapat di antara rakyat yang berpendapatan rendah dengan mereka yang mewah.

Kepada para pegawai kemajuan negeri, Tun Razak menggesa mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan tegas dan dedikasi bagi menentukan jentera pentadbiran melaksanakan rancangan ekonomi dan pembangunan berjalan dengan teratur.

Beliau menjelaskan bahawa, sebagai pegawai-pegawai kanan kerajaan Persekutuan yang ditugaskan di negeri-negeri, mereka bertanggungjawab mengawasi serta menyelaraskan semua jentera kerajaan dan badan-badan berkanun di peringkat negeri dan daerah.

Ini ialah supaya jentera tersebut bergerak dengan licin dan lancar agar pelaksanaan rancangan-rancangan ekonomi dan pembangunan dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Para pegawai kemajuan negeri juga perlu mengadakan lawatan-lawatan ke daerah-daerah untuk mengawasi dan mengatasi segala kelemahan dan kesulitan yang timbul dalam pelaksanaan projek-projek tersebut.

"Segala masaalah haruslah diselesaikan dengan segera di peringkat daerah atau negeri dengan segera supaya tidak mengendalakan pelaksanaan projek-projek pembangunan", kata Perdana Menteri.

NO. SIRI : 162
NO. PEN : 162/78

Mingguan Malaysia 3 Ogos 1975

PTR. 44: 163 163/78.

MM 3.8.75

Masanya sudah tiba diberi nilai tinggi kepada sastrawan berjasa

POLITIK TAK TEKAN SASTRA — *TUN*

POLITIK di negara ini tidak pernah bersifat menekan perkembangan sastra, tegas Perdana Menteri Tun abdul Razak malam ini.

Katanya: "Jika dikatakan budayawan dan sastrawan itu mempunyai tugas untuk menyatakan kebenaran, maka politik yang sihat dalam negeri ini tidak pernah dan tidak akan berniat untuk menegakkan tujuan politik itu dengan menafikan kebenaran."

KUALA LUMPUR 2 OGOS

Tun Razak telah berucap di majlis penyampaian Hadiah Karya Sastra 1974 di sebuah hotel terkenal di sini.

Lima orang penulis dengan karya-karya mereka tersiar di akhbar-akhbar mingguan dan majalah bulanan kumpulan Utusan Melayu adalah diantara yang menerima hadiah mereka.

Perdana Menteri menerangkan bahawa kebenaran adalah amat terpengaruh oleh berbagai unsur nilai yang diterima oleh kehidupan sesuatu masyarakat dari satu bangsa dalam satu negara dan dalam satu zaman.

Tegasnya, jika ada orang yang menganggap bahawa corak politik di negara ini adalah bersifat menekan perkembangan sastra, maka itu adalah satu fahaman yang terpesong.

Beliau menambah, kemajuan dan ketinggian mutu sastra tidak dapat tidak akan menjadi cermin kemajuan dan ketinggian mutu pemikiran dan perasaan bangsa kita.

Kemajuan dan ketinggian kesusastraan juga juga menjadi ukuran bagi kemajuan dan ketinggian daya imajinasi dan kriativiti bangsa kita yang muda dalam memikul tugas masing-masing dalam lapangan hidup masing-masing.

Tun Razak mahu melihat sastra kita mencapai mutu yang tertinggi sebagai bayangan dari nilai-nilai hidup yang diterima dan dijunjung tinggi dalam budi bicara manusia sejagat atau universal values."

Perdana Menteri menarik perhatian tentang cadangannya di majlis penyampaian Hadiah Sastra tahun lalu untuk mengadakan hadiah kepada penulis perseorang-

LIHAT MUKA 16 [Ruangan 4[

Tun harap Panel Hadiah Karyawarta

KUALA LUMPUR 2 Ogos — Tun Razak berharap Panel Hadiah Karyawarta dapat membuat keputusan mengenai penulisan berita di akhbar-akhbar berbahasa kebangsaan tahun 1975 ini.

Perdana Menteri berkata langkah mengadakan Hadiah Karyawarta ini ialah untuk meninggikan penulisan berita dalam akhbar-akhbar yang menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Berucap di majlis penyampaian Hadiah Sastra 1974 di sebuah hotel di sini malam ini, Tun Razak menjelaskan bahawa beliau diberitahu terdapat sedikit kerumitan tentang criteria yang patut dipakai bagi menentukan makalah atau rencana yang dipilih untuk memenangi hadiah tersebut.

Apakah hanya terbatas kepada straight reporting atau termasuk juga ulasan berita seperti yang disiarkan dalam Dewan Masyarakat atau Radio/TV Malaysia? katanya.

"Bagaimanapun, kita berharap tahun 1975 ini Panel Hadiah Karyawarta itu akan dapat menentukan criteria dan meneruskan tugas mereka," tambahnya.

NO. SIRI : 163
NO. PEN : 163/78

Mingguan Malaysia 3 Ogos 1975

PTR. KD : 164 164/78

Pertandingan akhir kejohanan bahas antara sekolah2 b

Perutusan Tun Perdana Menteri



TUN ABDUL RAZAK

SAYA mengucapkan tahniah kepada guru besar dan guru-guru Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur atas kejayaan menganjur pertandingan bahas Piala Perdana Menteri antara sekolah-sekolah berasrama penuh tahun 1975. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa pertandingan akhir bahas tahun ini atas daya usaha mereka menjayakan majlis malam ini.

Dengan bertambahnya bilangan sekolah-sekolah yang mengambil bahagian, iaitu dari 10 buah kepada 18 buah sekolah berasrama penuh — termasuk sekolah jurusan sains dan maktab rendah sains — pertandingan tahun ini telah menjadi lebih hebat lagi sementara persaingan yang telah wujud dapat mempertinggikan mutu perbahasan bagi tahun ini dan telah memberi faedah yang lebih berkesan lagi.

Saya percaya dengan adanya sokongan serta galakan dari orangramai dan dengan adanya kerjasama dari pihak sebaran am, peraduan bahas ini boleh menjadi lebih popular dan akan dapat menarik minat dan kecenderungan yang lebih ramai lagi dari peminat dan peserta di kalangan masyarakat kita.

Saya suka melihat supaya pertandingan bahas ini diperluaskan ke pusat-pusat pengajian tinggi untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar di semua peringkat menguji bakat di samping dapat memahirkan pendapat dan pandangan masing-masing dengan itu dan bernas dalam majlis perbahasan ini.

Akhirnya saya suka mengucapkan 'selamat majujaya' kepada semua peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan akhir ini serta berharap supaya mereka bertanding dengan semangat bukan semata-mata hendak mendapatkan kemenangan tetapi untuk menunjukkan kecekapan dan kepintaran mereka.

Terimakasih.

TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN HUSSEIN.

NO. SIRI : 164
NO. PEN : 164/78

Utusan Malaysia 4 Ogos 1975

PTR. KD: 165 165/78

BERADA DI TANGAN

Sarjan Hamid melangkah. Tidak mengerti berserabut dalam kepalanya. Merasa akan kesungguhan Mohd. Razalu merampas senapang dari tangan Mohd. Razali. Tetapi senapang itu tidak terlepas. Tibatiba satu das tembakan masuk ke biliknya dan mengunci pintu. Tidak lama kemudian terdengar seperti air dicurahkan ke badan. Ins- Penjara Pudu sementara menunggu perintah selanjutnya dari Majlis Diraja.

KUALA LUMPUR 3 OGOS

KERAJAAN akan membina tujuh buah lagi sekolah berasrama penuh di Semenanjung Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, menjadikan 27 buah kesemuanya dengan 23,000 orang murid mendapat kemudahan belajar tiap-tiap tahun, Tun Abdul Razak mengumumkan malam ini.

Perdana Menteri berkata, dari jumlah itu adalah dianggarkan lebih 4,000 orang penuntut akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi setiap tahun.

Keperluan

Berucap merasmikan Pertandingan Akhir Kejohanan Perbahasan Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh di Angkasapuri di sini, Tun Razak berkata, kerajaan juga akan membina lebih banyak lagi asrama di sekolah-sekolah menengah dan rendah di bandar dan luar bandar bagi menampung keperluan murid-murid yang datang dari kawasan pedalaman.

"Segala langkah ini bertujuan supaya ibubapa, guru-guru dan murid-murid sendiri dapat membayangkan betapa besarnya harapan dan cita-cita kerajaan hendak melahirkan lebih ramai lagi bijak pandai dengan memberi peluang istimewa kepada penuntut luar bandar," ujar beliau.

Untuk mencapai matlamat ini, kata Tun, kerjasama, sokongan dan bantuan dari ketiga-tiga pihak itu amat perlu supaya usaha tersebut benar-benar memberi munafaat kepada negara.

Tun Razak lalu menyeru ibubapa dan guru-guru supaya sentiasa memupuk dan menggalakkan anak-anak mereka menunjukkan minat dan kecenderungan yang kuat dalam bidang pelajaran sains dan teknoloji.

Tun Razak berkata, sekim perkhidmatan pegawai sains akan menjamin pelajar-pelajar yang memilih jurusan sains mempunyai masa depan yang lebih cemerlang dalam perkhidmatan kerajaan.

Lulus

Katanya, setengah-setengah pelajar yang lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia merasa tangga gaji dan peluang naik pangkat bagi pegawai tadbir dan diplomatik yang berkelulusan sastra adalah lebih baik daripada para doktor, jurutera dan pegawai dalam bidang sains termasuk guru-guru sains.

Oleh kerana keadaan sekarang yang kurang seimbang, ramai pegawai dalam bidang sains dan teknoloji hanya menunggu tempoh masa syarat biasiswa mereka berkhidmat dengan kerajaan dan sebaik saja tempoh itu tamat mereka terus mencari peluang yang lebih lumayan dalam sektor swasta.

Untuk mengatasi masalah inilah, Tun Razak baru-baru ini mengarahkan supaya diwujudkan satu sekim perkhidmatan pegawai sains bagi menghindarkan mereka lari ke dalam sektor swasta.

NO. SIRI : 165
NO. PEN : 165/78

PTR.UA: 166 166/78.

Sekitar penyampaian Hadiah Sastra '74

UPACARA penyampaian hadiah sastra merupakan detik pertemuan para penulis dan para budayawan tanahair.

Pertemuan setahun sekali ini berlangsung dalam suasana mesra dan meriah. Begitulah yang di rasakan oleh hadirin di majlis penyampaian Hadiah Sastra 74 di sebuah hotel terkemuka malam semalam.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak sendiri yang sentiasa sibuk dengan soal-soal negara nampaknya terus menaruh minat dengan perkembangan sastra tanahair.

Waktu beliau menyampaikan hadiah kepada para pemenang Hadiah Sastra malam semalam sempat ia memberi ulasan lucu yang membuat hadirin ketawa.

Bila sastrawan Keris Mas, Setiausaha Panel Hadiah Sastra mengumumkan cerpen "Pahlawan Tua" oleh Othman Putih, Tun mengulas "kenapa tak tulis cerita bujang tua?".

"Macam mana, cinta dah luka ni!" kata Tun bila mendengar tajuk sajak "Di sini waktu yang luka sebuah Cinta Semakin Ungu" oleh Zaihasra.

Upacara yang besar maknanya bagi para penulis ini bukan sahaja dihadiri oleh penulis-penulis yang memenangi Hadiah Sastra.

Upacara itu merupakan pertemuan tahunan penulis utara dan selatan, pantai timur dan barat untuk bertukar-tukar fikiran dan bermesra.


Majlis tersebut telah dihadiri lebih kurang 200 orang para penulis dan budayawan tanahair termasuk juga beberapa orang menteri, para hakim panel Hadiah Sastra, dan cendikiawan-cendikiawan dari institusi-institusi pengajian tinggi.

Syed Alwi merupakan pemenang yang tertinggi bagi Hadiah Sastra tahun 1974 kerana menerima $3,000 bagi dramanya yang bertajuk "Tok Perak".

Novelis Shahnon Ahmad dengan esei kritik sastra, dan cerpenis Fatimah Busu dengan dua buah cerpennya menerima $1,500 tiap-tiap orang.

Empat buah cerpen dan sebuah sajak yang terslar di kumpulan akhbar-akhbar Utusan Melayu adalah karya yang memenangi Hadiah Sastra 1974 ini.

Tun Perdana Menteri telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang dengan disaksikan juga oleh para penonton di rumah dengan kerjasama radio dan TV Malaysia yang membuat siaran terus menerus upacara tersebut.



KHADIJAH Hashim wartawan Utusan Malaysia memenangi hadiah kerana cerpennya "Bila Ayah Mogok" di Utusan Zaman.




PERDANA Menteri Tun Abdul Razak sedang berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Sastra 1974 di salah sebuah hotel terkemuka di Ibu negara.



SHAHNON Ahmad sedang ketawa mendengar gurauan Tun Razak, "ha, tiap tahun terima hadiah". Shahnon menerima hadiah $1,500 kerana Esei Kritik Sastra.





NO. SIRI : 146
NO. PEN : 146/78

PTR: 1A: 167 167/78

'Komando tak tentang kita'

(BERITA RUNDINGAN LEWAT MALAM DI MUKA 12)

DC-8 TIBA, RUNDINGAN BERMULA —TUN



PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak tengahari semalam telah melawat Bangunan AIA untuk melihat sendiri keadaan di situ. Gambar menunjukkan Tun Razak diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie meninggalkan bangunan tersebut.

Oleh ROSEMINAH AHMAD

KUALA LUMPUR, 5 Ogos — Perdana Menteri Tun Abdul Razak berkata Kerajaan Malaysia akan berunding dengan Tentera Merah Jepun yang bersenjata di tingkat 9 Bangunan AIA mengenai tempat yang akan mereka tuju, apabila kapalterbang DC—8 JAL mendarat di sini.

Beliau memberitahu bahawa orang-orang bersenjata itu menerangkan mereka hanya akan memulakan rundingan setelah kapalterbang itu berada di sini.

Menurut Tun Razak, anggota Tentera Merah Jepun itu telah memberi jaminan bahawa tindakan yang mereka lakukan menawan Bangunan AIA dan orang-orang tebusan itu bukan kerana menentang rakyat dan Kerajaan Malaysia.

Bercakap di satu sidang akhbar di bilik gerakan pejabatnya petang ini, Tun Razak mengumumkan bahawa, bagaimanapun kerajaan akan mengenakan peraturan-peraturan yang ketat ke at
sia, ter
"M
ngan
ini,
ti

pama ini dalam sejarah negara, tambahnya.

Tengahari ini, Tun Razak melawat sendiri ke Bangunan AIA dan telah mendengar penerangan-penerangan mengenai keadaan lebih 50 orang tebusan yang ditawan oleh anggota kumpulan bersenjata itu.

Pada jam 5.32 petang ini Timbalan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn pergi ke bangunan itu dan berunding dengan Tan Sri Ghazali Shafie serta lain-lain pegawai kanan polis.

Tun Abdul Razak juga memberi jaminan bahawa kira-kira 50 orang tebusan di tingkat sembilan Bangunan AIA yang ditawan oleh Tentera Merah Jepun itu adalah dalam keadaan selamat dan sihat.

Menurutnya, penceroboh-penceroboh itu telah memberi jaminan bahawa mereka tidak bermusuh dengan kerajaan dan rakyat Malaysia dan menjamin mereka yang ditahan adalah dalam selamat.

Kata Perdana Menteri, perhatian utama kerajaan ialah tentang keselamatan orang-orang tebusan itu yang terdiri dari rakyat Malaysia, Amerika dan Sweden.

Tun Razak berkata, kerajaan pada mulanya menimbangkan kemungkinan menggempur bangunan itu sementara menunggu keputusan Kerajaan Jepun

pan dan aduan-aduan yang diterima dari kaum keluarga dan sahabat handai mereka yang ditahan itu.

Kata Tun Razak, tebusan-tebusan itu juga diberi makanan yang cukup setelah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie bercakap dengan wakil penceroboh-penceroboh itu.

Menurut Perdana Menteri, salah seorang yang bercakap melalui talipon itu fasih berbahasa Inggeris.

"Mereka senang hati kerana telah dapat bercakap dengan para menteri", kata Tun Razak.

Tun Razak berkata, dari percakapan antara Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam yang dilantik sebagai wakil kabinet dengan penceroboh-penceroboh itu nyata tidaklah ada motif politik. Mereka hanya berminat dengan perjuangan mereka.

Selain dari pembebasan tujuh orang rakan mereka, mereka juga meminta sebuah kapalterbang JAL yang penuh berisi minyak, katanya.

Tun Razak menambah, kelambatan tiba kapalterbang dari Tokyo itu adalah disebabkan dua dari tujuh orang tahanan itu enggan datang ke sini.

Tun Razak berkata, penceroboh-penceroboh itu dipercayai mempunyai senjata otomatik tetapi tidak tahu dari mana mereka mendapat senjata-senjata itu.

Perdana Menteri juga tidak tahu
n
arat di sini malam ini.

Beliau juga memberitahu, -ianya, Lapanganterbang gar laporan yang diterima, bubang akan ditutup selam -sebelum dan selepas kapal--cerbang dari Tokyo itu mendarat di sini malam ini.

rana dua orang lagi sedang sakit.

Setiausaha Pertama (Penerangan) Kedutaan Amerika Syarikat di sini, Tuan Reuben M. Monson ketika dihubungi pula memberitahu, kapalterbang yang membawa anggota tentera Merah Jepun itu kan tiba di sini pukul 7.30 alam ini waktu tempatan telah bertolak pukul 1.30 engahari ini waktu tem-atan.

ANGGOTA-anggota dari pasukan keselamatan "Raya Guard"sedang membawa duit-duit yang disimpan dalam First National City Bank dipindahkan ke cawangannya di Jalan Lebuh Pasar.

First National City Bank ini terletak di bahagian bawah Bangunan AIA.

JUALAN BORONG
EGENT SENADA RECORDS
Nama: .....
Alamat: .....
Kursus: .....
Peperiksaan: .....

Jalan yang sibuk jadi lengang



JALAN dari persimpangan antara Jalan Campbell dan Jalan Ampang hingga ke Jalan Melaka terpaksa ditutup kerana peristiwa penceroboh-penceroboh yang menawan tingkat sembilan Bangunan AIA.

* Gambar menunjukkan keadaan lengang yang terdapat disekitar jalan-jalan yang ditutup.

NO. SIRI : 167
NO. PEN : 167/78

Sambongan, 6hb. Ogos. 1975

Utusan Malaysia 7 Ogos 1975

PTR. KA : 168 168/78.

KOMANDO BERLEPAS PAGI INI —TUN

OLEH CHAMIL WARIYA, YUSOFF JALIL, HAMZAH SIDEK NUR SUDIN DAN SHAMSUDDIN RAHMAN

KUALA LUMPUR 6 Ogos — Tun Abdul Razak mengumumkan malam ini bahawa anggota-anggota bersenjata Tentera Merah Jepun akan berlepas ke Tripoli, Libya jam 8 pagi esok.

Berita lewat malam

Perdana Menteri yang bercakap kepada para pemberita di Lapanganterbang Antarabangsa di Subang tidak pula memberi butir-butir lanjut. Beliau hanya berkata peraturan-peraturan mengenainya sedang dibuat.

Tun Razak dan Timbalannya Datuk Hussein Onn serta beberapa orang Menteri Kabinet lain datang ke lapanganterbang kira-kira jam 11 malam. Mereka hanya melawat pusat kawalan di situ, dan tidak menghubungi gerila itu.

Kapalterbang DC—8 kepunyaan Japan Airlines itu tiba di sini semalam membawa bersamanya lima orang rakan anggota Tentera Merah yang menawan tingkat 9 Bangunan AIA di Jalan Ampang dan menawan 53 orang sebagai tebusan. Tetapi hanya tinggal 15 orang tebusan bersama mereka dalam kapalterbang itu.

Duta Besar Jepun di sini, Tuan M. Suma berkata pertukaran orang-orang tebusan akan dijalankan berperingkat-peringkat. Dua orang pegawai Malaysia dan dua pegawai Jepun akan mengiringi kumpulan gerila Jepun dalam penerbangan itu.

Adalah difahamkan bahawa dua pegawai Malaysia itu ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan Haji Ramli Omar dan Ketua Setiausaha Kementerian

Ketiga: Masaalah yang dihadapi oleh anak-anak kapalterbang JAL itu.

Ini ialah kerana gerila-gerila Jepun itu hanya menghendaki cuma tiga orang saja dari anak-anak kapalterbang itu, tetapi pihak JAL memerlukan sekurang-kurangnya lapan orang kakitangan untuk mengikuti penerbangan itu.

Keempat: Alat-alat senjata yang ada di tangan gerila-gerila itu.

Kata Tuan Suma: "Tidak ada idea yang konkrit untuk mengatasi masaalah ini. Perkara yang sangat diambil berat oleh Kerajaan Jepun ialah semua masaalah itu mestilah diselesaikan 100 peratus sebelum kapalterbang itu berlepas".

Sebelum ini di bangunan terminal, seorang jurucakap JAL memberitahu rundingan terpaksa diadakan kerana pihak Tentera Merah belum lagi menentukan ke mana mereka akan pergi.

Beliau juga menyatakan bahawa pihaknya sebolehbolehnya tidak akan membenarkan anggota-anggota Tentera Merah itu membawa senjata ke dalam kapalterbang.

Selain dari itu beliau memberitahu sekurang-kurangnya keberangkatan Jet DC-8 itu boleh dilakukan dua jam selepas anggota Tentera Merah itu memutuskan ke mana mereka akan pergi.

Sementara itu kesemua orang tebusan, kecuali 15 orang yang dibawa oleh komando itu ke Subang, te-

di kawal oleh seorang anggota bersenjata itu.

Kuasausaha Sweden dengan mengangkat tangan di atas kepalanya kelihatan melambaikan tangannya ke arah isterinya yang berdiri di tepi sebuah kereta ronda polis yang mengiringi bas itu.

Polis segera mengepung bangunan itu dan satu pasukan pakar bom sekarang menjalankan usaha mencari dari tingkat ke tingkat Bangunan AIA.

Menteri Dalam Negeri, Tan Srí Ghazali Shafie sendiri mengarahkan gerakan di pintu bangunan itu.

Tan Sri Ghazali cuba menghubungi kumpulan bersenjata itu setelah menunggu dua jam dengan talipon dari keretanya. Bila usaha itu gagal ia cuba membuat panggilan dari sebuah kedai berdekatan.

Bagaimanapun hanya kira-kira pukul 11.30 pagi, pengesahan didapati bahawa kumpulan bersenjata itu akan turun.

Adalah difahamkan kumpulan bersenjata itu mahu kedua orang pemandu bas dan rakannya keluar dari bas dan mengangkat tangan ke atas kepala.

Tan Sri Ghazali meminta

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 8)

DARI MUKA 1

Ditanya bagaimana penceroboh-penceroboh itu dapat masuk ke bangunan itu, Tun Razak menjelaskan bahawa pejabat Konsol adalah terbuka kepada orangramai.

Sekarang ini Bangunan AIA adalah dikawal rapi dan cuma ada satu jalan sahaja untuk masuk atau keluar bangunan tersebut.

Mengenai jumlah penceroboh-penceroboh itu, beliau berkata tidak ada tanda yang jelas. Bilangannya dipercayai antara empat hingga tujuh orang.

Ada bokti menunjukkan bahawa empat orang Jepun turun dari sebuah teksi dan masuk ke bangunan itu. Bagaimanapun pemandu teksi itu tidak dapat dihubungi, katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menerbangkan ke mana penceroboh-penceroboh itu hendak pergi.

Sehingga ini belum ada negara yang menawarkan untuk memberi perlindungan kepada mereka.

Tun Razak berterima kasih kepada Kerajaan Jepun atas persefahaman dan kerjasama dalam hal ini terutama kepada Duta Jepun dan kakitangannya di sini yang bekerja rapat dengan kakitangan Malaysia.

DARI MUKA 1

masa lima minit untuk memberitahu pemandu bas dan rakannya. Bas itu ialah sebuah bas Masmara berhawa dingin.

Pukul 11.12 pagi, orang tebusan pertama yang dipercayai orang Jepun yang tinggal ditahan oleh kumpulan bersenjata itu kelihatan di foyer pintu. Dia membuka pintu sedikit, berhenti dan kemudian berpaling.

Seminit kemudian, dia keluar diikuti oleh orang tebusan kedua, kedua-duanya mengangkat tangan di atas kepala.

Mereka ditemani oleh dua orang bersenjata itu, seorang dari mereka yang rendah sedikit walaupun berpakaian lelaki, nampak seperti seorang perempuan.

Orang-orang tebusan itu disuruh berdiri dekat bas, manakala orang bersenjata yang lebih tinggi mengawalnya.

Orang bersenjata yang seorang lagi meraba badan pemandu dan rakannya yang berdiri di depan bas dan kemudian masuk ke dalam bas itu.

Selepas memeriksa, orang bersenjata itu muncul semula bersama dua orang tebusan, seorang berpakaian biru, disuruh naik ke dalam bas. Orang bersenjata yang berkawal itu kemudian naik ke dalam bas.

Dua orang bersenjata itu kemudian memeriksa bas dan kelihatan membuka dan menutup tingkap. Kemudian semua tingkap ditutup dengan langsir.

Salah seorang dari dua orang bersenjata yang sudah berada di dalam bas memberi isyrat ke arah foyer bangunan dan seminit kemudian, lima orang tebusan yang mengangkat tangan ke atas keluar dengan dikawal oleh orang bersenjata ketiga.

Orang-orang tebusan itu kemudian naik ke dalam bas, seorang demi seorang, diikuti oleh seorang lagi kumpulan bersenjata itu yang kelihatan tinggi dan muda.

Seminit kemudian, empat orang lagi tebusan dibawa keluar oleh orang bersenjata

NO. SIRI : 146
NO. PEN : 146/78

NO. SIRI : 169
NO. PEN : 169/78

A: 169 169/78.

Utusan Malaysia 7 Ogos 1975



GAMBAR menunjukkan Tun Razak sedang menyampaikan sijil serta tiket kapalterbang percuma ke Jakarta kepada Encik Maarof Haji Amri dari Koperasi Peladang Mersing Utara, di perkarangan bangunan Parlimen semalam.

Utusan Malaysia 7 Ogos 1975



R.US 170
170/78.

Razak syor '4 langkah' majukan peladang

KUALA LUMPUR 6 Ogos — Tun Abdul Razak hari ini mengesyorkan 'empat langkah' penting dijalankan bagi kemajuan seluruh peladang negara ini.

Pertama: Perlunya disusun strateji baru bagi memesatkan lagi pengeluaran pertanian dari sekarang.

Kedua: Mengubah suaikan dasar kredit pertanian supaya lebih ramai peladang menerima bantuan kredit bukan saja dari institusi-institusi kerajaan, tetapi juga yang lain.

Ketiga: Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah mengkaji untuk menubuhkan sebuah koperasi yang dimiliki oleh peladang-peladang khusus untuk pengedaran alat kejenteraan kepada mereka yang memerlukan.

Keempat: Berharap koperasi besar di bandar-bandar yang mempunyai supermarket bersedia menolong menampung hasil pertanian keluaran ahli koperasi peladang untuk mendapat pasaran baik.

Berucap di perayaan Hari Peladang di Bangunan Parlimen petang ini Perdana Menteri berkata koperasi-koperasi peladang hendaklah menyediakan rancangan bagi memulihkan sawah dan dusun buahan serta mengusahakan sepenuhnya tanah milik yang terbiar.

Katanya, masih banyak lagi tanah pertanian yang hasilnya agak rendah dan beribu-ribu ekar tanah milik belum diusahakan.

Tun Razak menerangkan bahawa pada masa ini jumlah kredit yang disalurkan oleh institusi-institusi kredit kerajaan dan yang lain-lain kepada peladang-peladang masih belum memuaskan.

Kerajaan akan berusaha sedaya-upaya untuk melanjutkan kredit pertanian kepada lebih ramai peladang, terutama di kawasan peladang menyertai gerakan koperasi peladang.

Beliau mencadangkan ditubuh sebuah jawatankuasa tetap di peringkat kementerian untuk menyelaraskan penyaluran kredit kepada para peladang kecil menjalankan projek-projek yang difikirkan kurang viable, tetapi mempunyai potential dan diusahakan oleh koperasi-koperasi menerusi kelompok.

Kurang tenaga

Mengenai cadangannya yang ketiga, Tun Razak berkata terdapat pada masa ini ramai anak muda dari luar bandar berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Ini mengurangkan tenaga untuk menjayakan sektor pertanian.

Keadaan ini dapat diatasi dengan menggunakan jentera-jentera tetapi mungkin pula akan melibatkan perbelanjaan besar.

Bagi perkara keempat, beliau berkata pihaknya telah mengarahkan Lembaga Pertubuhan Peladang tidak lama dulu supaya menyusun langkah-langkah bagi membolehkan koperasi peladang mengendalikan sendiri pemasaran hasil pertanian, terutama kacang tanah, buah-buahan dan sayuran.

Beliau berharap kerajaan-kerajaan negeri sedia membantu koperasi peladang, menerusi pihak berkuasa tempatan masing-masing, dengan menyediakan gerai dan lain-lain kemudahan bagi memasarkan hasil pertanian. Sambung - ©

Tun Razak menarik perhatian bahawa tugas berat yang dihadapi oleh Lembaga Pertubuhan Peladang ialah mengatasi masaalah seramai 535,000 keluarga peladang yang masih miskin di Semenannung Malaysia sekarang.

Mereka ini hanya memperolehi pendapatan kurang daripada $140 sebulan yang tinggal di kawasan-kawasan yang mundur di beberapa buah negeri.

Katanya, oieh kerana Lembaga Pertubuhan Peladang diwujudkan sebagai salah sebuah ajensi bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat ianya sedang berusaha ke arah itu sekarang.

Pada tahun 1973 yang lalu, 25.4% peladang di negeri ini m enjadi ahli persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian dan dalam tempoh dua tahun ini angkanya telah meningkat kepada 37% ataupun 257,445 orang.

Tun Razak puas hati dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang untuk menyusun semula institusi luar bandar menerusi percantuman persatuan-persatuan peladang dengan syarikat-syarikat kerjasama ke dalam koperasi peladang.

"Saya berharap koperasi peladang terus memberi sokongannya kepada kerajaan kerana hanya menerusinya sahaja usaha membasmi kemiskinan dan menyusun se-

NO. SIRI : 170
NO. PEN : 170/78

NO. PEN : 172/78

Utusan Malaysia 8 Ogos 1975

PTR.UA : 170 170/78

'Untuk pastikan kegiatan mereka dilaksana dengan lebih berkesan'

Razak syorkan koperasi guru bergabung dalam sebuah badan nasional

ALOR SETAR 7 OGOS

TUN Abdul Razak mengesyorkan hari ini supaya semua koperasi guru di negara ini bergabung di dalam sebuah badan nasional untuk mempastikan segala kegiatan mereka, khususnya di bidang perdagangan dan perusahaan dapat dilaksanakan secara besar-besaran dengan lebih berkesan lagi.

Untuk tujuan itu, Perdana Menteri mahukan semua koperasi yang ada dicantumkan dalam sebuah badan di peringkat negeri sebagai langkah permulaan ke arah percantuman di peringkat nasional itu.

Tun Razak yakin koperasi guru itu nanti akan mempunyai modal dan harta-benda yang banyak untuk menjalankan kegiatan dengan lebih pesat, lancar dan berkesan seperti Koperasi Polis Diraja Malaysia yang ada sekarang.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 20 dan Perayaan Jubli Perak Syarikat Kerjasama Guru-Guru Melayu Kedah di sini pagi ini. Ucapan beliau itu telah disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Abdul Ghafar bin Baba.

Tun Razak menarik perhatian terhadap penubuhan Koperasi Nasional sekolah-sekolah bagi meliputi lebih 1.5 orang murid dan 75,000 orang guru di negara ini.

Koperasi itu, menurutnya, bertujuan untuk mempastikan semua kegiatan berjalan lancar dan maju seperti Koperasi Bank Rakyat, MCIS dan lain-lain yang besar.

Sokongan

Bagi tujuan itu Jabatan Pembangunan Koperasi memutuskan supaya penubuhan Koperasi Sekolah-Sekolah Menengah — sekarang ini lebih 115 buah — diperluaskan ke sekolah-sekolah rendah pula.

Dengan berjalan lancarnya koperasi itu di sekolah-sekolah, anak-anak diberi peluang menjalankan kegiatan koperasi sewaktu masih muda dan ini akan melatih mereka menjadi pemimpin dalam gerakan itu di masa depan.

Tun Razak menyeru guru-guru memberikan sokongan sepenuhnya bagi menjayakan Koperasi Nasional sekolah itu yang mempunyai masa depan yang cemerlang.

Beliau juga menyatakan bahawa tujuan menyatukan koperasi-koperasi kecil ke dalam koperasi perdagangan dan perindustrian daerah ialah untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara.

Menyentuh tentang Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah yang berusia lebih 25 tahun itu, Tun Razak gembira kerana jumlah hartanya sekarang lebih $5.9 juta.

Darinya sebanyak $200,000 ialah sebagai simpanan tetap dan lebih $646,000 dalam simpanan semasa.

Beliau mengesyorkan supaya wang yang berjumlah hampir-hampir $900,000 itu digunakan untuk projek-projek perdagangan dan perindustrian yang boleh mendatangkan hasil lebih besar jika pelaburan itu dibuat dengan teliti dan cermat.

Kepada para ahli, beliau menasihatkan mereka mengurangkan pinjaman supaya jumlah wang yang lebih besar dapat digunakan untuk projek-projek besar yang lebih menguntungkan.

Di akhir upacara itu, Pengerusi Syarikat Kerjasama Guru-Guru Melayu Kedah, Haji Shaari bin Abu Bakar menyampaikan cek $1,000 kepada Encik Ghafar Baba untuk Derma Tabung Amanah Perwira Negara.

Turut hadir ialah Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabuddin dan Ketua Pengarah Pembangunan Koperasi Malaysia, Encik Abdul Aziz Hussein.

NO. SIRI : 171
NO. PEN : 171/78

Utusan Malaysia 12 Ogos 1975

PTR. KA : 177/75



TUN ABDUL RAZAK kelihatan sedang berucap merasmikan Persidangan Persatuan Majistret Commonwealth itu di Dewan Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur semalam.

Razak: Kami pegang teguh kebebasan undang2

KUALA LUMPUR 11 OGOS

TUN Abdul Razak berkata hari ini, Malaysia berpegang teguh kepada prinsip› keutuhan undang-undang bukan sahaja di dalam negara bahkan di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri menegaskan, hanya dengan langkah itu sahaja kita dapat menjamin ketenteraman dunia dan keamanan berkekalan di kalangan negara.

Berucap merasmikan Persidangan Persatuan Majistret Commonwealth di sini pagi ini, Tun Razak berkata sejak merdeka 18 tahun lalu Malaysia telah bekerja keras untuk memupuk muhibbah dan persahabatan ke arah mencapai persefahaman dan keamanan antarabangsa.

"Ini adalah kerana kami percaya kepada penyelesaian perselisihan antarabangsa melalui cara aman dan adalah menjadi dasar kita untuk berbaik dengan semua negara tanpa mengira ideoloji politik atau sistem pemerintahan mereka," ujar beliau.

Tun Razak mengingatkan, jika keamanan dunia hendak dikekalkan, adalah amat penting bagi setiap negara — kecil atau besar — menghormati kedaulatan dan kemerdekaan satu sama lain dan jangan campur tangan dalam hal ehwal dalam negara mereka.

"Inilah prinsip panduan sebagai asas dasar luar kita," kata beliau.

Perdana Menteri gembira kerana dunia yang selama ini berpecah dua telah berubah berikutan dengan kemasukannya dalam zaman detente politik sekarang. Beliau berharap keadaan ini akan berkekalan yang akan membawa persefahaman dan keamanan di kalangan semua negara di dunia.

Tun Razak memberitahu lebih 200 orang perwakilan dari 33 buah negara Commonwealth itu bahawa di Malaysia, perundangan dihormati oleh semua pihak termasuk kerajaan sendiri yang turut juga pernah di bawa ke mahkamah.

"Walaupun banyak perubahan telah berlaku di negara ini, tidak ada apa yang boleh merosakkan kepercayaan dan keyakinan rakyat ter-



SEBAHAGIAN dari pakar undang-undang dari 33 buah negara Commonwealth yang menyertai persidangan tersebut.

Sebaliknya, kata beliau, bertambah ramai rakyat tampil ke hadapan untuk mendapatkan keadilan di mahkamah dan kerajaan sendiri bertanggungjawab menjunjung undang-undang sebagaimana tercatet dalam prinsip nasional — Rukunegara — ke arah mencapai matlamat meujudkan masyarakat adil dan makmur.

Tun Razak berkata, kerajaan benar-benar percaya kepada kebebasan perundangan. Ini bukan sahaja merupakan suatu prinsip bahkan kerana dua sebab:

Pertamanya, dari masa ke semasa validiti perundangan dan tindakan kerajaan dicabar

Kerana itu ia terlebih dahulu mempastikan segala tindakannya tidak melanggar undang-undang dan dengan itu ia mahukan mahkamah menghakimkannya dengan bebas menurut undang-undang.

Kedua, ahli-ahli politik tidak berkuasa selamanya dan setengah daripada mereka tentu sekali berkehendakkan perundangan yang bebas di kemudian hari kelak.

Tun Razak juga menyeru para peguam supaya turut sama memberi sumbangan dengan mengemukakan syor meminda sebarang undang-undang ke arah kemajuan politik, ekonomi dan sosial.

kerana mereka merupakan kumpulan yang paling cepat mengetahui sebarang kepincangan dalam undang-undang.

Beliau berkata, undang-undang adalah suatu yang hidup yang patut dikaji dari masa ke semasa supaya senantiasa sesuai dengan kehendak semasa.

Utusan Malaysia 18 Ogos 1975

PTR·LA: 173 173/78

Majukan sukan: Malaysia sentiasa di barisan depan—Razak

KUALA LUMPUR 17 Ogos — Malaysia sentiasa di barisan hadapan dalam usaha memajukan lapangan sukan kerana ia dapat membawa kerjasama yang lebih erat untuk mengekalkan persahabatan yang sentiasa terjalin di kalangan rakyat seluruh dunia.

Kerana itu dalam tahun ini saja Malaysia telahpun menganjurkan berbagai pertandingan sukan peringkat antarabangsa, demikian Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berucap ketika merasmikan Kejohanan Menembak Asia Ke 3 di sasaran menembak Subang di sini hari ini.

Menurut Tun Razak, tidak dapat dinafikan melalui sukan seperti kejohanan menembak ini ahli-ahli sukan dari berbagai negara telah dapat berkumpul dan menyertai satu pertandingan yang benar-benar sihat dan ini dapat menolong memperluaskan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

Tun Razak di upacara perasmian kejohanan itu juga menyebut bahawa Malaysia telah diberi penghormatan menganjurkan kejohanan menembak ketiga ini di mana kejohanan pertama telah diadakan di Tokyo pada tahun 1975 dan kejohanan kedua di Seoul tahun 1971.

Dalam masa yang sama ini kejohanan Pestabola Merdeka Ke 19 yang dipertandingkan setiap tahun itu juga sedang berlangsung dan ini satu perkara yang luar biasa di mana kedapatan banyaknya berkumpul ahli-ahli sukan setiap penjuru di Asia ini berkumpul di Malaysia.

"Selepas menyertai kejohanan ini saya harap tuan-tuan dapat menemui rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum yang dapat hidup rukun dan damai sambil memahami berbagai masaalah yang sedang dijalankan dalam usaha menyatukan lapisan masyarakat di negara ini".

Beliau kemudiannya berkata, "sebagai Perdana Menteri Malaysia ingin saya mengucapkan selamat datang bagi pihak kerajaan dan rakyat di negara ini dan saya harap tuan-tuan dapat merebut kesempatan yang ada untuk melihat keindahan di Malaysia.'

Harapan

Sementara itu Presiden Kesatuan Menembak Kebangsaan Malaysia, Tun Tan Siew Sin dalam ucapannya berkata adalah menjadi harapan bilangan anggota negara Asia dalam Majlis Pentadbiran Kesatuan Menembak Antarabangsa/ISU akan bertambah.

Buat masa ini Malaysia dan Jepun saja menduduki dalam majlis pentadbiran sekalipun kedapatan 23 negara dari Asia dalam ISU.

Dengan itu adalah menjadi hasrat bahawa suara dari negara-negara Asia akan lebih kedengaran dalam majlis badan menembak sedunia itu di masa-masa akan datang.

Sekalipun kejohanan menembak dunia pertama telah dilangsungkan dalam tahun 1897 iaitu 78 tahun yang lalu di Lyons, Perancis dengan penyertaan lima negara dan kejohanan sedunia ke 41 dilangsungkan tahun lalu tetapi Asia juga dapat menganjurkan kejohanan yang hampir serupa sebanyak tiga kali.

Tun Tan Siew Sin seterusnya menyebut bahawa Asia akan menganjurkan kejohanan menembak sedunianya buat pertama kali di Seoul, Korea Selatan pada tahun 1978 nanti.

Kepada perwakilan yang telah menghadiri di perhimpunan agung ISU di Thun, Switzerland tahun lalu hendaklah memberikan sokongan penuh kepada negara anggota di Asia supaya menerima Seoul sebagai tuan rumah di kejohanan pertama tahun 1978 nanti.

Bercakap bagi pihak Persekutuan Menembak Asia ISU Tun Tan menambah bahawa beliau merasa bangga bahawa Perdana Menteri telah sudi melapangkan masa untuk hadir dan melakukan upacara perasmian kejohanan ini sekali pun beliau sentiasa dalam keadaan sibuk.

"Begitu juga kesudian Toh Puan Hajah Rahah dan saya ingin menambah di sini bahawa Tun juga secara tidak langsung ialah selaku Presiden Majlis Olimpik Malaysia dan penaung Kesatuan Menembak Kebangsaan di negara ini"

Rekod

Tun Tan Siew Sin seterusnya menyampaikan penghargaannya atas kedatangan Presiden ISU sendiri, Dr. Kurt Hasler yang datang begitu jauh dari Eropah semata-mata menyaksikan kejohanan ini.

"Kehadiran beliau sepanjang kejohanan ini akan memerangsangkan lagi setiap peserta untuk mencatitkan rekod-rekod terbaru lebih-lebih lagi rekod baru dunia", ujarnya.

Beliau seterusnya juga menyampaikan penghargaannya serta ucapan terima kasih kehadiran para pegawai dari ISU dalam membantu segala urus kerja seperti Tuan Toyotaro Ikuta, Michael Tipa dan Otto Horber.

Begitu juga penghargaan kepada Kerajaan Malaysia sendiri yang turut menyertai sama dalam melicinkan lagi kejohanan ini serta para dermawan serta bantuan yang diberikan oleh Polis dan Angkatan Tentera, dan pihak-pihak lain seterusnya.

Tun Tan Siew Sin kemudiannya berharap kejohanan ini akan mencapai kejayaan yang cemerlang serta meninggalkan kenangan manis kepada setiap para peserta sekembalinya ke negara masing-masing nanti.



KELIHATAN pasukan dari China mendahului dua belas pasukan lain dan memberi lintas hormat kepada Tun Perdana Menteri di upacara pembukaan Kejohanan Menembak Asia Ke-3 di Sasaran Menembak Subang semalam, manakala Presiden Kesatuan Menembak Kebangsaan Tun Tan Siew Sin memerhatikan di belakang.

NO. SIRI : 173
NO. PEN : 173/78

Utusan Malaysia 20 Ogos 1975

PTR.LA: 174 174/78

Untuk bawa pelancung ke Lumut dan Pulau Pangkor

Razak arah besarkan Lapangan-terbang Sitiawan

LUMUT 19 OGOS

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak telah mengarahkan Lapanganterbang Sitiawan diperbesarkan untuk membolehkan kapalterbang jenis besar mendarat membawa pelancung ke pantai Lumut dan Pulau Pangkor.

Ini diterangkan oleh Menteri Besar Perak, Tan Sri Ghazali Jawi ketika berucap dalam majlis perasmian 10 buah rumah peranginan di Teluk Batek di sini semalam.

Katanya langkah sedang diambil bagi melaksanakan arahan itu bagi memajukan kawasan Lumut, Pulau Pangkor dan sekitarnya sebagai tempat pelancungan yang moden di Semenanjung Malaysia.

Rumah peranginan tersebut kepunyaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) telah dibina dengan perbelanjaan $186 ribu yang dirasmikan oleh Sultan Perak.

Sementara itu, dalam titah ringkasnya Baginda mengarahkan kerajaan negeri menyediakan kemudahan-kemudahan ke tempat-tempat pelancungan bagi menarik orangramai terutama pelancung dari luar negeri bagi memperkenalkan Negeri Perak.

Baginda bertitah Perak banyak tempat dan pantai yang indah dan jika dimajukan serta disediakan segala kemudahan, "akan menarik lebih ramai pelancung dalam dan luar negeri menyaksikan keindahan semula jadi di tempat itu".

Tan Sri Ghazali menerangkan kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa Pelancungan sedang mengkaji bagi menyediakan kemudahan kenderaan dari Lumut ke Pulau Pangkor untuk menarik para pelancung.

Mengikut kajian, dari jumlah 725,000 pelancung ke negeri Perak dalam tahun 1972, hanya sebanyak satu peratus sahaja yang datang ke kawasan Lumut dan Pulau Pangkor, ini mungkin disebabkan kesulitan kenderaan ke tempat tersebut.

Pusat

Beliau menggesa pihak swasta memberikan kerjasamanya bagi memajukan kawasan pelancungan di Lumut dan Pulau Pangkor, tanpa kerjasama mereka perusahaan pelancungan amat sukar dimajukan, ujarnya.

Beliau mengumumkan Teluk Batek yang mempunyai pantai dan tempat perkelahan yang menarik di Perak akan dijadikan sebagai pusat pelancungan yang termoden dan menyediakan segala kemudahan yang diperlukan.

Di Teluk Batek juga akan dijadikan sebagai tempat pusat latihan kepada kakitangan kerajaan negeri, pemimpin belia dan beliawanis dan juga pemimpin-pemimpin yang lain pada masa akan datang.

Beliau memberitahu perimbangan sedang dibuat bagi membina bangunan dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menjadikan Teluk Batek sebagai pusat latihan itu.

Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Encik Ariffin Said berkata perusahaan pelancungan merupakan satu industri yang dinamik dapat memberikan sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan kepada negara-negara yang sedang membangun.

Katanya: "Negara kita termasuk Negeri Perak mempunyai keadaan cuaca yang senantiasa bermatahari dan juga pantai yang indah dengan keaslian alam semula jadi sesuai sebagai tempat menghilangkan penat lelah daripada kesibukan hidup di kota.

Bagi menyediakan kemudahan kepada para pelancung dan mengindahkan Negeri Perak, Perbadanan Kemajuan Negeri buat permulaan turut mengambil bahagian menyediakan sepuluh buah rumah peranginan yang comel di Teluk Batek ini.

Encik Ariffin menerangkan untuk melengkapkan rumah peranginan itu, sebuah kapeteria (cafeteria) untuk menyediakan makan dan minum akan dibina dengan segera dengan perbelanjaan $80 ribu.

Beliau menerangkan rumah peranginan itu terbuka kepada semua orang dan boleh digunakan mulai sekarang dengan bayaran sewa sebanyak $25 semalam.

NO. SIRI : 174
NO. PEN : 174/78

UTUSAN MALAYSIA
22hb, Ogos. 1975

PTB. RA: 175 175/78





PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak (atas), memasuki Bangunan Parlimen merasmikan Sidang Antara Parlimen. ASEAN Kedua semalam.

Beliau diiringi oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Nik Ahmad Kamil (di kanannya) dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Haji Omar Yoke Lin Ong. Di kiri sekali ialah Toh Puan Rahah.

Sementara –gambar bawah sebahagian dari perwakilan Parlimen Filipina dalam Sidang Antara Parlimen ASEAN Kedua itu.

Penglibatan pertubuhan2 bukan kerajaan erat hubungan serantau

Tun Razak sokong

MALAYSIA menyokong kuat penglibatan pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha mempereratkan perhubungan, persefahaman serta kerjasama di Asia Tenggara, kata Tun Abdul Razak hari ini.

KUALA LUMPUR 21 OGOS

Perdana Menteri berpendapat bahawa sumbangan baik di kalangan bukan kerajaan terhadap konsep kerjasama serantau patut digalakkan lagi kerana ia menjadi sebahagian dari ikatan kerjasama ASEAN dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan **kebudayaan.**

"Ini akan mengukuhkan dan menguatkan lagi kegiatan-kegiatan Kerajaan ASEAN," katanya.

Berucap merasmikan pembukaan persidangan anggota Parlimen ASEAN Yang Kedua di Bangunan Parlimen di sini pagi ini, Perdana Menteri menganjurkan supaya digalakkan lebih banyak lagi hubungan antara rakyat dengan rakyat negara-negara anggota.

Ini kerana daya pemikiran hasrat mereka akan dapat mendorongkan lagi perkembangan ASEAN.

"Dengan cara ini kita boleh menanamkan semangat persahabatan dan perpaduan di kalangan rakyat kita yang akhirnya akan menjadi asas yang kukuh bagi perkembangan dan kejayaan ASEAN," tambahnya.

Tun Razak gembira dengan tertubuhnya sebuah pertubuhan ahli Parlimen ASEAN dan mensifatkannya sebagai menandakan zaman baru dalam kerjasama antara penggubal un-

Sambongan , 22.8.1975

Pertubuhan Parlimen ASEAN mainkan peranan penting

DARI MUKA 1

nyatakan gembiranya kerana pelancaran pembentukan Pertubuhan Antara Parlimen ASEAN itu dapat diadakan di sini.

Mesyuarat-mesyuarat awal bagi membentuk pertubuhan itu telah diadakan di Jakarta dan di Tugu di Indonesia awal tahun ini di mana perlembagaannya telah digubal dan beberapa masaalah diatasi.

Tun Razak menambah pertubuhan itu akan memberi satu lapangan baru kepada corak pertubuhan bukan kerajaan dalam keluarga ASEAN iaitu membuka langkah kepada pembetulan pertubuhan-pertubuhan tertentu lainnya.

Bagaimanapun, Tun Razak menegaskan pembentukan pertubuhan-pertubuhan bukanlah sesuatu yang harus dipaksakan.

"Ianya harus merupakan tindakan serentak dari satu perasaan dan persetujuan sebagaimana yang ditunjukkan oleh pembentukan Pertubuhan Antara Parlimen ASEAN ini," tegas Tun.

Beliau menjelaskan, adalah paling menggembirakan kerana semangat 'mesyuarah' sentiasa menjadi prinsip yang memandu kita dalam semua mesyuarat dan perbincangan.

Selanjutnya, Tun menegaskan banyak lagi yang harus diselesaikan dalam memenuhi kehendak dan harapan rakyat di negara-negara ASEAN sungguhpun ASEAN telah dapat dimajukan secara perlahan tetapi tetap sejak ditubuhkan pada tahun 1967 dulu.

Di sinilah Pertubuhan Antara Parlimen ASEAN dapat memainkan peranan penting 'bagi menggerakkan ASEAN dengan lebih pantas dan dinamis,' tambah beliau.

Tun Razak berkata pertubuhan itu akan menjadi forum mengkaji dan membincangkan masaalah-masaalah serta juga mengemukakan cadangan kepada kerajaan-kerajaan yang berkenaan supaya tindakan tegas dapat diambil sesuai dengan bidang dan semangat kerjasama serantau ASEAN.

Beliau juga berharap pertubuhan itu akan dilihat sebagai penjamin kepada harapan dan aspirasi penduduk-penduduk ASEAN.

Menurutnya lagi tidak dapat diragukan bahawa 'Asia Tenggara sedang memasuki zaman baru — digugat oleh bahaya-bahaya baru dan tidak terduga di samping juga berasa segar akan adanya peluang-peluang yang menggembirakan.

"Katanya, matlamat kita ialah untuk mengujudkan sebuah Asia Tenggara yang aman, berpadu, makmur dan progresif.

"Apabila kita berkhidmat untuk perjuangan suci dan lebih besar dari diri kita sendiri, kita tidak mengharapkan kejayaan yang segera.

"Kalau kita capai kejayaan, kita akan gembira. Tetapi kalau usaha kita dikeciwakan oleh kesukaran dan kelemahan, kita harus berfikir dengan pengetahuan yang kita sedang berkhidmat bagi kepentingan jenerasi akan datang," ujar beliau.

UTUSAN MALAYSIA
24hb. Ogos. 1975

PTR.UA: 175 176/78

Perutusan khas Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia



PM. TUN RAZAK

SAYA ucapkan syabas kepada pegawai-pegawai Keretapi Tanah Melayu, atas usaha mengadakan Minggu Keretapi mulai dari 25hb. Ogos hingga 30hb. Ogos, 1975.

Saya difahamkan iaitu tujuan diadakan minggu yang tersebut ini ialah pertamanya untuk meninggikan lagi imej Keretapi Tanah-Melayu di kalangan orangramai; keduanya untuk membolehkan orang awam mengetahui dengan lebih dekat masaalah-masaalah yang dihadapi oleh Keretapi Tanah Melayu serta rancangan-rancangan yang sedang dan juga yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masaalah-masaalah tersebut dan akhirnya bagi menjamin perhubungan serta fahaman yang baik dan rapat antara orangramai dengan Keretapi Tanah Melayu.

Dan untuk mencapai maksud tersebut Keretapi Tanah Melayu telah memilih cogan 'Kepada Rakyat Kita Berkhidmat' sebagai asas segala acara dan semangat minggu tersebut.

Oleh sebab perhubungan antara daerah adalah perkara penting bagi menampung segala keperluan di negara ini, saya harap dengan adanya pertemuan dan pertukaran pendapat di antara orangramai dan Keretapi Tanah Melayu maka dapatlah kita sama-sama membaiki dan meninggikan taraf perkhidmatan yang sangat mustahak ini.

Saya ucapkan selamat mencapai segala kejayaan.

TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN HUSSEIN

NO. SIRI : 176
NO. PEN : 176/78

PTR. Ka : 177) 177/78.

Mingguan Malaysia 24 Ogos 1975

Razak mahu semua pihak sama2 hadapi kegentingan ekonomi

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Tun Abdul Razak mahu semua pihak menunjukkan taat setia kepada kerajaan dan negara serta melahirkan semangat kerjasama untuk bersama-sama menghadapi keadaan kegentingan ekonomi sekarang.

"Kita juga mestilah berjimat cermat dalam egala perbelanjaan," tegas Perdana Menteri.

— Berucap merasmikan perhimpunan agung yang pertama Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Malaysia Barat di Universiti Malaya pagi ini, beliau berkata: "Moga-moga dengan kerjasama semua, kita akan dapat mengatasi masaalah itu tidak berapa lama lagi."

Tun Razak memberitahu lebih 800 orang perwakilan perhimpunan itu bahawa sungguhpun tekanan inflasi telah reda, tetapi keadaan kemerosotan ekonomi masih dihadapi dengan hebat.

Dalam hubungan ini beliau mahu semua pihak memahami hal tersebut. Katanya, kerajaan sekarang mengalami kekurangan wang dan tidak dapat hendak menambah lagi perbelanjaan khasnya perbelanjaan yang berulang.

Tun Razak mengulangi: "Dengan sebab itu saya telah mengarahkan supaya semua jawatan kosong dan jawatan baru dalam kerajaan tidak diisi dengan tidak mendapat kebenaran khas daripada jemaah menteri atau saya sendiri."

Menurut beliau, dalam usaha hendak mencapai taraf hidup yang lebih tinggi dan sempurna, semua pihak mestilah bekerjasama.

"Kita tidak seharusnya bergantung kepada kerajaan semata-mata kerana kemampuan kerajaan adalah terhad.

"Oleh itu semua pihak seharusnya bantu-membantu di antara satu dengan lain untuk kepentingan dan kebajikan masyarakat seluruhnya," kata beliau.

Tentang Pergerakan Wanita, Tun Razak berkata, peranan pemimpin Perkumpulan Wanita seharusnya menjadi tenaga penggerak membimbing ahli-ahlinya dan kaum wanita seluruhnya supaya mereka mempunyai pemikiran yang progresif.

Ini akan memboleh-kan mereka menghadapi masaalah dan cabaran dengan baik dan dapat

LIHAT MUKA 16 (Ruangan 8)



RAPTAI perarakan 'Kemaraan Wanita' sempena Ta semalam.

Perarakan tersebut adalah sebagai salah satu acara samb ke Padang Kelab Selangor.

Kira-kira 4,000 orang wanita dari semua lapangan men saran pada 30 Ogos ini.

Gambar menunjukkan sebahagian dari kaum wanita da bahagian diraptai perarakan 'Kemaraan Wanita' itu.

DARI MUKA 1

ula menyesuaikan diri engan perubahan keaan yang berlaku tertama dalam zaman ains dan teknoloji, kata eliau.

Dalam hubungan ini, un Razak menekankan entingnya lebih ramai emimpin-pemimpin anita yang muda dan erkebolehan tampil ke epan memegang teraju rtubuhan-pertubuhan.

Katanya, kerajaan sensasa mementing dan enghargai sumbangan aum wanita terhadap embangunan dan kemajuan negara.

"Segala hak dan epentingan mereka ntiasa dijaga dan hormati oleh kerajaan an khasnya kaum lela-

Segala peluang baik lam bidang politik, onomi dan kemasyakatan adalah diberi pada mereka. Apa ng penting dan perlu ya rasa ialah kaum wa- a hendaklah sentiasa dia tampil ke depan n berani mempertankan hak dan kepengan mereka setiap sa.

"Mereka juga henklah bersedia bersama ngan kaum lelaki mbaiki kehidupan syarakat dan negara uruhnya," kata Tun zak.

Tun Razak juga mebut perubahan yang tas dengan penuh caan sambil mengitkan kesan buruk baik yang dibawa samanya.

Di sinilah unsur peran dan pendidikan mainkan peranan ting. Sebagai pengadan ibu yang hampir li dengan anak-anak segi pengawasan gegeri dan pergaulan eka sepatutnya nberi perhatian yang terhadap pembenan watak," katanya.

Laramie 6.45 Ilyod Bridges Rancangan

ALAM 7.00 Berita Bahasa Ta 8 - 'Don't Remember' 8.00 8.30 Keputusan Toto 8.32 Peristiwa 9.45 Governor An 10.30 Berita Inggeris 10. Negaraku.

RADIO MA

AGI: 5.00 Ringkasan Berit Susunan Rancangan 5.07 S 5.20 Gambus 5.22 Azan Su 5.45 Lagu-Lagu Asia Bara Lagu-Lagu Mac 6.20 Bersemangat 6.43 Harga Pembangunan 7.00 Warta Akhbar 7.13 Gembira Ria 7 7.30 Irama Pagi 8.00 Warta Sikap Baru 8.45 Nasyid 9.0 Dari Kampus Ke Kam Rampaian Pasukan Ke Muhibbah 10.45 Mari Keta Dendang Asli 11.15 Berbala

ENGAHARI: 12.00 Susunan Serbanika 12.30 Salam M Bang Waktu Zohor 12.51 1.30 Warta Berita 1.40 Uc Tengahari.

ETANG:2.00 Belia Bergerak Dendang Rama 3.30 Detik Rancangan 4.02 Bang Wak Hilang Berganti 4.36 Hi Masyarakat 5.00 Warta Gedung Ria 5.30 Cabaran 6.15 Tinjauan 6.30 Mutiara 6.55 Bang Maghrib dan Doa

ALAM: 7.01 Warta Berita 7 Rancangan 7.12 Drairama 7 Berita 8.10 Bang Waktu Mingguan 8.30 Rampaian Pembangunan 9.30 Sudut 10.10 Selingan 10.15 Cerper Jemputan Kita 11.00 Warta dan Hiburan 11.15 Rentak Berkat Ilahi.

NO. SIRI : 177
NO. PEN : 177/78

JUMAAT 29 OGOS, 1975

PTR. KA : 178) 178/78.

Kerajaan tak mampu tambah belanja berulang — Razak

SAMA2 KITA HADAPI KRISIS EKONOMI

TUN Abdul Razak malam ini menyeru setiap orang rakyat menunjukkan kesetiaan mereka kepada negara dengan memberikan kerjasama penuh kepada kerajaan dalam menghadapi krisis ekonomi negara yang serious sekarang.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri mahukan setiap pihak berusaha sedaya upaya meningkatkan lagi daya pengeluaran dalam semua sektor ekonomi, termasuk pihak kerajaan sendiri.

Berucap di majlis makam malam Persatuan Akitek Malaysia di sini malam ini, Tun Razak memberitahu bahawa negara sekarang ini menghadapi keadaan ekonomi yang serious.

"Malaysia sekarang ini sedang mengalami kesan yang paling buruk dari kemelesetan ekonomi dunia. Eks-

KUALA LUMPUR, 28 OGOS

pot negara kita telah merosot lebih 23 peratus berbanding dengan tahun lalu," kata beliau.

Menurut Tun, buat masa ini tidak ada tanda-tanda yang jelas tentang kemungkinan keadaan krisis ekonomi itu akan mengendur tahun depan tetapi pakar-pakar ekonomi meramalkan keadaan akan bertambah baik sedikit dalam tahun 1976.

Beri Jaminan

"Memandangkan keadaan, kerajaan terpaksa berhati-hati dan hidup dengan kemampuan yang ada," tegas beliau.

Tun Razak bagaimanapun memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat dan negeri sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjimatkan perbelanjaan dan mengurangkan belanja yang kurang perlu.

"Tidak syak lagi, kerajaan sekarang tidak mampu lagi untuk menambahkan perbelanjaan berulang melainkan jika keadaan ekonomi itu bertambah baik," tambahnya.

"Oleh itu saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa dalam menghadapi krisis ini, kerajaan mengharapkan setiap orang menunjukkan kesetiaan terhadap negara dengan memberikan kerjasama penuh dalam usahanya untuk mengatasi masaalah itu," ujar beliau.

Tun Razak menggesa semua sektor ekonomi di negara ini meningkatkan daya pengeluaran masing-masing. Ini termasuklah juga sektor kerajaan.

Kerajaan, katanya, akan meneruskan usaha-usaha pembangunannya merangsang pertumbuhan ekonomi tetapi perbelanjaan untuk projek yang tidak ekonomik akan dikurangkan serendah-rendahnya.

Kerajaan juga mahukan setiap orang menunjukkan kesetiaan mereka kepada negara dan membantunya mengharungi "krisis yang sedang dihadapi sekarang."

Kepada para akitek Perdana Menteri meminta mereka berusaha mengurangkan belanja perancangan, rekabentuk dan penentuan mereka, khususnya bagi projek-projek kerajaan seperti pembinaan hospital, klinik, sekolah dan bangunan-bangunan awam yang lain.

Keindahan rekabentuk bangunan hendaklah diimbangi dengan kegunaannya dengan menimbangkan faktor perbelanjaannya juga, katanya.

Kemudahan

Tun Razak berharap persatuan itu akan membantu kerajaan, khususnya perancangan rumah harga murah yang mampu dicapai oleh golongan berpendapatan rendah.

DARI MUKA 1

Tun Razak juga menekankan perlunya dicari jalan mengurangkan belanja pembinaan. Salah satu caranya ialah menggunakan kayu.

Rumah papan yang moden sama tahannya dengan rumah batu dan lebih sesuai dengan hawa di negara ini, katanya.

Penggunaan kayu dan papan yang lebih luas juga akan meningkatkan pasarannya yang sekarang masih rendah.

Perdana Menteri berjanji kepada persatuan mendapatkan satu kawasan tetap untuk bangunan pusatnya.

Menyentuh tentang penubuhan majlis perusahaan pembinaan, beliau menjelaskan bahawa syor tersebut wajar mendapat pertimbangan.

NO. SIRI : 178
NO. PEN : 178/78

PTR. KA ; 179 179/78


Utusan Malaysia 30 Ogos, 1975

Razak di jamuan arkitek

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak menjadi tetamu kehormat di majlis makan malam tahunan Persatuan Arkitek Malaysia yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di ibukota.

Antara lain ketika berucap Tun Razak meminta para arkitek itu berusaha mengurangkan belanja perancangan, reka bentuk dan penentuan mereka, khususnya bagi projek-projek kerajaan sesuai dengan usaha jimat cermat kerajaan.

Gambar menunjukkan sebahagian dari para jemputan di majlis tersebut sedang mendengar ucapan dari Tun Razak.



NO. SIRI : 179
NO. PEN : 179/78

PTR. KLA : 180 180/78

Utusan Malaysia 30 Ogos, 1975

Lelaki berumur 18 hingga 55 tahun mesti menyertainya

RAZAK LANCAR RUKUN TETANGGA

KUALA LUMPUR 29 OGOS

JEMAAH Menteri telah meluluskan undang-undang bagi menguatkuasakan penyertaan semua penduduk negara ini — menteri atau executive, buruh atau peniaga — dalam rancangan Rukun Tetangga.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak yang mengumumkan ini petang ini berkata undang-undang tersebut dikenali sebagai peraturan-peraturan perlu (masyarakat berdikari), 1975, diadakan semata-mata untuk mempastikan penyertaan yang adil dan menyeluruh dari semua penduduk negara ini, tanpa mengira pangkat dan darjah mereka.

"Kita mahu semua rakyat turut berganding bahu menggembeling usaha dan tenaga bagi menjayakan rancangan Rukun Tertangga ini".

Berucap merasmikan pelancaran rancangan Rukun Tetangga di Wilayah Persekutuan di Kampung Kasipillay di sini petang ini, Tun Razak menambah:

"Penyertaan setiap warganegara dan penduduk dalam rancangan ini adalah satu cara membuktikan taat setianya kepada negara ini — negara yang memberi rezeki dan perlindungan kepada mereka."

Tun Razak berkata pelancaran Rukun Tetangga ini adalah mengambil sempena ulangtahun Hari Kebangsaan yang ke 18 yang akan dirayakan Ahad ini.

Kegentingan ekonomi

Katanya, thema perayaan tahun ini ialah "masyarakat berdikari' dan ia sangat sesuai dijadikan panduan atau pegangan hidup rakyat untuk mencapai kebahagiaan dan kemakmuran, terutama di saat negara menghadapai pelbagai cabaran, khasnya kegentingan ekonomi akibat kemerosotan ekonomi dunia.

Beliau yakin rancangan Rukun Tetangga, ini akan mendekatkan "kita kepada cita-cita negara aman, makmur dan bersatu."

Perdana Menteri merayu semua yang terlibat baik ajensi kerajaan, organisasi sukarela dan seluruh rakyat memberi khidmat dan sokongan sepatut bagi menjayakannya.

Di bawah rancangan Rukun Tetangga itu, setiap warganegara lelaki yang berupaya, berumur antara 18 hingga 55 tahun akan dikenakan tugas mengawal kawasan masing-masing selama empat jam. Tiap seorang akan dikenakan mengawal tidak lebih dari dua kali sebulan.

Mereka yang sampai giliran bertugas tidak boleh mengupah orang lain menggantikannya. Mereka yang mengengkari tugas mengawal akan dikenakan hukuman penjara tidak lebih tiga tahun, juga boleh didenda hingga $10,000.

Semasa bertugas mereka mempunyai kuasa yang sama seperti seorang polis constable dan boleh menangkap orang yang melakukan kesalahan. Bagaimanapun, mereka hendaklah menyerahkan kepada anggota polis orang yang ditangkap itu.

Tun Razak berkata, dalam pelaksanaan rancangan Rukun Tetangga ini, keutamaan akan diberi kepada kawasan-kawasan bandar di peringkat pertama serta beberapa kawasan luar bandar yang mempunyai implikasi keselamatan.

Beliau yakin dengan sambutan dan penerimaan baik dari rakyat, maka dalam masa yang singkat sahaja seluruh Malaysia akan mengamalkan Rukun Tetangga sebagai satu cara hidup yang akan diwarisi kepada jenerasi akan datang.

Kata Perdana Menteri, dalam pelaksanaan rancangan Rukun Tetangga ini di bandar-bandar, satu jawatankuasa terdiri dari para penduduk akan dibentuk dengan dinamakan Jawatankuasa Keamanan Penduduk.

Ahli-ahli jawatankuasa akan dipilih dari persatuan penduduk (residence association), unit Pertubuhan Masyarakat, RELA, Pertahanan Awam, Belia 4B dan lain-lain, termasuk orang perseorangan yang difikirkan boleh memberi khidmat sesuai dengan pengalaman dan pengetahuan untuk membantu dalam urusan dan kegiataan Rukun Tetangga.



TUN Abdul Razak ketika tiba di Kampung Kasipilly petang semalam untuk melancarkan Rukun Tetangga telah diberi sambutan meriah oleh penduduk-pendu-

NO. SIRI : 180
NO. PEN : 180/78

PTR.UA: 181 181/78

Mingguan Malaysia 31 Ogos, 1975

AKHBAR KEBANGSAAN TULIN
Mingguan Malaysia
AHAD, 31 OGOS, 1975

TEBUSAN2 KITA DUDUK DIKELAS SATU PENGGANAS2 JRA DUDUK DIKELAS DUA

Oleh: Robert Fisk

TATATERTIB telah dilaksanakan di dalam kapalterbang DC-8 Syarikat Penerbangan Jepun (JAL) yang membawa 10 pengganas Tentera Merah, sembilan orang kakitangan kapalterbang itu dan empat tebusan dari Kedutaan Amerika Syarikat yang ditawan di Kuala Lumpur baru-baru ini.


Bila pegawai-pegawai Libya masuk ke dalam kapalterbang itu di Lapanganterbang Tripoli, mereka mendapati bahawa orang-orang tebusan Jepun dan Malaysia itu duduk dengan selesa di bahagian kelas satu manakala pengganas-pengganas itu di bahagian kelas dua.

Bila setiap orang turun dari kapalterbang itu, anggota-anggota Tentera Merah itu dibawa ke tempat tahanan dalam keadaan "terhina" manakala pegawai-pegawai awam Libya menempatkan empat orang tebusan dan kakitangan-kakitangan kapalterbang itu di hotel yang paling besar di Tripoli di kawasan pantai laut Mediterranean.

Beberapa orang Arab yang merampas sebuah kapalterbang ke Aden tahun sudah pada mulanya dirai oleh pihak berkuasa di sana, tetapi kemudian diberitakan

untuk mengenakan hukuman penjara selama lebih 50 tahun ke atas sebarang orang Arab yang merampas kapalterbang. Di lain-lain negara, pelampau-pelampau menghadapi kesyukuran yang lebih besar.

Dua anggota Pergerakan Republik Revolusi Angkatan Tentera Iran, iaitu sebuah badan pro Peking yang bertujuan untuk menggulingkan Shah Iran, ditangkap di bahagian Timur-Laut Iran setelah dikatakan untuk merancang sebuah merampas dan kapalterbang serangan-melancarkan bom. Mereka serangan menjalani kemudian mati ditembak hukuman satu pasukan oleh



KAPALTE
Palestine di Lap

penembak.

Hanya beberap
bekas gerila me
kan bagaimana
bila saja gerakan
mereka telah dil
kan. Leila Khali
merampas
kapalterbang
Penerbangan Isr
A1, telah menga
buah buku, dan s
orang dari geril
Tentera Merah
membunuh 26 o
Lapanganterbang
Tel Aviv, menu
rencana yang par
bar selepas dia
kap.

Tetapi kian je
bayang bahaw
kegemilangan
pau-pelampau
olah boleh lenya
masa yang amat s

Beberapa lam
perampas-per
kapalterbang di
secara rasmi d

MENEMPUH USIA PANCAROBA

BEBERAPA perkara baik dan buruk telah rakyat dan negara Malaysia dalam usianya yang ke lapan belas tahun selepas mencapai kemerdekaan.

Kejayaan pasukan hoki Malaysia menduduki tempat keempat dalam pertandingan Hoki Sedunia bulan Mac lalu telah memeranjatkan ramai orang dan memberi sebab bagi rakyat merasa begitu gembira. Nama Malaysia sebelum ini sebenarnya tidak terkenal langsung dalam lapangan ini.

Kesediaan Johan Tinju Sedunia Muhammad Ali bertarung dengan pencabarnya Joe Bugner di Kuala Lumpur lagi sekali telah meletakkan nama Malaysia di kepala berita seluruh dunia.

Tetapi ini hanyalah beberapa peristiwa manis yang dialami oleh negara ini dalam masa dunia menghadapi berbagai pancaroba baik ekonomi mahupun politik. Malaysia juga turut mengalami peristiwa-peristiwa yang menimbulkan kesan kepadanya.

Peristiwa anggota-anggota kumpulan Tentera Merah Jepun menceroboh Bangunan AIA di Kuala Lumpur baru-baru ini adalah dugaan paling hebat terhadap kemampuannya dan kewarasannya serta persahabatannya yang erat dengan negara-negara luar.

Hanya dengan ketenangan dan kewarasan pemimpin-pemimpinnya saja peristiwa tersebut berlalu tanpa korban manusia dan hanya hubungannya yang erat dengan negara-negara luar saja yang menyebabkannya berjaya melepaskan diri dari cengkaman peristiwa terkutuk itu.

Dari segi ekonomi juga Malaysia sebenarnya belum pulih dari wabak kemelesetan yang menyerang dunia sejak tahun 1973, walaupun beberapa dari kesan inflasi itu telah dapat dilaluinya tanpa akibat yang agak buruk.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak kelmarin memberi amaran bahawa kerajaan sedang menghadapi kedudukan ekonomi yang serious dan tidak mampu menambah perbelanjaan semasa lagi sehinggalah kedudukan ekonomi sekarang bertambah baik.

Suatu akibat dari keadaan ini tentunya ialah tidak semua tuntutan kenaikan gaji kakitangan kerajaan, yang nampaknya terus merasa tidak puas dengan kenaikan-kenaikan yang lalu, akan dapat dipenuhi. Kesetiaan dan kesediaan berkorban kakitangan kerajaan tentulah teruji oleh keadaan ini.

Sesuai dengan keadaan ini, perayaan Hari Kebangsaan kita kali ini dijalankan secara sederhana. Tetapi rakyat masih boleh menun-

181/78

PTR·KA: 182 182/78.

Mingguan Malaysia 31 Ogos, 1975

Majlis Penasihat Integrasi Wanita disetujui —Razak

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Tun Razak berkata hari ini bahawa kerajaan telah bersetujuan dengan penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Kaum Wanita Dalam Pembangunan dengan harapan ia akan memberi sumbangan yang lebih bermakna untuk faedah wanita seluruhnya.

Perdana Menteri memberitahu, dengan adanya majlis itu dapatlah diatur dan disesuaikan segala gerakan untuk faedah wanita seluruhnya melalui tiga peranan utama.

"Majlis ini dijangka dapat bertindak sebagai badan penyelarasan, perunding dan penasihat kepada kerajaan terutama dalam hubungan kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan wanita di negara ini.

"Majlis ini juga diharap akan dapat mengujudkan kesedaran kebangsaan di kalangan wanita tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara.

"Melalui majlis ini juga kerajaan berharap akan dapat mengintegrasikan dengan sepenuhnya segala gerakan wanita dalam rancangan menjalankan pembangunan dengan lebih berkesan di negara ini," katanya.

Berucap merasmikan perhimpunan Hari Wanita di sini, Tun Razak menegaskan bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kemajuan wanita.

"Segala peluang dan kemudahan adalah diberi kepada kaum wanita untuk sama-sama maju dalam kehidupan negara. Peluang-peluang pekerjaan yang banyak telah diberi kepada wanita.

"Kerajaan juga telah mengambil berbagai langkah untuk menjaga hak dan kepentingan mereka seperti memberi gaji sama, kemudahan kebajikan yang lebih baik dan mengadakan undang-undang keluarga lebih sempurna untuk memberi perlindungan dan jaminan kepada mereka yang sudah berumahtangga," ujar beliau.

Dalam pada itu, tambah Perdana Menteri, kaum wanita sendiri tidak seharusnya bergantung kepada

DTR. KA: 183 183/78

Utusan Malaysia 1 September 1975



TUN RAZAK RAI PARA WARTAWAN

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak telah meraikan wartawan-wartawan akhbar, radio dan talivisyen dalam satu majlis makan di Istana Tetamu Kuala Lumpur malam kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, dan beberapa orang menteri kabinet dan juga timbalan-timbalan menteri turut sama dalam majlis tersebut.

Dalam majlis tersebut, beberapa orang wartawan dari Kumpulan Utusan Melayu, Kumpulan Akhbar The New Straits Times telah menyanyi dan bermain alat muzik.

Tari menari antara wartawan sesama wartawan telah memeriahkan lagi majlis tersebut.

. Gambar menunjukkan Tun Abdul Razak sedang berbual-bual dengan wartawan-wartawan dalam majlis tersebut.

NO. SIRI : 183
NO. PEN : 183/78

ISNIN 1 SEPTEMBER 1975

PTR. UD : 184 184/78

Perlu membiayai pengeluaran dengan memberi kredit secukupnya –Tun

BANK-BANK JANGAN TUNGGU, LIHAT SAJA

KUALA LUMPUR
31 OGOS

TUN Abdul Razak berkata bank-bank perlu membiayai pengeluaran dengan memberi kredit yang secukupnya walaupun negara sedang mengalami keruncingan ekonomi.

Katanya, sebagai pengumpul wang yang terbesar di negara ini, bank-bank mempunyai peranan penting untuk menyegerakan pemesatan ekonomi negara.

"Bank-bank di negara ini tidaklah harus mengambil sikap 'tunggu dan lihat' pada masa sekarang, tetapi hendaklah menggiatkan lagi kegiatan ekonomi dengan memberi pinjaman yang lebih kepada sektor-sektor pengeluaran dalam ekonomi negara," katanya.

Perdana Menteri telah berucap merasmikan penubuhan Bank Buruh di sebuah hotel terkemuka di sini petang ini.

Beliau menarik perhatian bahawa memandangkan keadaan ekonomi yang agak buruk sekarang, firma-firma dan syarikat-syarikat di negara ini menghendaki jumlah wang dan kemudahan kredit yang lebih banyak dari biasa untuk menampung keperluan di masa kemerosotan ini.

Perdana Menteri juga menganjurkan bank-bank di negara ini menimbang kemungkinan mengadakan satu rancangan pinjaman untuk membolehkan mereka yang mempunyai, pengalaman luas, kecekapan dan kemahiran dalam sesuatu bidang, tetapi tidak mempunyai modal cukup menjalankan perusahaan sendiri.

Golongan ini termasuk para pekerja mahir dan professional muda, katanya.

Beliau juga menyeru bank-bank, khususnya Bank Buruh mengadakan satu sekim pinjaman dengan syarat yang mudah untuk membolehkan orangramai membina atau membeli rumah.

Tun Razak percaya dengan adanya pinjaman serupa itu akan membolehkan rakyat memiliki rumah sendiri dan hidup dengan lebih sempurna.

Beliau memberitahu bahawa kerajaan melalui ajensi-ajensinya, memang menyediakan rancangan membantu golongan pekerja mahir dan professional muda "tetapi saya fikir ini tidaklah memadai."

"Bank-bank perdagangan dan institusi kewangan yang lain mestilah menampung kehendak ini," kata Tun Razak sewaktu merasmikan pelancaran Bank Buruh di sini.

Beliau percaya rancangan pinjaman seperti itu sudah tentu dapat memberi kemudahan kepada golongan tersebut berdikari dan tidak sentiasa terbatas bekerja dengan majikan sahaja.

Tun Razak mensifatkan Bank Buruh itu sebagai agak istimewa daripada bank-bank lain kerana ianya dimodali dan dikendalikan sendiri oleh kaum pekerja.

"Bagi pertama kalinya kita dapati kaum pekerja menjalankan institusi perniagaan yang anggotanya memegang peranan sebagai majikan dan pekerja, yang merupakan satu percubaan yang menarik terutama dalam hubungan majikan—pekerja.

Tun Razak mengulangi bahawa kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjamin kaum pekerja mendapat gaji yang berpatutan, kemudahan kebajikan seperti SOCSO dan lain-lain lagi.

Beliau memberi jaminan dari masa ke semasa kerajaan akan terus mengadakan kemudahan-kemudahan lain untuk kaum pekerja sesuai dengan keadaan dan kemampuan kerajaan pada sesuatu masa.

Perdana Menteri mengakui peranan penting kesatuan-kesatuan sekerja bagi memelihara dan memperjuangkan hak dan kepentingan kaum pekerja.

"Kerajaan pula sentiasa bersedia menimbang tuntutan yang patut dan menasabah kerana memang menjadi hasrat kerajaan untuk menentukan kaum pekerja mendapat gaji dan lain-lain kemudahan sewajarnya untuk mereka hidup dengan sempurna," tambah beliau.

Tun Razak mahu kesatuan-kesatuan sekerja dan pucuk pimpinannya memberi persefahaman dan pandangan yang sempurna kepada kerajaan mengenai kesulitan yang dihadapinya.

Beliau berpesan: Mereka janganlah mudah hendak melancarkan tindakan perusahaan semata-mata dengan tujuan mahu menekan atau mendesak majikan melayani tuntutan mereka.

"Sebaik-baik jalan ialah kedua pihak mencari penyelesaian dengan cara berunding, memahami masaalah masing-masing dan seberapa boleh cuba bertolak ansur dan mengelakkan sebarang tindakan perusahaan.

"Hanya dengan demikian sajalah kita dapat menjamin keadaan dan suasana aman dan stabil yang penting untuk pembangunan ekonomi negara."

NO. SIRI : 184
NO. PEN : 184/78

NO. PEN : 187/78

Utusan Malaysia 3 September, 1975

PTR. 44 : 185 185/78

Penyiaran penting capai matlamat negara – Razak

MIRI 2 Sept. — Tun Abdul Razak hari ini mengingatkan lagi tentang peranan penting yang dimainkan oleh penyiaran untuk mencapai matlamat negara membina masyarakat yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan bersatu-padu.

Radio dan TV dapat menyebarkan berita-berita dan penerangan berkenaan kemajuan dan pembangunan ke seluruh negara.

Dalam negara yang penduduknya berbilang kaum dan terpisah oleh laut, maka peranan penyiaran adalah besar sekali dalam memupuk rasa persefahaman, persaudaraan serta perpaduan antara seluruh golongan rakyat, tegas Perdana Menteri.

Tentang

Berucap merasmikan Kompleks RTM di sini Tun Razak menambah radio dan TV juga dapat menentang dakyah jahat yang mahu merosakkan perpaduan dan kesejahteraan rakyat serta kemajuan yang telah dicapai.

Katanya anasir-anasir subversif dan anti nasional sentiasa cuba menimbulkan kekacauan.

Salah satu tektik yang mereka gunakan ialah menyebarkan khabarangin dan dakyah palsu dengan tujuan menimbulkan perasaan curiga dan sangsi di kalangan rakyat.

Oleh itu adalah menjadi tugas penyiaran untuk menghapuskan segala dakyah jahat itu melalui peperangan saraf dan membawa rakyat ke pihak kerajaan.

Langkah

Tun Razak puashati bahawa langkah-langkah perang saraf itu telah dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh pegawai-pegawai Jabatan Penyiaran walaupun kadangkala menghadapi kekurangan alat.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus berusaha setakat yang terdaya untuk menyediakan segala peralatan yang lengkap dan moden bagi membolehkan pegawai-pegawai penyiaran menjalankan tugas memenangi hati rakyat.

Tun Razak juga menekankan pentingnya badan penyiaran menjadi sebahagian daripada masyarakat setempat.

Ia hendaklah menyesuaikan diri dengan kehendak dan aspirasi masyarakat demi mencapai hasrat dan cita-cita rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata Kompleks RTM itu menandakan satu lagi kemajuan di Negeri Sarawak.

Ia juga bererti bahawa rangka penyiaran di Sarawak akan lebih luas dan memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dari masa yang sudah-sudah.

Beliau mensifatkan Sarawak sebuah negeri yang mempunyai keupayaan yang tersendiri dalam menghadapi masa depannya yang cerah dan penuh harapan.

NO. SIRI : 185
NO. PEN : 185/78

PTR. LA 186 186/75

Utusan Malaysia 3 September, 1975

Sidang MB di Miri: Razak mula lawatan 2 hari

SIBU 2 Sept. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak tiba di sini pagi ini dalam rangka lawatan dua hari ke Sarawak.

Ketibaan beliau dan rombongan disambut oleh Ketua Menteri, Datuk Haji Abdul Rahman Yaakob dan Menteri Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Negeri, Dr. Wong Soon Kai.

Anggota-anggota lain dalam rombongan Tun Razak ialah Menteri Perancangan dan Tugas-Tugas Khas, Datuk Taib Mahmud, Menteri-Menteri Besar Pahang, Kelantan, Negeri Sembilan, Trengganu, Selangor, Perak, Kedah dan Perlis.

Mereka sedang dalam perjalanan ke Miri untuk menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri yang akan dirasmikan oleh Tun Razak esok.

Sambut

Tun Razak yang tiba dengan jet eksekutif F28 disambut dengan tarian Iban, 'Ngajat', tarian singa dan persembahan kumpulan hadrah.

Perdana Menteri kemudian dikalungkan dengan bunga malai oleh Adik Chengdrawati binti Haji Zainuddin, 13.


Tun Razak kemudian diperkenalkan kepada pemimpin-pemimpin tempatan termasuk anggota-anggota Parlimen, Majlis Negeri, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Lebih 2,000 orang termasuk 800 orang penyokong Barisan Nasional membawa bendera parti itu berada di lapanganterbang untuk menyambut Perdana Menteri.

Tun Razak telah dibawa berkereta ke Ibupejabat Markas Keselamatan Rejang (RASCOM) untuk mendengar penerangan mengenai kedudukan keselamatan negeri ini.

Beribu-ribu kanak-kanak mengebar-ngebarkan bendera berbaris sepanjang jalan sejauh tiga batu ke pekan untuk melihat wajah Perdana Menteri.

Utusan Malaysia 3 September, 1975



• **PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak melihat-lihat disalah satu bahagian Pusat Penyelidikan Pertahanan selepas beliau merasmikan pusat ini bulan lalu.**

NO. SIRI : 186
NO. PEN : 186/78

pembangunan ekonomi negara."

NO. PEN : 184/78

Utusan Malaysia 2 September 1975

PTR-WS : 187 187/78



GAMBAR menunjukkan Tun Razak bersama-sama dengan Gabnor Sulawesi Selatan, Haji Achmad Lamo [bersongkok di sebelahnya] hendak turun dari kapal layar "PuteraMengkasar" setelah melawat kapal itu. — Gambar oleh Yusoff Omar.

Razak terima hadiah "Putera Mengkasar"

PELABUHAN KELANG 1 September — Tun Abdul Razak hari ini menerima hadiah kapal layar 'Putera Mengkasar' dari rakyat daerah Sulawesi Selatan.

Gabnor Sulawesi, Haji Achmad Lamo, yang sedang dalam lawatan ke negeri ini menyerahkan kapal layar itu kepada Perdana Menteri di satu upacara di atas kapal Tentera Laut Diraja KD Hang Tuah di dermaga pelabuhan utara di sini.

OLEH ROSEMINAH AHMAD

Ketika berucap Tun Razak berkata, "hadiah ini besar maknanya kepada diri saya kerana 250 tahun yang lalu nenek moyang saya telah meninggalkan Ujong Pandang dengan kapal seperti ini menuju ke bandar Pekan Negeri Pahang dan memulakan penghidupan disitu."

"Dari situlah keturunan saya berasal hingga hari ini dan kampung yang didiami masih dinamakan Kampung Makassar," kata Tun Razak.

Oleh itu, katanya, pemberian rakyat Sulawesi ini adalah membaharui ikatan persaudaraan dengan rakyat Ujong Pandang dan Wilayah Sulawesi amnya kepada beliau dan keluarganya.

Sambil berjenaka Tun berkata; "saya harap hadiah kapal ini tidak bermakna rakyat Sulawesi berkehendakkan saya dan keluarga balik semula ke Sulawesi."

Kata Tun Razak, dengan 'Putera Mengkasar' beliau akan berihat dan belayar di lautan pantai timur dan barat Malaysia dan dengan itu akan mengekalkan kenang-kenangan serta budi pekerti Gabnor dan rakyat Sulawesi itu.

"Saya sendiri telah berumur dan tidak dapat melayarkan kapal ini ke Sulawesi.

"Tetapi saya ada lima

DARI MUKA 1

kaki, mempunyai 52 asa kuda, janakuasa n diperbuat di Ujong ndang.

Kapal layar itu dibawa eh kaptennya, Tuan artin Barsa bersama orang anak-anak pal dari Makassar dan engambil masa 13 hari tuk sampai ke Pelabun Kelang.

Esok 'Putera Mengsa' akan dibawa ke ngkalan TLDM di oodlands untuk disimn. Kapal layar tersebut akan dibawa oleh apten (Laut) Abu Hasn bin Haji Yusoff berma 10 orang anak palnya.

Hadir sama di upacara itu tadi ialah Toh Puan Rahah, Ketua Turus Tentera Laut, Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam, Datuk Bandar, Tan Sri Yaakob Latiff, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang, Raja Azam bin Raja Kamarulzaman serta lain-lain tetamu.

Upacara dimulakan dengan pembacaan naskah serah terima dan diikuti dengan menandatangani naskah tersebut.


Kemudian pipe ditiup diikuti pula dengan upacara menurunkan bendera kapal dan digantikan dengan bendera Malaysia. Pancaragam TLDM memainkan lagu 'Samudra Raya' serentak dengan itu.

NO. SIRI : 187
NO. PEN : 187/78

49

Utusan Malaysia 8 September 1975

PTR.UUS : 188 188/78.



MAJLIS SANTAPAN PERPISAHAN DI SRI TAMAN

KUALA LUMPUR 7 September — Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung telah berangkat menghadiri majlis santapan perpisahan di Sri Taman di sini malam tadi.

Hadir di majlis itu ialah Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan para menteri kabinet serta isteri masing-masing.

Dalam ucapannya, Tun Razak menegaskan semasa pemerintahan Seri Paduka Baginda, Kerajaan Malaysia telah dapat menjalankan pemerintahan negara dengan baik dan teratur serta berjaya membawa kemajuan kepada rakyat.

Kemajuan-kemajuan itu telah memberikan negara ini nama yang cemerlang di kalangan bangsa-bangsa di dunia.

Tun Razak berkata selain dari itu, dasar luar Malaysia yang bebas dan berkecuali telah juga disambut baik oleh semua negara besar dan kecil.

Perdana Menteri juga berkata beliau bangga kerana dalam masa lima tahun ini, Seri Paduka Baginda telah melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan timbang rasa.

Lawatan-lawatan Seri Paduka Baginda ke negeri-negeri lain juga telah dapat merapatkan hubungan dengan rakyat yang taat setia.

Tun Razak kemudian menyembahkan kepada Seri Paduka Baginda sebuah talam sebagai cenderamata.

Talam tersebut ditandatangani oleh semua ahli-ahli jemaah menteri.

GAMBAR menunjukkan dari kanan Timbalan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, Toh Puan Hajah Rahah, Raja Permaisuri Agung, Yang Dipertuan Agung, Tun Abdul Razak dan Datin Suhaila. — Gambar Utusan Malaysia.

NO. SIRI : 188
NO. PEN : 188/78

Utusan Malaysia 9 September 1975

PTR . KS : 189 189/78



JUARA bergu wanita Margaret Beck dan Gillian Gilks menerima hadiah dari Tun Razak di Stadium Negara malam kelmarin.

NO. SIRI : 189
NO. PEN : 189/78

Utusan Malaysia 11 September 1975

PTR. ud : 190 190/75

Mereka yang miliki senjata api, alat letupan haram

Kerajaan tidak akan ampun hukuman mati -Tun

KERAJAAN tidak akan mengampun atau meringankan hukuman mati ke atas orang-orang yang didapati salah memiliki senjata api atau alat letupan secara haram, Perdana Menteri Tun Abdul Razak memberi amaran hari ini.

KUALA LUMPUR 10 SEPTEMBER

Beliau juga menegaskan bahawa kerajaan akan terus mengambil tindakan lebih keras ke atas perompak-perompak yang menggunakan senjata api semasa melakukan rompakan.

Berucap merasmikan Sri Pahang, sebuah projek perumahan rakyat Dewan Bandaraya berharga $6.6 juta di Bukit Bangsar di sini, Tun Razak menyebut perbuatan anasir-anasir jahat melontar bom dalam kawasan Markas Polis Hutan di Jalan Pekeliling dan mengebom Tugu Negara baru-baru ini, untuk melemahkan semangat pasukan keselamatan dan rakyat.

Katanya, Sabtu lalu kerajaan mengisytiharkan kuatkuasa seksyen 57 hingga 63 Undang-Undang Keselamatan Dalam Negeri yang mengenakan hukuman mati kepada sesiapa yang didapati memiliki senjata api, atau alat letupan secara haram.

Langkah

Beliau berharap orangramai akan memahami terhadap langkah kerajaan bagi menguatkuasakan undang-undang tersebut.

Menurutnya, kuatkuasa undang-undang tersebut bukan saja dikenakan ke atas mereka yang menyimpan atau memiliki senjata api bahkan juga meliputi orang-orang yang terlibat membantu anasir-anasir anti-nasional.

"Mereka yang memberi bantuan atau bekerjasama dengan anasir-

keras akan dikenakan terhadap mereka," tegasnya.

Tun Razak mengingatkan rakyat bahawa walaupun kerajaan mengatur berbagai langkah, anasir-anasir jahat ini akan cuba meneruskan angkara jahat dengan berbagai cara.

Lancar

Katanya, kerajaan telah melancarkan rancangan Rukun Tetangga bertujuan melibatkan segenap anggota masyarakat dalam usaha menjaga keselamatan rumahtangga, harta benda dan masyarakat sendiri.

Beliau percaya jika penduduk-penduduk sesuatu kawasan itu sentiasa berjaga-jaga dan selalu berwaspada anasir-anasir jahat itu tidak akan dapat meresap masuk ke kawasan itu.

Tun Razak berharap rakyat akan memberi sokongan dan kerjasama penuh dalam usaha-usaha kerajaan hendak menghapuskan anasir-anasir jahat yang sentiasa cuba mengganggu ketenteraman dan memecahbelahkan perpaduan rakyat.

Utusan Malaysia 11 September 1975

PTR. KA : 191 191/78

Sekurang-kurangnya 30,000 unit dalam lima tahun

Razak arah Bandaraya bina rumah murah di kawasan2 baru

TUN Abdul Razak telah mengarahkan Dewan Bandaraya mengadakan satu rancangan perumahan rakyat bagi orang-orang berpendapatan rendah yang lengkap dan menyeluruh untuk dilaksanakan dari masa ke semasa.

KUALA LUMPUR 10 SEPTEMBER

Perdana Menteri menjelaskan bahawa rancangan itu termasuk pembinaan rumah murah di kawasan-kawasan baru, membina semula kawasan-kawasan setinggan, menempatkan semula setinggan serta menyediakan tapak-tapak perumahan bagi rakyat berpendapatan rendah.

Tun Razak mengumumkan ini ketika berucap merasmikan rancangan perumahan rakyat Sri Pahang yang berharga $6.6 juta di Bukit Bangsar di sini pagi ini. Projek tersebut ialah salah satu projek perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah Dewan Bandaraya.

Beliau berharap Dewan Bandaraya dapat menyediakan sekurang-kurangnya 30,000 unit rumah dalam masa lima tahun akan datang.

Tun Razak yakin pelaksanaan projek tersebut akan membawa perubahan yang nyata kepada cara hidup para penduduk yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan.

Beliau mengumumkan juga bahawa satu kawasan seluas 775 ekar di Jalan Cheras dekat sini akan dimajukan sebagai kawasan perumahan dan pusat bandar kecil.

Kawasan itu akan diberi keutamaan untuk perumahan rakyat berpendapatan rendah.

Sementara itu, Datuk Bandar Tan Sri Yaakub Latiff dalam ucapannya menerangkan bahawa Dewan Bandaraya akan merancang pembinaan rumah-rumah yang lebih murah supaya mampu didiami oleh golongan miskin.

Pihaknya akan melaksanakan rancangan itu, sama ada mendapatkan lebih sabsidi dari kerajaan atau mengadakan projek-projek commercial bersama kerajaan atau secara usaha-bersama dengan swasta.

Projek

Dewan Bandaraya juga akan cuba mengadakan projek rumah pangsa yang tidak lebih tinggi dari lima tingkat di masa-masa akan datang.

Tan Sri Yaakub juga menerangkan Dewan Bandaraya sedang mengkaji semua jenis perumahan rakyatnya, termasuk mengkaji semula rumah pangsa setinggi 17 tingkat, seperti projek Bukit Bangsar itu.


Menurutnya, bagi rumah rakyat di Bukit Bangsar itu sejumlah 3,500 permohonan telah diterima untuk mendapatkan 784 unit yang disediakan dan ini menunjukkan jenis perumahan setinggi itu masih popular di kalangan penduduk Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, kajian perlu dijalankan sama ada cara kehidupan di bangunan tinggi seperti itu sesuai untuk menjadi tempat kediaman keluarga yang sempurna dan tidak akan menjadi satu kawasan sesak atau slum di masa depan.

Beliau mengumumkan bahawa Dewan Bandaraya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa besama Kementerian Perumahan dan Kampung Baru dan badan-badan pemaju swasta mengenai perumahan.

Jawatankuasa ini akan bertugas untuk mengkaji dan merancang sebarang langkah yang boleh menggalakkan pihak swasta bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk membina dan menghasilkan rumah-rumah bagi golongan berpendapatan rendah.

Beliau yakin kalangan swasta akan dapat memberi sumbangan bagi menjayakan rancangan itu.



TUN Razak sedang bersalaman dengan suri-suri rumahtangga yang menghuni kediaman ruman pangsa di Sri Pahang, di Bukit Bangsar, Kuala Lumpur, setelah merasmikan pembukaannya semalam.

NO. SIRI : 191
NO. PEN : 191/78

SABTU 20 SEPTEMBER, 1975

PTR. KD : 192 192/78

Lawatan rasmi Tun ke NZ dan Australia bulan depan

TUN Abdul Razak akan membuat lawatan rasmi 12 hari ke New Zealand dan Australia mulai 11 Oktober ini untuk mengeratkan lagi hubungan dengan kedua-dua negara itu.

KUALA LUMPUR
19 SEPT.

Satu kenyataan Kementerian Luar hari ini berkata, Tun Razak Toh Puan Hajah Rahah dan rombongannya akan berada di New Zealand mulai 11 hingga 15 Oktober dan di Australia dari 15 hingga 22 Oktober.

Lawatan itu — kunjungan rasmi yang pertama oleh Tun Razak sejak menjadi Perdana Menteri — juga sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Australia dan Perdana Menteri New Zealand ke Malaysia dua tahun lalu.

Lain-lain anggota rombongan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Tan Sri Zaiton Ibrahim dan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Encik Zain Azraai.

Lawatan tersebut adalah sebahagian dari rangka kerja perbincangan rundingan dan pertukaran pendapat yang sering diadakan dengan ketua-ketua kerajaan New Zealand dan Australia.

Perbincangan dijangka ditumpukan kepada soal-soal politik dan ekonomi antarabangsa, kerjasama antara kedua-dua belah pihak dan perkara-perkara kepentingan bersama di rantau pasifik dan Asia Tenggara.

Menurut kenyataan itu lagi, Malaysia sangat-sangat menghargai hubungan dan kerjasama erat dengan New Zealand dan Australia.

Semasa di New Zealand, Tun Razak akan berunding dengan Perdana Menteri negara itu, Tuan Wallace Rowling dan anggota-anggota kabinet dan tokoh-tokoh tempatan.

di **Australia**, beliau akan mengunjungi Gabnor Jeneral, Sir John Kerr dan berunding dengan Perdana Menteri Gough Whitlam dan anggota-anggota kabinetnya.


Tun Razak akan membuat lawatan tidak rasmi ke selatan Australia dan berunding dengan Perdana Menterinya, Tun D. Dunstan.

Perdana Menteri juga akan berucap di kelab wartawan kebangsaan Australia dan New Zealand. Beliau dan rombongannya yang dijadualkan berlepas dari sini pada 10 Oktober di jangka pulang pada 22 Oktober.

NO. SIRI : 192
NO. PEN : 192/78

Mingguan Malaysia 21 September, 1975

PTR·GA:193 193/78



SERI Paduka Baginda mendakap Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, sejurus sebelum berangkat dengan jet eksekutif pulang ke Kedah setelah menamatkan tugas sebagai Ketua Negara. Turut memerhatikan ialah Raja Permaisuri Agung dan Toh Puan Rahah.

NO. SIRI : 193
NO. PEN : 193/78

SETELAH 5 TAHUN BERKHIDMAT SEBAGAI KETUA NEGARA

Seri-Seri Paduka berangkat pulang ke Kedah

YANG Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung berangkat pulang ke Kedah pagi ini setelah menunaikan perkhidmatan selama lima tahun sebagai ketua negara.

KUALA LUMPUR 20 SEPTEMBER

Suasana meriah bercampur sedih menyelubungi Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini di mana upacara keberangkatan dilakukan.

Detik-detik yang amat mengharukan ialah ketika Seri Paduka berdua sudah menaiki kapalterbang F28 kepunyaan TUDM dan melambai-lambaikan tangan tanda selamat tinggal.

Dengan keberangkatan pulang Seri Paduka, maka tamatlah sudah khidmat Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badli Shah sebagai Yang Dipertuan Agung sejak 21 September 1970 dan istiadat pertabalannya pada 21 Februari 1971.

Walaupun Seri Paduka berdua kelihatan tersenyum berseri-seri, suasana sedih tetap menyelubungi ketika Seri Paduka berdua berjabat tangan dengan orang-orang yang hadir bagi mengucapkan selamat berangkat.

Ketibaan Seri Paduka berdua di pangkalan TUDM dengan diiringi oleh Peguam Negara dan Menteri Undang-Undang, Tan Sri Abdul Kadir Yusoff dan Tan Sri Fatimah serta rombongan dari Kuala Lumpur dan Kedah dari Istana Negara disambut oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Toh Puan Rahah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn Datin Suhaila, para menteri kabinet, para perwakilan asing serta isteri masing-masing adalah di antara orang-orang kenamaan dan pegawai tinggi kerajaan yang hadir bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Seri Paduka berdua.

Tun Abdul Razak kemudian membawa Seri Paduka berdua ke barisan orang-orang kenamaan untuk mengucapkan selamat tinggal.

Sekarangan bunga kemudian dipersembahkan kepada Raja Permaisuri Agung oleh Idora binti Mohammed, 10 tahun, anak Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, Haji Mohammed Yaakob.

Perbarisan

Seri Paduka berdua ke pentas pula untuk menerima perbarisan diraja oleh 110 orang pegawai dan anggota Rejimen Kesembilan Askar Melayu Diraja di bawah perintah Kapten Zahidi Zainuddin.

Negara Ku kemudian dimainkan oleh pancaragam pusat Askar Melayu Diraja di bawah pimpinan Lt. Hamzah Lela Raja Abdullah dan serentak dengan itu bendera peribadi di raja dikibarkan.

Lepas itu Yang Dipertuan

Sambongan, 21.9.1975

Sambutan meriah di Kedah

DARI MUKA 1

but kepulangan Seri Paduka berdua. Kanak-kanak sekolah dari beberapa buah sekolah berbaris di sepanjang jalan dari lapanganterbang hingga ke Istana Anak Bukit.

Menteri Besar, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabuddin dan isteri menaiki kapalterbang menyambut keberangkatan tiba Seri Paduka.

Apabila Seri Paduka berdua melangkah keluar dari perut kapalterbang, tembakan meriam 21 das dilepaskan dan Pemangku Sultan, Tengku Abdul Malik serta Tengku Puan Bendahara menyambut Seri Paduka berdua.

Seri Paduka memeriksa satu perbarisan oleh Rejimen Ketiga Askar Melayu Diraja. Petang ini baginda berdua akan berangkat menghadiri majlis berbuka puasa dan doa kesyukuran di Balai Besar.

Sementara itu, persiapan telah diatur untuk istiadat di balai besar bagi Yang Dipertuan Agung memulakan tugas sebagai Sultan Kedah mulai Selasa depan.

Semua bangunan kerajaan, firma swasta dan gedung-gedung perniagaan dihias indah sempena perayaan itu. Pintu-pintu gerbang juga didirikan.

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Abni Al-Marhum Sultan Badlishah berumur 47 tahun ialah Yang Dipertuan Agung yang kelima.

Dalam pemerintahan Seri Paduka, Malaysia telah mengalami kemajuan yang pesat dalam semua bidang.

Semua projek dibawah Rancangan Malaysia Kedua yang dilancarkan sejak tahun 1970 lalu telah berjalan mengikut jadual.

Menerusi dasar luar yang bebas dan berkecuali semasa pemerintahan Seri Paduka pula, negara dapat menjalinkan persahabatan dengan lebih banyak negara di dunia tanpa mengira kecil atau besar atau pun faham politik masing-masing.

Harum

Malaysia juga terkenal serta harum namanya di merata dunia.

Semasa pemerintahannya, Seri Paduka telah melakukan lawatan ke beberapa buah negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Seri Paduka juga merupakan Ketua Negara yang pertama membuat lawatan negara ke Britain.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agung telah berangkat ke Teheran pada bulan Oktober 1971 sebagai jemputan negara di perayaan ulangtahun 2,500 tertubuhnya empire Parsi. Ini tidak secara langsung merapatkan perhubungan di antara Iran dengan Malaysia.

Dalam bulan Februari 1973, Seri Paduka berdua telah berangkat melakukan lawatan negara selama lapan hari ke Negeri Thai.

Seri Paduka berdua telah melawat Britain semasa lawatan negara pertama ke United Kingdom dalam bulan Julai tahun lalu dan dalam bulan Disember pula telah melawat India, Pakistan dan Bangladesh sebelum menunaikan fardu haji di Mekah.

Seri Paduka berdua juga melakukan lawatan tidak rasmi ke Sepanyol dan Switzerland.

Raja Permaisuri Agung dilantik menjadi Canselor Universiti Malaya pada 29 September 1972.

Utusan Malaysia 22 September 1975

PTR. KD : 194 194/78 -



GAMBAR menunjukkan Yang Dipertuan Agung yang berpakaian serba biru dengan riang berjabat salam dengan Perdana Menteri Tun Razak sebaik sahaja baginda turun dari kapalterbang jet eksekutif di Pangkalan TUDM Kuala Lumpur pagi semalam. Raja Permaisuri Agung sedang turun tangga di belakang baginda. Toh Puan Rahah pula kelihatan di belakang Tun Razak.

TUN RAZAK BERJABAT SALAM DENGAN YANG DIPERTUAN AGONG BARU.

NO. SIRI : 194
NO. PEN : 194/78

PTR. 14 : 195 195/78

Utusan Malaysia 23 September 1975

'Mereka yang melakukan keganasan menikmati kemudahan kerajaan'

ANTI NASIONAL: RAZAK DEDAH



DUA buah kumpulan nasyid telah mempersembahkan nasyid-nasyid mereka di upacara pembukaan pertandingan Quran Peringkat Kebangsaan tersebut di kanan ialah Kumpulan Nasyid dari Negeri Sarawak dan di kiri ialah Kumpulan Nasyid dari Maktab Perguruan Ilmu Khas.

KUALA LUMPUR 22 SEPT.

TUN Abdul Razak malam ini mendedahkan bahawa sebahagian dari anasir anti nasional yang melakukan keganasan di negara ini ialah mereka yang menikmati kemudahan kerajaan seperti rumah dan pekerjaan yang berpendapatan lumayan.

Katanya, golongan ini juga cuba menghasut dan menyebarkan berita palsu kononnya pemimpin-pemimpin Malaysia juga akan menerima nasib yang sama seperti para pemimpin Vietnam dan Khmer.

Dakyah mereka, kononnya pemimpin-pemimpin Malaysia akan meninggalkan negara ini bila saja berlakunya kekacauan.

Berucap merasmikan pertandingan membaca Quran peringkat kebangsaan yang ke 17 di Stadium Merdeka, Perdana Menteri memberi amaran bahawa kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan yang sekeras-kerasnya terhadap mereka.

Tegasnya, mereka ini tidak bersyukur dan berterima kasih atas nikmat yang diperolehi yang tidak boleh didapati di negara-negara lain.

Tak berguna

"Nyatalah mereka ini tidak mempunyai perasaan kemanusiaan dan tidak bertanggungjawab sama sekali dan tidak berguna kepada masyarakat kita," tambahnya.

Beliau yakin rakyat tidak akan mudah terpengaruh dengan dakyah dan hasutan anasir-anasir anti-nasional itu dan menyeru mereka sentiasa berwaspada terhadap dakyah jahat dan disebarkan, yang semata-mata bertujuan memecah-belahkan perpaduan rakyat dan merosakkan negara.

Tun Razak berkata tindakan anasir-anasir anti-nasional itu termasuk juga merosakkan benda-benda kerajaan dan akibatnya rakyat menanggung kesusahan.

Bagaimanapun, keganasan mereka gagal untuk mematahkan semangat keperwiraan anggota-anggota pasukan keselamatan serta ketabahan hati rakyat dan mereka berpaling pula dengan menyebarkan hasutan dan berita palsu.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa para pemimpin Malaysia adalah dipilih oleh rakyat dan bukan dilantik atau diletakkan oleh mana-mana pihak.

"Negara kita mengamalkan prinsip demokrasi dalam mana rakyat mempunyai kata putus. Sudah beberapa kali rakyat telah menunjukkan bahawa mereka yakin dan memberi sepenuh kepercayaan pada kerajaan dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional," katanya.


Kerajaan yang ada telah memegang teraju pemerintahan sejak negara ini merdeka dan rekod kejayaan "kita telah memboktikan bahawa pemimpin-pemimpin Malaysia sentiasa berdamping rapat dengan rakyat dengan sentiasa memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat."

Beliau memberi jaminan, kerajaan akan meneruskan serta memperhebatkan usaha pembangunan untuk memberi rakyat yang miskin mata pencarian yang lebih sempurna, kemudahan-kemudahan hidup yang sewajar supaya tiap rakyat dapat tempat sempurna di negara ini.

Tun Razak juga menyebut kegiatan menyalahgunakan dadah di kalangan belia, khasnya belia Islam yang berleluasa sekarang.

Katanya, di samping itu terdapat juga kegiatan penyeludupan dadah antarabangsa yang berpangkalan di Malaysia hingga mengakibatkan setengah negara di Eropah mencurigai warganegara Malaysia yang melancung ke sana.

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 3)



PERDANA Menteri Tun Razak sedang berucap merasmikan Pertandingan Membaca Quran Peringkat Kebangsaan malam tadi.



HAJI A. Rahman bin Haji Yaacob (Kelantan)



Cik Maliah binti Muda (Sabah)

NO. SIRI : 1
NO. PEN : 1

Sambongan, 23.9.1975

Utusan Malaysia 25 September 1975

PTR·KA: 196 196/78

Intelek Islam digesa

DARI MUKA 1

Menyentuh tentang thema pertandingan tahun ini — Kemakmuran melalui lunas-lunas Islam — Tun Razak berkata ia kena pada masa negara ini berusaha untuk menegakkan kemakmuran, khasnya di bidang ekonomi, akhlak, keselamatan dan pelajaran.

Beliau yakin masanya belum terlambat "bagi kita menghalusi semula falasafah perancangan kita dan programme orientationnya di semua bidang pembangunan mulai dari sekarang.

Dengan ini dapat ditentukan mana-mana yang tidak sejalan dengan lunas-lunas ajaran Islam dapat diketepikan dan mana-mana bahagian yang tersilap dapat dibetulkan sesuai dengan falsafah dan ajaran Quran.

"Sebenarnya kita telahpun banyak mengubahsuaikan falsafah-falsafah pembangunan yang kita pelajari dari negara-negara asing di dalam usaha kita merencanakan rancangan-rancangan bagi kemakmuran negara, tambahnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menyeru para intelek Islam yang berpengetahuan dalam aspek keagamaan agar dapat sepakat dalam usaha menolong kerajaan mengujudkan integrated programme yang selari dengan lunas ajaran Islam dalam menegakkan kemakmuran yang sejati dan berkekalan di negara ini.

Seri Paduka rasmikan pertandingan Quran a-bangsa di upacara gemilang

TAFSIRAN QURAN HENDAKLAH SAMA - TUN

TUN Abdul Razak malam ini mengesyorkan supaya para ulama dan pakar-pakar Islam seluruh dunia mengambil kata sepakat untuk mengujudkan "satu tafsiran sahaja" bagi kitab suci Al-Quran.

KUALA LUMPUR 24 SEPT.

Katanya, sekarang ini banyak tafsiran mengenai kandungan kitab suci itu yang telah dibuat dan terdapat pula banyak perbezaan di antara tafsiran-tafsiran itu.

Perdana Menteri menyarankan perlunya diambil langkah-langkah supaya peraturan-peraturan dan amalan Islam, baik dari segi ibadat mahu pun mengenai soal ekonomi dan sosial yang menjadi panduan umat Islam disesuaikan dengan keadaan dunia moden dan saintifik hari ini.

Berucap di upacara perasmian pertandingan membaca Quran peringkat antarabangsa di Stadium Merdeka di sini, Tun Razak berkata, kajian secara mendalam adalah perlu ke arah ini kerana peraturan dan amalan itu berlainan antara satu negara dengan yang lain.

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung telah mengisytiharkan upacara tersebut dalam suasana meriah dan gemilang. Beribu-ribu umat Islam dan bukan Islam menyaksikan upacara itu dengan berjuta-juta yang lain menyaksikannya menerusi peti talivisyen di seluruh negara.

Tun Razak berkata, bagi mengujudkan satu tafsiran bagi kitab suci itu, para ulama dan pakar-pakar Islam seluruh dunia harus berkumpul untuk membincangkan perkara ini.

"Mereka boleh mengesyorkan langkah-langkah yang patut diambil untuk mengujudkan hanya satu tafsiran sahaja bagi kitab suci itu yang boleh digunakan oleh seluruh umat Islam di dunia dan dengan demikian dapat mengelakkan timbulnya salah faham dan salah pengertian mengenai kandungan ayat-ayat suci Al-Quran itu," katanya.

Sempurna

Menurut Perdana Menteri, peraturan dan amalan Islam itu perlu disesuaikan supaya umat Islam tidak ketinggalan dan agama Islam yang sesuai untuk tiap zaman itu sentiasa dipandang tinggi dan mendapat penghormatan sewajarnya oleh umatnya dan para penganut agama lain di dunia.

Tun Razak menerangkan bahawa Islam sebagai agama yang sempurna, mempunyai peraturan dan lunas-lunas yang lengkap bagi panduan umatnya untuk mencapai kemakmuran di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia, apa yang penting ialah umat Islam sendiri hendaklah mengatur hidup mereka sesuai dengan lunas-lunas Islam itu.

Dalam pada itu, mereka perlulah memikirkan sama hakikat kedudukan masyarakat berbilang kaum yang terdapat di negara ini yang mempunyai masaalah-masaalahnya yang tersendiri.

"Bagaimanapun, memanglah menjadi ma

Sambongan, 25.9.1975

"Bagi pihak kita Malaysia akan terus memberi sokongan kepada sekretariat ini dalam segala usahanya," tambahnya.

Berkat usaha-usaha memupuk dan mengeratkan persaudaraan dan perpaduan umat Islam, telah meletakkan nama Malaysia di tempat yang tinggi di kalangan negara-negara Islam khasnya dan dunia amnya.

Beliau yakin umat Islam di Malaysia akan terus maju dan makmur selagi mereka sanggup dan sedia berusaha dengan penuh semangat berdikari di samping mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang sebenar dan menggunakan dengan sebaik-baiknya segala peluang yang disediakan oleh kerajaan kepada mereka.

NO. SIRI : 196
NO. PEN : 196/78

UTUSAN MALAYSIA.25.9.1975

PTR.ua : 197 197/78.

Pelancaran ditumpu ke bandar-bandar besar – Abdullah

Rukun Tetangga: Razak keluar arahan baru



Datuk Abdullah

25.9.75

KUALA LUMPUR
24 SEPT.

TUN Abdul Razak telah mengarahkan supaya dipercepatkan lagi pelancaran rancangan Rukun Tetangga di bandar-bandar besar yang mempunyai ramai penduduk keturunan China.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad berkata, memandang kepada arahan itu Rancangan Rukun Tetangga buat permulaannya akan ditumpukan kepada bandar-bandar besar sebelum diteruskan secara berperingkat-peringkat meliputi seluruh negara.

Menurutnya, rancangan itu buat permulaannya dilancarkan di Wilayah Persekutuan dan seterusnya di Perak, Pahang, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan. Lain-lain negeri akan menyusul kemudian, katanya.

Berucap di mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa keselamatan negeri dari seluruh negara di sini hari ini, Datuk Abdullah juga mengumumkan langkah terbaru untuk melancarkan satu kempen secara besar-besaran meliputi seluruh negara berhubung dengan Rancangan Rukun Tetangga itu.

Radio dan Talivisyen Malaysia dan akhbar-akhbar tempatan akan turut dikerahkan tenaga bagi menjayakan kempen tersebut yang akan berlangsung dari 10 hingga 20 Oktober ini.

Ia bertujuan untuk membolehkan rakyat dari segenap lapisan masyarakat di seluruh pelusuk tanahair memahami tujuan sebenarnya Rancangan Rukun Tetangga itu dan memberikan segala sokongan yang diperlukan. Risalah-risalah juga akan diedarkan untuk tujuan itu.

Menurut Datuk Abdullah persiapan kempen itu sedang disusun dan dijangka beberapa orang ahli urusetia rancangan itu, termasuk beliau sendiri, akan berucap memberi penerangan melalui radio dan TV.

Timbalan Menteri itu juga mengingatkan ahli-ahli jawatankuasa keselamatana negeri supaya menggunakan kebijaksanaan mereka bagi menjamin rancangan tersebut mencapai kejayaan sepenuhnya.

Beliau memberitahu kejayaan sepenuhnya rancangan itu bergantung seluruhnya kepada penyertaan rakyat di atas dasar sukarela dan tidak sekali-kali paksaan.

Beliau bagaimanapun menyatakan rasa gembiranya kerana sehingga ini rancangan itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang-ramai.

Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri juga telahpun menyatakan persetujuan untuk melancarkan rancangan itu di negeri masing-masing secepat mungkin, katanya.

Turut hadir di mesyuarat ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan Negeri seluruh Malaysia itu ialah Setiausaha-Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Encik Abdullah Majid dan Dr. Goh Cheing Teik, dan Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetangga Encik Amir Yaacob.

NO. SIRI : 197
NO. PEN : 197/78

PTR AA : 198 198/78

UTUSAN MALAYSIA, 25.9.1975

25.9.75



Dari UAB untuk Tugu

UNITED Asian Bank Kuala Lumpur semalam menderma $10,000 kepada Tabung Pemulihan Tugu Negara.

Cek itu telah disampaikan oleh pengerusi bank tersebut Tengku Arif Bendahara kepada Perdana Menteri Tun Abdul Razak. [Lihat gambar].

Tengku Arif Bendahara berkata: "Mereka yang menyumbangkan derma kepada tabung tersebut adalah mengenangkan jasa mereka yang gugur untuk mempertahankan kedaulatan negara."

Beliau juga berasa kesal atas perbuatan pengkhianat yang bercita-cita untuk melahirkan kekecohan, kebimbangan dan porakperanda di kalangan rakyat yang cintakan keamanan dan kemakmuran."

Mengenai sumbangan bank tersebut beliau menjelaskan "sumbangan United Asian Bank merupakan satu ikhtiar kita untuk memelihara kepentingan negara yang mana ia merupakan satu impian dan inspirasi kita."

NO. SIRI : 198
NO. PEN : 198/78

Utusan Malaysia 26 September 1975

DFR-AA : 199 199/78

Razak: Ada penduduk kg. baru beri makan kepada pengganas

BENTONG 25 Sept. — Ada penduduk kampung-kampung baru dan peneroka tanah haram membekal makanan kepada pengganas-pengganas komunis, Tun Abdul Razak mendedahkan hari ini.

Oleh
Mokhtar Mahmud

Perdana Menteri berkata, bokti ini diperolehi hasil siasatan pihak perisik.

Beliau memberi amaran kerajaan akan mengambil tindakan untuk menghancurkan kegiatan-kegiatan seumpama itu.

Tegasnya: "Kerajaan akan bertindak habis-habisan untuk menyekat sebarang usaha menyalurkan bekalan makanan kepada pengganas komunis di negara ini."

Tun Razak memberitahu demikian selepas mendengar taklimat mengenai keadaan keselamatan dan gerakan memburu saki baki pengganas di Negeri Pahang di Markas Tektik Briged Ke 4 di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan tidak mahu melihat tanah-tanah haram dan kampung baru yang diteroka oleh penyokong komunis itu digunakan sebagai punca pembekalan makanan kepada pengganas-pengganas itu.

"Oleh yang demikian kerajaan akan bertindak mengambil alih kampung-kampung baru dan tanah-tanah haram yang terlibat untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian dan penempatan semula," tegasnya.

Lari

Oleh Tun Razak ditegaskan penyokong-penyokong komunis itu datang membuka kawasan-kawasan tersebut semata-mata bertujuan hendak membekalkan makanan pada rakan-rakan mereka.

Bila pihak berkuasa mengambil tindakan, mereka terus melarikan diri dan meninggalkan kawasan-kawasan tersebut.

Menurutnya pegawai-pegawai khas juga akan diadakan di kampung-kampung baru sebagai pegawai perhubungan luar di kampung-kampung tersebut.

Mereka akan bertugas sebagai pegawai perantaraan antara rakyat dengan kerajaan bagi kebaikan dan keselamatan kampung-kampung itu.

Selain dari itu di kampung-kampung yang sama juga akan ditubuhkan jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung.

Tun Razak menerangkan terdapat satu kawasan besar di Daerah Raub, Pahang Barat telah diteroka oleh penyokong-penyokong komunis untuk tujuan membekalkan makanan kepada rakan-rakan mereka tetapi kawasan itu telah ditinggalkan.

Menyentuh tentang Gerakan Indera Lima yang dilancarkan di Daerah Raub tidak lama dulu, Perdana Menteri menerangkan gerakan tersebut telah mencapai beberapa kejayaan setakat ini.

LIHAT MUKA 16
[Ruangan 6]

Katanya, dari laporan-laporan perisik masih terdapat saki baki penyokong-penyokong pengganas berada dalam kawasan Kampung Baru Sungai Ruan, 8 batu dari bandar Raub.

Tindakan-tindakan keselamatan tambah beliau, sedang dijalankan di kawasan tersebut.

Menyebut keadaan keselamatan di Pahang Barat, Tun menerangkan kawasan-kawasan yang terlibat di bawah kuatkuasa kawalan seperti di Daerah Bentong, Raub, Lipis, Jerantut dan Temerloh adalah tenang.

Bagaimanapun pasukan keselamatan dan rakyat diarahkan supaya sentiasa

NO. SIRI : 199
NO. PEN : 199/78

UTUSAN MALAYSIA, 27.9.1975

PTR. KL 200 20/78.

Kes keselamatan: Kabinet lulus peraturan baru

TUN: YANG TERLIBAT DIBICARA SEGERA

TUN Abdul Razak hari ini mengumumkan bahawa kabinet telah meluluskan peraturan-peraturan baru bagi membicarakan orang-orang yang terlibat dalam kes keselamatan.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu diambil bagi mempastikan mereka yang bertanggungjawab dan bersalah akan dihadapkan ke mahkamah dengan segera dan berkesan.

Kerajaan juga telah menguatkuasakan peruntukan-pertuntukan perlu dari akta keselamatan antarabangsa bagi seluruh negara supaya mereka yang melakukan keganasan dihukum setimpal dengan kesalahan mereka.

IPOH, 27 SEPT.

Beliau percaya dengan sokongan undang-undang yang lengkap pihak polis dan mereka yang bertanggungjawab menjaga ketenteraman sekarang dapat menjalankan kewajipan mereka tanpa bimbang dan berat sebelah.

Langkah

"Kita akan dapat menghadapi anasir-anasir ini dengan lebih berkesan lagi," katanya di pembukaan persidangan perwakilan Parti Gerakan Rakyat Malaysia di sini.

Tun Razak memberi jaminan kepada rakyat bahawa kerajaan akan mengambil apa saja langkah perlu dan menggunakan semua kuasa yang ada padanya bagi menghapuskan anasir-anasir anti nasional dan pengganas.

Beliau telah mengarahkan polis dan tentera supaya berjaga-jaga dan mengadakan kawalan keselamatan yang cukup di seluruh negara dan memberitahu kerajaan negeri tentang keadaan keselamatan yang serious.

Di samping itu, rakyat juga mestilah menunjukkan secara terang-terang bahawa mereka menentang anasir-anasir tersebut dan mereka tidak mudah diancam dan ditekan.

Mereka hendaklah menunjukkan bahawa mereka sedia berkorban untuk negara dan juga demi untuk keamanan, keselamatan dan kesenangan mereka dan jenerasi akan datang.

Tun Razak dukacita kerana masih ada penduduk di kampung-kampung baru dan di bandar-bandar yang membantu anasir-anasir anti nasional.

"Rakyat yang tidak mempunyai keyakinan tentang masa depan negara ini dan tidak berkeupayaan untuk bangun menentang musuh negara, mereka tidak berhak mendapat tempat dalam masyarakat negara ini."

Tun Razak berkata, tidak ada sebab bagi seseorang itu bertindak melakukan kekejaman dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia di mana kerajaannya dipilih oleh rakyat sendiri.

Sesiapa yang tidak senang dengan sebarang dasar kerajaan atau pelaksanaannya bolehlah memberitahu segala ketidakpuasan hatinya kepada menteri-menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau kepada Biro Pengaduan Awam.

Tun Razak juga menyebut tiga ketika di mana keselamatan negara terancam tetapi negara berjaya menghadapi saat-saat genting itu tanpa apa-apa kejadian buruk berlaku.

Beliau menyentuh tentang keganasan pengganas komunis dalam tahun 1957, konfrantasi dengan rejimen Sukarno dalam tahun 1963 dan trajidi 13 Mei dalam tahun 1969.

Malaysia, katanya, sekarang telah sampai ke satu persimpangan di mana rak-

DARI MUKA 1

pagar dan tidak ada tempat bagi mereka yang melindungi dan menolong anasir-anasir pengganas dan anti nasional.

Oleh yang demikian, Tun Razak menyeru rakyat supaya berdiri teguh di belakang kerajaan bagi mencapai perpaduan negara dan kemajuan serta menyediakan tempat hidup yang sempurna dalam masyarakat Malaysia yang adil.

Mengnai Rancangan Malaysia Ketiga yang bermula tahun depan, Tun Razak mengulangi bahawa kerajaan akan menumpukan perhatian kepada usaha memberi pendapatan yang adil dan berpatutan serta kemudahan seperti rumah kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Beliau juga menyatakan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kerajaan disemak dari masa ke masa dan beliau sendiri mengawasi pelaksanaannya menerusi Majlis Tindakan Negara.

Tun Razak mengakui bahawa dalam beberapa hal yang tertentu kerajaan belum dapat memuaskan kehendak dan harapan rakyat.

Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan kerajaan diteruskan dan kerajaan akan sentiasa menyemak usaha-usahanya dari masa ke semasa.

Beliau gembira atas sokongan penuh yang diberikan oleh Dr. Lim Chong Eu, Presiden Gerakan, bahawa partinya sebagai rakan dalam Barisan Nasional akan berdiri teguh untuk perpaduan rakyat bagi membina satu masyarakat yang adil dan menentang sebarang perjuangan perkauman atau percubaan bagi memecah belahkan rakyat.

NO. SIRI : 200
NO. PEN : 200/78

56

Utusan Malaysia 27 September 1975

PTR.KA: 201 201/78

Sekitar pertandingan Quran antarabangsa malam terakhir





PERDANA Menteri Tun Razak malam tadi telah menyampaikan hadiah-hadiah dan sagu hati kepada qari dan qariah pertandingan Quran peringkat kebangsaan dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Besar Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Gambar kiri menunjukkan qari dari Wilayah Persekutuan Encik Wahid bin Kitan sedang menerima hadiah dari Tun Razak. Gambar kanan pula qariah dari Wilayah Persekutuan Cik Kalthom binti Haji A. Rahman sedang menerima hadiahnya dari Tun Razak.

NO. SIRI : 201
NO. PEN : 201/78

PTR.KA: 202 202/78

UTUSAN MALAYSIA, 27.9.1975

Menteri Agama Indon kunjungi Razak

KUALA LUMPUR 26 Sept. — Menteri Agama Indonesia, Prof. Moksei Ali telah mengunjungi Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di pejabatnya di Kuala Lumpur hari ini.

Dalam perjumpaan itu mereka telah mengambil kesempatan juga mengadakan perbincangan mengenai masaalah-masaalah kepentingan bersama.

Mereka juga telah bertukar-tukar cenderamata sempena dengan kunjungan muhibbah itu.


Prof. Ali telah menghadiahkan Tun Razak dua naskhah Al-Quran yang ditulis dalam huruf 'braile' untuk kegunaan orang-orang buta.

Tun Razak pula menghadiahkan sebuah tempat rokok yang diperbuat daripada perak.

NO. SIRI : 202
NO. PEN : 202/78

...ngguan Malaysia 28 September 1975

PTR: KL: 203 203/78



GAMBAR menunjukkan Tun Razak sedang berucap di Perhimpunan Agung Parti Gerakan di Ipoh, pagi semalam.

Ancaman: Razak cabar pembangkang jelas sikap

IPOH 27 SEPT.

TUN Abdul Razak hari ini mencabar parti-parti pembangkang supaya menjelaskan sikap masing-masing dalam saat negara sedang menghadapi ancaman terhadap keselamatannya, sekiranya mereka setia kepada negara ini seperti yang mereka dakwakan.

Setakat ini pembangkang hanya mendiamkan diri dan tidak mengutuk sebarang tindakan tidak-berperikemanusiaan yang dilakukan oleh anasir-anasir anti-kebangsaan" kata Perdana Menteri.

Beliau menjelaskan, "sebagai pembangkang yang setia, mereka hendaklah memperlihatkan sikap mereka dengan jelas kepada rakyat dan negara keseluruhannya."

"Sekalipun mereka tidak setuju dengan setengah-setengah dasar kerajaan, tetapi dalam masaalah keselamatan serta kehendak-kehendak negara keseluruhannya, mereka hendaklah menunjukkan sikap penyokongan kepada kerajaan," ujar beliau.

"Tetapi dalam masaalah ini, parti-parti pembangkang hanya mendiamkan diri, sedangkan penggunaan kekerasan semakin bertambah" sambung beliau lagi, ketika berucap dalam sidang kebangsaan Gerakan di sini pagi tadi.

Tun Perdana Menteri kemudian menyebut tentang demokrasi yang kita amalkan, di mana pembangkang dihormati, di mana kalau di England disebutkan "Pembangkang Setia".

Menurut Tun Razak, mereka dipanggil "Pembangkang Setia" kerana sekalipun mereka tidak setuju dengan setengah-setengah dasar-dasar kerajaan, tetapi bila tiba kepada kehendak-kehendak negara, mereka akan menunjukkan pendirian dan penyokongan kepada kerajaan.

Rasmi

Hadir sama dalam majlis pembukaan rasmi persidangan perwakilan Parti Gerakan Rakyat Malaysia itu ialah Ketua Parti kalangan Barisan Nasional.

Mereka termasuklah Tan Sri Ong Kee Hui, Datuk Musa Hitam, Datuk Athi Nahappan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Datuk Sri Kamaruddin Isa, Tan Sri Haji Ghazali Jawi, Encik Mokhtar Hashim dan lain-lain.

Di akhir majlis pembukaan rasmi itu, Tun Razak telah menerima sumbangan $5,000 untuk derma membaiki Tugu Negara dari Bendahari Parti Gerkan, Encik Paul Leong, yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

NO. SIRI : 203
NO. PEN : 203/78

57

Utusan Malaysia 29 September 1975

PTR. KD : 204 204/78



YANG Dipertuan Agung [kiri] disambut oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak setibanya di Stadium Merdeka malam semalam untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan membaca Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kelihatan juga ialah Toh Puan Hajah Rahah.


YANG DI PETUAN AGONG di SAMBUT OLEH TUN RAZAK DI STADIUM MERDEKA UNTUK MENYAMPAIKAN HADIAH PERTANDINGAN QURAAN.

NO. SIRI : 204
NO. PEN : 204/78

Mingguan Malaysia 12 Oktober, 1975

PTR. A: 205 205/78

TUN SELAMAT TIBA DI NZ



TUN RAZAK

Tunjuk perasaan kecil di lapanganterbang

ROTORUA, NEW ZEALAND, 11 Okt. — Kira-kira 100 orang penunjuk perasaan berada di lapanganterbang bila Perdana Menteri Tun Abdul Razak tiba di Auckland dari Sydney awal hari ini.

Kebanyakan dari penunjuk perasaan itu terdiri dari penuntut-penuntut Malaysia dan ramai dari mereka memakai topeng muka yang berwarna warni.

Walau bagaimanapun tunjuk perasaan itu berjalan secara aman tanpa sebarang percubaan merempuh kawalan keselamatan yang menyekat mereka kira-kira 400 meter jauhnya dari rombongan Tun.

Tidak berlaku sebarang kekacauan di lapanganterbang Rotorua, tapi Tun Razak dijangka akan berdepan dengan lebih ramai lagi penunjuk-penunjuk perasaan bila ke Wellington pada hari Isnin ini.

Tun Razak bersama isterinya Toh Puan Rahah tiba di Auckland awal hari ini untuk melakukan lawatan rasmi yang pertama ke New Zealand. Sejurus selepas itu rombongan Tun dibawa ke Rotorua di selatan.

Di sini rombongan Tun Razak akan berihat selama sehari setengah sebelum memulakan rundingan rasmi dengan pegawai-pegawai New Zealand di Wellington pada hari Isnin ini.

Penduduk Rotorua kebanyakannya terdiri dari kaum Maori dan malam ini Tun Razak akan menerima cabaran secara tradisi Maori sebelum dipertontonkan dengan nyanyian-nyanyian dan tarian-tarian yang mengesahkan bagaimana kaum Maori berhijrah ke New Zealand.

Tun Razak akan makan malam ini bersama rakyat Maori dan seorang sahabat lamanya, bekas Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaya, Sir Charles Bennett.

Sir Charles, diplomat Maori New Zealand yang pertama bertugas di Kuala Lumpur pada akhir tahun lima puluhan dan bersahabat rapat dengan Tun.

Tun Razak akan mempunyai masa lapang sepanjang hari esok dan dijangka akan menghabiskannya dengan bersiar-siar melihat keindahan kota pelancungan ini.

Rotorua terkenal kerana tasik-tasik dan telaga-telaga air panasnya yang asli.

Pada hari Isnin, Tun Razak akan berlepas ke Wellington untuk mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Wallace Rowling dan lain-lain menteri kabinetnya. — Reuter.

NO. SIRI : 205
NO. PEN : 205/78

Utusan Malaysia 13 Oktober 1975

PTR. KA : 206 206/78.

Kerajaan anjur peraduan cipta lagu Rukun Tetangga

KUALA LUMPUR, 12 Okt. — Kerajaan sedang menganjurkan peraduan mencipta lagu yang melambangkan Rukun Tetangga dan kesediaan serta keyakinan rakyat untuk berkorban kerana negara.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah bersetuju dengan peraduan tersebut dalam usaha hendak membangkitkan semangat kebangsaan Malaysia, semangat cintakan keamanan dan damai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad berkata malam ini, hadiah sebanyak $1,000 akan diberikan kepada ciptaan terbaik yang akan dijadikan sebagai thema lagu Rukun Tetangga.

Hadiah

Berucap menerusi RTM ketika melancarkan kempen penerangan Rukun Tetangga, beliau berkata hadiah $500 juga disediakan untuk ciptaan logo atau lambang dan $500 untuk motto atau cogan kata Rukun Tetangga.

Peraduan ini ditutup pada 20 Disember depan dan nama-nama pemenang akan diumumkan pada 31 Disember, 1975.

Katanya, mulai tahun depan, lagu, cogan kata dan logo yang terpilih akan mula digunakan.

Beliau berharap seberapa ramai orang akan mengambil bahagian dalam peraduan tersebut dan segala sumbangan hendaklah dihantar kepada Peraduan Lagu, Logo dan Motto, Urusetia Rukun Tetangga, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Datuk Onn, Kuala Lumpur.

Datuk Abdullah berharap dari peraduan ini akan lahir satu ciptaan seindah "Berjaya" bagi melagukan keazaman dan keyakinan rakyat untuk mempertahankan negara yang tercinta.

Beliau percaya Rukun Tetangga akan berjaya di negara ini kerana rakyat sendiri memainkan peranan penting atau yang utama mengawal keamanan dan menjaga keselamatan.

Katanya, dalam ertikata yang lebih luas, Rukun Tetangga merupakan usaha yang positif bagi memupuk perasaan tanggungjawab, menanam semangat muhibbah, berdikari serta perpaduan rakyat.

Masaalah keselamatan negara, tidak boleh dihadapi dengan sambil lewa tetapi sebaliknya dengan serious.

Setakat mana rakyat sanggup berkorban dan serious maka setakat itulah pula keamanan dan kebahagiaan yang "kita akan capai dan nikmati bagi negara dan keluarga kita".

NO. SIRI : 206
NO. PEN : 206/78

PTR. KA. 207 207/78.

Razak terharu sambutan hangat rakyat New Zealand

ROTORUA 12 Okt. — Hubungan rapat antara New Zealand dan Malaysia adalah mendatangkan faedah bersama kepada kedua-dua negeri ini, kata Perdana Menteri Tun Abdul Razak dalam ucapan rasminya yang pertama dalam lawatan beliau selama empat hari di sini.

Tun Razak menghadiri satu majlis di mana beliau disambut oleh orang-orang kaum Maori malam tadi dan diminta memberi ucapan singkat sebagai menjawab "cabaran tradisi" Maori.

Anggota-anggota rombongan Tun memberitahu para pemberita bahawa Tun Razak berasa terharu dengan sambutan hangat dan pemberian cenderamata berupa sebuah beg Maori yang ditenun dengan indah oleh orang-orang Maori.

Tun Razak bercakap mengenai persahabatan antara rakyat New Zealand dan Malaysia, dan hubungan rapat antara kerajaan dua negara ini.

Hampir sepanjang hari ini beliau berihat di hotelnya di sini kerana "terlalu letih" selepas mengembara jauh dari Kuala Lumpur.

Cuaca amat sejuk dan hujan pun turun. Tun Razak keluar sebentar untuk mengunjungi kolam ikan di mana ikan-ikan besar yang bergerak bebas boleh diberi makan dengan tangan. Sebelum kembali ke hotelnya Tun Razak dan rombongannya mengunjungi sebentar sebuah kedai barang-barang cenderamata.

Jadual permainan golf Tun petang ini telah dibatalkan dan beliau mengambil kesempatan ini untuk berihat sebelum mengadakan rundingan bersungguh-sungguh selama dua hari di Wellington dan Auckland dan rundingan selanjutnya di Canberra kelak. — Reuter, AFP.

NO. SIRI : 207
NO. PEN : 207/78

Utusan Malaysia 17 Oktober 1975

PTR.45: 208 208/78

Sokongan Australia terhadap 'rantau kecuali' menggalakkan

KUALA LUMPUR 16 Okt. — Tun Abdul Razak hari ini mensifatkan sokongan Australia terhadap syor menjadikan Asia Tenggara kawasan aman, bebas dan berkecuali sebagai "sungguh menggalakkan."

Perdana Menteri berkata kerjasama itu merupakan sumber kekuatan dalam usaha Malaysia hendak memupuk fahaman serantau ke arah kestabilan dan keselamatan masa depan Malaysia dan Australia.

Australia ialah salah sebuah negara pertama di luar Asia Tenggara mengemukakan cadangan membina untuk bekerjasama dengan ASEAN dan beberapa projek tertentu sedang dijalankan.

Tun Abdul Razak telah berucap di satu majlis jamuan tidak rasmi yang diberikan oleh Gabnor Jeneral Sri John Kerr. Naskah ucapannya diterbitkan di sini.

Katanya, peranan Australia di Asia Tenggara dalam banyak hal adalah unik.

Walaupun terletak ke selatan Asia Tenggara dan budayanya adalah barat, tetapi Australia menjadikan dirinya sebahagian dari negara Asia dan Rantau Pasifik.

Sebagai sebuah masyarakat moden dan satu sumber kepakaran teknik dan saintifik, Australia dengan murah hati telah berkongsi pengetahuannya dan kemakmurannya dengan pihak-pihak lain di rantau ini.

Sumbangan Australia terhadap pertubuhan pelbagai pihak seperti Rancangan Colombo telah begitu dikenali umum.

Perjanjian kebudayaan dimetrai

CANBERRA 16 Okt. — Malaysia dan Australia hari ini menandatangani perjanjian kebudayaan untuk memberi pengertian yang lebih jelas dalam bidang sejarah kebudayaan dan pengajian tinggi kedua-dua buah negara.

Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Australia Tuan Gough Whitlam dan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak di Bangunan Parlimen di sini. — Ajensi.



TUN Abdul Razak telah disambut oleh Perdana Menteri Australia, Tuan Gough Whitlam [di belakang] setibanya di Canberra semalam. — Gambar AP.

Pembangunan Malaysia: Razak seru Australia terus bantu

TUN Abdul Razak menggesa Australia supaya terus memberi bantuan dan kerjasama yang membina terhadap rancangan pembangunan Malaysia.

KUALA LUMPUR —16 OKTOBER—

Berucap di majlis makan tengahari yang diberikan oleh ahli-ahli Parlimen di Bangunan Parlimen Canberra hari ini, Perdana Menteri mengalu-alukan penyertaan sektor kerajaan dan swasta dalam usaha ini.

'Teks ucapan beliau telah dikeluarkan di sini.

Tun Razak berkata, Malaysia tidak lama lagi akan melancarkan rancangan pembangunan ketiga yang akan lebih menekankan usaha bagi mengujudkan peluang ekonomi dan sosial yang lebih baik untuk golongan pendapatan rendah di kawasan bandar dan luar bandar.

Tujuan utamanya ialah bagi mengujudkan masyarakat Malaysia yang lebih adil dan stabil tambah beliau.

Tun Razak berkata, adalah penting bagi Malaysia terus memajukan lagi sumber tenaga manusia bagi menjamin kejayaan rancangan perindustriannya.

Untuk tujuan itu, lebih daripada 6,000 pelajar Malaysia sedang menuntut dalam berbagai jurusan ilmu pengetahuan di Australia.

Beribu-ribu yang lain pula telah pulang untuk menyertai dalam pembangunan negara.

Tun Razak berkata, "Ini adalah sumbangan Australia yang tidak dapat diukur dan yang paling kekal kepada kami".

Beliau berharap pelajar-pelajar Malaysia di Australia akan menolong menunjukkan imej yang lebih baik, meluas dan benar mengenai negara mereka kepada rakyat Australia.

NO. SIRI : 208
NO. PEN : 208/78

Utusan Malaysia 18 Oktober 1975

PTR. KA: 209 209/78

'Asia Tenggara punya peluang bersejarah selamatkan rantau ini'

CANBERRA 17 Okt. — Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak berkata hari ini negara-negara di Asia Tenggara sekarang mempunyai peluang yang bersejarah untuk menyelamatkan rantau itu dan jenerasi-jenerasi akan datang bagi mencapai keamanan yang sebenar dan berpanjangan.

Berucap di Kelab Wartawan di sini, Tun Razak berkata negara-negara Asia Tenggara tidak ada pilihan lain melainkan mengambil peluang dalam bentuk positif berikutan berakhirnya peperangan di Indo-China.

Tun Razak berkata tamatnya peperangan itu memberi peluang yang luar biasa kepada semua negara-negara memulakan penghidupan baru dalam hubungan antara satu dengan lain.

Tun Razak menambah bahawa perang Vietnam telah memberi pengajaran pada negara-negara Asia Tenggara akan 'bahaya dan sesianya' campurtangan kuasa besar di rantau itu. Negra-negara ini diingatkan supaya mengelakkan diri dari mengadakan perikatan keselamatan dengan kuasa-kuasa besar.

Katanya kuasa-kuasa besar itu bukan saja akan mengheret negara-negara ini kepada pertentangan kuasa luar mereka, tapi yang lebih penting lagi perikatan keselamatan itu akan memburukkan lagi hubungan antara satu dengan lain dan merenggangkan tujuan perpaduan serantau.

Katanya sekalipun neara-negara Indo-China belum lagi menjadi anggota ASEAN dan terlibat dalam konsep bebas, aman dan berkecuali, tapi Malaysia yakin kepentingan mereka dan negara-negara ASEAN akan dapat dipusatkan kelak.

Tun Razak mengucap tahniah kepada Australia yang menerima cabaran perubahan-perubahan di Asia Tenggara dan berterima kasih terutamanya kepada simpati Australia terhadap usaha-usaha ASEAN membentuk masa depannya, bebas dari campurtangan luar.

Tun Razak kemudian berlepas ke Adelaide hari ini untuk memulakan lawatan empat hari ke selatan Australia dengan dihantar oleh Tuan Gough Whitlam ke lapanganterbang.

Sementara itu, Tun

LIHAT MUKA 12 [Ruangan 4]

DARI MUKA 1

Razak berkata Portugal bertanggungjawab sepenuhnya bagi mengembalikan undang-undang dan peraturan di Timor Portugis, tapi telah gagal menunjukkan tanggungjawab itu seperti yang sepatutnya.

Tun Razak berkata demikian ketika bersoal jawab dengan para wartawan di sini hari ini.

Sidang akhbar itu adalah antara yang teramai sekali dihadiri oleh para wartawan sejak beberapa tahun ini.

Tun Razak yang menjawab soalan-soalan itu setelah berucap kepada kelab wartawan di sini berkata pergolakan di Timor akan mudah meninggalkan kesan pada negara jiran Indonesia.

Ditanya samada Malaysia akan menyokong Indonesia merampas Timor secara paksa, Tun menjawab beliau tidak fikir Indonesia berbuat demikian dan menganggap soalan itu bertujuan untuk mengelirukan.

Tun Razak juga memberi jaminan bahawa Malaysia tidak merancang mendesak Australia mengundurkan pasukan tentera udara kapalterbang pejuang Mirage yang berpangkalan di Butterworth sekarang.

Menjawab soalan mengenai tindakan keselamatan dalam negeri terhadap para pelajar, Tun Razak berkata para pelajar yang patut takut pada tindakan itu hanyalah pelajar-pelajar yang terlibat memberi bantuan pada pengganas-pengganas dalam bandar, atau yang terlibat dalam kegiatan subversif.

NO. SIRI : 209
NO. PEN : 209/78

Utusan Malaysia 18 Oktober 1975

PTR. KA: 210 210/78



RAZAK METERAI PERJANJIAN KEBUDAYAAN

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak [duduk di kiri] dan Perdana Menteri Australia, Gough Whitlam [di kirinya] sedang menandatangani perjanjian bersama dalam bidang kebudayaan.

Upacara tandatangani itu telah berlangsung di Bangunan Parlimen Australia, di Canberra, kelmarin. — UPI.

NO. SIRI : 210
NO. PEN : 210/78

60

Utusan Malaysia 18 Oktober 1975

Mingguan Malaysia 19 Oktober, 1975

PTR. KL 211 211/78

Razak diundang lawat Korea Utara

KUALA LUMPUR, 17 Okt. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah diundang oleh Presiden Kim Il-Sung melawat Republik Rakyat Demokratik Korea (Korea Utara).

Undangan tersebut telah disampaikan kepada Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Ghafar Baba yang mengunjungi presiden itu di Pyongyang semalam, kata satu kenyataan yang disiarkan di sini hari ini.

Kenyataan itu berkata Presiden Kim Il-Sung puas hati dan memuji dasar luar Malaysia terutama pendiriannya mengenai percantuman semula negara Korea secara aman.

Dalam pertemuan satu jam itu kedua-dua pemimpin telah bertukar-tukar fikiran untuk bekerjasama dalam bidang ekonomi dan juga usaha-usaha merapatkan hubungan perdagangan antara kedua buah negara.

Presiden Kim telah menekankan perlunya semua negara di dunia, terutama negara kecil seperti Malaysia dan Korea, melipatgandakan usaha menambahkan bahan makanan memandangkan kemungkinan dunia menghadapi krisis kekurangan makanan.

Kenyataan itu berkata lagi Presiden Kim Il-Sung juga menekankan betapa perlunya diadakan kerjasama lebih luas dalam semua bi-

LIHAT MUKA 12
[Ruangan 8]

NO. SIRI : 211
NO. PEN : 211/78

DARI MUKA 1

dang demi kepentingan kedua negara.

Presiden Kim Il-Sung bersetuju supaya diadakan pertukaran lawatan antara para pemimpin dan pegawai kerajaan kedua buah negara.

Lawatan Encik Ghafar ke Pyongyang telah diberi sambutan meriah. Kerajaan Republik Rakyat Demokratik Korea telah menghantar sebuah kapalterbang khas mengambil beliau dan rombongannya dari Peking.

Beberapa pertunjukan kebudayaan telah diadakan bagi meraikan lawatan beliau.

Kira-kira 20,000 orang kanak-kanak dan belia telah mengadakan satu pertunjukan selama dua jam di Stadium Pyongyang dan disaksikan oleh kira-kira 80,000 orang.

Encik Ghafar telah dibawa melawat beberapa rancangan pertanian dan perindustrian di negara tersebut. Di sepanjang lawatan itu beliau telah ditemani oleh Timbalan Perdana Menteri Tuan Kong Jin Tei.

PTR. 212 212/78.

Razak tak jadi ke Pulau Kangaroo

ADELAIDE 18 Okt. — Acara lawatan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak ke Pulau Kangaroo untuk berihat di hujung minggu telah ditukar hari ini.

Penganjur lawatan Tun itu mengumumkan, sebagai gantinya Tun akan dibawa melawat ke kawasan pelancungan dan tanaman anggur di selatan Australia.

Tun Abdul RAzak tiba di ibukota Australia Selatan ini semalam setelah mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Australia Gough Whitlam di Canberra.

Kawalan keselamatan telah diberikan sebagai langkah berjaga-jaga berikutan beberapa tunjuk perasaan para pelajar terhadap Tun berlaku di Canberra dan Adelaide.

Polis telah menahan lima orang malam tadi, berikutan tiga tunjuk perasaan di lapanganterbang dan di luar hotel tempat Tun menginap. Mereka yang ditangkap itu terdiri dari penuntut-penuntut Malaysia dan Australia.

Tun Razak yang dikawal oleh 30 orang polis berpakaian awam bebas dari gangguan tunjuk perasaan ketika keluar dari hotel itu pagi ini.

Tun Razak dijadualkan menemui menteri-menteri kerajaan negeri dan pemimpin-pemimpin perdagangan di sini hari Isnin ini. — Reuter.

NO. SIRI : 212
NO. PEN : 212/78

UTUSAN MALAYSIA, 19.10.1975

PTR. KA : 213 213/78.



TUN BERTEMU PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA.

SEBAGAIMANA kata Dr. Mahathir tidak semua pelajar yang terlibat dalam tunjuk perasaan anti kerajaan Malaysia.

Sebahagian besar mereka menyambut dengan baik ketibaan dan lawatan Tun Razak kedua-dua negara itu.

Gambar atas memboktikan bagaimana Tun Razak disambut dengan mesra oleh pelajar-pelajar Malaysia dalam satu jamuan yang diberikan oleh Duta Malaysia di Canberra Australia.

Jamuan ini diadakan di kediaman Duta Besar tersebut bagi meraikan lawatan Tun Razak.

Pelajar-pelajar tersebut telah berpeluang bertukar-tukar pendapat dengan Tun Razak.

NO. SIRI : 213
NO. PEN : 213/78

Utusan Malaysia 20 Oktober 1975

PTR.LA : 214 214/78



TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN PERDANA MENTERI MALAYSIA

PERUTUSAN PERDANA MENTERI

SAYA mengucapkan tahniah kepada Pusat Penyelidikan Getah Malaysia atas kemajuan yang telah dicapai sejak ditubuhkan 50 tahun yang lampau. Sesungguhnya, kejayaan cemerlang ini telah mengharumkan lagi nama baik Malaysia di kalangan antarabangsa dan menjadikan negara kita terkenal di seluruh dunia.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Pusat Penyelidikan Getah Malaysia kerana sempena dengan Perayaan Jubli Emas, satu Persidangan Getah Antarabangsa 1975 telah dapat diadakan di Kuala Lumpur dan Persidangan Getah ini merupakan yang terbesar yang ulung pernah diadakan di negara kita.

Sebagai sebuah pusat penyelidikan yang tertua sekali di Malaysia, Pusat Penyelidikan Getah Malaysia haruslah dipuji kerana banyak memberi sumbangan-sumbangan yang bernas kepada perusahaan getah asli di seluruh dunia. Getah asli Malaysia memanglah terkenal di pasaran dunia sebagai suatu bahan mentah yang baik dan berasaskan teknoloji, ini adalah hasil dari usaha penyelidikan PPGM.

Kita haruslah berbangga dengan kejayaan-kejayaan PPGM menjadikan perusahaan getah asli Malaysia sebuah perusahaan yang moden, yang boleh menampung sebilangan besar daripada pekerjaan-pekerjaan di negara kita dan hasil pendapatan dari luar negeri.

Saya berasa gembira dengan kemajuan yang telah dicapai dan saya percaya dengan semangat keyakinan dan tekun yang ditunjukkan oleh kakitangan, PPGM akan terus bergerak lebih giat lagi dan mencapai kemajuan yang lebih cemerlang bagi masa hadapan.

NO. SIRI : 214
NO. PEN : 214/78

Utusan Malaysia 21 Oktober 1975

PTR-KD : 215 215/78.



PM Australia Selatan tuduh demo ganggu ketenteraman Tun

ADELAIDE 20 Okt. — Perdana Menteri Australia Selatan, Tuan Don Dunston hari ini menuduh para penunjuk perasaan telah mencerobohi ketenteraman Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak yang melakukan lawatan rasmi ke sana.

Katanya, beberapa orang telah terlibat dalam beberapa kejadian menggaanggu ketenteraman peribadi, bukan lagi menunjuk perasaan saja.

"Kita mengekalkan kebebasan rakyat berdemonstrasi, tapi bukan berarti mereka bebas pula untuk mencerobohi kebebasan orang lain," katanya.

Katanya, ketenteraman rombongan Tun Razak telah diganggui secara yang agak ganas.

Tuan Dunston berkata beliau bersedia menemui Vice Chancellor Universiti Adelaide, Professor G. Badger, untuk berbincang mengenai sikap polis semasa tunjuk perasaan di Hotel Australia pada hari Sabtu lalu.

"Jika terdapat sebarang aduan mengenai polis, perkara itu akan disiasat," katanya.

Para penunjuk perasaan berkata mereka telah dipukul dan ditendang oleh polis.

Lempar

"Dari apa yang saya lihat, polis yang bertugas di Hotel Australia bersikap mengikut peraturan yang sepatutnya," kata Tuan Dunston.

Tun Razak yang telah dilemparkan dengan cat ke keretanya pada hari Sabtu lalu telah mengelakkan diri dari penunjuk perasaan ketika menemui Gabnor Sir Mark Oliphant hari ini.

Sementara itu kira-kira 50 orang penunjuk perasaan menunggu di pintu masuk di depan rumah kerajaan dalam hujan lebat, Tun Razak masuk melalui pintu rusuk.

Penunjuk perasaan meninggalkan tempat mereka di luar hotel penginapan Tun Razak malam tadi tapi polis terus berjaga-jaga dari luar dan dalam.

Pagi ini Tun Razak telah melawat ke Ibu Pejabat Syarikat Pembuat Filem Australia, sebelum makan tengahari dengan Tuan Dunston.

Tun Razak akan berlepas ke Sydney esok pagi. — Ajensi.

NO. SIRI : 215
NO. PEN : 215/78

PTR. KA : 216 216/78

Utusan Malaysia 21 Oktober 1975



NO. SIRI : 216
NO. PEN : 216/78

Toh Puan Rahah tertarik dengan kangaroo

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak dan Toh Puan Rahah tiba di Australia pada 15 Oktober bagi mengadakan lawatan rasmi selama lapan hari yang berakhir 22 Oktober depan.

Rombongan Tun berada di ibu kota Canberra dari 15 hingga 17 Oktober dan di negeri Australia Selatan dari 17 hingga 21 Oktober sebelum berlepas ke Sydney, ibu negeri New South Wales bagi mengakhiri lawatannya.

Hubungan

Semasa di Canberra Tun Perdana Menteri telah mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Australia, Gough Whitlam, juga dengan pemimpin parti pembangkang, Malcolm Fraser dan seterusnya mengadakan perjanjian kebudayaan dengan Australia.

Tuan Whitlam telah mengatakan bahawa lawatan Tun itu merapatkan lagi hubungan yang telah ada di antara Malaysia dan Australia dan mensifatkan lawatan ini sebagai lawatan balas beliau ke Malaysia pada bulan Januari 1974.

GAMBAR menunjukkan Toh Puan Rahah sedang memerhatikan seekor kangaroo di Tidbinbilla Nature Reserve berhampiran Canberra pada 15 Oktober lalu. Memerhatikan beliau ialah penjaga kawasan simpanan itu, Peter Hann. - Gambar Ihsan Perkhidmatan Penerangan Australia.

Utusan Malaysia 22 Oktober, 1975

PTR. KA : 217 217/78

Pelajar2 yang buat kacau patut pulang - Tun

SYDNEY 21 Okt. — Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak berkata hari ini pelajar-pelajar yang mengadakan tunjuk perasaan patut pulang jika apa yang mereka mahu ialah untuk membuat kacau saja.

Tun Razak membuat kenyataan itu di satu sidang akhbar di Adelaide sebelum tiba di sini untuk mengakhiri lawatan rasminya ke Australia dan New Zealand.

Ditanya sama ada pelajar-pelajar yang menunjuk perasaan akan ditarik pulang ke Malaysia Tun Razak menjawab, "saya tidak tahu, sebab perkara itu terpulang pada tindakan keselamatan.

"Kami akan mengkaji sama ada pelajar-pelajar itu benar-benar tidak mau belajar dan cuma mahu menghabiskan waktu dengan merayau dari Canberra, Melbourne, Sydney dan Adelaide untuk menghabiskan masa berdemontrasi dan menyebabkan kekacauan.

"Ternyata mereka tidak tinggal di sini untuk belajar. Daripada mencetuskan kekacauan, lebih baiklah mereka pulang saja ke Malaysia."

Kecuali sebab-sebab tunjuk perasaan pelajar-pelajar itu, Tun Razak menyatakan lawatan lima hari beliau ke Australia Selatan adalah memuaskan, menggembirakan, dan amat berfaedah.

Tun Razak berkata, dalam semua masyarakat pasti ada orang yang suka membuat kacau.

Bila ditanya sama ada beliau sanggup memberi jaminan pelajar-pelajar Malaysia yang menunjuk perasaan tidak akan menerima tekanan, Tun menjawab, "Saya tidak tahu. Bilangan mereka terlalu kecil — cuma satu dua orang saja.

"Mengikut undang-undang kami, sesiapa yang melakukan kegiatan menyokong pengganas komunis akan menerima hukuman undang-undang. Juga jika mereka mengamalkan kegiatan menghasut, mereka juga akan dihukum bila mereka pulang kelak.



TUN RAZAK

"Tapi jika mereka hanya menjalankan kegiatan biasa para pelajar saja, mereka tidak akan diapa-apakan.

"Saya hairan mengapa orang-orang ini berkelakukan seperti itu di luar negeri. Mereka sepatutnya ke sini kerana hendak belajar. Mereka telah membusukkan nama kami dan nama rakyat Malaysia."

Ditanya lagi sama ada penunjuk-penunjuk perasaan itu telah merisaukan beliau, Tun Razak berkata, "mereka tidak merisaukan saya kerana mereka hanya mengeluarkan pendapat mereka."

"Macam-macam mereka menuduh saya," kata Tun Razak lagi.

Katanya, "saya adalah pemimpin kerajaan yang dilantik oleh 80 peratus rakyat Malaysia tahun lalu. Saya mendapat mandat yang kukuh dan jitu dari rakyat untuk memimpin negara.

"Dengan menuduh saya macam-macam untuk menentang saya, mereka sebenarnya menuduh dan menentang rakyat Malaysia.

"Mereka mewakili segolongan kecil dan tidak sekali-kali mewakili golongan terbesar rakyat Australia Selatan. Rakyat Australia Selatan telah menunjukkan sikap berbaik dan bermesra dengan Malaysia.

Tidak ada apa-apa yang mengganggui rombongan Tun Razak setibanya mereka di sini. Kawalan ketat polis telah dikenakan tapi tidak berlaku sebarang tunjuk perasaan. — Reuter.

NO. SIRI : 217
NO. PEN : 217/78

Utusan Malaysia 22 Oktober, 1975

PTR. KA : 218 218/78

Penunjuk perasaan bercadang cederakan Tun - Polis

MELBOURNE 21 Okt. — Penganjur-penganjur tunjuk perasaan di Australia bercadang kalau boleh, untuk mencederakan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak, kata polis.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Australia Selatan, E. L. Calder berkata demikian di sini malam tadi, berikutan tunjuk perasaan yang diadakan terhadap Tun Razak pada hari Jumaat dan Sabtu lalu.

Tuan Calder berkata, "tunjuk-tunjuk perasaan itu dianjurkan dengan rapi, dengan menggunakan radio untuk mengumpul dan mengarahkan kumpulan-kumpulan mereka. Mereka ternyata memiliki alat-alat yang lengkap untuk menyibarkan propaganda bagi meluaskan tujuan mereka.

Katanya, sebarang aduan mengenai kelakuan polis dalam masa tunjuk perasaan itu akan disiasat dengan rapi.

Tuan Calder berkata, aduan-aduan telah diterima dari orangramai yang tidak tahan dengan kelakuan dan hingar bingar para pelajar yang menunjuk perasaan. Ternyata penganjur-penganjur dan pengikut-pengikutnya, yang kebanyakan datang dari negeri-negeri lain, bertujuan mencederakan Perdana Menteri Malaysia, jika boleh.

"Dengan melemparkan bom cat ke kereta Perdana Menteri itu adalah satu daripada buktinya," kata Tuan Calder.

Katanya lagi, telah dapat dikesan ada beberapa orang yang terlibat dalam tunjuk perasaan itu telah beberapa kali melibatkan diri dalam tunjuk-tunjuk perasaan yang berlainan sekali issue-issuenya beberapa tahun ini. — Ajensi.

NO. SIRI : 218
NO. PEN : 218/78

Utusan Malaysia 23 Oktober 1975

PTR.GA: 219 219/78.

TUN RAZAK SELAMAT PULANG

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak dan rombongannya selamat pulang ke tanah air lewat malam ini setelah menamatkan lawatan rasmi selama 12 hari di New Zealand dan Australia baru-baru ini.

Di Lapanganterbang Subang, Tun Razak yang diiringi oleh isterinya Toh Puan Rahah telah disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Menteri-Menteri Kabinet serta pegawai-pegawai kedutaan kedua negara.

Lawatan Tun Razak selama lima hari di New Zealand dan tujuh hari di Australia merupakan kejayaan yang besar dalam langkah mengeratkan

KUALA LUMPUR
22 OKT.

hubungan negara-negara dekat bagi New Zealand dan Australia.

Esok, Tun Razak dijangka akan mengadakan satu sidang akhbar berhubung dengan hasil kejayaan yang dicapai dalam lawatan rasminya kedua negara itu.

Terdahulu dari itu di **Sydney** Perdana Menteri memberitahu wartawan-wartawan bahawa undang-undang keselamatan dalam negeri Malaysia menerima sokongan rakyat.

"Rakyat kami memandang langkah-langkah itu sebagai perlu untuk menghadapi ancaman pengganas-pengganas komunis di negara kami," kata Tun di satu sidang akhbar sebelum beliau berangkat pulang ke Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai pemimpin-pemimpin pelajar di Malaysia yang telah dipenjarakan oleh kerajaan, beliau menjawab: "Mereka didapati menolong pengganas-pengganas komunis."

Tun Razak berkata kumpulan-kumpulan kecil penunjuk-penunjuk perasaan — kebanyakan mereka pelajar-pelajar Malaysia yang membantah soal kebebasan awam — telah gagal menghalang lawatan beliau.

Walaupun beliau sedar beberapa bantahan itu telah

LIHAT MUKA 12
[Ruangan 6]

DARI MUKA 1

memaksa beliau menukar jadual lawatan, Tun mendakwa "mereka hanyalah sekumpulan kecil pengacau yang cuba memalukan saya."

Tun berkata beliau dan Perdana Menteri Gough Whitlam telah membincangkan soal perhubungan Malaysia dan Australia, masaalah Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan masaalah serantau, termasuk soal Timor Portugis.

"Kita berharap ada kerjasama rapat di antara Portugal dan Indonesia bagi menyelesaikan masaalah membebaskan tanah jajahan dan menentukan nasib sendiri," kata Tun.

Mengenai masaalah Timor, "saya percaya Indonesia tidak berniat campurtangan selagi keselamatannya tidak terancam," katanya.

NO. SIRI : 219
NO. PEN : 219/78

Utusan Malaysia 23 Oktober 1975

PTR. 45 : 220 220/78

Australia, NZ juga dicadang serahkan yang terlibat

Kerajaan digesa panggil pelajar2 yg tunjuk perasaan

KERAJAAN hari ini digesa memanggil pulang para pelajar yang terlibat dengan tunjuk-tunjuk perasaan terhadap Tun Razak di New Zealand dan Australia dan diambil tindakan tegas ke atas mereka.

Beberapa bahagian UMNO, termasuk Pergerakan Pemuda yang membuat desakan tersebut juga meminta dibatalkan biasiswa para pelajar yang terlibat, jika mereka belajar dengan biasiswa kerajaan.

Ada di antara bahagian itu menggesa supaya Kerajaan Malaysia meminta kerajaan kedua-dua negara menyerahkan pelajar-

KUALA LUMPUR 22 OKT

pelajar yang terlibat dengan kejadian yang memalukan itu.

UMNO Bahagian Seremban dalam taligramnya kepada Utusan Malaysia mengutuk tunjuk perasaan pelajar-pelajar itu yang disifatkannya sebagai amat keji dan biadab.

"Kerajaan hendaklah mengambil tindakan keras dan membatalkan biasiswa mereka, kalau perlu kerakyataan mereka", kata Ketua penerangannya, Sheikh Mohamad Padang.

UMNO bahagian itu mengesyorkan supaya kerajaan meminta kerajaan Zew Zealand dan Australia menyerahkan mereka yang terlibat kepada Kerajaan Malaysia.

Di **Kangar:** Pemuda UMNO Bahagian Perlis Utara mencadangkan supaya para pelajar yang diketahui berkelakuan tidak sihat di luar negeri dipanggil pulang dan jika enggan hendaklah dilucutkan kerakyatan mereka.

Penolong setiausahanya, Encik Mohd. Noor Bedah berkata dalam satu kenyataan akhbar bahawa tindakan-tindakan para pelajar itu jika dibiarkan berterusan akan merosakkan imej negara.

Kenyataan itu mensifatkan tunjuk perasaan itu sebagai memalukan.

Pergerakan itu menyokong cadangan Menteri Pelajaran Dr. Mahathir Mohamad untuk menangkap para pelajar yang diketahui terlibat dalam sebarang gerakan tidak sihat di luar negeri.

Ia mengesyorkan supaya kerajaan mengasingkan para pelajar yang tidak sihat itu dari sebilangan besar pelajar yang benar-benar mahu belajar.

Di **Kuala Trengganu:** UMNO Bahagian Ulu Nerus juga mengutuk tunjuk perasaan itu.

Ketuanya, Datuk Abdullah bin Abdul Rahman dalam kenyataannya menyeru penuntut-penuntut bertindak menurut saluran yang betul jika mereka tidak bersetuju dengan sebarang masaalah.

Menurutnya, tunjuk-tunjuk perasaan yang dilakukan oleh para pelajar itu telah memusnahkan imej rakyat Malaysia serta negara.

Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Trengganu mendesak kerajaan bertindak wajar terhadap para pelajar Malaysia yang melakukan tunjuk perasaan semasa lawatan Perdana Menteri itu.

Ia berharap kementerian-kementerian berkenaan dan kedutaan Malaysia di kedua-dua negara menyiasat serta mengambil langkah yang sewajar atas kejadian itu.

Pergerakan itu mensifatkan tindakan liar pelajar-pelajar menunjuk perasaan terhadap Perdana Menteri sebagai satu penghinaan yang dirasai oleh seluruh rakyat yang taat-setia kepada negara.

Di **Kangar:** Barisan Nasional Negeri Perlis mendesak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pelajar-pelajar Malaysia di New Zealand dan Australia yang menunjuk perasaan semasa lawatan Tun Abdul Razak.

Dalam satu kenyataan hari ini, Encik Yusof Abu Bakar berkata, Barisan Nasional negeri ini memendang berat perbuatan yang tidak sopan itu.

Barisan Nasional negeri ini juga berharap pegawai-pegawai Malaysia di negara-negara berkenaan dapat memberi penjelasan terhadap kekeliruan mengenai pemerintahan di Malaysia sehingga berlaku tunjuk perasaan itu.

Dengan adanya penjelasan itu rakyat New Zealand dan Australia dapat memahami serta membuat pertimbangan yang lebih sempurna terhadap masaalah yang dibangkitkan itu.

Di **Seremban:** Majlis Belia Malaysia (MBM) mengambil ketetapan mengutuk tindakan para pelajar Malaysia di Australia dan New Zealand yang telah mengadakan tunjuk perasaan semasa lawatan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak ke sana.

MBM juga kesal atas sikap belia Australia dan New Zealand yang telah campurtangan dalam soal rumahtangga Malaysia dengan turut sama mengadakan demonstrasi tersebut.

Satu kenyataan Pemangku Presiden MBM Encik Azham Wahab yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, tunjuk perasaan tersebut boleh menjejaskan persahabatan antara belia kedua buah negara itu dengan belia Malaysia.

NO. SIRI : 220
NO. PEN : 220/78

PTR.KA: 221 221/75.

Pengarah
Perpustakaan Negara

PENYEBAR FIKIRAN RAKYAT


Utusan Malaysia

BIL: 46 — TAHUN KESEMBILAN | JUMAAT 24 OKTOBER 1975 — 19 SYAWAL 1395 | KDN 8540 | 25 SEN



Peluang bagi pelajar2 kita menuntut keluar negeri masa depan

KITA AKAN PERKETAT SYARAT2 - TUN



KUALA LUMPUR 23 Okt — Tun Abdul Razak hari ini mengarahkan supaya tindakan tegas diambil untuk memperketatkan lagi syarat-syarat bagi para pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran keluar negeri.

OLEH SIRAJUDDIN RAFIA

Ini adalah untuk mempastikan kegiatan mereka di masa akan datang tidak bercanggah dengan

Para pelajar di seberang laut yang didapati berkelakuan yang bercanggah dengan kepentingan negara itu semasa berada di luar negeri juga akan dipanggil pulang serta-merta di masa akan datang.

Bercakap dalam satu sidang akhbar di kediamannya di Seri Taman di sini pagi ini, Tun Razak menegaskan bahawa kerajaan terpaksa bertindak lebih tegas dalam soal ini kerana ia boleh menjejaskan hubungan baik Malaysia dengan negara-negara berkenaan, menjatuhkan

menentangnya bererti mereka menentang rakyat Malaysia yang mungkin boleh menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat negara ini;

* Kerajaan mengetahui dan mengenali setiap orang pelajar Malaysia yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan itu dan hampir kesemuanya terdiri dari pelajar persendirian;
* Memberitahu bahawa Perdana Menteri kedua buah negara itu sendiri turut berasa malu di atas perbuatan para pelajar mereka itu dan berkali-kali meminta maaf bagi pihak kerajaan dan rakyatnya; dan
* Menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya jangan mengambil berat terhadap perbuatan

KORBAN SUAMI KERANA KAWAN

KERANA kawan wan, ada isteri sanggup 'lepaskan' mi sekarang. Betu ini kerap berlaku?' calah kisahnya d a

Lain-lain yang narik ialah:

* BAHAYA d Pengakuan ter rang bekas penagihnya
* BANDAR Ipoh nal bersih tapi sebab lain
* RAMAI orang pinjam gelang puaka'.

Mereka tunjuk perasaan tanpa sebarang issue - Tun

(DARI MUKA 1)

mempunyai majoriti paling banyak dibandingkan dengan mana juga kerajaan yang dipilih di dunia ini.

"Oleh itu sebarang tunjuk perasaan terhadap saya bererti tunjuk perasaan terhadap rakyat Malaysia sendiri dan memang wajarlah kalau rakyat Malaysia marah dengan perbuatan itu. Lebih-lebih lagi mereka tidak ada hak campur tangan dalam hal ehwal negara ini".

Menurut Tun, mereka menunjuk perasaan tanpa sebarang issue tertentu tetapi sekadar menunjukkan bahawa mereka itu ada atau mereka mungkin mempunyai beberapa pandangan mengenai perkara-perkara tertentu.

Tun Razak mengingatkan bahawa sikap kurang sopan yang ditunjukkan itu akan menjejaskan hubungan antara Malaysia dengan kedua negara itu. Ini juga menyebabkan kedua kerajaan itu mengurangkan bilangan pelajar Malaysia yang hendak menuntut di sana.

Menurut Tun, Perdana Menteri New Zealand Tuan Wallace Rowling telahpun membayangkan bahawa kerajaannya akan bersikap adil kepada semua negara di Asia Tenggara. "Ini bererti jumlah pelajar Malaysia yang dibenarkan menuntut di sana mungkin dikurangkan dan ini sudah tentu akan menjejaskan peluang penuntut-penuntut lain di masa depan", katanya.

Ditanya sama ada pelajar-pelajar Australia dan New Zealand itu mengetahui hal ehwal Malaysia, Tun Razak berkata: "Memang mereka tahu tetapi mereka sengaja enggan menerima hakikat sebenarnya.

"Kalau mereka tahu hakikat sebenarnya, mereka tidak akan menghasut. Apa hak mereka campur dasar-dasar kerajaan negara ini. Lainlah kalau mereka itu rakyat Malaysia sendiri", tambahnya.

Tun Razak menasihatkan pelajar Malaysia yang ingin bersikap demikian supaya pulang ke Malaysia. "Kalau di luar negeri sudah tentu gerakan mereka tidak berguna kerana tidak dapat mempengaruhi rakyat di Malaysia", kata Tun.

"Tetapi di sini ada undang-undang yang boleh menentukan nasib mereka. Kalau hendak berjalan kepala ke bawah pun boleh", tambah Tun sambil berjenaka.

Ditanya sama ada kerajaan sudah mengenali pelajar-pelajar Malaysia yang mengambil bahagian itu, Tun Razak berkata: "Tentu sekali kami kenal mereka. Tetapi kita tunggu dulu kerana tidak mahu bertindak terburu-buru."

Tun Razak mengakui bahawa pelajar Malaysia yang turut mengambil bahagian itu adalah semata-mata kerana hendak mencari alasan untuk terus tinggal di sana.

"Ini jelas menunjukkan bahawa mereka itu tidak akan setia terhadap negara ini. Sepatutnya mereka bersedia pulang berkhidmat kepada negara selepas mendapat pendidikan tinggi itu", kata Tun.

Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa tunjuk perasaan pelajar itu tidak sedikit pun menjejaskan kejayaan lawatannya ke kedua buah negara tersebut.

Mengenai lawatannya Tun Razak berkata, dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri kedua-dua kerajaan itu terdapat banyak persamaan antara Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut.

Mereka telah membincangkan soal-soal pembangunan serantau, pembangunan antarabangsa pertahanan dan lain-lain perkara berhubung dengan ekonomi.

Katanya ia telah memberi jaminan kepada mereka bahawa Malaysia akan terus mengeratkan perhubungan persahabatan. Mereka juga memberi jaminan demikian dan berjanji akan terus bekerjasama dan membantu Malaysia.

Tun Razak juga memberitahu kedua-dua Perdana Menteri itu tentang Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilaksanakan tahun depan.

Beliau menjelaskan kepada mereka tentang hasratnya untuk meninjau kemungkinan meluaskan lagi bidang perusahaan bersama seperti memproses kayu-kayan, ladang ternakan dan sebagainya.

Di Australia Selatan, beliau telah berunding dengan Perdana Menterinya, Tuan Donald Dunstan.

Menurutnya Australia Selatan mempunyai ikatan sejarah dengan Pulau Pinang. Kerana itu Perdana Menterinya dan Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang telah memutuskan akan bekerjasama.

Beliau memberitahu bahawa 'Minggu Adelaide' akan diadakan di Pulau Pinang dalam bulan Disember ini. 'Minggu Pulau Pinang' telah diadakan di Adelaide awal tahun ini.

Katanya lagi, Perdana Menteri Australia Selatan itu telah membincangkan kemungkinan mengadakan kerjasama dalam projek perumahan dan lain-lain dan bercadang hendak memperluaskan usaha itu ke lain-lain negeri seperti Kedah dan Perak.

Mengenai Tentera Udara Diraja Australia yang berpangkalan di Butterworth, Tun Razak berkata memang ada gunanya mereka berada di sana untuk menolong Tentera Udara Diraja Malaysia dalam soal latihan.

"Terpulanglah kepada mereka berapa lama hendak berpangkalan di situ. Ada faedahnya beberapa skaudron yang trlatih ditempatkan di situ untuk menolong kita.

"Tetapi sebaik saja kita bersetuju dan menerima konsep menjadikan rantau ini aman, bebas dan berkecuali, semua pangkalan tentera asing hendaklah diundurkan secara berperingkat-peringkat. Tetapi ini semua mengambil masa."

Tun Razak menyatakan bahawa soal kemerdekaan Brunei juga dibincangkan. Perkara itu dibincangkan dalam Jawatankuasa 24 Bangsa-Bangsa Bersatu yang Australia menjadi ahli.

Utusan Malaysia, 24.IO.I975

PTR.UA: 222 222/78.

Lawatan Tun: Australia ditegur kerana tak beri kawalan ketat

KERAJAAN Australia hari ini ditegur kerana tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap kawalan keselamatan semasa lawatan rasmi Tun Abdul Razak ke negara itu baru-baru ini.

Sementara itu, Barisan Nasional, UMNO dan MIC di beberapa bahagian terus mengutuk perbuatan liar pelajar-pelajar Malaysia yang menunjuk perasaan semasa lawatan Perdana Menteri itu ke Australia dan New Zealand.

Mereka mendesak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang dianggap "orang yang tidak mengenang budi."

Di **Kedah,** UMNO Bahagian Kota Setar yang menegur kelalaian Kerajaan Australia itu menarik perhatian tentang persiapan lengkap seperti alat walkie-talkie yang digunakan oleh penunjuk-penunjuk perasaan itu.

"Sudah tentu pihak-pihak perisik keselamatan Australia mendapat maklumat awal akan tindakan pelajar itu dan boleh mengatur kawalan ketat kepada Tun Razak," kata Ketua UMNO bahagian itu, Encik Zainol Abidin Johari.

KUALA LUMPUR
23 OKTOBER

Dalam satu kenyataannya hari ini, Encik Zainol memberitahu, bahagian tersebut yang mengadakan mesyuarat semalam telah sebulat suara bersetuju mendesak Kerajaan Australia supaya menuntut maaf atas tindakan-tindakan liar yang dihadapi oleh Tun Razak.

Encik Zainol yang juga ahli Dewan Negeri (BN) Jeniang) kemudian mencabar parti-parti pembangkang untuk menjelaskan pendirian mereka terhadap pelajar-pelajar Malaysia yang menunjuk perasaan itu.

Menurutnya, sebagai parti pembangkang yang sama-sama bertanggungjawab dalam pemerintahan negara, mereka patutlah membuat kenyataan menjelaskan kedudukan mereka, "jika tidak mahu dituduh bersubahat."

UMNO Bahagian Kota Setar juga mendesak Tun Razak serta ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO mengadakan mesyuarat agung tergempar khas bagi membincangkan soal keselamatan dalam negeri.

Kata Encik Zainol, sepucuk surat yang mengandungi desakan-desakan tersebut telah dihantar kepada Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman.

Di **Teluk Anson,** Barisan Nasional Bahagian Hilir Perak dalam satu kenya-

LIHAT MUKA 16
(Ruangan 8)

NO. SIRI : 222
NO. PEN : 222/78

Lagi kutuk tunjuk perasaan ketika lawatan Tun

(DARI MUKA 1)

taannya mengutuk perbuatan pelajar-pelajar itu dan merasa amat kesal atas peristiwa yang memalukan Malaysia.

Barisan Nasional cawangan ini yang mengadakan sidang tergemparnya semalam mendesak kerajaan supaya tidak berlembut lagi dengan pelajar-pelajar yang tidak bertanggungjawab itu — malah mereka sepatutnya menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatan yang terkutuk itu.

Satu memorandum menyatakan rasa kesal dan mengutuk tindakan liar pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut itu telah dihantar kepada Barisan Nasional Pusat.

Di **Taiping,** UMNO Cawangan Felda Ijok akan menghantar satu memorandum kepada kerajaan supaya melucutkan kerakyatan pelajar-pelajar yang kurang sopan di luar negeri.

UMNO cawangan ini yang juga mengadakan satu mesyuarat khas telah mengambil keputusan mengutuk tunjuk perasaan tersebut, kata naib yang dipertuanya, Haji Saidin bin Haji Ahmad dalam satu kenyataannya.

Sementara itu, Pemuda MIC mensifatkan tunjuk perasaan oleh pelajar-pelajar asing terhadap Tun Razak sebagai campurtangan dalam hal ehwal Negara Malaysia.

Ketua Pemuda MIC, Kebangsaan, Encik V.L. Kandan dalam satu kenyataannya berkata, Tun Razak adalah pemimpin besar Malaysia yang dipilih dan diberi mandat yang besar oleh rakyat.

Dari itu, rakyat di negara-negara asing yang tidak begitu mengerti dalam hasrat dan cita-cita rakyat Malaysia tidaklah layak untuk mengulas dasar-dasar politik negara ini, katanya.

Beliau menambah, jika pelajar-pelajar Malaysia di Australia ingin menyuarakan pendapat politik mereka, mereka boleh berbuat demikian bila pulang nanti.

66

NO. SIRI : 223
NO. PEN : 223/78

Mingguan Malaysia 26 Oktober 1975

tiruan kerjasama

KUALA LUMPUR 25 OKTOBER

TUN Abdul Razak hari ini menggesa perusahaan getah asli dan getah tiruan bekerjasama lebih rapat menerusi rancangan-rancangan bersama bagi memenuhi permintaan dunia yang kian bertambah.

Perdana Menteri berkata, krisis tenaga telah mengujudkan bidang baru dalam peranan getah asli dan juga getah tiruan untuk memenuhi permintaan dunia bagi semua jenis getah.

Di samping itu, alam sekitar dan keadaan tanah juga memerlukan kawalan baru dan ketat terhadap semua jenis dan bentuk percemaran.

Dalam ucapannya di Persidangan Getah Antarabangsa dan Persidangan Pemasaran Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia di sini, beliau menambah, sambil menimbangkan keperluan jenerasi akan datang, adalah penting sumber-sumber digunakan dengan cara yang teliti menerusi rancangan memlihara sumber.

"Berdasarkan kepada pertimbangan itu, kita boleh lihat bahawa dunia sekarang sedang beredar ke alam kajihayat — di mana perusahaan barangan berasaskan kajihayat menjadi bertambah penting."

"Oleh demikian, satu langkah cara baru iaitu

LIHAT MUKA 16
(Ruangan 9)

DARI MUKA 1

kerjasama rapat antara perusahaan getah asli dan getah tiruan dikehendaki," tambahnya.

Tun Razak berkata, perusahaan getah mestilah berusaha ke arah menyelidik kegunaan-kegunaan baru bagi getah, menambah skop untuk mengadun getah asli dengan getah tiruan dan membaiki data dan maklumat bagi rancangan pengeluaran dan keperluan penggunaan.

Beliau berharap mesyuarat, perbincangan dan keputusan yang dicapai di sepanjang beberapa minggu yang lalu akan membolehkan kedua sektor bergerak masuk zaman baru dalam kerjasama getah asli-getah tiruan.

Satu perkara asas yang perlu diingat ialah sementara dunia tidak dapat menolak getah asli, ia juga tidak dapat berbuat demikian terhadap getah tiruan.

Katanya, bagi mencapai makna yang sepenuhnya perkara-perkara teknik dan ekonomi kegunaan getah asli dan juga getah tiruan hendaklah dinilai dengan sempurna dan tepat, pontensi pengeluaran diramalkan dengan betul dan rancangan-rancangan masa depan disusun oleh kedua sektor itu.

Bagi perusahaan getah asli, ia mestilah jelas strateji tindakannya.

Pakar-pakar telah membayangkan bahawa dunia mungkin memerlukan bekalan semua jenis getah dari 14 hingga 17 juta tan menjelang tahun 1980.

Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia dalam analisa awal teknik dan ekonomi telah menganggarkan bahawa getah asli dapat memenuhi 43 peratus dari keperluan pasaran.

Bagi memenuhi permintaan tersebut, yang dijangka berganda dalam masa kira-kira 10 tahun, Tun Razak mengesyorkan dirangka dan dilaksanakan dasar-dasar pengeluaran yang dinamik di semua negara pengeluar getah, dimodenkan segera perusahaan yang telah ada, dibuat pelaburan baru dan digunakan segera segala perubahan-perubahan yang ditemui dalam penyelidikan.



TUN Abdul Razak sedang diiringi masuk ke Dewan Nirwana di sebuah hotel terkemuka Kuala Lumpur semalam untuk menyampaikan ucapannya di Persidangan Getah Antarabangsa yang bermula sejak 20 Oktober lalu.
(Berita muka 1).

67

UTUSAN MALAYSIA, 28.10.1975

PTR. KD : 224 224/78.

SEKITAR SIDANG DEWAN RAKYAT

Razak nafi bekas tentera susah dapat kerja di bidang swasta

KUALA LUMPUR, 27 OKT.

TUN Abdul Razak menolak dakwaan bahawa latihan peralihan untuk bekas-bekas perajurit tidak diakui oleh pihak swasta.

Bercakap selaku Menteri Pertahanan di Dewan Rakyat, petang ini, beliau berkata, "kebanyakan daripada bekas perajurit yang telahpun dilatih oleh Kementerian dalam bidang vokesyenal telahpun berjaya mendapat pekerjaan di bidang swasta".

"Begitu juga dari laporan-laporan yang diterima adalah diketahui bahawa sebahagian besar daripada mereka yang menjalankan latihan penyesuaian sambil bekerja telahpun diambil untuk bekerja secara tetap oleh firma atau kilang yang memberi latihan kepada mereka.

"Oleh yang demikian, tidaklah benar untuk menyatakan bahawa latihan peralihan yang diberikan itu tidak diakui oleh pihak swasta", terang Tun Razak ketika menjawab pertanyaan mulut dari **Encik Abu Bakar Arshad [BN-Hilir Perak].**

Bantu

Tun Razak menerangkan dalam usaha membantu bekas-bekas perajurit mendapatkan pekerjaan di bidang swasta, sebuah pejabat pekerjaan telahpun ditubuhkan di Kementerian Pertahanan sejak 1970.

"Kerajaan juga sedang menubuhkan beberapa pejabat wilayah yang akan bertanggungjawab khas bagi membantu bekas perajurit mendapatkan pekerjaan di kawasan-kawasan yang di bawah jagaan pejabat-pejabat tersebut".

Terdahulunya Perdana Menteri memberitahu latihan peralihanyang diberikan kepada bekas perajurit di bahagi kepada empat bidang iaitu: Latihan vokesyenal dan teknikal, kursus pertanian dan ternakan, kursus perniagaan dan kursus pengurusan — khas bagi bakal bekas pegawai.

Di samping itu Kementerian Pertahanan juga ada mengaturkan latihan penyesuaian — sambil bekerja untuk mereka yang sudah memiliki sesuatu kemahiran.

Buku Hijau berjaya — Razak

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Rancangan Buku Hijau telah mencapai beberapa kejayaan, demikian Perdana Menteri Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat petang ini.

Menjawab pertanyaan mulut dari Encik Abdul Jalal Haji Abu Bakar [BN — Batu Pahat], Tun Razak berkata, kejayaan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau boleh dilihat dari segi matlamat-matlamat yang hendak dicapai oleh rancangan ini.

Katanya, matlamat pertama rancangan ini ialah untuk menambah pendapat rakyat di luar bandar dan di bandar sebagai satu usaha mengurangkan tekanan inflasi.

"Dari segi ini didapati bahawa mereka yang telah menyahut seruan rancangan ini telah mendapat kejayaan dari segi menambah pendapat masing-masing."

"Kejayaan juga dapat dilihat dari segi turunnya kadar inflasi bagi setengah barang-barang keperluan utama serta bahan-bahan makanan yang lain."

"Kesan ini nampak dilihat di kawasan-kawasan di mana Rancangan Buku Hijau ini dijalankan dengan giatnya," ujar beliau.

Tun Razak lalu mengumumkan hingga Jun 1975, seluas 48,226 ekar tanah terlibat dengan Rancangan Buku Hijau kerajaan.

KUALA LUMPUR 27 OKTOBER

DEWAN Rakyat hari ini menolak satu usul untuk membatalkan kuasa Menteri Pelajaran menukar Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil kepada Sekolah-Sekolah Rendah Kebangsaan.

Usul tersebut yang dikemukakan oleh Lim Kit Siang, [**DAP — Kota Melaka**], telah ditolak dengan keputusan undi 88 menentang dan 16 menyokong.

Menteri Pelajaran Dr. Mahathir ketika membahaskan usul tersebut, berkata ia hanya merupakan satu usul perkauman dan tidak bersifat nasional.

Ia hanya merupakan satu bahan politik pihak pembangkang untuk memancing undi rakyat dan bertentangan dengan perlembagaan negara, terangnya.

Beliau menegaskan bahawa kuasa yang diberi kepada Menteri Pelajaran (di bawah Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961) itu tidak mungkin disalah gunakan sewenang-wenangnya.

"Sejak 18 tahun merdeka kerajaan tidak pernah sekalipun menyalah gunakan kuasa, walaupun kuasa yang ada padanya adalah muktamad." Kata Dr. Mahathir, "segala tindakan kerajaan adalah berasaskan perlembagaan."

Beliau menerangkan bahawa selama ini hanya sekali sahaja kerajaan pernah menukarkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China kepada Sekolah Rendah Kebangsaan, iaitu di Kelantan.

"Itupun pertukaran tersebut dibuat atas desakan ibubapa murid-murid sekolah itu sendiri," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa sebarang pertukaran seumpama di masa akan datang juga dilaksanakan atas permintaan ibubapa murid-murid.



LAPORAN
Oleh
Suhaimi Mokhtar
dan
Mahmood Hassan

Bom

Sementara itu Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat mengapa beliau tidak memanggil sidang khas Parlimen berikutan kejadian pengeboman Tugu Peringatan Negara dan serangan ke atas Ibupejabat Pasukan Polis Hutan di Kuala Lumpur.

"Saya fikir perkara itu tidak begitu besar yang memerlukan kita memanggil khas Parlimen untuk membincangkannya."

Elaun perjalanan MP tidak akan dinaik – Razak

Usul batal kuasa Menteri Pelajaran ditolak



P.M. Tun Razak

"Perkara ini boleh ditimbulkan dalam masa kita membahaskan belanjawan tahunan kelak," kata Perdana Menteri ketika menjawab pertanyaan mulut dari **Encik Mohd. Bakri Abdul Rais [BN — Parit].**

Mengenai permintaan supaya Perdana Menteri di masa akan datang memberitahu semua Ahli Parlimen tentang kejadian-kejadian seperti itu, Tun Razak berkata:

"Saya suka menyatakan bahawa jika Ahli-Ahli Parlimen berkehendakkannya, Kementerian Dalam Negeri boleh memberi keterangan berkenaan hal ini."

Tun Razak juga berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan elaun perjalanan bagi ahli-ahli Parlimen memandangkan negara sedang menjalani langkah berjimat cermat di semua bidang.

Menjawab soalan **Encik Abit Anak Angkin [BN — Kapit]**, Perdana Menteri berkata, selain daripada elaun bulanan ahli-ahli yang berhormat, yang telah dinaikan kepada $1,500, mereka juga diberi elaun perjalanan sebanyak $150 sebulan.

Pelacuran

Sementara itu, Menteri Kebajikan Am, Puan Aishah Ghani mengakui ada berlaku di sana sini gadis-gadis rumaja yang datang ke bandar mencari pekerjaan diheret ke lembah pelacuran.

Bagaimanapun beliau menjelaskan tidaklah begitu tepat untuk mengatakan bahawa sebilangan besar gadis-gadis yang mencari kerja itu telah terjerumus ke lembah pelacuran.

Puan Aishah menjawab soalan mulut **Encik Su Liang Yu [Barisan Nasional — Bruas]** di Dewan Rakyat petang ini.

Menteri itu berkata, umumnya keruntuhan moral bukan sahaja berlaku di kalangan wanita bahkan di kalangan yang lain-lain juga.

Ini mungkin disebabkan oleh perkembangan-perkembangan pesat di bandar-bandar yang besar, perindustrian-perindustrian, sains dan teknoloji dan juga kerana pendedahan terhadap pengaruh kebudayaan yang mementingkan kebendaan.

KAWASAN PARLIMEN AKAN JADI KAWASAN LARANGAN

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Kawasan Bangunan Parlimen akan diwartakan sebagai kawasan larangan sebaik saja pagar keselamatan dibina di sekelilingnya.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak menegaskan, Bangunan Parlimen adalah sebuah bangunan negara yang penting dan menjadi tanggungjawab kerajaan mengawal rapi kawasan tersebut.

Katanya, selain daripada

Tun: Perhatian utama projek Malaysia Ketiga

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Rancangan Malaysia Ketiga akan memberi perhatian utama kepada pekebun kecil getah, penanam padi, kaum nelayan, pekebun kelapa, pekerja-golongan pekerja di bandar-bandar di mana masaalah kemiskinan ini sangat mendesak," terangnya.

Menjawab soalan lain dari Ahli Dewan yang sama, Tun Razak menegaskan se-

Siasatan Harun diterus

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini siasatan terhadap Menteri Besar Selangor, Dato' Harun Idris masih berjalan dan belum selesai.

Perdana Menteri meni-

UTUSAN MALAYSIA,"'28.10.1975

PTR-48 : 225 225/78

Meluaskan peranan kerajaan dan para pelabur perlu — Razak

TEGUHKAN EKONOMI CARA HAPUS KOMUNIS

TUN Abdul Razak hari ini menghuraikan tentang langkah-langkah kerajaan untuk menghapuskan ancaman komunis serta cara-cara menggalakkan perkembangan ekonomi dengan meluaskan peranan kerajaan dan para pelabur.

Bagi menjamin perkembangan ekonomi terus berkembang, Perdana Menteri memberitahu seminar antarabangsa mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia bahawa:

• Perlunya perubahan-perubahan dalam rangka

KUALA LUMPUR 27 OKT

ngan semua kaum terdiri dari pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan, pekebun kecil kelapa, pekerja ladang, buruh pertanian, penduduk kampung-kampung baru dan orang miskin di bandar.

Tun Razak berkata, tempoh 1971—1975 boleh dianggap sebagai peringkat pertama dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan akan terus menjalankan dasar-dasar asas polisi itu sebagaimana ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kedua kajian setengah penggalnya.

Kemiskinan

Menurutnya, perubahan-perubahan rangka bentuk ekonomi bagi tempoh 1970—1990 adalah perlu jika mahu dilaksanakan usaha menghapuskan kemiskinan dan perimbangan kaum di negara ini.

Perubahan ini perlu mempastikan bertambahnya penyertaan sektor pengilangan dalam ekonomi dari 16 peratus kepada 35 peratus tahun 1990.

Katanya, sebagai negara kecil dengan sebelas juta orang penduduknya Malaysia mempunyai pasaran tempatan yang terhad. Kemajuan masa depan perindustrian bergantung kepada dua-hala — kedua-duanya

Membunuh

Menyentuh tentang perkembangan ancaman komunis di Malaysia, Tun Razak berkata Malaysia mempunyai pasukan keselamatan yang cukup untuk menghadapinya.

Katanya, sejak kekalahannya tahun 1959, parti Komunis Malaya yang berundur ke sempadan Malaysia—Thai membentuk semula pasukannya dan dari kira-kira 500 orang dalam tahun ini meningkat kepada 2,000 sekarang.

Dari bilangan tersebut kira-kira 250 orang anggotanya berasal dari Malaysia dan selebihnya dari penduduk Selatan Thailand.

Di samping anggota-anggotanya, para penyokong bawah tanah pengganas juga menjalankan kegiatan menyerang kem pasukan keselamatan dan membunuh anggota-anggota polis (10 orang semuanya) dalam usahanya supaya kerajaan menarik keluar pasukan keselamatan dari hutan.

Menghuraikan lebih lanjut tentang perkembangan ekonomi, Perdana Menteri menjelaskan bahawa kemiskinan di negara ini tertumpu di luar bandar dan kerajaan akan terus berusaha menghapuskan baik di kalangan orang Melayu, China mahu pun India.

Katanya, kemiskinan adalah masaalah nasional dan memerlukan pelaksanaan dasar-dasar menyeluruh dalam pembangunan luar bandar dan perindustrian bagi mengurangkan bidang kerja tidak sepenuh masa, meningkatkan pengeluaran dan mengujudkan peluang-peluang kerja baru.


Beliau menerangkan bahawa asas Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan tahun depan akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang kurang maju.

Langkah-langkah yang akan diambil termasuk mengurangkan kemiskinan di kala-

NO. SIRI : 225
NO. PEN : 225/78

Utusan Malaysia 29 Oktober 1975

PTR. 45. 225 226/78



GAMBAR menunjukkan Tun Abdul Razak [tengah] dengan penuh minat sedang mendengar sesuatu yang diperkatakan oleh Tan Sri Jamil Rais [kanan] manakala Datuk Abdullah kelihatan di sebelah kiri Tun.

NO. SIRI : 226
NO. PEN : 226/78

Rancang keluarga berjaya hampir 90 peratus

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Rancangan perancang keluarga di geri ini mencapai kejayaan hampir 90 peratus di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Ketua Pengarah Lembaga Perancang Keluarga Negara (LPKN), Dr. Shamsuddin Abdul Rahman memberitahu demikian dalam majlis taklimatnya kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di Bilik Gerakan Negara Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Beliau juga memberitahu, usaha-usaha sedang dijalankan oleh LPKN bagi meluaskan lagi perkhidmatannya di kawasan-kawasan bandar kerana penduduknya yang semakin ramai.

Susun

Menurutnya lagi, bagi menjayakan rancangan perancang keluarga di masa akan datang, lembaganya telah menyusun pembahagian tugas penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan perancang keluarga.

"LPKN, persatuan-persatuan perancang keluarga akan menumpukan usahanya di kawasan bandar dan ladang-ladang dan Kementerian Kesihatan akan menumpukan perkhidmatannya melalui perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar," tambahnya lagi.

Dr. Shamsuddin menyatakan keyakinan lembaganya bahawa rancangan keluarga akan mendapat sambutan penuh dari orangramai khasnya ibubapa.

Turut hadir di majlis taklimat tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad dan Pengerusi LPKN, Tan Sri Abdul Jamil Rais.

Utusan Malaysia 30 Oktober 1975

PTR. LA: 227 227/78

Kelepasan am hari Jumaat: Kerajaan akan hadapi kerugian besar — Razak

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Kerajaan akan menghadapi kerugian besar sekurang-kurangnya satu atau satu setengah hari masa bagi menjalankan perdagangan jika hari Jumaat dijadikan hari kelepasan am.

Ini diberitahu oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak ketika menjawab soalan mulut **Haji Wahab Yunus [Barisan Nasional — Dungun]** di Dewan Rakyat petang ini.

Kata Tun Razak, sega la implikasi telah difikirkan dengan halus dalam masa menimbangkan hal tersebut termasuk faktor-faktor seperti kesenangan awam dan juga amalan perdagangan antarabangsa dan faktor-faktor lain.

Bagaimanapun, tegas Tun Razak, kerajaan akan terus memberi kemudahan sepenuhnya serta meminta sektor swasta melaksanakan peraturan-peraturan yang ada sekarang.

Memadai

Ini bagi membolehkan pekerja-pekerja beragama Islam dan pelajar-pelajar sekolah yang beragama Islam menunaikan fardu sembahyang Jumaat.

Dalam jawapannya kepada soalan **Raja Nasron bin Raja Ishak [BN — Kuala Selangor]**, Tun Razak menerangkan Majlis Angkatan Tentera tidak mempunyai apa-apa kuasa bagi menimbang dan membuat keputusan atas sebarang tender.

Katanya, tender-tender kementerian diuruskan oleh sebuah lembaga tender yang dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut arahan Perbendaharaan 192 (A).



HAJI WAHAB YUNUS

Syor-syor Lembaga Tender tidak memerlukan kelulusan Majlis Angkatan Tentera yang ditubuhkan mengikut Artikel 137 Perlembagaan, tambahnya.

Kepada soalan **Datuk Haji Shafie Abdullah [BN — Baling]**, Perdana Menteri berkata tidak perlu diadakan sebuah kementerian khas pada masa ini bagi perumahan untuk mentadbir hal ehwal perumahan di bandar dan luar bandar.

"Susunan kementerian-kementerian yang ada sekarang memadai untuk mengatasi masaalah perumahan di bandar-bandar dan luar bandar," kata Tun Razak.

Kata Tun Razak, susunan yang ada sekarang ini termasuk Kementerian Perumahan dan Kampung Kampung Bharu dan di peringkat negeri termasuk Suruhanjaya-Suruhanjaya Perumahan Negeri dan Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

NO. SIRI : 227
NO. PEN : 227/78

UTUSAN MALAYSIA, 30.10.1975

PTR. LA: 228 228/78

Suruhanjaya Khidmat Pelajaran badan bebas—Tun

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran merupakan sebuah badan bebas yang menjalankan tugas-tugas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak sepertimana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Ini ditegaskan oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak dalam jawapannya kepada soalan **Haji Mohd Zain bin Abdullah [Barisan Nasional — Bachok]** di Dewan Rakyat hari ini.

Tun Razak berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dilantik oleh Yang Dipertuan Agung dan mempunyai kuasa-kuasa seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan.

Katanya, ahli-ahli suruhanjaya itu dulunya pegawai-pegawai yang berpengalaman dalam kerajaan dan mereka dapat menumpukan sepenuh masa dan tenaga terhadap tugas-tugas suruhanjaya.

Perdana Menteri menyatakan tidak ada masaalah-masaalah yang dialami oleh suruhanjaya dalam menjalankan temuduga-temuduga untuk calun-calun guru pelatih yang diadakan di semua negeri.

Beliau menjelaskan kerana bilangan calun yang dipanggil temuduga dalam tahun 1975 sangat ramai maka suruhanjaya telah melantik lembaga-lembaga temuduga terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran untuk membantu pegawai-pegawai di Urusetia Suruhanjaya.

Menurutnya, pegawai-pegawai bertugas dalam pasukan temuduga berjumlah 83 orang pada tahun ini dan mereka terdiri dari pegawai-pegawai kanan seperti pengetua maktab perguruan, nazir-nazir sekolah, guru-guru besar sekolah menengah dan lain-lain.

NO. SIRI : 228
NO. PEN : 228/78

UTUSAN MALAYSIA, 30.10.1975

PTR. KA: 229 229/78

GAJI IBRAHIM ALI: TUN RAZAK JELASKAN

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Kerajaan belum lagi dapat menentukan bilakah laporan Gaji Ibrahim Ali dapat dilaksanakan kerana masih menunggu perakuan muktamad dari suruhanjaya yang menyediakan laporan itu.

Perdana Menteri Tun Razak memberitahu Dewan Rakyat petang ini kerajaan telah memutuskan supaya laporan gaji itu diedarkan kepada pihak pekerja untuk ulasan mereka dan pada ketika ini mereka sedang mengkaji laporan itu.

"Ulasan-ulasan ini akan dihantar kepada suruhanjaya selanjutnya untuk dipertimbangkan dan selepas itu barulah dikemukakan kepada kerajaan untuk membuat pertimbangan dan keputusannya." katanya.

Menjawab soalan **Lee Lam Thye [DAP — Kuala Lumpur Bandar]**, Tun Razak berkata selagi kerajaan belum menerima perakuan muktamad setelah mendapat ulasan dari pihak pekerja dan jawatankuasa pegawai yang ditubuhkan, kerajaan belumlah dapat menimbangkan bilakah laporan itu boleh dilaksanakan.

"Kerajaan memanglah sedar ada kemungkinan setengah-setengah pekerja tidak akan berpuas hati jika sekiranya laporan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali itu lewat dilaksanakan."

Tetapi sebagaimana yang disebutkan tadi kerajaan belum lagi menerima perakuan-perakuan yang muktamad dari suruhanjaya itu," jelasnya.

NO. SIRI : 229
NO. PEN : 229/78

UTUSAN MALAYSIA, 30.10.1975

PTR. KA: 230 230/78.

Menteri2 tak boleh guna eksekutif jet tanpa kebenaran PM

KUALA LUMPUR 29 Okt.— Tun Abdul Razak berkata hari ini mana-mana menteri yang hendak menggunakan salah sebuah dari empat kapalterbang jet eksekutif kerajaan, mestilah mendapatkan kelulusan Perdana Menteri.

Perdana Menteri memberitahu Dewan Rakyat petang ini kelulusan hanya akan diberi sekiranya tugas-tugas perjalanan yang hendak dilakukan itu sangat penting dan mustahak dan menghendaki berada segera di sesuatu tempat atau kembali segera.

Menjawab soalan **Dr. Tan Chee Khoon [Pekemas — Kepong]**, Perdana Menteri selanjutnya menjelaskan bahawa kerana perkhidmatan MAS tidak mencukupi bagi setengah tempat, terpaksalah kapalterbang-kapalterbang eksekutif digunakan oleh para menteri.

Menurut Tun Razak, kerajaan mempunyai empat buah jet eksekutif untuk kegunaan Yang Pertuan Agung, pembesar-pembesar negara, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Dua buah dari kapalterbang itu ialah Merpati



DR. TAN CHEE KHOON

iaitu jenis Hawker Siddley 400B yang dibeli pada tahun 1969 dengan harga $3.4 juta.

Dua buah lagi ialah jenis Fokker 28 MK. 1000 yang dibeli pada akhir tahun 1974 dengan harga $14 juta. Kapalterbang-kapalterbang ini digunakan juga untuk membawa anggota tentera ke Sabah dan Sarawak sebagai kapalterbang pengangkutan.

Tun Razak menjelaskan, adalah menjadi kebiasaan lain-lain negara juga iaitu ketua negara dan ketua kerajaan menggunakan kapalterbang khas untuk menjalankan urusan negara atau melawat ke luar negeri, atas sebab-sebab keselamatan.

Bagaimanapun, tambah Perdana Menteri, sungguhpun para menteri dibenar menggunakan jet-jet eksekutif itu, lazimnya mereka lebih digalak menggunakan perkhidmatan MAS atau perkhidmatan penerbangan awam yang lain.

Tujuan sewa rumah kepada anggota2 tentera

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Tun Razak berkata tujuan Kementerian Pertahanan menyewa rumah-rumah pangsa kepada anggota-anggota tentera hanya sebagai langkah sementara bagi mengatasi masaalah kekurangan rumah-rumah kelamin bagi anggota-anggota tentera.

Tun Razak menjawab soalan mulut **Encik Idris Haji Ibrahim [Barisan Nasional — Setapak]** di Dewan Rakyat petang ini.

Kata Tun Razak, rumah-rumah pangsa itu bolehlah disifatkan sama seperti rumah-rumah kerajaan.

"Dengan itu soal menjual rumah-rumah itu kepada anggota-anggota yang mendudukinya tidaklah berbangkit," tambah Perdana Menteri.

NO. SIRI : 230
NO. PEN : 230/78

KHAMIS 30 OKTOBER, 1975

PTR. KA: 231 231/78

Rahman: Brunei yang campur hal kita

KUCHING 29 Okt. — Malaysia menyokong sebarang langkah untuk menamatkan penjajahan di mana-mana juga di dunia dan ini tidaklah bererti ia campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri sesebuah negara.

Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub berkata demikian kepada para pemberita di sini hari ini setibanya kembali dari Kuala Lumpur sebagai mengulas tuduhan yang dilemparkan oleh setengah pihak di Brunei baru-baru ini terhadap Tun Razak, konon beliau telah campurtangan dalam hal Brunei.

Kempen

Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman berkata: "Kami tidak pernah campurtangan dalam hal ehwal Brunei. Sebaliknya, Brunei yang telah melancarkan satu gerakan di Sarawak untuk menghasut rakyat Malaysia di negeri ini, terutama mereka yang tinggal di Limbang supaya menentang Kerajaan Malaysia."

Ini tambahnya, telah diakui oleh Encik Abdul Rahman bin Haji Nawi dan Encik Bujang bin Mohammed Yassin yang telah digunakan oleh pihak berkuasa Brunei supaya menjalankan kempen anti Malaysia di Sarawak.

Datuk Patinggi Rahman berkata, kedua-dua orang tersebut telah ditahan kerana kegiatan-kegiatan mereka melanggar undang-undang tetapi sekarang mereka telah dibebaskan.

Mereka mengakui bahawa sebilangan orang rakyat Malaysia lain juga telah digunakan untuk menentang kerajaan mereka.

Sebilangan rakyat Brunei yang telah melarikan diri ke Sarawak dalam tahun lalu juga telah mengakui bahawa Brunei telah campurtangan dalam hal ehwal Sarawak. — Bernama.

NO. SIRI : 231
NO. PEN : 231/78

7

Utusan Malaysia 31 Oktober 1975

PTR. UD: 232 232/78

NO. SIRI : 232
NO. PEN : 232/78

Rakyat diingatkan jangan pandang ringan ancaman keselamatan negara

KEADAAN SEKARANG SERIUS — RAZAK

OLEH
M. NOR SHAMSUDDIN

KOTA BHARU 30 Okt. — Tun Abdul Razak hari ini mengingatkan rakyat bahawa ancaman terhadap keselamatan sekarang adalah serius dan mereka tidak boleh menganggapnya sebagai ringan.

Katanya, bagi menghadapi ancaman tersebut pihak kerajaan akan membesarkan pasukan polis dan tentera dan penduduk kampung-kampung pula hendaklah menubuhkan Rukun Tetangga secara sukarela dan kemudian kerajaan mengesahkannya.

Beliau berkata perjuangan menentang pengganas komunis sejak tahun 1948 masih belum berakhir "dan mereka nampaknya berazam meneruskan perjuangan untuk menimbulkan huru-hara dan mengambil kuasa secara kekerasan di negara ini."

Berucap merasmikan sebuah masjid di Kampung Teliar, Pasir Mas dekat sini pagi ini, Tun Razak juga menyebut beberapa perkara lain, antaranya ialah:

- Mengakui sejumlah 40 peratus dari penduduk negara ini di bandar dan luar bandar masih dalam keadaan miskin dan hidup kais pagi makan pagi.
- UDA telah diarah membina pasar-pasar di Kelantan untuk rakyat dan para petani memasarkan hasil pengeluaran dan sebagai permulaan dua buah akan dibina lebih dulu, masing-masing di Pasir Putih dan Pasir Mas.
- Rancangan Malaysia Ketiga mulai tahun depan akan ditumpukan untuk membaiki keadaan hidup para petani, penoreh getah, nelayan, buruh dan pekerja ladang di samping memajukan negeri-negeri kurang maju seperti Kelantan, Trengganu, sebahagian Pahang, Kedah dan Perlis.
- Walaupun negara mengalami krisis ekonomi, kerajaan masih boleh mendapatkan pinjaman luar bagi membiayai projek-projek pembangunan kerana adanya kekukuhan mata wang negara ini.

Di samping merasmikan pembukaan masjid itu, Tun Razak juga secara serentak melancarkan Projek Kemajuan Kampung di tempat yang sama.

Di bawah projek itu kerajaan negeri dengan wang bantuan Kerajaan Pusat membeli alat-alat jentera, termasuk lori dan lain-lain bagi pembinaan jalan-jalan penggawa (jalan-jalan kecil) sepanjang kira-kira 1,500 batu di Kelantan.

Bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri di Pejabat Setiausaha Kerajaan sebelum pulang ke Kuala Lumpur menerangkan mereka telah membincangkan masaalah keselamatan.

Katanya, beliau telah mengarahkan kerajaan negeri melancarkan rancangan Rukun Tetangga memandangkan banyak kejadian jenayah dan kegiatan komunis dan anti-nasional.

Sungguhpun lawatan Perdana Menteri ke Kelantan hari ini hanya beberapa jam sahaja, tetapi ketibaannya telah disambut dengan meriah oleh lebih 1,000 orang di lapangganterbang.

Di hadapan orangramai yang memeriahkan majlis pembukaan masjid itu, Tun Razak memberi jaminan kepada rakyat, walaupun ancaman terhadap keselamatan serius, tetapi keadaannya terkawal.

Diusir

Beliau berkata, pengganas komunis yang masuk ke negara ini boleh diusir, seperti yang banyak dilakukan sekarang, tetapi mereka akan datang semula kerana adanya penduduk negeri ini yang bekerjasama dengan mereka.

Tun Razak menyeru rakyat supaya memerhatikan orang-orang yang membantu pengganas komunis dan melaporkan kepada pihak berkuasa.

Beliau menjelaskan, walaupun Rukun Tetangga lebih ditumpukan di bandar-bandar, tetapi penduduk kampung juga boleh menubuhkannya secara sukarela untuk menjaga keadaan keselamatan di tempat mereka.

Kalau di zaman pemerintahan Jepun dulu boleh di-

LIHAT MUKA 12
(Ruangan 8)



DI SAMPING merasmikan masjid Kampung Teliar Pasir Putih serta melancarkan Projek Kemajuan Kampung di situ, Tun Razak juga (gambar) tertarik dengan baka lembu hasil permanian beradas yang ditunjukkan di tempat dan ketika yang sama. — Gambar Utusan Malaysia.

Sambongan, 31.10.1975

Razak akui rakyat masih miskin

DARI MUKA 1

lakukan dengan penubuhan pasukan berkawal, tentulah dalam keadaan negara sekarang langkah demikian boleh dilakukan, tambahnya.

Menurutnya, pada masa ini di samping berbelanja untuk menghapuskan komunis dan anasir anti-nasional kerajaan juga membelanjakan wang yang banyak untuk menghapuskan kemiskinan.

"Kalau pengganas komunis dan kegiatan anti-nasional dapat dihapuskan, bolehlah wang yang banyak itu kita tumpukan pula kepada pembangunan," katanya.

"Beliau mengakui, walaupun banyak kemajuan dicapai di bawah Rancangan Malaysia Kedua, tetapi sejumlah 40 peratus dari rakyat negara ini di bandar dan luar bandar masih hidup dalam miskin.

Mereka ini yang berpendapatan hanya 11 peratus sahaja dari pendapatan negara hidup dalam keadaan kais pagi, makan pagi, tambahnya.

Beliau memberi jaminan bahawa dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan akan berusaha membantu kaum nelayan, penarik beca, buruh, pekerja ladang dan lain-lain yang berpendapatan rendah.

Tun Razak menggesa rakyat, terutama para belia yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang perniagaan supaya sanggup berhijrah ke Kuala Lumpur untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Katanya, UDA telah membuka banyak rumah kedai di Bandaraya Kuala Lumpur untuk Bumiputera tetapi masih kurang orang Melayu yang mahu menceburkan diri di bidang perniagaan itu.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan para belia yang tidak mempunyai pengalaman dan kebolehan supaya menunggu di kampung-kampung untuk menjayakan projek-projek pembangunan, kerana pemergian mereka ke bandar-bandar akan menyulitkan soal pengangguran.

ingguan Malaysia 2 November, 1975

PTR.WA: 233 233/78

Jadi kewajipan setiap rakyat – Razak

PERANGI KOMUNIS: LANGKAH HIDUP MATI

KAJANG 1 NOVEMBER

TUN Abdul Razak berkata, perjuangan menghapuskan pengganas komunis sekarang harus disifatkan sebagai peperangan untuk mempertahankan keutuhan dan hidup-mati (survival) negara.

"Adalah menjadi kewajipan setiap rakyat yang taat setia memberi sumbangan dengan apa jua cara untuk mempertahankan keutuhan negara itu," katanya.

Perdana Menteri juga menerangkan bahawa masih terdapat keadaan yang belum memuaskan terhadap jentera kerajaan di peringkat bawahan seperti peringkat daerah dari segi memenuhi kehendak dan keperluan rakyat.

Pejabat-pejabat kerajaan di peringkat daerah yang paling hampir dengan rakyat jelata hendaklah memperkemaskan jentera pentadbiran mereka dan mengurangkan kelambatan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Berucap merasmikan Pesta Perdana Daerah Ulu Langat di Stadium Kajang tengahari ini, Tun Razak mengingatkan bahawa pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional tidak akan berhenti dari menjalankan gerakan secara kekerasan untuk mencapai matlamat mereka hendak berkuasa di negara ini.

Pesta dua minggu itu ialah anjuran UMNO Bahagian Ulu Langat, Majlis Pusat Kebajikan Malaya cawangan Ulu Langat dan Gerakan Belia 4B Malaysia untuk memungut derma tabung kebajikan daerah Ulu Langat.

Melemahkan

Perdana Menteri gembira dengan sambutan rakyat terhadap pelancaran rancangan Rukun Tetangga. Beliau harap lebih banyak rancangan Rukun Tetangga ditubuhkan di bandar-bandar.


Tun Razak berkata, dalam usaha anasir-anasir jahat itu untuk mencapai matlamatnya mereka akan menggunakan segala macam cara dengan tujuan melemahkan semangat rakyat seperti membunuh dengan kejam anggota tentera dan polis serta merosakkan harta benda kerajaan.

Dulu mereka hanya bergerak dalam hutan, tetapi sekarang mereka menjalankan kegiatan dalam bandar-bandar sebagai mengubah tektik mereka, katanya.

Beliau mengulangi bahawa kerajaan sama sekali tidak gentar dengan perbuatan jahat mereka yang tidak berperikemanusiaan itu dan akan menggunakan segala kekuatan yang ada untuk menentang habis-habisan ancaman pengganas komunis itu.

Perdana Menteri menarik perhatian pejabat-pejabat kerajaan bahawa kelambatan menyelesaikan masaalah dan kehendak rakyat, terutama dalam soal tanah akan menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat yang boleh menjejaskan pandangan mereka terhadap kerajaan.

LIHAT MUKA 16 (Ruangan 4)



TUN Razak (ketiga dari kiri membelakangkan kamera) melepaskan belon-belon ketika melancarkan perasmian Pesta Perdana Daerah Ulu Langat di Stadium Kajang semalam.

Dalam ucapannya sebelum menyampaikan pantun itu, Tun Razak berkata kerajaan tidak dapat menghalang para pegawainya berhenti untuk masuk ke bidang swasta.

Tetapi apa yang diharapkan oleh kerajaan ialah mereka tidak semata-mata memikirkan soal gaji dan kemudahan lain yang tentunya lebih lumayan di bidang swasta.

Para pegawai kerajaan juga hendaklah juga memikirkan sumbangan yang dapat mereka berikan kepada negara, lebih-lebih lagi mereka yang telah mendapat kemudahan latihan pengkhususan, tambahnya.

Mereka juga perlu memahami masaalah yang dihadapi oleh kerajaan terutama dalam usaha mengekalkan para pegawai kanan berkhidmat dengannya.

Tun Razak juga mahu para pegawai Perkhidmatan Tadbir dan diplomatik menunjukkan pandangan yang sempurna serta pengertian yang saksama terhadap masaalah yang dihadapi kerajaan masa ini.

Beliau memberi jaminan kepada para pegawai kerajaan bahawa peluang untuk kenaikan pangkat sentiasa terbuka kepada mereka yang layak dan berkeboleh-an.

NO. SIRI : 233
NO. PEN : 233/78

PTR. 4A : 234 234/78

UTUSAN MALAYSIA, 2.11.1975

Razak berpantun di majlis makan malam

KUALA LUMPUR 1 Nov. — Perdana Menteri Tun Abdul Razak malam ini menyampaikan beberapa rangkap pantun di majlis makan malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di sebuah hotel di sini.

Salah serangkap pantun tersebut berbunyi: Kalau bertugas dengan jujur dan dedikasi, sungguhpun tak banyak wang didapati, perasaan berkhidmat dengan puas hati, menjadi balasan yang tak dapat dihargai.

Inilah pertama kali bagi Tun Razak menyampaikan pantun-pantun dalam satu-satu majlis yang pernah dihadirinya.

Rangkap-rangkap pantun yang disampaikan oleh Perdana Menteri di majlis tersebut adalah sebagai berikut:

Tuan-tuan dan puan-puan bijak bistari. Beramai-ramai berkumpul di jamuan indah berseri: Saya bersyukur ke hadrat Illahi. Dapat hadir bersama isteri.

Jamuan diadakan setahun sekali. Oleh pegawai-pegawai pentadbir negeri: Untuk beramah mesra sama sendiri. Makan minum serta tari-menari.

Kepada Yang Dipertua dan ahli-ahli jawatankuasa. Yang pintar dan bertimbang rasa: Saya bersyukur ke hadrat Tuhan Yang Esa. Di atas kejujuran dan ikrar taat setia.

LIHAT MUKA 16 (Ruangan 1)

Sambongan, 2.11.1975

DARI MUKA 1

Pegawai-pegawai pentadbir menjalankan tugas sentiasa. Siang dan malam tidak kira masa: Untuk kepentingan rakyat dan negara. Sedia berkorban segala usaha dan tenaga.

Negara Malaysia yang masih muda. Hanya sembilan belas tahun sejak merdeka: Banyak masaalah terpaksa dirasa: Rakyat perlu tabahkan hati dan jiwa.

Keadaan darurat masih menyala. Pengganas bergerak di bandar dan desa: Cita-cita khianat diteruskan juga. Hendak merampas kuasa negara.

Pegawai-pegawai pentadbir perlu waspada. Kepentingan rakyat mesti dijaga Jangan dibenar penjahat bermaharajalela. Negara hancur rakyat sengsara.

Perpaduan rakyat mesti diusaha. Menyokong polis dan angkatan tentera: Menentang puak-puak yang berniat celaka. Supaya dielak timbulnya huruhara.

Jentera pentadbiran hendaklah diawasi. Kehendak rakyat sentiasa dilayani: Segala sungutan perlulah diketepi. Rakyat tidak dipengaruhi lain ideologi.

Kalau semua lapisan dalam negara. Ketua-ketua politik. Pegawai-pegawai pentadbir dan rakyat jelata: Bersatu hati dan membulatkan tenaga. Insya Allah musuh negara tetap dibinasa.

Kepada pegawai-pegawai muda saya berpesan. Berkhidmat dengan jujur dan taat kepada watan: Jangan semata-mata memandang kepada wang dan pendapatan. Kepentingan negara perlu menjadi junjungan.

Kalau bertugas dengan jujur dan dedikasi. Sungguhpun tak banyak wang didapati: Perasaan berkhidmat dengan puas hati. Menjadi balasan yang tak dapat dihargai.

Saya tak hendak berpanjang kata. Malam ini malam bersuka ria: Kepada ahli-ahli PTD diucapkan sejahtera. Terus bertugas dengan dedikasi dan daya usaha.

Dengan ucapan terima kasih saya sudahi. Kepada ahli-ahli PTD suami isteri: Saya berpantun untuk bersuka hati. Silap dan salah harap diampuni.

Utusan Malaysia 3 November 1975



GAMBAR menunjukkan Tun Razak dan Toh Puan Rahah sedang menjamu selera mereka ketika sama-sama menyambut Hari Deepavali di kediaman Tan Sri V. Manickavasagam semalam.

NO. SIRI : 234
NO. PEN : 234/78

Utusan Malaysia 4 November 1975

PTR.KA: 235 235/78.

Razak akan bertemu Suharto di Medan

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Tun Abdul Razak akan melakukan lawatan tidak rasmi selama tiga hari ke Medan, Sumatra Utara mulai 15 hingga 17 November ini.

Lawatan tidak rasmi Perdana Menteri itu ialah atas jemputan Presiden Suharto. Menteri Hal Ehwal Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen akan mengiringi beliau dalam lawatan tersebut.

Satu kenyataan Wisma Putra petang ini berkata, semasa berada di sana Tun Razak akan mengambil kesempatan bertukar-tukar pendapat secara tidak rasmi dengan Presiden Republik Indonesia itu.

Ia akan meliputi berbagai aspek mengenai perkara-perkara kepentingan bersama.

Utusan Malaysia difahamkan bahawa di antara perkara utama yang akan dibincangkan ialah mengenai rancangan mengadakan sidang kemuncak ASEAN.

Presiden Suharto dan Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew telah pun bersetuju dalam rundingan mereka dalam bulan September lalu untuk mengadakan sidang kemuncak itu dalam masa enam bulan.


Adalah difahamkan bahawa sidang itu, jika dipersetujui oleh semua pihak anggota ASEAN, mungkin diadakan dalam bulan Disember ini.

Punca-punca yang mengetahui berkata hari ini bahawa di antara perkara-perkara lain yang akan dibincangkan oleh pemimpin kedua negara itu di Medan nanti ialah mengenai soal Portugis Timor.

Tun Razak dijangka akan menegaskan lagi pendirian Malaysia berhubung dengan perkara itu kepada Presiden Suharto.



Presiden Suharto



Tun Razak

Punca itu berkata, Malaysia sangat memandang berat terhadap pertikaian di Portugis Timor itu kerana ia bukan sahaja boleh menjejaskan keamanan di Indonesia bahkan juga di seluruh rantau Asia Tenggara.

Tun Razak juga dijangka mengulangi gesaannya terhadap Kerajaan Portugal supaya memulihkan segera keamanan di wilayah jajahannya itu bagi mengekalkan keamanan di rantau ini.

Sementara itu Reuter melaporkan dari Jakarta

LIHAT MUKA 12
(Ruangan 7)

DARI MUKA 1

hari ini Presiden Suharto telah membatalkan rancangannya hendak menunaikan fardu haji ke Mekah tahun ini.

Seorang jurucakap Istana Presiden tanpa memberi sebab-sebab pembatalan itu berkata Presiden Suharto akan pergi ke Sumatra Utara minggu depan untuk berunding dengan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak.

Beberapa orang menteri kabinet dan gabnor wilayah akan menunaikan fardu haji tahun ini.

NO. SIRI : 235
NO. PEN : 235/78

Utusan Malaysia 5 November 1975

PTR. UA : 236 236/78

Pertahanan antara yang akan dirunding Razak — Suharto

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Rundingan Tun Abdul Razak dengan Presiden Suharto di Medan minggu depan akan menumpukan perhatian terhadap peningkatan kerjasama pertahanan Malaysia — Indonesia bagi menghadapi ancaman pengganas komunis yang kian meningkat di negara masing-masing.

OLEH RATAN SINGH

Menurut sumber yang mengetahui, juga dibincangkan ialah kemungkinan meluaskan kerjasama keselamatan sempadan sekarang untuk memperkemaskan sistem pertahanan dan keselamatan kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pemimpin itu juga dijangka menentukan bidang kerjasama yang baru.

Ini dijangka termasuk memperhebatkan lagi kerjasama tentera di kawasan sempadan bagi membendungi kegiatan pengganas yang kian bertambah.

Lain-lain perkara yang mungkin dibincangkan ialah meluaskan kemudahan latihan tentera yang ditawarkan oleh kedua-dua negara satu sama lain, mengadakan lebih banyak latihan bersama dan memperkemaskan sistem persenjataan.

Sumber itu menegaskan bahawa peningkatan kerjasama pertahanan itu bukanlah bertujuan untuk menentang sesebuah negara lain. Ia hanya bertujuan menentang ancaman kepada keselamatan dalam negeri kedua-dua buah negara.

Seludup

Adalah difahamkan bahawa kedua-dua pemimpin itu akan juga menimbangkan sama ada jalinan hubungan pertahanan dua pihak yang erat seperti itu boleh diluaskan meliputi negara-negara ASEAN yang lain.

Pertimbangan juga akan diberikan terhadap kerjasama keselamatan dalam bidang-bidang lain yang mungkin, terutama kerjasama polis dengan negara-negara Indo-China, umpamanya, menghadapi penyeludupan.

Setiausaha Bahagian Kementerian Luar Bagi Hal Ehwal Asia Tenggara, Encik Yusoff Hitam memberitahu Bernama, Tun Razak dijangka memberi taklimat kepada Presiden Suharto mengenai lawatannya ke New Zealand dan Australia baru-baru ini.

Beliau akan memberitahu pemimpin Indonesia itu mengenai pendapat Perdana Menteri Australia, Tuan Gough Whitlam mengenai soal Portugis Timor.

Presiden Suharto pula akan memberi taklimat kepada Tun Razak mengenai rundingan baru-baru ini di Rome antara Menteri Luar Indonesia, Adam Malik dan Menteri Luar Portugis mengenai soal Timor itu.

Encik Yusoff berkata, rundingan di Medan itu juga memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin itu membincangkan perkembangan di Indo-China dan hubungan masa depan negara-negara Asia Tenggara yang lain.

Kedua-dua pemimpin akan membincangkan secara am cadangan mengadakan sidang kemuncak ASEAN terutama berhubung dengan matlamat sidang itu.

Pegawai-pegawai ASEAN dijangka berbincang di sini minggu depan untuk memutuskan tarikh persidangan menteri-menteri luar.

Persidangan peringkat menteri akan menetapkan tarikh sidang kemuncak dan menimbangkan syor-syor pegawai-pegawai untuk ajenda mesyuarat.

Encik Yusoff berkata, rundingan di Medan itu akan menitikberatkan tentang peningkatan kerjasama dalam ekonomi dan am antara kedua buah negara.

Tun Razak akan diiringi oleh Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Pegawai-Pegawai Kanan Wisma Putra di sidang tiga hari itu.

Adam Malik dan beberapa orang penasihat kepada Presiden Suharto juga akan hadir. — Bernama.

NO. SIRI : 236
NO. PEN : 236/78

Mingguan Malaysia 9 November, 1975

PTR. UA : 237 237/78

Razak: Seluruh khidmat pertahanan negara akan diperbesar

TAHUN depan seluruh perkhidmatan pertahanan dan keselamatan akan diperbesarkan untuk menentang sebarang ancaman yang cuba menghancurkan "survival negara"

KERATONG, PAHANG 8 NOVEMBER

Tun Abdul Razak berkata, pembesaran tersebut meliputi angkatan tentera, polis dan keseluruhan perkhidmatan keselamatan.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun keadaan keselamatan sekarang sudah terkawal, tetapi pengganas komunis masih lagi mengancam keselamatan.

Berucap merasmikan kilang kelapa sawit kepunyaan Lembaga Urusan dan Tabung Haji beliau memberitahu, di Pahang umpamanya, pengganas komunis sedang cuba untuk bertapak semula.

Bagaimanapun, segala langkah telah diambil untuk membenteras kegiatan itu, katanya.

Itulah sebabnya kerajaan terpaksa menambahkan peruntukan bagi perkhidmatan keselamatan negara dalam anggaran perbelanjaan tahun depan, Tun Razak menambah.

Tegasnya, "kerajaan terpaksa bersikap tegas dalam soal ini kerana ia mengancam survival negara."

Mengenai kilang kelapa sawit yang dirasmikan itu, Tun Razak memuji LUTH kerana menjalankan usaha dengan menggunakan sumber kewangan sendiri iaitu dari simpanan kira-kira 250,000 orang ahli, tanpa bergantung kepada kerajaan.

Beliau menyeru lain-lain badan berkanun supaya mencontohi lembaga tersebut dalam melaksanakan projek masing-masing.

Dalam usaha kerajaan menjimatkan perbelanjaan, badan-badan berkanun hendaklah memainkan peranan dengan tidak melibatkan wang negara lebih dari yang diperlukan, katanya.

Mereka mestilah berdikari tetapi tidaklah semestinya menjejaskan rancangan badan-badan itu dalam kontek melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Perdana Menteri menyeru badan-badan tersebut menghadkan perbelanjaan berulang dan yang berbentuk 'perkhidmatan' kerana kerja-kerja tersebut dapat dilakukan oleh pekerja-pekerja badan-badan itu sendiri.

Beliau percaya langkah serupa itu bukan sahaja akan memperteguhkan ekonomi negara bahkan membantu badan-badan itu menyediakan lebih banyak rancangan.

NO. SIRI : 237
NO. PEN : 237/78

Mingguan Malaysia 9 November, 1975

PTR 44 : 238 238/78 -

KERATONG PAHANG 8 NOV

Bagi membolehkan badan2 Islam menyimpan wang di tabung itu

Undang2 tubuh LUTH akan dipinda — Razak

KERAJAAN sedang meminda Undang-Undang Tubuh Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi membolehkan badan-badan dan pertubuhan Islam menyimpan wang dalam tabung tersebut.

Tun Abdul Razak berharap semua badan-badan Islam akan menyimpan wang mereka di Tabung Haji apabila undang-undang ini diluluskan kelak.

Perdana Menteri mengumumkan demikian semasa berucap merasmikan kilang kelapa sawit berharga lebih $12 juta kepunyaan LUTH di sini hari ini.

Sambil itu, katanya badan-badan tersebut dapat menggunakan khidmat jawatankuasa penasihat kewangan LUTH untuk menolong melaburkan wang mereka.

Mengenai rancangan LUTH untuk membolehkan jemaah-jemaah haji mengeluarkan wang simpanan mereka di Mekah, Tun Razak berharap ini dapat dilaksanakan mulai tahun depan.

Beliau percaya peraturan tersebut dapat mengurangkan masa-alah jemaah haji jika kekurangan atau kehilangan wang semasa menunaikan fardu haji.

Pengerusi LUTH, Dato' Hussein Noordin, telah mengumumkan tentang peraturan yang dibuat oleh lembaga ini yang membolehkan jemaah-jemaah haji mengeluarkan wang simpanan mereka di Mekah di upacara yang sama ketika berucap terdahulu dari Tun Razak.

Tun Razak dan rombongannya yang terdiri dari Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Abu Samah dan isteri, Menteri Besar Pahang, Datuk Mohamad Jusoh telah disambut oleh Pengerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Dato' Hussein Noordin dan pegawai-pegawai lembaga tersebut.

Tun Razak kemudian melawat kilang tersebut. — Bernama.



TUN Abdul Razak kelihatan ketawa girang bila beliau diberi sambutan meriah oleh para pekerja ladang kelapa sawit dan kilang memproses kelapa sawit kepunyaan Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji di Keratong, Pahang semalam.

Tun Razak telah merasmikan pembukaan kilang berharga $4.5 juta itu semasa lawatan tersebut.

NO. SIRI : 238
NO. PEN : 238/78

ISNIN 10 NOVEMBER, 1975

PTR. KA: 239 239/78

Razak beri amaran: Jangan bantu pengganas komunis

2 KAWASAN KG. BARU DIKENA TINDAKAN

OLEH
MOKHTAR MAHMOOD

KUANTAN 9 Nov. — Tun Razak hari ini memberi amaran kepada penduduk kampung-kampung baru bahawa kerajaan akan memagari kawasan perkampungan itu dan catuan makanan dikenakan jika mereka terus memberi bantuan kepada pengganas komunis.

Tegasnya, tindakan untuk meletakkan penduduk-penduduk kampung baru dan kawasan-kawasan terlibat dalam kawasan penempatan semula yang ketat terpaksa diambil jika keadaan keselamatan bertambah buruk.

Kerajaan merasa perlu tindakan seperti ini diambil kerana hingga hari ini didapati ada setengah rakyat masih meneruskan usaha-usaha mereka membantu komunis, terutama di kalangan penduduk kampung-kampung baru, katanya.

Perdana Menteri telah bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri perjumpaan tertutup dengan para pemimpin Barisan Nasional Negeri Pahang dikediaman Menteri Besar di sini.

Beliau berada di sini setelah merasmikan kilang kelapa sawit Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji berharga $12 juta di Keratung semalam.

Menurutnya, dua kawasan di Daerah Jerantut akan dikenakan tindakan itu tetapi tidak mengumumkan namanya.

Tindakan memasang pagar kampung-kampung baru dan mengenakan catuan makanan kepada penduduk-penduduk serta kawasan-kawasan yang terlibat dengan ancaman pengganas komunis dilaksanakan oleh bekas Pesuruhjaya Tinggi British, Jeneral Sir Gerald Templer sebelum merdeka bagi mematahkan kegiatan rakyat membantu komunis.

Sultan Pahang baru-baru ini memberi amaran bahawa baginda akan membatalkan gelaran yang dikurniakan kepada ketua-ketua pemimpin yang terlibat dengan bantuan kepada komunis, sementara rakyat negeri yang didapati terlibat akan dilucutkan kerakyatannya.

Tun Razak berkata pengganas komunis sedang menumpukan usaha untuk bertapak semula di Pahang. Ini kerana di masa darurat dulu Pahang merupakan pusat bagi mereka bergerak di seluruh negara.

Dailog

Oleh itu, tambah beliau, sebarang langkah yang berkesan untuk mematahkan hasrat komunis bertapak semula di Pahang sedang dijalankan sekarang.

Menyebut mengenai perjumpaannya hari ini Tun Razak berkata, perjumpaan itu di samping berbincang dengan pemimpin Barisan Nasional merupakan majlis dailog. Perjumpaan yang sama juga akan diadakan dengan pemimpin Barisan Nasional di tiap-tiap negeri seluruh negara.

Perjumpaan seperti ini, tambahnya sangat mustahak di mana beliau sendiri berbincang dengan pemimpin-pemimpin itu tentang beberapa perkara mengenai perkembangan negara dan dasar kerajaan.

Selain dari itu, anggota dan pemimpin Barisan Nasional patutlah mengadakan perjumpaan sesama mereka dari semasa ke semasa bagi mencari persefahaman yang rapat.

Wakil-wakil rakyat pula, katanya mestilah mengadakan pejabat sendiri bagi kemudahan pengundi-pengundi datang menemui mereka untuk mengatasi beberapa masaalah.

Menyebut pula mengenai rancangan pembangunan di Pahang, Tun Razak berkata, segala-gala berjalan lancar dan memuaskan. Bagaimanapun, rancangan-rancangan itu masih menghadapi kesulitan kekurangan tenaga.

NO. SIRI : 239
NO. PEN : 239/78

7/K

Utusan Malaysia 13 November 1975

PTR. KD: 240 240/78.

Harga petroleum: kerajaan sedang perhatikan — Razak



LAPURAN OLEH: MOHD NOOR SHAMSUDDIN, SUHAIMI MOKHTAR MUSTAKIM AMINUDDIN DAN RAHANAWATI ALIDA

KUALA LUMPUR 12 Nov. — Kerajaan sedang memerhatikan harga-harga minyak - petroleum dan hasil-hasil yang diimpot untuk ditapis dan digunakan di negara, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Perdana Menteri Tun Razak berkata, kerajaan juga sedang memerhatikan perkembangan dalam pasaran minyak petroleum berikutan dengan keputusan OPEC menaikkan harga minyak mentah sebanyak 10 peratus baru-baru ini.

Beliau telah menjawab soalan **Dr. Tan Chee Khoon [Pekemas —Kepong]** - yang bimbang berlakunya kenaikan harga minyak di negara ini akibat tindakan OPEC itu.

Tun Razak menerangkan bahawa tidak ada persamaan dalam kenaikan harga minyak di kalangan ahli OPEC pada masa sekarang dan belum juga dapat dipastikan harga pasaran sebenarnya.

Menurutnya, harga rasmi minyak Minas Indonesia, misalnya hanya dinaikkan sebanyak 1.6 peratus, Arab Heavy 9.5 peratus dan Kuwait 10 peratus.

Katanya, sehingga ini syarikat-syarikat minyak di negara ini belum dapat memberi kenaikan harga minyak - petroleum dan hasil-hasil petroleum yang mereka impot dengan pasti.

"Dengan demikian akibat terhadap ekonomi Malaysia, sama ada kepada pengguna atau perusahaan dan perdagangan belum dapat dipastikan," tambahnya.

Katanya, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa mengkaji harga minyak petroleum untuk mengkajinya dan hasil kajian serta perakuannya akan ditimbangkan oleh kerajaan untuk mengurangkan kesan buruk ke atas ekonomi negara.

Sementara itu Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, Encik Richard Ho memberitahu bahawa Lembaga Perlesenan di kementeriannya telah mengeluarkan 2,033 permit teksi dan kereta-sewa sejak awal Januari hingga akhir September tahun ini.

Menjawab pertanyaan dari **Encik Su Liang Yu [BN—Beruas]**, Encik Richard memberitahu tidak ada dari bilangan tersebut diberi kepada parti-parti politik.

Mengikut pecahan angka antara kaum yang menerima permit tersebut ialah Bumiputera (1,538), China (251), India (71), campuran (167) dan lain-lain 6 permit.

Cegah

- Menjawab pertanyaan lain mengenai keselamatan jalanraya, Timbalan Menteri itu menerangkan usaha-usaha untuk mencegahnya terus dipergiatkan dari masa ke semasa.

Kementeriannya akan menimbangkan untuk melaksanakan penggunaan tepi keledar yang lebih luas ke kawasan-kawasan lain selain dari kawasan-kawasan yang telah dilaksanakan, sejak Februari 1975 dan 1 November lalu.

- Menurut beliau, perangkaan kemalangan jalanraya yang melibatkan penunggang dan penumpang motosikal di kawasan-kawasan yang ada peraturan ini telah berkurangan.

- Encik Richard juga berkata, kementeriannya juga dapat bekerjasama rapat dari pihak polis terhadap kegiatan-kegiatan penguatkuasaan yang berkaitan dengan lalulintas khususnya di kawasan bandar.

- Beliau mengulangi, langkah untuk mengurang kadar kemalangan ini tidak akan memberi kesan jika pihak pengguna jalanraya sendiri tidak mempunyai kesedaran dan bekerjasama menggunakan jalanraya dengan cermat.

NO. SIRI : 240
NO. PEN : 240/78

PTR. KD. 241 241/78.

Carigali: Sabah saja belum meterai perjanjian

KUALA LUMPUR- 12 Nov. — Tun Razak berkata, kecuali Sabah, hampir semua negeri di Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan Petronas untuk carigali minyak di sepanjang pantai.

"Saya diberitahu Selangor juga akan menandatangani perjanjian yang sama," kata Perdana Menteri ketika menjawab **Encik Oh Keng Seng [DAP—Petaling]** dalam masa soal jawab.

NO. SIRI : 241
NO. PEN : 241/78

Utusan Malaysia 15 November 1975

PTR-KA: 242 242/78

KOTA BHARU, 14 NOV.

SOAL KUKUHKAN KERJASAMA EKONOMI TAJUK PENTING

Razak-Suharto berunding hari ini

MALAYSIA akan mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi dengan Indonesia dan ini akan menjadi tajuk penting dalam rundingan antara Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Presiden Suharto di Medan esok.

Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata di sini hari ini, salah satu perkara penting yang akan dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin itu ialah penubuhan tabung kestabilan harga getah negara-negara ASEAN.

Beliau telah berucap merasmikan mesyuarat agung Koperatif Serbaguna Seri Nilam di Dewan Perkumpulan Perempuan petang ini.

Tengku Rithauddeen menyebut bagaimana sebuah akhbar Jepun mengecam Malaysia serta negara-negara ASEAN lain kononnya tabung itu bertujuan memerah negara-negara pengguna.

"Ini perlu diatasi. Kita bukan bertujuan menaikkan harga getah asli tetapi semata-mata untuk mengstabilkan harganya seperti mana dengan penubuhan Majlis Timah Antarabangsa tidak lama dulu," katanya.

Tengku Rithauddeen yang akan menyertai rombongan Tun Razak ke Medan itu menegaskan, perundingan lanjut mengenai penubuhan tabung itu akan dibincangkan secara serius.

Beliau berharap negara-negara yang sedang membangun sepatutnya menyambut baik usaha menubuhkan tabung itu sebagai langkah memajukan negara-negara yang sedang membangun.

Dengan itu sahajalah, tambahnya hubungan dengan negara-negara yang terlibat sebagai pengguna bahan tersebut dapat memberi faedah pula kepada negara-negara pengeluar.

Beliau menasihatkan pengusaha-pengusaha Bumiputera supaya mengkaji sehalus-halusnya dari segi pengalaman dan kemampuan sendiri sebelum mencebur dalam bidang pengangkutan.

Tengku Rithauddeen merayu supaya kerajaan dapat mengambil tindakan menghadkan permit lori di negara ini kerana didapati terlalu banyak lori dari barang-barang pengangkutan.

NO. SIRI : 242
NO. PEN : 243/78

Utusan Malaysia 15 November 1975

PTR-KA: 243 243/78.

Amaran tarik balik hak milik tanah jika bantu komunis

KUALA LUMPUR 14 NOV.

KERAJAAN akan menarik balik "hak milik tanah" yang telah diberi kepada penduduk-penduduk kampung baru jika mereka didapati bersyubahat, membantu atau memberi pertolongan kepada pengganas komunis atau anasir anti-nasional, Tun Abdul Razak memberi amaran hari ini.

Perdana Menteri berkata, penduduk-penduduk yang khianat ini sambil tidak mahu bekerjasama dengan pasukan keselamatan tinggal di kampung-kampung baru dengan senang-lenang menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Berucap di mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Perak dan Pahang dengan ahli-ahli Majlis Keselamatan Negara di Bilik Gerakan MKN pagi ini, Tun Razak menegaskan: "Kita tidak boleh membiarkan perkara seperti ini berlaku berpanjangan."

Beliau mengarahkan kerajaan-kerajaan negeri mengambil tindakan segera bagi mencegah ancaman keselamatan.

Turut hadir ialah Menteri Perumahan dan Kampung Baru, Encik Michael Chen dan Setiausaha Parlimennya Encik Ali Shariff serta para pegawai kanan kementerian tersebut.

Tun Razak berkata, selagi ada orang-orang yang mahu bekerjasama dan sanggup memberi bantuan kepada pengganas-pengganas, musuh-musuh negara akan berani masuk balik ke kawasan yang didudukinya dahulu.

"Pasukan keselamatan menghadapi berbagai masaalah dan kadang-kala terpaksa mengorbankan jiwa memburu pengganas-pengganas komunis dalam hutan, sementara sebahagian penduduk kampung-kampung baru memberi bantuan kepada musuh-musuh itu," tambahnya.

Cegah

Beliau juga mengarahkan semua pegawai daerah di Perak dan Pahang memberi keutamaan kepada kerja-kerja keselamatan bagi menentukan sekatan yang lebih berkesan bagi mencegah bekalan barang-barang makanan dan bantuan lain sampai ke tangan pengganas komunis.

Tun Razak mengarahkan kerajaan negeri mengadakan rancangan-rancangan bagi membaiki lagi keadaan kebersihan kampung-kampung baru.

Beliau menegaskan bahawa semua rancangan pembangunan yang ada hubungan dengan tindakan keselamatan akan diberi peruntukan bagi dilaksanakan dengan segera.

Kerajaan telahpun bersetuju mengujudkan 62 jawatan pegawai pembangunan kampung untuk menyelaraskan kerja-kerja kebajikan dan kesihatan serta mengatasi masaalah-masaalah kemasyarakatan yang terdapat dalam sesuatu kampung baru.

Katanya, mengikut kajian yang diadakan 17 orang pegawai pembangunan kampung akan ditempatkan di Perak, lapan di Pahang. Mereka juga akan mengawasi keadaan keselamatan yang terdapat di sesuatu kawasan itu.

NO. SIRI : 243
NO. PEN : 243/78

75

Mingguan Malaysia 16 November, 1975

PTR.UD : 294/247/78.



SAMBIL berjabat tangan dengan Datuk Hussein Oon, Tun Razak [kiri] sempat mendengar penerangan mengenai sesuatu perkara dari Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mahmud Yunus.

Suharto - Razak mulakan rundingan

MEDAN 15 Nov. — Presiden Suharto dan Perdana Menteri Tun Abdul Razak memulakan rundingan tidak rasmi petang ini yang dijangka tertumpu kepada rancangan mengadakan sidang kemuncak negara-negara ASEAN.

Presiden Suharto yang diiringi oleh Menteri Luar Adam Malik dan Tun Razak disertai oleh Tengku Ahmad Rithauddeen berunding di pantai peranginan Danao Toba.

Rundingan kedua bagi kedua-dua pemimpin tersebut akan diadakan esok selesai kedua-dua mereka bermain golf.

Presiden Suharto dan Tun Razak tiba di sini pagi ini.

Rundingan ketiga mungkin diadakan di gunung peranginan Berastagi di selatan Medan sebelum kedua-dua pemimpin itu berlepas pulang ke ibunegara masing-masing Isnin ini.

Presiden Suharto tiba dengan kapalterbang di Lapanganterbang Polonia Medan jam 9 pagi waktu tempatan, iaitu setengah jam sebelum ketibaan kapalterbang khas Tun Razak serta rombongannya dari Kuala Lumpur.

Ringkas

Selepas diadakan upacara ringkas menyambut ketibaan mereka, Tun Razak dan Presiden Suharto menaiki sebuah helikopter menuju ke Kampung Aek Natholu tidak jauh dari lapanganterbang itu untuk merasmikan kempen menanam semula pokok-pokok di seluruh Indonesia di mana upacara menanam pokok diadakan.


Dari sana, kedua-dua pemimpin itu menaiki motokar ke bangunan besar syarikat minyak negara, Pertamina yang dari situ dapat dilihat Danao Toba, 150 kilomiter di tenggara Medan.

Tun Razak dijangka akan mengambil kesempatan dari lawatannya ke sini untuk mengunjungi Pulau Samosir yang terkenal dengan sejarah raja-raja purba Batak dengan rumah-rumah Batak.,

NO. SIRI : 244
NO. PEN : 244/78

Utusan Malaysia 17 November 1975

PTR. KA : 245 24517



TUN RAZAK



PRES. SUHARTO

Rancangan stratejik disusun bagi yakinkan Thailand

Puncak ASEAN: Razak–Suharto runding lagi

MEDAN, SUMATRA 16 NOV.

PRESIDEN Suharto dan Tun Abdul Razak mengadakan rundingan tidak rasmi peringkat kedua pagi ini dekat Danau Toba dengan menyusun rancangan stratejik bagi meyakinkan Thailand yang dilaporkan merasa ragu akan faedahnya mengadakan sidang kemuncak ASEAN.

Tun Razak dijangka akan melawat Bangkok sedikit hari lagi untuk meyakinkan Perdana Menteri Kukrit Pramoj bahawa sidang kemucak yang dijadualkan berlangsung di Bali bulan Fabruari tahun depan akan menghasilkan keputusan-keputusan yang tegas tanpa menjadikannya sebagai satu pakatan serantau menentang komunis Indo-China.

Tuan Kukrit Pramoj, dalam satu interbiu yang disiarkan minggu lalu berkata sidang di Bali haruslah mengeluarkan keputusan yang konkrit dalam bentuk langkah-langkah kerjasama yang tegas di kalangan lima negara anggota ASEAN.

Pertahanan bersama dan lain-lain perkara yang boleh menyinggung kerajaan komunis Indo-China tidak boleh dibincangkan kerana negara-negara ASEAN merancang mengadakan hubungan baik dengan negara-negara jiran itu.

Rundingan kedua hari ini diikuti dengan permainan golf di Padang Golf Pertamina.

Pengganas

Mengenai rundingan pertama pada hari Sabtu semalam, Menteri Luar Tuan Adam Malik berkata kedua-dua orang pemimpin itu telah bertukar-tukar pendapat mengenai perkembangan-perkembangan baru serantau dan antarabangsa.

Perkembangan baru yang dimaksudkan itu dipercayai termasuk soal krisis Australia, gerakan pengganas komunis yang bertambah giat di Malaysia dan Thailand, dan bahayanya Timor Portugis yang dipengaruhi komunis kepada rantau ini.

Masaalah pengaruh China di Asia Tenggara telah tidak dibincangkan dalam rundingan semalam, kata Tuan Adam Malik.

Beliau menolak cadangan bahawa Indonesia yang membekukan hubungan dengan Peking pada tahun 1966 meminta jasa baik Malaysia bagi menyambung semula hubungan tersebut. — AFP.

NO. SIRI : 245
NO. PEN : 245/78

Utusan Malaysia 18 November 1975

PTR. NO. : 246 246/78.

'Dalam usaha membenteras penyokong2 komunis'

TINDAKAN2 BARU LEBIH TEGAS — RAZAK

KUALA LUMPUR 17 Nov. — Tun Abdul Razak memberi amaran hari ini bahawa tindakan-tindakan baru yang lebih tegas akan diambil, termasuk mengenakan semula catuan makanan ke atas orangramai, dalam usaha untuk membenteras penyokong-penyokong komunis dan anasir anti-nasional.

Perdana Menteri yang kelihatan tidak dapat lagi membendung perasaannya terhadap ancaman golongan tersebut, menegaskan bahawa kerajaan tidak akan menghadkan lagi tindakan-tindakannya dalam soal ini.

"Segala langkah yang perlu akan diambil untuk menghapuskan musuh-musuh negara itu. Kita tidak akan menghadkan lagi tindakan-tindakan yang akan diambil dalam soal ini", tegas beliau.

Oleh **SIRAJUDDIN RAFIA**

Tun Razak sekali lagi mengingatkan bahawa perjuangan menentang pengganas komunis sekarang ialah suatu perjuangan untuk menentukan "hidup atau mati" Malaysia kerana ia mengancam "survival" negara.

Kerana itu, menurut Tun, segala tenaga rakyat akan dikerahkan untuk menentang musuh-musuh tersebut kerana "kemenangan kita bergantung penuh kepada sokongan rakyat yang taat setia kepada negara ini".

Catu makanan

Bercakap kepada para wartawan sekembalinya dari lawatan tidak rasmi ke Medan, di Pangkalan TUDM di sini, Tun Razak menjelaskan bahawa antara tindakan yang akan diambil itu termasuklah mengumpulkan segala tenaga rakyat bagi membantu kerajaan menentang komunis itu.

Tindakan juga akan diambil untuk menempatkan semula penduduk-penduduk kampung baru yang didapati membantu komunis dan mengasingkan mereka yang tinggal di bandar.

"Jika perlu kerajaan juga akan mengenakan semua catuan makanan ke atas orangramai, kerana komunis tidak akan "survive" jika tidak ada orang yang membantu mereka dengan memberikan bekalan makanan dan sebagainya", kata beliau.

Perdana Menteri juga mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan ke atas Ketua Polis Perak, Tan Sri Koo Chong Kong dan menegaskan bahawa "pembunuh-pembunuh itu tetap akan diberkas".

"Kerajaan tetap tidak akan membiarkan pegawai-pegawai polis dan tentera serta perajurit kita dibunuh begitu sahaja. Mereka yang memusuhi negara tetap akan menerima balasan", tegas beliau.

Dengan airmuka yang serius Tun Razak berkata, keadaan begini tidak boleh berlanjutan dan rakyat mesti membantu kerajaan kerana sekiranya negara kacau bilau setiap orang akan terjejas. "Malah orang-orang kaya akan menerima akibatnya lebih teruk", tambah beliau.

Tun Razak gembira kerana penduduk Ipoh berdiri teguh di belakang kerajaan mengutuk pembunuhan Tan Sri Koo itu. Beliau menyeru sesiapa sahaja yang dapat menolong memberkas pembunuh itu supaya tampil ke hadapan membantu pihak berkuasa.

Mengenai rundingannya dengan Presiden Suharto semasa berada di Sumatra Utara itu, Tun Razak memberitahu bahawa beliau juga telah memberi taklimat kepada Ketua Negara Indonesia itu berhubung dengan keadaan keselamatan di Malaysia.

"Saya sungguh gembira kerana negara sahabat kita itu memahami keadaan kita", kata Tun.

Menurut Tun Razak, beliau dan Presiden Suharto telah bersetuju untuk memperbanyakkan lagi rundingan mengenai keselamatan dan pertahanan supaya kedua negara dapat bekerjasama lebih rapat lagi dalam menghadapi musuh bersama, iaitu pengganas komunis.

Setuju

Dalam hubungan ini Malaysia dan Indonesia telah bersetuju untuk menguatkan lagi gerakan tentera bersama di sempadan dan menolong satu sama lain seberapa yang boleh dalam hal keselamatan.

Beliau berkata, walaupun kedua negara bersetuju menghulurkan tangan persahabatan dengan negara-negara Indo-China, tetapi Malaysia terpaksa menumpukan perhatian lebih berat terhadap masaalah keselamatan dalam negerinya.

"Kerana, sungguh pun keadaan keselamatan sekarang terkawal tetapi ia adalah dalam keadaan serius dan Presiden Suharto memahami keadaan kita ini", kata Tun.

Perdana Menteri berkata, mereka juga telah bersetuju bahawa ASEAN perlu diperkuat dan diperkukuhkan lagi. Untuk itu satu sidang kemuncak ASEAN akan diadakan tahun depan.

NO. SIRI : 246
NO. PEN : 246/78

PTR.UA : 247 247/78

Utusan Malaysia, I8.II.I975

KEMERDEKAAN BRUNEI: MALAYSIA INDON JADI PENGANJUR BERSAMA


KUALA LUMPUR 17 Nov. — Malaysia dan Indonesia akan menjadi penganjur bersama usul "Jawatankuasa 24" Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai kemerdekaan Brunei, Tun Abdul Razak mengumumkan hari ini.

Perdana Menteri memberitahu bahawa usul tesebut akan dibentangkan di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu akan datang.

Beliau memberitahu para pemberita di Pangkalan TUDM di sini, sekembalinya dari lawatan tidak rasmi ke Medan, bahawa beliau dan Presiden Suharto telah bersetuju untuk menjadi penganjur bersama usul tersebut.

Tun Razak berkata, Malaysia dan Indonesia sependapat bahawa masanya telah tiba usaha-usaha tegas perlu diambil supaya Brunei mencapai kemerdekaan.

"Memandangkan keadaan ini kedua negara bersetuju untuk menjadi penganjur bersama usul Jawatankuasa 24 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai kemerdekaan Brunei itu", ujar beliau.



GAMBAR menunjukkan Tun Abdul Razak dan Toh Puan Hajah Rahah serta Datuk Hussein Onn bertafakur ketika memberi penghormatan terakhir kepada jenazah mendiang Tan Sri Koo Chong Kong setibanya di Lapanganterbang TUDM petang semalam.

NO. SIRI : 247
NO. PEN : 247/78

Utusan Malaysia 19 November 1975

PTR. PA : 248 248/78

Panggabean disambut mesra oleh Tun

MENTERI Pertahanan Indonesia, Jeneral Maraden Panggabean telah menemui Perdana Menteri Tun Abdul Razak di pejabatnya di Kuala Lumpur petang semalam.

Jeneral Panggabean tiba pagi kelmarin untuk mengetuai perwakilan 10 orang dari Indonesia bagi menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Sempadan Malaysia—Indonesia yang bermula pagi semalam.

Gambar menunjukkan Jeneral Panggabean sedang disambut mesra oleh Tun Razak [Berita di muka 2].




NO. SIRI : 248
NO. PEN : 248/78

Utusan Malaysia 19 November 1975

PTR-PA: 249 249/78

SEKITAR PERTEMUAN RAZAK, SUHARTO DI MEDAN


GAMBAR-GAMBAR DARI JABATAN PENERANGAN. KETERANGAN GAMBAR SUMBANGAN ZAHARI SAAD RADIO MALAYSIA.



BERIHAT sebentar di Lapanganterbang Polonia, Medan (gambar atas) sebaik saja tiba pada pagi Sabtu. Perdana Menteri disambut oleh Presiden Suharto, Menlu Adam Malik dan beberapa orang Menteri Kabinet Indonesia. Selepas itu mereka berhelikopter melawat projek "penghijauan", sebuah rancangan pemulihan tanah, dekat dengan Prapat.

NO. SIRI : 249
NO. PEN : 249/78

Utusan malaysia, I9.II.I975




KEDUA-dua orang pemimpin berihat semasa rundingan di Wisma Pertamina yang terletak di sebuah kawasan tinggi, di pinggir Tasik Toba. Pusingan pertama pertemuan Razak — Suharto pada hari Sabtu berlangsung selama 2 jam.



TUN Razak ditepung tawar sebaik saja tiba dengan helikopter di projek penghijauan. Selepas itu Perdana Menteri dan Suharto dianugerahkan selendang ulus dan tali pinggang — darjah kebesaran untuk memperingati kunjungan seseorang pemimpin. Darjah ini diberi hanya kepada pemimpin yang ada hubungan persaudaraan dengan masyarakat Indonesia.

Utusan Malaysia, 19.11.1975



* * *

GAMBAR kiri, Tun Razak diberi penghormatan menanam pokok pine di upacara perasmian projek penghijauan oleh Presiden Suharto. Projek ini yang bermula kira-kira 10 tahun lalu, merupakan salah satu sekim pertanian dan pemulihan yang terbesar di Sumatra.

Utusan Malaysia, I9.II.I975



NYANYIAN "Selamat berpisah dan ketemu lagi" oleh masyarakat Tasik Toba, di Prapat,sebelum Tun Razak dan Presiden Suharto berlepas ke Medan dengan helikopter khas (pagi 17hb. November).

Utusan Malaysia, 20.II.I975

PTB. 44 : 250 250/78

Kita akan rangka pakatan tentera baru dengan Thai

BANGKOK 20 Nov. — Thailand dan Malysia akan merangka satu pakatan tentera yang baru yang dapat memberi "kekuatan yang lebih" dalam gerakan bersama menentang pengganas komunis di sepanjang sempadan bersama, sumber-sumber tentera memberitahu hari ini.

Perdana Menteri Thai, Kukrit Pramoj dan Tun Abdul Razak dijangka membincangkan cadangan-cadangan baru bagi memperhebatkan gerakan semasa Perdana Menteri Malaysia melawat negeri ini lewat tahun ini.

Menurut sumber-sumber itu, pakatan tersebut dijangka meliputi perkara-perkara berikut:

* Menggerakkan tentera dan kereta perisai lebih dekat ke sempadan masing-masing - dan

* Menubuhkan jawatankuasa perhubungan bersama di kawasan-kawasan sensitif.

Mereka berpendapat kedua negara perlu memperkuatkan lagi strateji masing-masing memandangkan bertambahnya kejadian membunuh, mencolek dan keganasan di kedua-dua belah sempadan.

Tujuan

Tujuan utama menubuhkan jawatankuasa perhubungan di kawasan-kawasan sensittif ialah untuk merapatkan lagi hubungan antara penduduk dikawasan tersebut dengan pasukan keselamatan menerusi dailog dan mencadangkan cara-cara untuk memberi perlindungan yang lebih kepada penduduk di situ.

Sumber-sumber itu berkata perbincangan sedang diadakan antara pegawai-pegawai kedua negara mengenai cara memperhebatkan gerakan udara, laut dan darat menentang pengganas.

Pegawai-pegawai tentera Thai keluar menemui rakyat dan memberi jaminan bahawa mereka akan dapat perlindungan dari pasukan keselamatan tetapi mereka jangan membantu pengganas.

Menurut Lt. Jen. Sant Chitpatima, Komander Divisyen Keempat Tentera, apa yang dikehendaki oleh penduduk di selatan Thai ialah jaminan keselamatan.

Jeneral itu telah dilantik oleh Kerajaan Thailand bagi menolong mendapatkan semula keyakinan rakyat dan cuba memecahkan kekuatan pengganas di wilayah-wilayah sempadan. — Bernama.

79

NO. SIRI : 250
NO. PEN : 250/78

GAMBAR bawah, Tun Razak dan Jeneral Suharto yang dikurniakan pakaian seragam masyarakat Tasik Toba, menuju ke helikopter sebelum berlepas ke Medan (pagi 17). Pakaian itu termasuk setanjak, tali pinggang, samping dan selendang ulus, merupakan pakaian rasmi masyarakat Batak, khas untuk pemimpin negara.

Utusan malaysia, I9.II.I975





DI ANTARA beribu orang yang menunggu ketibaan Tun Razak dan Presiden Suharto di projek penghijauan, salah satu projek pemulihan tanah yang terbesar di Sumatra. Ini merupakan pakaian rasmi masyarakat Tafanuli.

PTR. KA : 251 251/78

JUMAAT 21 NOVEMBER 1975

Gerakan sokong penuh pimpinan Razak

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Gerakan Negeri Selangor sekali lagi menegaskan keyakinananya dan sokongan penuh terhadap Tun Abdul Razak dan pimpinannya.

Demikian menurut satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, ditandatangani oleh Pemangku Pengerusinya, Doktor Goon Swee Fook.

Kenyataan penuh Dok tor Goon adalah seperti berikut:

"Dalam persidangan perwakilan yang telah diadakan di Ipoh pada bulan lalu, Gerakan Rakyat Malaysia telah membuat satu ketetapan untuk menyokong Tun Abdul Razak dan pimpinannya.

"Dalam mesyuarat yang diadakan semalam untuk menilaikan keputusan dari persidangan perwakilan dan mengkaji keadaan politik dan keselamatan di tanahair kita, perhimpunan perhubungan di Negeri Selangor sekali lagi menegaskan keyakinan dan sokongan penuh parti kepada Tun Abdul Razak dan pimpinannya.

"Gerakan di Selangor menyedari bahawa negara kita sedang berada dalam keadaan cubaan. Kami dengan sepenuh-penuhnya menghargai dan menyokong kerja yang dibuat oleh Tun Abdul Razak sebagai Presiden Barisan Nasional serta Perdana Menteri Malaysia untuk mencegah rasuah, membasmikan kemiskinan di kawasan desa dan bandar, memelihara keselamatan dan membina sebuah masyarakat Malaysia yang adil dan saksama.

"Rintangan-rintangan di sepanjang jalan ke arah membina sebuah masyarakat Malaysia yang adil dan saksama memang banyak, akan tetapi Gerakan Selangor sedar bahawa di bawah pimpinan Tun Abdul Razak yang mempunyai kesabaran dan penuh ketabahan serta adil dan saksama, rakyat Malaysia akan dapat mengatasi rintangan-rintangan ini sehingga berjaya."

NO. SIRI : 251
NO. PEN : 251/78

Utusan Malaysia 22 November 1975

PTR. KA. 252 252/78

RAZAK INGATKAN KESATUAN2 SEKERJA NEGARA INI

Jangan militen, tetapi rasional

Oleh
SULAIMAN MOHAMED

KUALA LUMPUR, 21 Nov. — Tun Abdul Razak hari ini mengingatkan kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini supaya jangan bersikap militen, tetapi sebaliknya hendaklah bertindak rasional serta bertolak-ansur dalam menyelesaikan sesuatu masaalah atau tuntutan.

Kesatuan-kesatuan sekerja juga hendaklah berusaha mengujudkan ketenteraman ke arah menjamin kestabilan ekonomi, tambahnya.

Beliau menyeru mereka membantu kerajaan untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dengan mengujudkan ketenteraman dalam hubungan dengan kerajaan.

Katanya, dengan demikian segala rancangan kerajaan tidak akan tergendala dan berjalan dengan licin.

Perdana Menteri berkata demikian di perasmian merayakan Jubli Perak serta persidangan dua tahunan ke tiga belas Kesatuan Perkhidmatan Teknik Malaysia di sini petang tadi.

Beliau mengingatkan sekiranya, keadaan negara tidak tenteram disebabkan pekerja dan majikan sentiasa dalam perselisihan dan tidak bekerjasama antara satu sama lain, maka anasir-anasir subversif akan mengambil kesempatan mempengaruhi untuk tujuan muslihat mereka.

Beliau menambah, kedudukan negara sekarang adalah tegang dan sudah sewajarnya setiap rakyat menjalankan peranan masing-masing supaya pengaruh anti nasional tidak akan meresap masuk dan menghancurkan mereka.

Tun Razak menyeru pihak swata agar sama-sama dengan kerajaan memberikan sumbangan ke arah mencapai matlamat untuk menghasilkan pembangunan yang berasaskan sains dan teknoloji.

Beliau memberitahu, tahun ini hanya 55 permogokan telah berlaku melibatkan 10,851 pekerja dan kehilangan 42,126 hari tenaga pekerja berbanding dengan 73 permogokan melibatkan 19,489 pekerja dan kehilangan 92,875 hari tenaga pekerja tahun lalu.

Beliau berharap, keadaan yang menggalakkan ini akan mengujudkan suasana yang dapat menarik lebih banyak industri masuk ke negara ini.

"Dengan adanya suasana ketenteraman barulah pemodal-pemodal luar berminat mendirikan industri-industri besar yang amat diperlukan oleh negara", tambah beliau.

Beliau memberitahu beberapa pindaan sedang dibuat bagi mengimbangi kedudukan anggota-anggota dalam perkhidmatan teknik yang telah berbangkit hasil dari perlaksanaan Laporan Suruhanjaya Gaji Suffian.

Bagaimanapun pada ketika ini kerajaan tidak lagi dapat menggubal dengan menyeluruh sekim-sekim gaji perkhidmatan ini memandang kepada keadaan negara sekarang.

"Tetapi mana-mana perbezaan yang agak ketara adalah sedang diambil tindakan untuk dipersamakan", katanya.

Beliau menyeru anggota-anggota kesatuan supaya bersabar kerana perkara ini akan diatasi tidak lama lagi.

NO. SIRI : 252
NO. PEN : 252/78

NO. SIRI : 253
NO. PEN : 253/78



...AR menunjukkan sebahagian dari para anggota Majlis Tertinggi UMNO di mesyuaratnya di Sri Taman semalam. Mereka ialah: (dari kiri) Dr. ...hammad Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Datuk Senu Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Datuk Hussein Onn, Encik Abdul Ghafar bin Baba, ...h Ghani dan Ustaz Othman Abdullah.

Tak ada krisis dalam pimpinan parti

TAWARAN KE BB HAPUS — TUN

Oleh: **Sirajuddin Rafia**

KUALA LUMPUR, 30 Nov. — Parti dan kerajaan tidak boleh campur dalam kes Dato' Harun Haji Idris sekarang kerana ia berada di tangan mahkamah, Tun Abdul Razak menegaskan hari ini.

Perdana Menteri berkata, soal tawaran kepada Dato' Harun untuk menjadi Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu juga tidak timbul lagi sekarang kerana beliau sendiri telah membuat keputusan untuk membersihkan dirinya terlebih dahulu.

"Inilah cara yang patut dilakukan, melalui proses demokrasi dan keadilan", kata beliau.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di kediamannya di Sri Taman di sini pagi ini, Tun Razak juga menegaskan bahawa:

* Khabar-khabar angin kononnya beliau akan membuat satu rombakan Kabinet adalah "karut" sama sekali.

* Tidak ada sebarang krisis dalam parti sekarang kerana "Parti tidak hidup dengan krisis tetapi sebaliknya dengan suasana damai."

Mesyuarat Majlis Tertinggi yang berjalan selama hampir tiga jam itu telah dihadiri oleh hampir kesemua anggotanya, termasuk Dato' Harun sendiri yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.



DATO' Harun (berbaju batik di tengah) kelihatan dengan senyum gembira sahaja sedang berbual-bual dengan rakan-rakan seperjuangannya dalam Majlis Tertinggi UMNO sejurus sebelum mesyuarat majlis itu dimulakan semalam. Sedang berbual bersama Dato' Harun ialah Tan Sri Syed Nasir Ismail (kiri), Dr. Mahathir Mohammad (kanan) dan Datuk Mohammad Rahmat (dilindungi sedikit oleh Tan Sri Syed Nasir).

Kawalan-kawalan keselamatan yang ketat telah dikenakan di sekitar kawasan Sri Taman sepanjang mesyuarat itu berjalan. Semua jalan menuju ke Sri Taman telah dikawal rapi di mana setiap kenderaan diperiksa terlebih dahulu.

Taklimat

Tun Razak berkata, beliau telah mengambil kesempatan dalam mesyuarat hari ini memberikan taklimat kepada Majlis Tertinggi itu berhubung dengan kes Dato' Harun itu.

Dato' Harun yang juga Menteri Besar Selangor turut juga memberi taklimat mengenai kes beliau itu.

"Majlis Tertinggi telah mengambil perhatian di atas segala penjelasan yang diberikan dan oleh kerana perkara itu sekarang berada di tangan mahkamah, maka parti atau kerajaan tidak boleh mencampurinya," kata beliau.

Lagipun, menurut Tun Dato' Harun sendiri telah membuat keputusan untuk bercuti. "Jadi Majlis Ter-i

LIHAT MUKA 12
(Ruangan 3)

PTR. 254 254/78.


Utusan Malaysia 2 Disember 1975

Razak ke Thai 24 Dis.

BANGKOK 1 Dis. — Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak akan melawat Thai dari 24 hingga 25 Disember ini untuk berunding dengan Perdana Menteri Thai Tuan Kukrit Pramoj, kata seorang jurucakap Kementerian Luar hari ini.

Jurucakap itu memberitahu para pemberita bahawa perkara yang akan dibincangkan akan termasuk keselamatan di sepanjang sempadan dua negara ini dan sidang kemuncak ASEAN yang akan diadakan kelak. — Reuter.

NO. SIRI : 254
NO. PEN : 254/78



TUN RAZAK . . .gambar semalam

DARI MUKA 1

tinggi telah bersetuju dengan cadangan supaya Encik Hormat Rafie memangku jawatannya," tambah beliau.

Tun Razak berkata bahawa Encik Hormat akan memangku jawatan itu "sehingga kes tersebut selesai nanti" dan Dato' Harun akan mengadap Baginda Sultan Selangor esok berhubung dengan perkara itu.

Tun Razak menolak dakwaan kononnya UMNO sekarang ini sedang menghadapi satu krisis. "Tidak ada sebarang krisis dalam parti sekarang kerana parti tidak hidup dalam krisis, tetapi sebaliknya dengan suasana damai," tegas beliau.

Menurut beliau, hanya orang-orang luar sahaja yang menjadikannya satu krisis, pada halnya tidak berlaku sebarang krisis dalam parti.

"Apa yang berlaku hanyalah Dato' Harun sendiri telah membuat keputusan bahawa beliau ingin membersihkan dirinya dan inilah caranya yang patut dilakukan melalui proses demokrasi dan keadilan," tambahnya.

Ditanya mengenai kenyataan Dato' Harun semalam bahawa beliau sanggup menerima tawaran jawatan Wakil Tetap ke Bangsa-Bangsa Bersatu itu selepas beliau membersihkan namanya nanti, Tun Razak berkata, soal tawaran jawatan itu tidak timbul lagi sekarang.

"Oleh kerana beliau sendiri telah memilih jalan untuk membersihkan dirinya, maka soal tawaran itu tidak timbul lagi sekarang. Ia mungkin boleh dipertimbangkan semula selepas kes itu selesai nanti kerana ia merupakan satu issue lain," kata beliau.

Ditanya tentang kemungkinan beliau akan membuat satu rombakan Kabinet tidak lama lagi, Tun Razak berkata: "Itu semua karut belaka."

"Macam mana pula orang-orang akhbar lebih tahu daripada Perdana Menteri," tambahnya sambil bergurau disambut dengan gelak ketawa dari hampir 30 orang para wartawan yang hadir.

Tun Razak memberitahu bahawa mesyuarat Majlis Tertinggi hari ini adalah mesyuarat biasa yang diadakan tiap-tiap bulan. Ia sepatutnya diadakan minggu lalu tetapi telah ditangguhkan kerana beliau tidak dapat menghadirinya.

Menurut beliau, di samping membincangkan soal Dato' Harun itu, mesyuarat hari ini juga telah membincangkan mengenai berbagai masaalah lain mengenai parti, keselamatan negara, kunjungannya ke Australia dan New Zealand serta rundingannya dengan Presiden Suharto baru-baru ini.

Mengenai keadaan keselamatan, Tun Razak berkata bahawa walaupun keadaan itu sekarang serius tetapi ia adalah terkawal.

Beliau menyeru orangramai supaya berwaspada dan memberikan sepenuh kerjasama dalam usaha untuk membenteraskan ancaman pengganas komunis dan anasir nati-nasional itu.

"Kita mahukan lebih banyak lagi maklumat mengenai tempat-tempat di mana anasir tersebut berada, kerana kiranya tidak ada orang yang memberikan bantuan kepada anasir-anasir itu, tentu sekali mereka tidak dapat hidup di dalam hutan," kata beliau.

Beliau memberitahu bahawa langkah-langkah tegas telahpun diambil ke atas mereka yang didapati membantu pengganas komunis itu dengan memberikan bekalan mereka.

Ini termasuklah me... dahkan semula dan m... garkan kawasan di... penduduk-penduduk ters... pung baru yang ... ya... terlibat dengan usa... bantu anasir komunis...

Tun Razak da... akhbar hari in... riang sahaja.



PARA anggota Majlis Tertinggi sedang berikrar sejurus sebelum memulakan mesyuaratnya di Sri Taman semalam. Ikrar itu dibacakan oleh Tan Sri Ghazali Shafie (ketiga dari kanan) dan diikuti oleh para anggota lain.

Kelihatan dalam gambar ini ialah: (dari kanan) Tengku Ahmad Rithauddeen, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Tan Sri Ghazali, Haji Mohamad Yaakob, Encik Jaafar Hassan, Datuk Haji Mustapha Jabar, Datuk Syed Nahar dan Haji Ahmad Razali.

NO. SIRI : 255
NO. PEN : 255/78

Utusan Malaysia 4 Disember, 1975

Sebarkan perusahaan ke desa — Razak

KUALA LUMPUR 3 DIS.

TUN Abdul Razak hari ini menggesa pekilang-pekilang yang sudah bertapak di bandar-bandar maju di negara ini menyebarkan projek-projek kegiatan mereka ke kawasan-kawasan kurang maju secara usahasama.

Pekilang-pekilang itu juga digesa menggalakkan pelabur-pelabur asing yang berpengetahuan dan berkemampuan menjalankan perusahaan-perusahaan besar berasaskan pertanian di negara ini.

Menurutnya, pekilang-pekilang yang sedia ujud itu adalah lebih faham dengan keadaan Malaysia untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing itu mengkaji kemungkinan yang boleh didapati di Malaysia.

Berucap di majlis makan malam tahunan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia di sebuah hotel terkemuka di sini malam ini, Perdana Menteri menyatakan puashati terhadap kemajuan yang telah dibuat dalam menyebarkan kegiatan perusahaan ke kawasan kurang maju.

"Ini hasil usaha terutama oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) dan Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Negeri," katanya.

Beliau berharap proses demikian bukan sahaja diteruskan tetapi juga dipergiatkan lagi dengan pihak kerajaan sendiri menyediakan galakan dan bantuan kewangan yang menarik.

Menurutnya, sektor perkilangan akan mengambil peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia menjelang tahun 1990.

Beliau menambah sektor perkilangan juga memainkan peranan penting dalam usaha mempelbagaikan dan memajukan ekonomi Malaysia serta menjayakan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Inflasi

Perdana Menteri juga telah bercakap tentang pengalaman Malaysia mengenai inflasi yang berkurangan, langkah mengurangkan impot, perdagangan antarabangsa yang tidak terlalu menekan Malaysia, pertumbuhan yang berkurangan tahun ini dalam perusahaan perkilangan dan usaha-usaha kerajaan menggalakkan ekspot.

Katanya, hasil dari usaha-usaha kerajaan mencegah inflasi angka tunjuk harga cuma meningkat 7 peratus sepanjang tahun ini berbanding dengan 17.4 peratus yang dialami tahun lalu.

Beliau berharap Malaysia tidak terlalu mengharapkan barang-barang impot dengan cara mengutamakan usaha mengeluarkan barang-barang di negara ini.

Pengguna-pengguna barang-barang tempatan, jelas beliau, boleh diyakinkan dengan pekilang-pekilang merapatkan kerjasama dengan Institut Piawaian Malaysia bagi menjamin mutu barang-barang itu.

Menyentuh tentang Keluaran Negara Kasar, beliau berkata sungguhpun pertumbuhannya cama di antara 1-2 peratus sahaja tahun ini kadar tersebut tidaklah terlalu menekan jika dibandingkan dengan yang dialami oleh negara-negara perusahaan lainnya.

Bagaimanapun, tambah Tun Razak kerajaan akan terus berusaha memulihkan keyakinan terhadap perdagangan di negara ini.

Beliau menyeru pekilang-pekilang dan pengekspot-pengekspot mangambil peluang dalam perkembangan perdagangan dunia berikutan dengan pemulihan kegiatan ekonomi negara-negara perusahaan.

"Dengan pemulihan ekonomi ini, kita dalam kedudukan yang sesuai untuk merebut peluang dalam mendapatkan pertumbuhan ekspot, katanya.

PTR-AA: 256 256/78

Utusan Malaysia 5 Disember, 1975

Tun akan lantik Timbalan Menteri Pertahanan

KUALA LUMPUR 4 Dis. — Tun Abdul Razak bercadang melantik seorang Timbalan Menteri Pertahanan bulan depan untuk membantunya menjalankan tugas-tugas pertahanan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad memberitahu Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri akan membuat perlantikan itu pada 1 Januari ini.

Beliau mengumumkan demikian ketika menggulung perbahasan anggaran tahun depan Kementerian Pertahanan berjumlah lebih $1,025.6 juta.

NO. SIRI : 256
NO. PEN : 256/78

Utusan Malaysia 11 disember 1975

PTR · ad · 257 257/78

KUALA LUMPUR
10 DIS.

Mokhtar Hashim Timbalan Menteri Pertahanan

TIMBALAN Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Mokhtar Hashim akan memegang jawatan baru sebagai Timbalan Menteri Pertahanan mulai 1 Januari ini.

Demikian diumumkan oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, dalam satu kenyataan hari ini.


Tun Razak juga mengumumkan bahawa Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Encik Abdullah Majid akan bertugas sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, juga mulai dari tarikh tersebut.

Encik Mokhtar, dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selepas menang dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Tampin—Rembau dalam tahun 1972.

Dalam pilihanraya lalu, beliau menang tanpa bertanding di kawasan Tampin dan dilantik menjadi Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Encik Abdullah, 48 tahun, dilantik menjadi Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri setelah menang dalam pilihanraya Parlimen lalu bagi kawasan Raub.

Beliau menjadi Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Tun Abdul Razak sejak tahun 1970.



Encik Abdullah



Encik Mokhtar

NO. SIRI : 257
NO. PEN : 257/78

Utusan Malaysia 13 Disember 1975

PTR · kl · 258 / 258/78



TUN RAZAK DI PERTUNJUKAN SENIMAN SILAM

SATU pertunjukan Perdana Filem Seniman Silam dalam warna-warni telah diadakan di sebuah panggung terkemuka di Kuala Lumpur malam semalam.

Perdana Menteri, Tun Razak, Toh Puan Hajah Rahah, Timbalan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila dan Menteri Penerangan Datuk

8

Utusan Malaysia 13 Disember 1975

NO. SIRI : 259
NO. PEN : 259/78

PTR.UA: 259 259/78.

SAMBUTAN Hari Raya Haji, walaupun tidak semeriah Hari Raya Puasa, tetap diseri dengan majlis jamuan dan rumah terbuka.

Perdana Menteri Tun Razak seperti biasa mengadakan majlis rumah terbuka di tempat kediamannya "Sri Taman" pagi semalam.

Di antara mereka yang telah mengunjunginya ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Omar Yoke Lin Ong, Menteri-Menteri Kabinet dan diplomat-diplomat asing.

Seperti biasa sambutan Hari Raya di ibu negara dimulakan dengan sembahyang di Masjid Negara, di mana beribu-ribu umat Islam segenap lapisan masyarakat membanjirinya pagi-pagi lagi.

Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung, Tun Razak dan isterinya Toh Puan Rahah, Menteri-Menteri Kabinet dan ketua-ketua diplomat yang beragama Islam turut bersembahyang bersama mereka.

Selepas sembahyang Seri Paduka berdua telah berangkat ke majlis jamuan di dewan syarahan masjid itu di mana baginda berdua menerima mengadap sekelian rakyat jelata.



Gambar A: Raja Permaisuri Agung sedang berangkat masuk ke dewan sembahyang dengan diiringi oleh Toh Puan Rahah [terlindung] dan Datin Suhaila, isteri Timbalan Perdana Menteri.

Gambar B: Tun Razak dan Toh Puan Rahah menyambut beberapa orang yang bersama-sama sembahyang di Masjid Negara.



Gambar C: Toh Puan Rahah sedang berbual mesra dengan beberapa orang tetamunya, termasuk Datin Suhaila, di Sri Taman.

Gambar D: Di antara para Menteri Kabinet yang menunaikan sembahyang di Masjid Negara ialah Menteri Tanah dan Galian Datuk Asri [di barisan depan] dan Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas [di barisan kedua].

Gambar E: menunjukkan Seri Paduka Baginda sedang berjabat tangan dengan Datuk Amar Haji Taib bin Mahmud, Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas. Di sebelah kiri ialah SPE Raja Permaisuri Agung.



SAMBUTAN HARI RAYA HAJI DISEKITAR RUMAH TUN ABDUL RAZAK.

Utusan Malaysia 16 Disember, 1975

PTR.KA: 260 260/78

Ancaman komunis: Razak akan lawat Singapura pula

KUALA LUMPUR 15 Dis. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak akan melawat Singapuran bulan depan untuk mengakhiri siri rundingannya dengan pemimpin-pemimpin negara jiran mengenai keadaan keselamatan.

Sumber-sumber rasmi Malaysia dan Singapura berkata belum ada tarikh ditetapkan bagi lawatan Tun Razak ke republik itu untuk berbincang dengan Perdana Menteri Tuan Lee Kuan Yew.

Lawatan itu adalah juga sebagai membalas lawatan tidak rasmi Tuan Lee ke Malaysia bulan Januari tahun ini. Selepas berpisah dari Malaysia, Tuan Lee telah melawat Malaysia dalam tahun 1972 dan Tun Razak membuat lawatan balas tahun 1973.

Menurut sumber-sumber itu, perkara penting yang akan dibincangkan di Singapura kelak ialah usaha memperbaiki kerjasama dua pihak di bidang keselamatan memandangkan semakin bertambahnya kegiatan pengganas komunis.

Tun Razak telahpun mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto dalam lawatan tidak rasminya ke Medan, Sumatra bulan lalu. Beliau akan berlepas pula ke Bangkok pada 24 Disember ini untuk berunding dengan Perdana Menteri Thailand, Tuan Kukrit Pramoj mengenai perjanjian baru kerjasama keselamatan di sempadan.

Sumber-sumber itu berkata Singapura memandang berat terhadap keadaan keselamatan di Malaysia kerana apa yang berlaku di sini akan memberi kesan kepada Singapura.

Bidang utama bagi kerjasama dua hala mengenai keselamatan antara Malaysia dan Singapura ialah terhadap hubungan antara kader-kader komunis di selatan Semenanjung dengan ajen-ajen komunis di Singapura.

Satu lagi perkara penting yang mungkin dibincangkan oleh pemimpin Malaysia dan Singapura itu ialah sidang kemuncak pertama ASEAN di Bali dalam bulan Februari depan.

NO. SIRI : 260
NO. PEN : 260/78

PTR.KA: 261 261/78

Ratu cantek belum diharam — Razak

KUALA LUMPUR 15 Dis. — Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia tidak membuat sebarang hukum atau fatwa mengenai usaha mengadakan peraduan ratu cantek, Perdana Menteri Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini.

Beliau juga memberitahu bahawa kerajaan berpendapat tidak perlu mengadakan undang-undang melarang penjualan arak kepada orang-orang Islam.

Dalam jawapannya kepada **Encik Zahari Awang** [BN-Kuala Krai], Tun Razak menjelaskan bahawa Institut Dakwah Islam akan memperhebatkan usaha mencegah diadakan peraduan ratu cantek.

Kepada pertanyaan lain dari wakil itu, Tun Razak menerangkan jabatan-jabatan agama negeri mempunyai undang-undang melarang orang Islam minum arak.

Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan risalah mengenai keburukan arak itu.

Utusan Malaysia 16 Disember, 1975

Ratu cantek belum diharam — Razak

KUALA LUMPUR 15 Dis. — Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia tidak membuat sebarang hukum atau fatwa mengenai usaha mengadakan peraduan ratu cantek, Perdana Menteri Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini.

Beliau juga memberitahu bahawa kerajaan berpendapat tidak perlu mengadakan undang-undang melarang penjualan arak kepada orang-orang Islam.

Dalam jawapannya kepada **Encik Zahari Awang** [BN-Kuala Krai], Tun Razak menjelaskan bahawa Institut Dakwah Islam akan

Utusan Malaysia 17 Disember 1975

PTR.KA: 262 262/78

Tun yakin hubungan Malaysia, Australia dapat dierat lagi

KUALA LUMPUR, 16 Dis. — Tun Abdul Razak yakin hubungan baik antara Malaysia dengan Australia dapat dieratkan lagi di bawah pimpinan Perdana Menteri Malcolm Fraser.

Tun Razak menyatakan ini dalam kawat tahniah kepada Tuan Fraser kelmarin kerana kemenangan partinya — Liberal-National Country Partr — dalam pilihanraya umum Australia Sabtu lalu.

Menurut Perdana Menteri, hubungan antara Australia dan Malaysia senantiasa rapat. Beliau yakin di bawah pimpinan Tuan Fraser, hubungan antara Malaysia dengan Australia akan bertambah kukuh.

Perdana Menteri memberi jaminan untuk memberi kerjasama sepenuhnya ke arah itu.

Parti campuran pimpinan Tuan Fraser mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya Sabtu lalu mengalahkan Parti Buruh pimpinan Tuan Gough Whitlam.

Kalangan diplomatik di sini tidak menduga sebarang perubahan besar dalam dasar luar Australia dalam hubungannya dengan Malaysia.

Bagaimanapun mereka menduga satu "corak perubahan" daripada mengadakan satu dasar baru dalam hubungan antara Canberra dengan negara-negara di Asia Tenggara.

Menurut mereka, tidak ada perbezaan besar terhadap soal dasar Parti Liberal dan Buruh Australia dalam perkara mengekalkan hubungan rapat antara Australia dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara.

Mengenai peraturan pertahanan lima negara, mereka merasakan Tuan Fraser mungkin mahu peraturan itu terus bergiat.

NO. SIRI : 262
NO. PEN : 262/78

Utusan Malaysía 17 Disember 1975

PTR.KS: 263 263/78

Razak, Lee, PM Sri Lanka runding di Bangkok

PERDANA Menteri Malaysia Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Singapura akan datang ke sini untuk berunding bulan depan sebelum berlangsungnya sidang kemuncak ASEAN, kata seorang jurucakap Kementerian Luar di sini hari ini.

"Tun Razak telah menangguhkan rundingan itu yang dijadualkan di sini bulan ini dengan Perdana Menteri Kukrit Pramoj, katanya.

Menurut jurucakap itu lagi, tarikh lawatan Tun Razak telah ditetapkan pada penghujung bulan Januari ini.

Seorang pegawai kedutaan Malaysia berkata beliau tidak tahu sebab-sebab ditangguhkan lawatan Tun Razak. Tetapi Tun Razak "mungkin terlalu sibuk pada penghujung tahun ini", katanya.

Jurucakap Kementerian Luar Thai itu berkata Tun Razak tidak akan datang ke sini seperti yang dijadualkan pada 23 Disember ini kerana rundingan yang diadakan lama sebelum sidang kemuncak ASEAN tidaklah begitu baik.

Tun Razak, Tuan Lee

BANGKOK 16 DISEMBER

dan Tuan Kukrit dijadualkan menemui Presiden Suharto dari Indonesia dan Presiden Ferdinand Marcos dari Filipina dalam sidang kemuncak ASEAN di Pulau Bali dalam bulan Januari depan.

Punca-punca kedutaan Singapura di sini berkata mereka belum menerima laporan rasmi mengenai lawatan Tuan Lee ke sini, tetapi tidak menolak kemungkinannya.

Belum diketahui adakah Tun Razak, Tuan Lee dan Tuan Kukrit akan mengadakan rundingan tiga pihak atau adakah Tuan Lee dan Tun Razak akan melawat ibu negara Thai ini pada masa-masa yang

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 6)

DARI MUKA 1

berlainan dalam bulan Januari.

Tuan Kukrit melawat Kuala Lumpur dan Singapura enam bulan dulu.

Jurucakap Kementerian Luar itu berkata Perdana Menteri Sri Lanka Puan Sirimavo Bandaranaike akan melawat Thai dari 25 hingga 28 Januari ini. Lawatan itu pada mulanya dijadualkan tahun ini, tetapi ditangguhkan kerana keadaan dalam Negeri Sri Lanka. — Reuter.

NO. SIRI : 263
NO. PEN : 263/78

Utusan Malaysia 19 Disember 1975

PTR.KS: 264 264/78

Razak berlepas ke Eropah, bercuti rihat

KUALA LUMPUR 18 Dis. — Tun Abdul Razak yang tidak pernah bercuti rihat sepenuhnya dalam dua tahun yang lalu berlepas ke Eropah malam tadi untuk berihat kira-kira sebulan.

Satu kenyataan Jabatan Perdana Menteri hari ini berkata beliau dijangka kembali ke tanahair pertengahan bulan depan.

Tun Razak diiringi oleh dua orang pembantu peribadinya dan doktor peribadinya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein On memangku jawatan Perdana Menteri semasa ketiadaan Tun Razak.

Sumber-sumber rasmi berkata Perdana Menteri telah dinasihatkan oleh doktor supaya pergi bercuti rihat.

Perdana Menteri berlepas dengan kapalterbang perdagangan Perancis pukul 10.45 malam tadi. Kapalterbang itu singgah di Kuala Lumpur dari Singapura khusus untuk mengambil Perdana Menteri.

Ahli-ahli Parlimen dan lain-lain yang bertemu dengan Perdana Menteri baru-baru ini berkata mereka nampak Tun Razak kurang sihat dan perlu berihat.

Malah seorang ahli Parlimen telah bertanya dalam sidang Dewan Rakyat sekarang mengapa Perdana Menteri tidak mengambil cuti rihat bagi menjaga kesihatannya. — Bernama.

NO. SIRI : 264
NO. PEN : 264/78

PPB-CC: 265 265/78

Supaya semua golongan rakyat benar-benar mendapat faedah

BANK BUMIPUTERA GENAP 10 TAHUN

RAZAK MAHU BANK B-PUTERA LEBIH GIAT

KUALA LUMPUR 18 DISEMBER

TUN Razak mahu Bank Bumiputera bergerak lebih giat, dinamis dan menyeluruh supaya semua golongan rakyat yang memerlukan bantuan dan pertolongan benar-benar mendapat faedah terutama dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Katanya, kejayaan yang dicapai oleh bank itu selama ini hanya satu langkah permulaan ke arah usaha-usaha yang lebih besar tahun-tahun akan datang bagi membolehkan rakyat Malaysia, khasnya Bumiputera menikmati penghidupan lebih bahagia, sempurna serta pencapaian ekonomi yang lebih kukuh.

Dalam satu perutusannya sempena ulangtahun ke-10 Bank Bumiputera Malaysia Berhad Sabtu ini, Perdana Menteri berkata, walaupun bank ini masih baru, tetapi ia telah berkembang dan matang sebagai sebuah organisasi yang teguh dan penuh keyakinan.

Dalam masa yang singkat ia telah dapat memberi perkhidmatan serta sumbangan yang bermakna dan berfaedah dalam usaha membantu kerajaan membentuk masyarakat perniagaan dan perindustrian Bumiputera.

Hasrat

"Sesungguhnya ini adalah merupakan objektif utama penubuhannya selaras dengan hasrat dan semangat Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama selain dari menepati cita-cita dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru," tambahnya.

Satu laporan 'meninjau masa depan' yang dikeluarkan berkata Bank Bumiputera akan menambah usaha untuk memainkan peranan yang lebih dalam ekonomi Malaysia sejajar dengan dasar kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, termasuk menubuhkan beberapa cawangan di luar negeri.

Ia menyebut pejabat cawangan pertama seberang laut yang akan dibuka ialah di London dan akan diikuti di pusat-pusat kewangan antarabangsa yang lain.

Laporan itu juga menyebut perkara-perkara berikut:

- Bank Bumiputera akan mengutamakan penubuhan cawangan barunya di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.
- Penggunaan komputer akan digunakan dalam perkhidmatannya dan beberapa pegawai sedang mengikuti latihan di bidang teknik penggunaan komputer untuk urusan bank.
- Bank Bumiputera juga menghadapi masaalah mendapatkan kakitangan terlatih dan berkelulusan terutama di bidang pengurusan.

Bagi mengatasi kesulitan ini sebuah kompleks latihan akan ditubuhkan di Shah Alam bagi menggantikan pusat latihan di Jalan Pekeliling dan latihan juga akan dijalankan di peringkat wilayah bagi memenuhi keperluan latihan di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

Laporan itu yakin, walaupun keadaan ekonomi dunia sekarang tidak begitu menggalakkan, tetapi bank Bumiputera akan tetap maju dengan kadar yang lebih besar di masa depan.

Bank itu yakin ia boleh memainkan peranan lebih berkesan dalam perkhidmatannya terutama kepada Bumiputera.

"Kegiatan bank ini dalan masa 10 tahun akan datang adalah selaras dengan permulaan Rancangan Malaysia Ketiga dan ia akan menambahkan lagi usaha untuk memainkan peranan yang lebih dalam ekonomi Malaysia sejajar dengan dasar kerajaan", katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dalam perutusan sempena ulangtahun itu berkata, kerajaan akan tetap

LIHAT MUKA 16 [Ruangan 6]

DARI MUKA 1

memberikan sokongan kepada bank ini untuk menentukan ia tetap menjadi sebuah institusi kewangan terpenting untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Katanya, Bank Bumiputera sekarang muncul sebagai salah sebuah bank perniagaan terkemuka, walaupun ia termuda dari bank-bank lain.

Bagaimanapun, beliau menerangkan bank itu masih menghadapi puncapunca terhad untuk memenuhi kehendak tiap golongan yang memerlukan modal serta pertolongan darinya.

Beliau yakin dengan sokongan serta keyakinan semua pihak, bank itu bukan saja sapat berkhidmat dan berbakti.

Pengerusi dan Pengarah Urusan BBM, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah berkata bank itu memang bercadang menjualkan saham-sahamnya kepada kaum Bumiputera di suatu masa yang sesuai.

NO. SIRI : 265
NO. PEN : 265/78

Utusan Malaysia 20 Disember 1975

PTR.KB: 266 266/78.

Pendapat kalangan rakyat: Sudah wajar Tun berihat

KUALA LUMPUR 19 Dis. — Kalangan rakyat biasa hari ini berpendapat bahawa Tun Razak sudah sewajarnya berihat setelah menjalankan tugas yang berat sebagai pemimpin negara.

Encik K. Siva seorang pengurus di sebuah pam minyak di Ibukota berkata: "Kalau dibandingkan kerja seorang menteri seperti Tun Razak dengan kerja biasa seperti saya tentulah jauh bezanya.

"Pekerja biasa boleh berihat pada bila-bila masa saja, tetapi bagi seorang pemimpin seperti Tun Razak terpaksa memikirkan berbagai masaalah rakyat dan negara.

"Memandangkan keadaan Tun Razak yang sentiasa sibuk itu, sudah sepatut - nyalah beliau mesti berihat," kata Encik Siva.

Encik Jalil Sulaiman dari Kampung Bharu pula berkata: "Kemampuan bekerja bagi seseorang itu ada hadnya, jika melebihi dari yang sepatutnya akan membuat fikiran dan fikirannya terganggu.

"Jadi bagi Tun Razak sebagai pemimpin negara yang sentiasa sibuk dengan urusan-urusan negara dan rakyat sudah wajarnya beliau berihat."

Encik Shamsuri bin Sapari seorang peniaga mengalu-alukan Tun Razak bercuti rihat di Eropah itu.

Sebagai manusia biasa ia perlu berihat juga, dan Tun sudah lama bekerja tanpa menghiraukan kerihatan dan kesihatannya.

"Memang patut Tun berihat, sambil itu tentu Tun dapat melihat kemajuan negara orang lain untuk menjadi contoh pembangunan negara kita apabila ia pulang nanti" kata EncikShamsuri.

Kalau terus menerus kerja tanpa cuti rihat akan membuat seseorang itu terganggu fikirannya.

Katanya Tun telah banyak menghadapi masaalah negara yang berat seperti pergolakan politik dan kekacauan dari anasir jahat, tetapi memandangkan keadaan politik yang sudah mula reda dan keselamatan negara terjamin jadi elok sangatlah ia bercuti rihat pula.

Beliau yakin Pemangku Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn seorang pemimpin yang berpengalaman dapat menghadapi apa juga masaalah yang timbul semasa pemergian Tun ke Eropah itu.

Seorang pekerja di Majlis Bandaran Kuala Lumpur **Encik Mokhtar bin Izam** pula berpendapat, setelah teruk bekerja seseorang pekerja itu perlukan rihat, apa lagi seorang pemimpin seperti Tun.

Seorang pekerja biasa balik berihat dan terus tidur, tetapi seorang pemimpin seperti Tun yang banyak tugas yang patut difikirkan terpaksa membawa tanggungjawab itu sampai ke rumah, jelasnya.

Dalam keadaan negara yang aman ini patutlah Tun bercuti rihat sambil mencari ketenteraman fikiran.

Katanya, moga-moga apabila ia pulang nanti dapat menjalankan tugas dengan idea dan kekuatan tenaga baru.

"Bercuti rihat di negeri orang ada juga baiknya. Boleh mencari pengalaman dan buah fikiran baru untuk rakyat Malaysia" jelasnya.

Menurut Encik Mokhtar, kalau mesin yang tidak bernyawa itu tahu rosak dan perlu juga diperbaiki sekali sekala apa lagi manusia. Ia perlukan kerihatan setelah teruk bekerja.

NO. SIRI : 266
NO. PEN : 266/78

Utusan Malaysia 27 Disember 1975

PTR.KB: 268 268/78.

Razak Kuan Yew ke Thai

BANGKOK 26 Dis. — Perdana Menteri Tun Razak dan Lee Kuan Yew akan melawat Thailand bulan depan sebelum sidang kemuncak ASEAN, kata seorang jurucakap Kementerian Luar Negeri di sini hari ini.

Katanya Tuan Lee Kuan Yew akan berada di Bangkok dari 19 hingga 21 Januari sementara Tun Abdul Razak dari 22 hingga 24 Januari. Kedua-duanya akan berunding dengan Perdana Menteri Tuan Kukrit Pramoj. — Reuter.

NO. SIRI : 268
NO. PEN : 268/78

PTR.KB: 267 267/78.

Mingguan Malaysia 21 Disember, 1975

Pelajar sokong Razak

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Pelajar-pelajar Malaysia di Brigton dan Hove di England Selatan telah berikrar memberi sokongan penuh kepada Tun Abdul Razak dan kerajaan dalam usaha menentang penggganas komunis.

Ikrar itu dinyatakan oleh residen kesatuan pelajar tersebut, Encik Mohamad Fudzi bin Ahmad Rabu lalu menerusi kawat yang diterima di Wisma Putra di sini.

Kenyataan Wisma Putra berkata hari ini, Encik Mohamad Fudzi juga memuji usaha kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi antara rakyat berada dengan tidak berada.

NO. SIRI : 267
NO. PEN : 267/78

Utusan Malaysia 23 Disember 1975

PTR.UA.269 265/78

Tun Razak setuju cawangan UM di Nilam Puri — Muhammad

KOTA BHARU 24 Dis. — Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah memberi persetujuan berhubung dengan penubuhan sebuah cawangan Universiti Malaya di Yayasan Tinggi Islam Nilam Puri di sini.

Pengetua yayasan itu, Encik Muhammad Ali Harun berkata hari ini pelaksanaan sepenuhnya rancangan tersebut akan diputuskan oleh Majlis Universiti Malaya tidak lama lagi.

Menurutnya, sebanyak $10 juta adalah diperlukan bagi membiayai pembangunan yayasan itu setelah ianya digabungkan dengan Universiti Malaya sebagai sebuah universiti kolej kelak.

Beliau juga memberitahu Yayasan Nilam Puri sedang menjalankan kajian guna mengadakan kursus Bahasa Arab selama setahun bagi melayakkan siswa-siswi mengikuti pengajian di Fakulti Perubatan Universiti Azhar Kaherah.

Peluang

Katanya, kursus tersebut adalah sebagai memenuhi tawaran istimewa 20 kerusi fakulti perubatan yang diluluskan oleh pihak universiti tersebut kepada yayasan itu setiap tahun, mulai tahun ini.

Encik Muhammad Ali menambah, dengan terlaksananya kursus itu adalah merupakan peluang baik kepada siswa-siswi di negara ini melanjutkan pelajaran di bidang perubatan.

"Ini juga akan menambah bilangan siswa-siswi kita lulus dalam bahagian perubatan dari tahun ke setahun," katanya.

Menurutnya, keutamaan akan diberi kepada siswa-siswi yang lulus Sijil Tinggi Pelajaran sahaja (STP/HSC) untuk mengikuti kursus khas Bahasa Arab itu.

Bagaimanapun sebelum ini, 10 orang siswa yang mengikuti kursus khas Bahasa Arab yang pernah diadakan tahun 1966 lalu bagi fakulti baik dan miskin untuk melanjutkan pelajaran ke Azhar.

Katanya, Universiti Muhammad Shaud Islamiah, Riad, Mesir juga telah menawarkan biasiswa kepada siswa-siswi Nilam Puri — 2 untuk sarjana muda dan satu sarjana lengkap.

Utusan Malaysia 25 Disember 1975

PTR. KA: 270 270/78

Reaktor atom kita akan punya kuasa satu megawatt - Mohd Yaakub

REAKTOR Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) di Sungai Buluh dekat sini akan mula digunakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan mempunyai kuasa satu mengawatt (thermal).

KUALA LUMPUR, 22 DIS.

Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, Haji Mohamed Yaakob berkata hari ini reaktor itu yang akan dibina di atas tanah berbentuk seperti tangki akan digunakan untuk latihan, isotope, penyelidikan serta pembangunan.

Katanya, apabila berjalan sepenuhnya kelak reaktor itu akan dapat mengadakan berbagai jenis penyelidikan seperti penggunaan teknik nuklear kepada ilmu sains, kajihayat dan perubatan, pertanian, kajian alam sekitar dan industri.

Datuk Haji Mohamed menyatakan demikian semasa merasmikan simposium kebangsaan fizik pertama selama dua hari anjuran bersama Jabatan Fizik Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Fizik Malaysia di UKM di sini.

Beliau juga memberitahu Lembaga Letrik Negara bercadang membina reaktor tenaga nuklear yang pertama pada pertengahan tahun lapan puluhan.

Beliau berharap ahli-ahli fizik di seluruh negara akan memainkan peranan yang penting dalam penubuhan kedua-dua reaktor atom dan tenaga nuklear tersebut.

Menteri itu juga menyeru para ahli fizik di pusat-pusat pengajian tinggi supaya melakukan penyelidikan dalam bidang-bidang yang berhubung rapat dengan perindustrian dan pembangunan negara.

Sebelum itu, Naib Canselor UKM, Dr. Anuar Mahmud dalam ucapannya menegaskan sebarang rancangan pembangunan sains dan teknoloji hendaklah mempunyai dasar yang boleh memperluaskannya ke seluruh negara.

Ini hendaklah dilakukan dengan tujuan menghapuskan sebarang perbezaan yang terdapat antara kawasan di negara ini.

NO. SIRI : 270
NO. PEN : 270/78